



LAPORAN TAHUNAN 2017 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

MENGHARUNGI CABARAN BERSAMA
KESAN TSUNAMI GLOBALISASI GAYA USM

Kandungan

Visi & Misi	2
9 Teras APEX	4
Garis Masa USM	5
Penaung Diraja Universiti	7
Canselor	8
Pro-Canselor	9
Ahli Lembaga Gabenor	10
Jawatankuasa Audit Universiti	11
Pengurusan Tertinggi	12
Carta Organisasi Pengurusan	13
Pegawai Utama Universiti & Ketua Pusat Tanggungjawab	14
USM Dalam Angka	18
Sinopsis Pencapaian USM Tahun 2017	21
Laporan Pendaftar	30
Akademik & Antarabangsa	41
Penyelidikan & Inovasi	85
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni	101
Jaringan Industri & Masyarakat	151
Pembangunan Institusi	211
Hospital USM	235
Laporan Kewangan	252
Sidang Editor	296



VISI & MISI

Mentransformasikan Pengajian Tinggi Untuk Kelestarian Hari Esok


USM merupakan universiti perintis, intensifkan penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasikan kesejahteraan sosioekonomi mereka



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

9 TERAS APEX

USM telah diberi mandat untuk melaksanakan Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX - Accelerated Programme for Excellence) pada September 2008. Sejak itu, USM sentiasa berusaha untuk menanam nilai-nilai dan teras-teras utama untuk dihayati serta dijadikan pegangan utama semua warga USM.



1960

11 April 1962

Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Kolej Universiti di Pulau Pinang

26 September 1962

Kabinet meluluskan penubuhan Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi yang bertanggungjawab mengkaji dan mempertimbangkan cadangan penubuhan Institusi



Februari 1967

Menteri Pelajaran mengumumkan dalam Parlimen bahawa kerajaan pusat telah meluluskan penubuhan Kolej Universiti Pulau Pinang



7 Ogos 1967

Upacara Perletakan Batu Asas Kolej Universiti Pulau Pinang oleh Perdana Menteri di Sungai Ara



November 1967

Laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi telah diluluskan oleh Kabinet dan Parlimen

Februari 1971

Minden diserahkan kepada Universiti Pulau Pinang



4 Oktober 1971

Universiti Pulau Pinang ditubuhkan dengan rasminya



22 April 1972

Universiti Pulau Pinang ditukarkan namanya kepada Universiti Sains Malaysia



1980

Ogos 1983

Penubuhan Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.



1 September 1983

Hospital USM dibuka dan dikendalikan oleh 18 orang doktor dan 70 orang kakitangan perubatan. Hospital USM beroperasi sepenuhnya pada 1984.



2 September 1983

Perasmian Masjid al-Malik Khalid USM oleh D.Y.M.M. S.P.B. Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah al-Musta'in Billah Idris al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayuddin al-Muadzam Shah



1990

13 September 1990

D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Perak merasmikan Kampus Sementara USM yang pada ketika itu mempunyai sejumlah 340 orang pelajar dan 140 staf. Kerajaan Perak menghadiahkan kawasan seluas 198 hektar di Seri Iskandar, Tronoh, Daerah Perak Tengah.



Tahun 1992

Majlis Universiti ditukar nama kepada Lembaga Pengarah Universiti dan Tan Sri Dato' Ani Arope dilantik sebagai pengerusinya.



GARIS MASA USM

2000

Tahun 2001

Kampus Kejuruteraan USM mula beroperasi di lokasi baru di Nibong Tebal, Pulau Pinang



16 Oktober 2002

Penubuhan Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT)



Tahun 2003

Logotip USM diperkenalkan oleh DYMM Tuan Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid



11 Oktober 2006

Pengisytiharan USM sebagai Universiti Penyelidikan oleh Perdana Menteri Malaysia



4 September 2008

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia mengumumkan pemilihan USM untuk Program Pemacu untuk Kecemerlangan (APEX)



18 Julai 2009

Proses penjenamaan semula USM bermula



25 Januari 2010

Pelancaran Blue Ocean Strategy (BOS) peringkat USM



1 Julai 2011

Perlembagaan baru USM telah diwartakan dan mula berkuatkuasa pada 1 Februari 2009



12 April 2015

USM menjadi Universiti terawal memulakan Massive Open Online Course (MOOCs) iaitu pada April 2015. Sehingga 31 Disember 2017, lapan MOOCs telah dilancarkan.



22 Januari 2017

Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) melakar sejarah menjalankan kaedah pembedahan batu karang buah pinggang 'staghorn' dengan menggunakan kaedah terbaru yang dikenali sebagai 'Supine Percutaneous Nephro Lithotripsy' (PCNL)



10 Mac 2017

USM menjadi pelopor kepada gerakan MAKERS@USM yang mana gerakan ini telah meransang penubuhan MAKERS@NATIONWIDE



22 Mac 2017

USM Universiti pertama negara tawar pakej arkeopelancongan



3 April 2017

USM selaku perintis Asia-Pacific University-Community Engagement Network telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan jaringan dengan 93 institusi dari 19 negara



20 Mei 2017

Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti, Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dilantik Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan USM



3 November 2017

Mantan Naib Canselor USM, Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak menjadi penerima anugerah berprestij Anugerah Tokoh Akademik Negara.



17 Disember 2017

Pesta Hoki USM-Penang International yang mula diperkenalkan pada tahun 1973 memasuki edisi ke-44 penganjuran dan menjadi kejohanan terbesar di dunia yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar.



PELANTIKAN CANSELOR

1970

2000

10 Jun 1972



DYMM Tuanku Syed Putra
Ibni Al-Marhum Syed
Hassan Jamalullail

18 April 2000



DYMM Tuanku Syed
Sirajuddin Ibni Al-Marhum
Tuanku Syed Putra
Jamalullail

2 Mei 2002



DYMM Tuanku Tengku Fauziah
Binti Al-Marhum Tengku Abdul
Rashid

20 Mac 2007



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin
Ibni Al-Marhum Tuanku Syed
Putra Jamalullail

PELANTIKAN PRO-CANSELOR

1970

1980

1990

2000

10 Jun 1972



DYMM Sultan Azlan Muhibbuddin
Shah Ibni Al-Marhum Sultan Yusof
Izzuddin Ghafarullahu

Tahun 1983



Tan Sri Dato'
Eusoffe Abdoolcader

Tahun 1984



Tan Sri Dato' Haji
Mohamed Yaacob

Tahun 1994



Tun Dr. Lim Chong Eu

Tahun 1999



Tun Dato' Haji
Omar Yoke Lin Ong

16 Julai 2001



Tan Sri Razali Ismail

19 Mac 2011



Tan Sri Dato' Dr.
Jegathesan Manikavasagam

19 September 2013



Tan Sri Datuk
Mustafa Mansur



Dato' Lim Huck Aik



Tun Daim Zainuddin



Raja Tun Mohar Raja Badiozaman

PELANTIKAN NAIB CANSELOR

1960

1970

1980

1990

2000

8 April 1969



Profesor Tan Sri Datuk
Hamzah Sendut

4 Oktober 1976



Tan Sri Datuk
Hamdan Sheikh Tahir

Tahun 1982



Tan Sri Dato'
Musa Mohamad

Tahun 1995



Profesor Dato' Dr.
Ishak Tambi Kechik

1 Disember 2000



Profesor Tan Sri Dato'
Dzulkifli Abdul Razak

28 September 2011



Profesor Dato' Dr.
Omar Osman

4 Oktober 2016



Profesor Datuk Dr.
Asma Ismail FASc.

**PELANTIKAN Pengerusi
MAJLIS / LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI / LEMBAGA GABENOR**

1970

1980

1990

2000

September 1975



Tan Sri Dato' Ishak
Haji Pateh Akhir

Tahun 1986



Tan Sri Dato' Haji
Murad Mohd. Noor

Tahun 1992



Tan Sri Dato' Haji Ani Arope

1 April 2010



Profesor Emeritus Dato' Dr.
M. Zawawi Ismail

1 April 2012



Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan

PENAUNG DIRAJA UNIVERSITI



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan),
D.K. (Johor), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K. (Terengganu),
S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.



CANSELOR




D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum
Tuanku Syed Putra Jamalullail

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang), D.K. II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order of King Tomislav (Croatia), Grand Collier De L`Independence (Grand Medal of the Independence) - Cambodia, Grand Croix De L`Ordre (Royal Sash) - Cambodia, Cavaliere Di Gran Croce Decorato Di Gran Cordone (Italy), Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi), Decoration of Omayad - The Finest Decoration (Syria), Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden), Grand Cordon of the Order of the Sacred Treasure (Japan)

PRO-CANSELOR



Tan Sri Razali Ismail



Tan Sri Dato' Dr.
Jegathesan Manikavasagam



Tan Sri Datuk Mustafa Mansur

AHLI LEMBAGA GABENOR



Pengerusi

Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan
(01/04/2012 - 31/03/2018)



Profesor Datuk Dr.
Asma Ismail FASc.
(04/10/2016 - 03/10/2019)



Datin Paduka Dr. Ir.
Siti Hamisah Tafsir
(01/12/2015 - 30/12/2017)



Profesor Dr.
Raha Abdul Rahim
(01/12/2015 - 31/12/2017)



Dr. Anuar Ariffin
(01/12/2016 - 30/10/2017)



Dato' Ahmad
Ibniহার
(01/10/2016 - 30/09/2019)



Profesor Dato' Dr.
Ahmad Shukri
Mustapa Kamal
(16/08/2017 - 14/08/2020)



Profesor Datuk Dr.
Omar Shawkataly
(04/09/2014 - 14/08/2017)



Profesor Dr.
Zainal Arifin
Mohd Ishak
(16/08/2017 - 14/08/2020)



Profesor Dato' Dr.
Morshidi Sirat
(04/09/2014 - 03/03/2017)



YM Tengku Tan
Sri Dr. Mahaleel
Tengku Arif
(01/10/2014 - 30/09/2017)



Chin Chun Yean
(01/08/2016 - 05/06/2017)



Datuk Abdullah
Abdul Wahab
(01/10/2014 - 30/09/2017)



Datuk Redza Rafiq
Abdul Razak
(01/06/2015 - 31/05/2018)



Profesor Dato' Dr.
Abd. Aziz Tajuddin
(01/01/2016 - 31/12/2017)

Ex-Officio

- Timbalan-timbalan Naib Canselor
- Pengarah Kampus Kesihatan
- Pengarah Kampus Kejuruteraan
- Pendaftar
- Bendahari
- Penasihat Undang-Undang

JAWATANKUASA AUDIT



Pengerusi

Datuk Abdullah Abdul Wahab
(11/01/2014-30/9/2017)



Ahli

**Dato' Ahmad
Ibnihajar**
(01/10/2017-30/09/2019)




**Datuk Redza Rafiq
Abdul Razak**
(03/01/2016-31/05/2018)

Setiausaha



'Ubaidillah Ozmin
(01/01/2015-31/12/2017
Memangku)

PENGURUSAN TERTINGGI



1



2



3



4



5



6



7



8



9



10



11



12



13



14



15



16

1 Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc.
Naib Canselor
04/10/2016 – 03/10/2019

2 Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa
15/09/2014 – 14/03/2017

3 Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa
15/03/2017 – 14/03/2020

4 Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
01/02/2013 – 30/04/2018

5 Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni
01/12/2014 – 30/11/2018

6 Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc.
Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri & Masyarakat
01/05/2016 – 30/04/2019

7 Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari Halim
Pengarah Kampus Kesihatan
15/11/16 – 31/12/2018

8 Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Pengarah Kampus Kejuruteraan
01/01/2016 – 14/03/2017

9 Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria
Pengarah Kampus Kejuruteraan
15/03/2017 – 31/12/2018

10 Profesor Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin
Pendaftar
01/01/2016 – 31/12/2017

11 Dr. Rohayati Mohd Isa
Bendahari
01/01/2016 – 31/12/2018

12 Dr. Khairul Anuar Che Azmi
Penasihat Undang-undang
01/01/2016 – 31/12/2018


13 Ali Abd Rahim
Ketua Pustakawan
23/12/2016 – 19/02/2017

14 Engku Razifah Engku Chik
Ketua Pustakawan
20/02/17 – 26/10/2017 - (Memangku)
27/10/17 – 31/12/2018

15 Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar
Ombudsman
01/01/2017 – 31/12/2017

16 'Ubaidillah Ozmin
Ketua Audit Dalam
01/01/2015 – 31/12/2017 (Memangku)

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN



* PP : PUSAT PENGAJIAN
 PPS : PUSAT PENGAJIAN SAINS
 PPK : PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI DAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

PUSAT TANGGUNGJAWAB

Pusat Pengajian Sains Fizik (1969; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Fizik dan Ilmu Hisab)
School of Physics
Profesor Dr. Azlan Abdul Aziz

Pusat Pengajian Sains Kajihayat (1969)
School of Biological Sciences
Profesor Dr. Amirul Al-Ashraf Abdullah

Pusat Pengajian Sains Kimia (1969)
School of Chemical Sciences
Profesor Dr. Afidah Abdul Rahim

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (1970; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Kebudayaan dan Kemanusiaan)
School of Humanities
Profesor Dr. Narimah Samat

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (1970)
School of Educational Studies
Profesor Dr. Hairul Nizam Ismail

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (1970)
School of Social Sciences
Profesor Dr. Azlinda Azman

Pusat Pengajian Sains Farmasi (1972)
School of Pharmaceutical Sciences
Profesor Dr. Habibah A. Wahab

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (1972; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Sains Bangunan dan Perancangan)
School of Housing, Building and Planning
Profesor Dr. Aldrin Abdullah

Pusat Pengajian Sains Matematik (1974)
School of Mathematical Sciences
Profesor Dr. Hailiza Kamarulhaili

Pusat Pengajian Sains Perubatan (1979)
School of Medical Sciences
Profesor Dr. Hj Shaiful Bahari Ismail

Pusat Pengajian Teknologi Industri (1986)
School of Industrial Technology
Profesor Dr. Azhar Mat Easa

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (1986)
School of Electrical and Electronic Engineering
Profesor Ir. Dr. Mohd. Rizal Arshad

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral (1986)
School of Materials and Mineral Resources Engineering
Profesor Dr. Zuhailawati Hussain

Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (1989)
School of Civil Engineering
Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah
(1 Jan – 31 Jan 2017)
Profesor Dr. Taksiah A. Majid
(1 Feb 2017 – 31 Dis 2018)

Pusat Pengajian Pengurusan (1989)
School of Management
Profesor Dr. Fauziah Md. Taib

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik (1989)
School of Mechanical Engineering
Profesor Dr. Zainal Alimuddin Zainal Alauddin

Institut Pengajian Siswazah (1991)
Institute of Postgraduate Studies
Profesor Dr. Rozman Hj. Din

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia (1992)
School of Chemical Engineering
Profesor Dr. Azlina Harun @ Kamaruddin

Pusat Pengajian Komunikasi (1995)
School of Communication
Dr. Shuhaida Mohd. Noor

Pusat Pengajian Sains Komputer (1995)
School of Computer Sciences
Profesor Dr. Ahamad Tajudin Khader

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (1998; rancangan pengajian luar kampus mula ditawarkan pada tahun 1971)
School of Distance Education
Profesor Madya Dr. Mustafa Fadzil Farid Wajidi

Pusat Pengajian Sains Pergigian (1998)
School of Dental Sciences
Profesor Dr. Adam Husein

Pusat Pengajian Sains Kesihatan (1999)
School of Health Sciences
Profesor Dr. Norazmi Mohd Nor

Pusat Pengajian Seni (1999; dinaiktaraf daripada Pusat Seni yang ditubuhkan pada tahun 1984)
School of the Arts
Profesor Madya Mohamad Omar Bidin
(1 Jan–30 Okt 2017)
Dr. A.S. Hardy Shafii (31 Okt 2017 – 31 Dis 2018)

Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa (1999)
School of Aerospace Engineering
Profesor Ir. Dr. Mohd Zulkifly Abdullah

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan (2008; dinaiktaraf daripada Pusat Bahasa & Terjemahan yang ditubuhkan pada tahun 1972)
School of Languages, Literacies & Translation
Profesor Dr. Tengku Sepora Tengku Mahadi

Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (2009)
Graduate School of Business
Profesor Dr. Azlan Amran

PUSAT

Pusat Biologi Kimia
Centre for Chemical Biology
Profesor Dr. Alexander Chong Shu Chien

Pusat IPv6 Termaju Negara
National Advanced IPv6 Centre
Profesor Dr. Rosni Abdullah @ Mustafa

Pusat Kajian Kelestarian Global
Centre for Global Sustainability Studies (CGSS)
Profesor Dr. Haji Kamarulazizi Ibrahim
(1 Jan–12 Mac 2017)
Dr. Suzyrman Sibly (13 Mac 2017–31 Dis 2018)

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) (Pusat Virtual)
Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV) (Virtual Centre)
Profesor Madya Dr. Zakaria Bahari
(1 Jan 2017 – 31 Dis 2018)

Pusat Kajian Samudera & Pantai
Centre for Marine & Coastal Studies
Profesor Dr. Ahmad Sofiman Othman
(1 Jan–28 Feb 2017)
Profesor Dato' Dr. Aileen Tan Chau Hwai
(1 Mac 2017–31 Dis 2018)

Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik
Collaborative Microelectronic Design Excellence Centre
Profesor Dr. Mohd. Zaid Abdullah

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Centre for Global Archaeological Research
Profesor Dato' Dr. Mohd Mokhtar Saidin

Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-ubatan
Centre for Drug Research
Profesor Dr. Vicknasingam Balasingam Kasinather

Pusat Penyelidikan Dasar & Kajian Antarabangsa
Centre for Policy Research & International Studies
Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar
River Engineering & Urban Drainage Research Centre
Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria

Pusat Penyelidikan Wanita & Gender
Centre for Research on Women & Gender
Profesor Madya Dr. Noraida Endut

Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Induk)
Centre for Co-Curriculum Programmes (Main Campus)
Profesor Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman

Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia
Centre for Instructional Technology & Multimedia
Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
National Higher Education Research Institute
Profesor Dr. Wan Mohamad Fauzy Wan Ismail
(1 Jan–21 Sept 2017)
Profesor Madya Dr. Hazri Jamil
(22 Sept 2017–31 Dis 2018)

Institut Penyelidikan & Perubatan Molekul
Institute for Research & Molecular Medicine
Profesor Dr. Rahmah Noordin

Institut Penyelidikan & Teknologi Nano-Optoelektronik
Institute of Nano-Optoelectronics Research & Technology
Profesor Dr. Haslan Abu Hassan - Pemangku


Institut Perubatan & Pergigian Termaju
Advanced Medical & Dental Institute

Dr. Norehan Mokhtar

Bahagian Pembangunan Institusi
Institutional Development Division

Profesor Dr. Phua Kia Kien

Bahagian Sumber Manusia
Human Resources Division

Dr. Hj. Musa Ali

Hospital Universiti Sains Malaysia
Universiti Sains Malaysia Hospital

Profesor Dato' Paduka Dr. Ahmad Sukari Halim

Jabatan Keselamatan
Security Department

Profesor Madya Dr. P. Sundramoorthy

Jabatan Pembangunan
Department of Development

Arman Abdul Razak

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah
Tuanku Fauziah Museum & Gallery

Zolkurnian Hassan

Pejabat Inovasi & Pengkomersilan
Innovation & Commercialisation Office

Profesor Dr. Rahmat Awang (1 Jan–3 Sept 2017)

Profesor Dr. Hanafi Ismail

(4 Sept 2017 – 31 Dis 2018)

Pejabat Kolaborasi Antarabangsa Universiti
University International Collaborations Office

Profesor Dr. Lee Keat Teong

Pejabat Jaringan Komuniti
Office of Community Network

Syed Yusof Syed Kechik

Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan
Research Creativity & Management Office

Profesor Dr. Lee Keat Teong

Penerbit USM
USM Press

Hj. Akhilar Salleh

Pusat Inkubasi Universiti
University Incubation Centre

Profesor Dr. Siti Azizah Mohd Nor

(1 Jan 2016–9 Jan 2017) – bersara wajib

Profesor Madya Dr. Zafarina Zainuddin

(10 Jan 2017–31 Dis 2018) – Pemangku

Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam
Centre for Innovation & Productivity of Public Administration

Dr. Hj. Musa Ali

Pusat Islam
Islamic Centre

Profesor Madya Dr. Sofri Yahya

Pusat Kualiti Universiti
University Quality Centre

Profesor Madya Dr. Ahmad Hj. Mohamad

Pusat Kecemerlangan Akademik & Penasihatannya dan Pembangunan Pelajar
Centre for Academic Excellence & Student Advisory Development

Profesor Dr. Abd Karim Alias

Pusat Keusahawanan Universiti
University Entrepreneurship Centre

Profesor Dr. Mahmud Sabri Haron

Pusat Mobiliti, Internship & Pekerjaan Universiti
International Mobility & Career Centre

Dr. Muhizam Mustafa

Pusat Pembangunan Pelajar
Student Development Centre

Dr. Nazarudin Zainun

Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti
Centre for Business Development

Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly

Pusat Pemindahan Ilmu
Knowledge Transfer Centre

Profesor Dr. Haslan Abu Hassan

Pusat Pendidikan & Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga & Teknologi Hijau
Centre for Education & Training in Renewable Energy, Energy Efficiency & Green Technology
Profesor Madya Dr. Mohd. Wira Mohd. Shafiei

Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi
Centre for Knowledge, Communication & Technology
Zulham Hamdan

Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis
Analytical Biochemistry Research Center
Profesor Madya Dr. Zafarina Zainuddin

Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan
Sciences & Engineering Research Centre
Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak

Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan
Centre for Alumni Liaison, Career & Graduate Employability
Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya
(1 Jan 2016–28 Februari 2017)
Dr. Norazharuddin Shah Abdullah
(1 Mac 2017–31 Dis 2018)

Pusat Racun Negara
National Poison Centre
Profesor Dr. Rahmat Awang (1 Jan–3 Sept 2017)
Profesor Dato' Dr. Mohamed Isa Abd. Majid
(4 Sept 2017–31 Dis 2018)

Pusat Sejahtera
Sejahtera Centre
Dr. Normala Abdul Wahid

Pusat Seni Reka Kreatif
Creative Design House
Profesor Dr. Azizi Bahauddin

Pusat Standardisasi Herba
Centre for Herbal Standardization
Profesor Dr. Sabariah Ismail

Pusat Sukan dan Rekreasi
Sports and Recreation Centre
Hj. Muhamad Mohd. Hanif

Pusat Transformasi Insan
Human Transformation Centre
Mohamad Abdullah

SAINS@USM
SAINS@USM
Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc.

Nexus Kejuruteraan
Nexus Engineering
Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad
(1 Mac 2017–31 Dis 2018)

Nexus Perubatan dan Sains Kesihatan
Nexus Medical and Health Sciences
Profesor Dr. Nik Soriani Yaacob
(1 Feb 2017–31 Dis 2018)

Nexus Sains
Nexus Science
Profesor Dr. Mohd Nazalan Mohd Najumudin
(1 Feb 2017–2 April 2018)

Yayasan USM
Yayasan USM
Profesor Dato' Ir. Dr. Mahyuddin Ramli
(1 Sept 2017–31 Dis 2018)

UNIT

Hubungan Industri

Industrial Relations

Profesor Madya Dr. Yeoh Fei Yee

Kualiti Akademik & Akreditasi (Kampus Kejuruteraan)

Academic Quality & Accreditation Division (Engineering Campus)

Profesor Madya Sr. Dr. Mohd. Sanusi S. Ahamad

Pusat Kepakaran Serantau ESD Penang@USM

Regional Centre of Expertise Education For Sustainable Development Penang@USM

Profesor Dr. Munirah Ghazali

Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kejuruteraan)

Centre for Co-Curriculum Programmes (Engineering Campus)

Dr. Mohd Salman Abu Mansor

Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Kesihatan)

Centre for Co-Curriculum Programmes (Health Campus)

Dr. Mohd. Ismail Ibrahim

Taman Rekreasi Universiti

University Recreational Park

LAr. Nor A'zam Shuib

DESASISWA

Desasiswa Aman Damai & Fajar Harapan

Aman Damai & Fajar Harapan Students' Residence

Nazru Hj. Ismail (1 Jan 2016–30 April 2017)

Profesor Madya Dr. Mohammad Reevany Bustami
- *Pemangku*

Desasiswa Bakti Permai & Cahaya Gemilang

Bakti Permai & Cahaya Gemilang Students' Residence

Mohd. Shafie Ariffin

Desasiswa Indah Kembara

Indah Kembara Students' Residence

Hj. Mohd Zain Dollah

Desasiswa Jaya Utama

Jaya Utama Students' Residence

Dr. Norazharuddin Shah Abdullah

Desasiswa Lembaran

Lembaran Students' Residence

Dr. Mohd Hazizan Mohd Hashim

Desasiswa Murni

Murni Students' Residence

Dr. Raja Azman Raja Awang

Desasiswa Nurani

Nurani Students' Residence

Hj. Yusoff Abdullah

Desasiswa Restu

Restu Students' Residence

Dr. Nik Haslinda Nik Hussain

Desasiswa Saujana

Saujana Students' Residence

Profesor Dr. Mahmud Sabri Haron


Desasiswa Tekun


Tekun Students' Residence


Dr. Nazarudin Zainun

USM DALAM ANGKA

(Data sehingga 31 Disember 2017)







SINOPSIS PENCAPAIAN USM TAHUN 2017

Pendahuluan

Universiti Sains Malaysia (USM) terus berusaha memastikan pencapaian lonjakan-lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) dengan memastikan keseluruhan usahanya tertumpu pada penjarangan (alignment), model perniagaan (business model) dan kompetensi bakat yang ada dioptimumkan selaras dengan pelan strategik universiti.

“ USM melalui tagline **3R – Respected, Referred, Relevant** berada pada landasan yang betul untuk memacu pembangunannya ke arah sebuah universiti yang berdaya saing pada peringkat global. Dengan hasrat kecemerlangan melalui gaya USM, universiti perlu mengoptimumkan kreativiti untuk berdepan dengan cabaran mendatang. Komitmen tinggi dan budaya perkhidmatan cemerlang perlu terus disuburkan untuk merealisasikan misi Kami Memimpin dengan Gaya USM. ”



Tadbir Urus

Usaha yang dilakukan dalam PPPM-PT meliputi aspek tadbir urus (*governance*), pembangunan institusi, penyelidikan dan inovasi, libat sama industri dan masyarakat, akademik dan pengantarabangsa serta pembangunan pelajar dan alumni yang direkabentuk (*redesign*) untuk memberikan impak kepada masyarakat dan negara di samping meningkatkan keterlihatan (*visibility*) di pentas dunia terutamanya melalui pelbagai jaringan yang dibangunkan untuk kekal relevan, dirujuk dan dihormati (*relevance, referred, respected*).

Dalam aspek tadbir urus dan pembangunan bakat, usaha yang dilakukan tertumpu pada penggunaan teknologi dalam talian, secara digital dan pengurusan elektronik yang dibuat penambahbaikan berterusan bagi tujuan

Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan

Pengerusi
Lembaga Gabenor
Universiti Sains Malaysia

pemantauan melalui “dashboard” yang dibina mahupun meningkatkan kecekapan pentadbiran. Hal ini termasuklah pewujudan myHR, pemilihan ahli Senat melalui e-Senat, pemantauan proses pembelajaran berterusan melalui myCPD, proses kenaikan pangkat (pembangunan bakat) secara dalam talian, HCMS untuk akademik dan bukan akademik serta pelbagai inisiatif lain termasuk menaik taraf infrastruktur kampus dalam usaha menjadikan USM sebahagian daripada komuniti digital.

Begitu juga pelaksanaan Dasar Pemisah untuk memastikan seluruh warga USM memberikan perkhidmatan yang terbaik melalui pencapaian sasaran kerja tahunannya.

Ekosistem Pengkalan Bakat

USM memperkenalkan *Flexible Scheme for Retired Scholars* (FSRS) untuk menyambung semula perkhidmatan pensyarah-pensyarah yang sudah berpencen tertakluk kepada keperluan dan persetujuan Ketua Jabatan. FSRS mampu menjimatkan RM11 juta berbanding lantikan kontrak biasa bagi 95 orang staf akademik.

Tujuan utama FSRS ialah mengekalkan cendekiawan dan ilmuwan dalam kalangan profesor/staf akademik agar ekosistem bakat USM terpelihara sebagai model peranan (*role model*) kepada pelajar dan warga USM.

Terdapat pelbagai laluan (*trek*) melalui FSRS ini iaitu empat laluan ++ berbanding empat laluan dalam PPPM-PT iaitu Laluan Pengajaran, Laluan Pengajaran (USAINS), Laluan Penyelidikan, Laluan Kepimpinan Institusi, Laluan Amalan Profesional, Laluan Amalan Profesional (USAINS), dan Laluan Amalan Profesional (Klinikal)

USM juga memperkenalkan Skim Felo Pengajar yang terdiri daripada bukan warganegara selaras dengan pembentukan USM sebagai ‘*Globalized University*’ untuk memperkasakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di USM. Sebanyak 90 slot telah ditawarkan kepada Pusat Pengajian dan Jabatan yang memerlukan Skim Felo Pengajar ini.

USM turut menyediakan platform sesi diskusi dan *grooming* antara pengurusan tertinggi bersama pensyarah muda supaya memahami keperluan mereka dari segi kenaikan pangkat, penyelidikan, keperluan prasarana dan dicalonkan untuk pelbagai



Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc.

Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia

anugerah berprestij. Seramai 40 pensyarah muda dari ketiga-tiga kampus USM telah dikenal pasti dan menyertai sesi diskusi dan *grooming* ini. Mereka ini terdiri daripada pemenang atau potensi pemenang anugerah berprestij sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Pembangunan Kompetensi

USM juga menumpukan usaha pembangunan kompetensi sektor awam terutamanya yang dibuat melalui Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam (PiPPA), sebagai pusat latihan berasaskan penyelidikan melalui kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi dalam dan luar negara dengan menterjemahkan latihan dalam bentuk yang praktikal ke arah memupuk dan menyuburkan budaya inovasi dan produktiviti dalam kalangan penjawat awam.

Hal ini termasuklah program PiPPA – *International Outreach Programme* (PiPPA-IOP) yang memberikan fokus kepada usaha membangunkan kompetensi teras dalam kalangan pengurus pertengahan dan ditawarkan melalui program Transformasi Organisasi Melalui Pendekatan Tadbir Urus Bersepadu (TUBE) serta pelbagai aktiviti latihan yang ditawarkan melalui program awam (*public programme*).

Pada tahun lalu misalnya seramai 636 orang dari 46 institusi dan agensi telah mendapat faedah daripada usaha ini termasuk melalui program yang diadakan di Indonesia, United Kingdom, Switzerland dan beberapa negara Timur Tengah.

Usaha ini juga merupakan satu daripada model perniagaan yang dapat menjana pendapatan tambahan kepada universiti, apatah PiPPA sendiri diuruskan menggunakan dana yang dijanjinya sejak lima tahun kebelakangan ini.

Sejak mula beroperasi pada tahun 2013, PiPPA juga telah mengembangkan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa antaranya Educational Competency Consortium (United Kingdom), Central Officials Training Institute (Korea) dan University of Palermo (Italy). Pada tahun 2017, PiPPA telah membina hubungan strategik dengan National Graduate Institute for Policy Studies (GRIPS) yang berpusat di Tokyo, Jepun dan Switzerland Innovation di Switzerland.

Pembangunan Institusi

Pencapaian USM secara strategik dapat dilihat dengan jelas melalui usaha Pembangunan Institusi yang menyusun pelaksanaan dasar-dasar sedia ada dan memantaunya secara berterusan melalui pengurusan dan pemusatan data, penganalisan yang tepat serta memastikan usaha yang dilakukan bagi proses pengambilan pelajar, penyelidikan dan inovasi, libat sama komuniti apatah lagi penyelidikan dan inovasi memberikan impak langsung kepada penilaian-penilaian, *ranking* dan pengauditan dilaksanakan dengan berkesan. Kecemerlangan pembangunan institusi bukan sahaja diukur melalui data-data yang ada tetapi juga usaha-usaha lain yang menyokong kepada pencapaian universiti termasuk penerbitan, khidmat perpustakaan, pembangunan fizikal kampus dan sebagainya.

Akademik & Antarabangsa

Dalam bidang akademik USM menyertai komuniti dunia dalam menjayakan pelbagai konsep e-Pembelajaran terutamanya melalui peranan yang dimainkan oleh Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik & Pembangunan Pelajar (CDAE) yang menjadi pemain utama dalam pemerkasaan *Massive Open Online Course* (MOOC) yang turut membantu pelaksanaannya pada peringkat kebangsaan dalam kerangka Kursus Asas, Kursus *Joint Development* (Industri & NGO), 21st Century, Modul AKEPT, Agenda KPT, Agenda UNESCO dan ASEAN Culture malah merancang pelaksanaan *Open Educational Resources* (Modul AKEPT) – CDAE dan *Ace That Presentation* (pembelajaran sepanjang hayat) – Pusat Pengajian Sains Farmasi.

USM turut memberikan perhatian kepada pelaksanaan dasar-dasar utama yang berkaitan dengan pembangunan akademik yang mengambil kira keperluan industri, meneliti semula sesetengah program pengajian untuk kekal relevan dan menjadikan lebih "*outcome based*" di samping meneruskan program CEO@Faculty untuk menjadikan industri sebagai sebahagian daripada komuniti ilmu universiti.

Pelbagai inisiatif juga diambil untuk memasarkan penawaran pengajian USM pada peringkat antarabangsa melalui kerjasama misalnya dengan Toyohashi Universiti Jepun dan Université de Lorraine (UL), Perancis dalam pelbagai disiplin termasuk ijazah sarjana berkembar dengan USM. USM juga buat kali pertamanya menerokai kerjasama penawaran program pengajian luar pesisir dengan Karnataka Lingayat Education (KLE),

Belgaum, India yang bermula sejak 2010, kini terus diperkasakan sebagai satu lagi ruang untuk memberikan peluang kepada komuniti di negara ini mahupun antarabangsa mengikuti pengajian dalam bidang Sains Perubatan. USM merupakan satu-satunya universiti yang terus kekal memberikan komitmen membantu negara melahirkan doktor perubatan yang terlatih.

Penyelidikan & Inovasi

Dalam usaha Penyelidikan dan Inovasi, USM terus berfokus pada penyelidikan translasional dan usaha-usaha lain yang dapat memberikan impak langsung kepada pembangunan ilmu, komuniti mahupun keterlihatan (*visibility*) universiti.

Antara impak langsung yang dapat dilihat adalah cara Pusat Penyelidikan Arkeologi Global memanfaatkan hasil penyelidikannya dengan melancarkan Pakej Arkeopelancongan USM yang meliputi lawatan ke Laman Arkeologi USM, Kompleks Arkeologi Sungai Batu, dan lawatan ke Tapak Warisan Arkeologi Dunia UNESCO di Lembah Lenggong yang mendedahkan bukti prasejarah yang telah diisytiharkan sebagai tapak warisan arkeologi dunia UNESCO pada 2012 berdasarkan hasil kajian USM sejak 1987. Kompleks Arkeologi Sungai Batu pula mendedahkan bukti tamadun terawal Asia Tenggara yang telah ditemui dan dikaji oleh USM sejak 2007, manakala Laman Arkeologi USM terdiri daripada tiga galeri yang mempamerkan hasil kajian arkeologi USM terkini beserta ruang "*living culture gallery*". USM memerlukan sokongan yang lebih besar untuk melaksanakan arkeopelancongan ilmu negara termasuk melahirkan siswazah pada peringkat PhD sebagai *Malaysian Cultural Heritage Specialist Guide* (CHSG).

Selain itu, Kumpulan Kearifan Tempatan USM yang merupakan sebuah kumpulan gabungan penyelidik daripada pelbagai disiplin dari Pusat Pengajian negara ini dengan geran jangka panjang LRGS bernilai RM7.75 juta dan geran TRGS bernilai RM700,000 berjaya menggembelng kepakaran yang ada untuk melestarikan pelbagai kearifan tempatan yang ada untuk generasi akan datang. Antara usaha yang dibuat termasuklah memberikan kefahaman tentang kepentingan kearifan tempatan, membangunkan *Malay Traditional Healing Village* – sebuah kampung yang holistik di bawah tajaan NCI dengan menyatukan pelbagai elemen kearifan tempatan untuk menjadikan kampung sebagai satu *showcase* perubatan tradisional dan ilmu perubatan Melayu.

Kejayaan lain termasuklah penubuhan Badan Bukan Kerajaan - Terapi Holistik Islam Malaysia (THIS) di bawah Projek LRGS *Holographic Transdisciplinary Conservation* dengan usaha menyeragamkan piawaian perubatan Islam ke dalam rangka perubatan moden, penawaran kursus perubatan tradisional dan komplementari, mengembalikan kegemilangan dan industri Rebab, Pembangunan Hologram Budaya dan Prototaip *Local Knowledge Repository* serta Transkripsi Kitab Tibb di samping jaringan kolaborasi sama ada dengan organisasi mahupun universiti tempatan dan antarabangsa.

Pada masa yang sama usaha memperkaya kerjasama sosial, ekonomi, kesihatan, pendidikan, adat dan persekitaran komuniti di rantau Asia-Pasifik diperkukuh melalui **Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)** yang ditubuhkan pada 2010 dengan keahlian 43 institusi dari 10 negara. Kini keahlian meningkat kepada 93 institusi dari 19 buah negara dan berkembang pesat sehingga luar Asia-Pasifik. APUCEN menggalakkan penyertaan sektor korporat dan NGOs sebagai ahli untuk menjayakan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dengan lebih berkesan dan bermakna dengan memanfaatkan Ilmu untuk Perubahan (*Knowledge for Change* – K4C) dalam konsep Universiti Global yang berpegang pada "***celebrating our differences towards the same goal***" serta memperkasakan kesukarelawanan global melalui pengiktirafan kepada golongan belia di pelbagai institusi pendidikan tinggi.

APUCEN menjayakan *Global Engagement Agenda* berlandaskan *High Tech - High Touch* untuk menyelesaikan isu global, menggembelng pelbagai kekuatan yang berlainan sebagai satu entiti menggabungkan sains dan sastera yang membentuk *global community engagement* yang berimpak tinggi.



APUCEN ialah jaringan berimpak tinggi dalam transformasi komuniti di rantau Asia-Pasifik sehingga mendapat pengiktirafan daripada UNESCO yang melantik USM-APUCEN untuk mengetuai program UNESCO *Knowledge for Change* (K4C) di rantau ini.

Dalam konteks yang sama kekuatan penyelidikan terutamanya dalam bidang Kejuruteraan Air dan Sains Hidro-Alam Sekitar meyakinkan Persatuan Antarabangsa untuk Penyelidikan dan Kejuruteraan Hidro-Alam Sekitar (*International Association for Hydro-Environment Engineering and Research – IAHR*) yang ditubuhkan pada tahun 1935 memberikan kepercayaan kepada USM melalui **Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar (River Engineering & Urban Drainage Research Center, REDAC)** yang berkolaborasi dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (National Hydraulic Research Institute of Malaysia, NAHRIM), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan sokongan PCO (USAINS Holding Sdn. Bhd.) menjadi tuan rumah Kongres Dunia IAHR pada 13-18 Ogos 2017 yang menarik penyertaan 1,500 perwakilan seluruh dunia. Antara negara yang pernah menjadi tuan rumah kongres ini ialah Korea Selatan (2005), Itali (2007), Kanada (2009), Australia (2011), China (2013) dan Belanda (2015).

Kongres yang bertemakan "*Managing Water for Sustainable Development – Learning from the Past for the Future*" memberikan penekanan khusus kepada tema silang yang berkaitan dengan pengurusan air untuk pembangunan mapan, melihat apa yang berlaku pada masa lampau, menghubungkan penyelidikan hidro-alam ke amalan kejuruteraan serta menjangkau dunia yang sedang membangun untuk masa hadapan. Kongres ini memberi impak besar terhadap kepakaran sedunia dalam melihat isu air sejagat untuk memastikan kelestarian masa hadapannya selaras dengan *Sustainable Development Goal* (SDG).

USM turut membangunkan aplikasi Sistem Pengurusan Persidangan (Conference Management System), yang digunakan untuk menguruskan kertas kerja dan data yang berkaitan dengan kongres ini yang dipatenkan oleh USM.

Para penyelidik kini sedang giat menjalankan penyelidikan mikropropagasi pokok buah tin dengan kerjasama pihak industri bagi tujuan penghasilan anak pokok berkualiti untuk mengusahakan ladang buah tin komersial di negara ini. Turut giat dilaksanakan ialah membangunkan sistem automasi pencetak bangunan 3-D, salah satu teknologi yang dapat menyelesaikan masalah pembinaan rumah di Malaysia yang mampu membina rumah berkualiti tinggi, dalam tempoh yang cepat dan harga yang murah namun teknologi ini masih kurang diimplementasi oleh industri binaan bangunan di Malaysia.

Kepakaran USM juga dimanfaatkan untuk Projek Translasi Penyelidikan bagi Transformasi Penternakan Lebah Kelulut Lestari dan Berkualiti Berasaskan Inovasi Mustafa-Hive yang membantu meningkatkan pendapatan penduduk di negeri-negeri Pantai Timur.

Di samping itu, kepakaran USM digembleng dengan kerjasama MARDI, UKM, MyInnoHub dan USAINS Holding Sdn. Bhd. menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan mutu pelbagai beras indica dengan mengurangkan input pertanian.

Projek yang bermula pada September 2017 ini dijangka dapat menghasilkan beras bermutu tinggi, tenaga manusia mahir dalam teknologi saringan *gene*, mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import, memperkenalkan teknologi saringan *gene* sebagai pertanian utama negara di samping itu menambahkan pendapatan petani, mengurangkan kadar kemiskinan, amalan pertanian yang baik dalam kalangan petani di kawasan bandar.

Usaha memperkasakan penyelidikan dan inovasi melalui jaringan kolaborasi terus diperkukuh melalui penubuhan Pusat Kerjasama Penyelidikan dan Inovasi Perubatan Herba China-Malaysia (China-Malaysia Herbal Medicine Research & Collaborative Innovation Center) melalui kerjasama antara China-Malaysia Qinzhou Industrial Park (CMQIP) dengan Malaysian Innovation Hub (MIH), Cadangan Penubuhan Wellcome Malaysia Trust Centre USM dengan kerjasama Oxford untuk membantu negara membangunkan Wellcome Malaysia Centre melalui projek Inisiatif *Malaysia-Oxford Stem Cell: A World Class Partnership Support Research on Global Health Challenges*. Penubuhan Malaysia Wellcome Centre ini akan dibiayai oleh Akademi Sains Malaysia, Wellcome Trust dan agensi-agensi lain.

USM juga mengetuai satu pasukan penyelidikan bagi membida geran penyelidikan Horizon 2020 dalam bidang *Urban Mobility And Smart Green Integrated Transport* dengan kerjasama UiTM dan Taylor's University.

Pada tahun 2017 juga bermulanya Projek USM@JOHOL melalui kerjasama dengan Daerah Johol, Negeri Sembilan sebagai hasil perbincangan antara Naib Canselor dengan Yang Teramat Mulia Datuk Johan Lela Perkasa Setiawan Datuk Muhammed Abdullah, Undang Luak Johol pada 7 Ogos 2017 untuk USM membantu membangunkan sosio-ekonomi kawasan pemerintahan Undang Luak Johol dan merentasi beberapa daerah di Negeri Sembilan selain daerah Kuala Pilah dan Johol. Projek akan dilaksanakan melalui aktiviti akademik dan projek komuniti yang berkonsepkan kelestarian

dan kesejahteraan masyarakat setempat. Pada prinsipnya, kolaborasi ini bertunjangkan ilmu daripada Universiti dan prasarana sokongan utama daripada pihak Johol.

USM turut menubuhkan Kumpulan Analitik Data Raya (*Big Data Analytics* - BDA) yang membolehkan data yang pelbagai diuruskan sepenuhnya untuk membuat keputusan. Aplikasi BDA membolehkan para saintis, pemodel ramalan, ahli statistik serta ahli pengurusan profesional menganalisis jumlah data yang semakin meningkat, serta bentuk data lain yang sering kali tidak diterokai melalui analisis konvensional. Penubuhan kumpulan BDA bertujuan memperkasakan lagi bidang penyelidikan serta pengurusan USM.

Pembangunan Pelajar & Alumni

Sementara itu, USM terus memperkasakan usaha dengan membangunkan strategi baharu untuk memastikan fungsinya menyokong pelaksanaan Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) iaitu menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang tercapai melalui ekosfera kampus termasuk menyediakan siswazah menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0.

Apatah lagi lonjakan ini jika dilihat dalam konteks perancangan strategik USM yang ingin memastikan graduan yang dilahirkan mestilah mempunyai atribut *H.E.B.A.T* (*Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate, Thinking*) untuk memastikan graduan USM bersedia memberikan impak dalam pembangunan komuniti dan negara.

Usaha ini dibuat melalui pelaksanaan 16 program yang menjadi *flagship* BHEPA yang merangkumi usaha memperkasakan kebolehpasaran graduan, dan keusahawanan siswa melalui konsep Ilmu untuk Perubahan (*Knowledge for Change*) dan libatsama komuniti serta kesukarelawanan yang membentuk jiwa kental pelajar.

Pemantauan penglibatan pelajar terus dibuat melalui MyCSD dan penyertaan pelajar dalam 16 *flagships* utama, antaranya Pimpin Siswa Lestari, Dewan Perundingan Pelajar, Novel Research and Innovation Competition (NRIC), Apex Scholar, Ekspen dan Hari Kerjaya melalui kolaborasi Industri, Program Usahawan Siswa dan pelbagai lagi termasuk dalam aspek Sukan dan Rekreasi, Kesukarelawanan dan Kebudayaan. Semuanya dilakukan melalui swadaya pelajar (*empowerment*) yang memberikan hak upaya kepada mereka merancang dan melaksanakan pelbagai program

besar yang berimpak tinggi dan mampu memberikan nilai tambah kepada diri sendiri mahupun impak kepada komuniti dan negara.

Pada masa yang sama USM memperkukuh lagi usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui libatsama sektor industri dan swasta serta pelbagai agensi kerajaan dan GLC serta bekerjasama dengan alumni USM untuk memainkan peranan dalam pembangunan universiti secara berterusan.

Hubungan Industri & Komuniti

USM meneruskan usaha untuk memperkasakan hubungan dengan industri dan komuniti yang berimpak tinggi melalui hubungan rapat dengan pelbagai pihak, memanfaatkan jaringan-jaringan yang ada serta membantu dalam pembangunan masyarakat melalui projek-projek komuniti sebagai hasil usaha penyelidikan malahan juga usaha untuk memperkasakan minat anak-anak muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) mahupun aktiviti reka cipta dan kesukarelawanan serantau. Usaha-usaha ini memberikan impak besar kepada komuniti akademik dan komuniti sejangat.

Antara kolaborasi yang dijalankan bersama Industri dilakukan bersama pihak CREST, NCIA dan Sains@Chuping. USM juga dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Industri KPT telah menganjurkan 'Industry Dialogue' dengan semua MNC dan SME di Pulau Pinang termasuk juga syarikat Jepun di Pulau Pinang. Perbincangan bersama industri dan NGO juga diadakan untuk industri harum manis di Perlis. Melalui 'Industry Dialogue' yang dianjurkan oleh USM bersama Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, sebanyak 85 syarikat dan hampir 400 orang yang hadir dalam program ini. Hal ini membuktikan bahawa Industri di Pulau Pinang sangat memberikan komitmen yang tinggi dan ingin sama-sama membantu IPTA khususnya USM.

Antara kolaborasi lainnya termasuklah bersama Keysight Technologies, Huawei Malaysia, OSRAM Opto Semiconductor, MYCO2 Sdn. Bhd. Association of Malaysian Medical Industries (AMMI) Federation of Malaysian Manufacturers, Toray Malaysia, Esquel Malaysia pada Ogos 2017, GrabCar, MIDA, Japan International Cooperation Agency (JICA), Lipp Engineering - Bamboo Tissue Culture Project in Myanmar: September 2017, Pixart Imaging (Penang) Sdn. Bhd. dan Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. (SPYTL) di samping meneruskan program CEO@Faculty yang melibatkan juga persatuan-persatuan pelajar.

Begitu juga kerjasama rapat dengan CREST dan Akademi Sains Malaysia serta mengukuhkan jaringan APUCEN yang melibatkan lebih 90 institusi telah mewujudkan kerjasama serantau.

USM turut mewujudkan komuniti Maker (*Makers@USM*) untuk mengumpulkan pelajar dan staf dari pelbagai pusat tanggungjawab di USM untuk menghasilkan ciptaan yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat melalui pelbagai aktiviti yang diadakan sepanjang 2017 demi merealisasikan trend kini penyelidikan yang diperkenalkan iaitu *Translational Research*.

Model Perniagaan

USM menerapkan model perniagaan dalam seluruh perancangan strategik jabatan melalui sasaran penjana pendapatan yang ditetapkan dan diselaraskan oleh Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti bersama-sama Jabatan Bendahari USM.

Pusat ini memainkan peranan termasuk pemantauan penggunaan setiap sumber secara optimum dan peluang yang ada untuk membantu membolehkan universiti menjana pendapatan tambahan bagi tujuan pengendalian operasi (*operational*).

Bermula pada tahun 2017, USM mengambil inisiatif menjana kewangan melalui yuran yang dikenakan kepada pelajar antarabangsa termasuk penginapan dalam mata wang USD agar penurunan mata wang Ringgit tidak menjejaskan penjana pendapatan USM daripada yuran pengajaran.

Selain itu, pemasaran secara berfokus dan strategi pengantarabangsaan bagi pelajar pasca siswazah melalui '*strategic centralised marketing*', pemasaran secara digital, aktiviti pemasaran secara strategik, perkhidmatan penginapan yang berkualiti, memperkasakan libatsama Alumni USM, perkhidmatan program akademik (*private wing*), strategi pengambilan pelajar yang lebih terperinci dan teliti, melantik agen-agen rasmi USM untuk mendapatkan pelajar antarabangsa dan memperkenalkan sistem *buddy* dalam kalangan pelajar untuk membantu mendapatkan pelajar antarabangsa.

Sepanjang 2017 USM mendapat 2,043 orang pelajar berbiasiswa berbanding 2,026 pelajar yang tidak semuanya biasiswa.

Universiti juga memberikan KPI Penjana Kewangan kepada Pusat Pengajian dan Jabatan pada tahun 2017 melalui "Sampul Putih" yang mengandungi KPI bagi semua ketua PTJ menjana

kewangan berdasarkan kemampuan dan rekod pencapaian (*track record*) PTJ.

Manual Perniagaan disediakan oleh universiti untuk membantu ketua PTJ menjalankan penjana kewangan. *Townhall* dilakukan untuk mengajar penggunaan manual perniagaan kepada semua Ketua PTJ.

USM turut mempromosi USM-KLE Campus (USM Private Medical Campus in Belgaum, India) dalam kalangan pelajar tempatan dan antarabangsa sebagai sebuah kampus untuk penjana kewangan. USM juga telah mengadakan perjumpaan dengan MARA dan KLE agar lebih banyak kursus seperti Pergigian, Farmasi dan Sains Kesihatan dapat dibuka di sana.

USM juga bekerjasama dengan pihak USAINS kewangan dengan mewujudkan Wad Eksekutif USAINS dalam masa 7 bulan. Wad ini menyediakan 42 katil yang menjana pendapatan daripada pesakit luar sebanyak RM556,382.29 bagi 24 katil dalam masa 3 minggu (14 November hingga 7 Disember 2017) (potensi RM9.6 juta/tahun) x2 = RM19 juta/tahun (bagi 42 katil) serta menyediakan wad berbayar di Hospital USM.

USM turut menandatangani dan terlibat dalam penubuhan Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia yang diterajui Kementerian Pendidikan Tinggi yang melibatkan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM); Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM); Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (PUIAM) dan Hospital Pengajar Universiti Teknologi Mara (HPUiTM) dalam melaksanakan prinsip kesepunyaan dan keserakanan untuk menyelaras secara bersepadu dan bersifat lebih agresif dalam menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

USM juga menubuhkan Pejabat Wakaf USM dan Pengarah Pusat Islam dilantik sebagai Pengarah Pejabat Wakaf USM untuk memastikan wakaf menjadi sumber dana pembangunan komuniti dan universiti sebagai amanah yang khusus.

Sepanjang 2017, Yayasan USM telah mendapat sumbangan daripada Yusuf Taiyyob sebanyak RM400,000.00, UEM sebanyak RM200,000.00, Bank Islam sebanyak RM55,000.00, Asian Finance Bank sebanyak RM50,000.00 dan orang perseorangan sebanyak RM600,000 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,305,000.00

Keunggulan Global

USM pada 2017 telah memperbaiki kedudukan dan berada pada tangga **#264** (2017/2018) dunia dalam QS World University Ranking berbanding #330 pada tahun 2016/2017. USM juga menduduki tangga ke **#46** dalam QS University Rankings 2018: Asia berbanding #51 pada tahun sebelumnya. Selain itu USM turut tersenarai dalam Top 500 By Academic Ranking of World Universities (ARWU) dan berada dalam kelompok *band* 401-500. Empat subjek juga telah berjaya tersenarai dalam senarai 50 teratas bagi QS University Ranking by Subject pada 2017 iaitu **Environmental Sciences, Hospitality & Leisure Management, Engineering Mineral and Mining dan Chemical Engineering**. USM juga telah mencapai penarafan 6 Bintang dalam SETARA 2017.

Ekosistem Inovasi

Justeru ekosistem inovasi Universiti yang merupakan salah satu inisiatif baharu USM yang telah memperlihatkan pelaksanaan pelbagai program khusus termasuk pemerikasaan NEXUS. Pengarah NEXUS telah dilantik di ketiga-tiga kampus untuk memberikan fokus kepada projek penyelidikan khusus bagi Global Challenge Initiative. Pengarah NEXUS yang dilantik ialah Pengarah NEXUS bagi Sains, Pengarah NEXUS bagi Kejuruteraan dan Pengarah NEXUS bagi Perubatan dan Sains Kesihatan. Untuk memperkasakan bidang penyelidikan di USM, **'Quickwin Blockbuster Projects'** juga telah diperkenalkan. Pusat pengajian diminta untuk mempersembahkan projek penyelidikan yang terbaik di pusat pengajian masing-masing supaya projek tersebut boleh diaruh agar dapat dibantu oleh pihak atasan Universiti khususnya dari segi kewangan. Seterusnya **Research Bridging Fund** juga telah diperkenalkan kepada pensyarah muda agar dapat membantu mereka menjalankan penyelidikan.

Kejayaan

Pada 2017, USM telah memperbaiki kedudukan dan berada pada tangga **#264** (2017/2018) dunia dalam The World By QS World University Ranking berbanding #330 pada tahun 2016/2017. USM juga menduduki tangga ke **#46** dalam QS University Rankings 2018: Asia berbanding #51 pada tahun sebelumnya. Selain itu USM turut tersenarai dalam Top 500 By Academic Ranking of World Universities

(ARWU) dan berada dalam kelompok *band* 401-500. Empat subjek juga telah berjaya tersenarai dalam senarai 50 teratas bagi QS University Ranking by Subject pada 2017 iaitu **Environmental Sciences, Hospitality & Leisure Management, Engineering Mineral and Mining dan Chemical Engineering**.

USM turut meneruskan kecemerlangan melahirkan ikon-ikon negara apabila Mantan Naib Canselor merangkap alumni disegani, Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak diangkat sebagai Tokoh Akademik Negara dengan disertai dua lagi akademia USM iaitu Profesor Ir. Dr. Srimala Sreekantan dan Profesor Madya Dr. Azidah Abu Ziden yang juga diiktiraf dengan anugerah kecemerlangan dalam bidang masing-masing.

Dua saintis wanita USM juga dinobatkan sebagai penerima Loreal-UNESCO For Women in Science Fellowship 2017 kerana komitmen mereka membangunkan penyelidikan yang dapat memberikan penyelesaian kepada isu-isu global dan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Anugerah Saintis Muda 2017 telah dianugerahkan kepada Dr. Foo Keng Yuen dan Malay Language Academic Icon Award kepada Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussain. Selain ini, Universiti turut melihat kejayaan Dr. Sarena Abdullah yang menerima The London Asia Research Award.

Lima lagi penyelidik USM dinobatkan sebagai Malaysia's Research Star Award (MRSA) berdasarkan kehebatan jurnal yang dirujuk pihak lain di seluruh dunia. Lima jurnal yang ketua editornya adalah dalam kalangan akademia USM turut mendapat pengiktirafan taraf Current Research in Malaysia (CREAM) dan kejayaan ini ialah kesinambungan pencapaian tahun-tahun sebelumnya. USM pada 2017 juga menyaksikan kejayaan tiga penyelidik yang telah menerima pengiktirafan Highly Cited Researcher oleh Clarivate Analytics.

Dr. Faradina Merican Mohamed Sidik Merican telah memenangi Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan Fellowship 2017.

Di luar bidang penyelidikan, Dr. Muzammil Mohamad Noor juga telah menerima Anugerah Khas OKU: Akademik sempena Bulan Kebajikan Negara 2017. USM turut berbangga dengan pencapaian cemerlang Dr. George Teoh Boon Sai atas kejayaan cemerlang beliau meraih pingat emas dan perak dalam Kejohanan Wushu Peringkat Kebangsaan 2017. Anugerah Khas Pecipta 2017, *Brugia Rapid: A Point Of Care Test To Detect Brugian Lymphatic Filariasis* oleh Professor Dr Rahmah Noordin. USM menyaksikan juga penganugerahan National Patriotic Icon 2017

kepada Profesor Dr. Sivamurugan Pandian. Pelajar siswazah dan pascasiswazah USM juga menempa nama yang hebat dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Empat pelajar USM telah berjaya mendapat tempat pertama dalam Sustainability Challenge 2001.

Pelbagai lagi kisah kejayaan menghiasi langkah USM pada 2017, antaranya Anugerah MAPIM-KPT dan Anugerah Perdana Penyelidikan Sastera dan Budaya Melayu Prolifk yang kesemuanya membariskan pemenang-pemenang berkaliber dari USM.

USM turut menzahirkan konsep HEBAT melalui penghapayaan pelajar dalam mengelola acara-acara besar Universiti pada peringkat global. Sebagai contoh, Pesta Hoki USM-Penang International 2017 adalah antara platform yang dapat menonjolkan kreativiti dan inisiatif pelajar secara keseluruhan. Kejohanan ini terus menempa nama dan terkenal di rantau Asia-Pasifik, selain mendapat pengiktirafan The Malaysia Book of Records sebanyak empat kali berdasarkan rekod penyertaan terbesar yang berjaya dicapai.

Pasukan pelajar ijazah pertama jurusan kejuruteraan USM mengungguli kejuaraan IEEE-International Advanced Robotic Competition (iARC) 2017, manakala empat atlet USM yang bertanding dalam Sea Games 2017 menyerlahkan kehebatan dengan 100 peratus menyumbang pingat iaitu lima emas, satu perak dan satu gangsa.

Pelajar USM juga telah menjadi johan bagi Kejohanan Bahasa Mandarin Sandalwood Forest Peringkat Asia Tenggara. Seorang pelajar USM juga telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pegawai Kadet SISPA terbaik peringkat kebangsaan bersempena Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) 2017.

Pencapaian ini membuktikan bahawa kejayaan strategi USM dalam memperkenalkan program Warga Sukan sebagai antara saluran pemilihan pelajar mengikuti pengajian di USM. Alumni USM, Shuen Lann Yvonne Choo pula mengharumkan nama USM di arena global setelah menjuarai *STEM* Britain Chemistry Gold Award and Roscoe Medal 2017, mengatasi pencabar-pencabarnya yang terdiri dari pelajar universiti terkemuka di United Kingdom.

Bakat dan keterampilan pelajar HEBAT USM juga diserlahkan dalam pelbagai lapangan pertandingan sehingga mampu bergelar juara, antaranya dalam Battle of Fusion Band (pelajar USM-KLE, Belgium), Pitch for Progress 2.0, Dell Business Challenge, selain

terpilih menjadi penerima pelbagai insentif dan pingat emas seperti Tunku Award Gold Medal oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman, Tan Sri AR. Chan Sau Lai Architecture Award, The Institute of Engineers Malaysia (IEM) Gold Medal, Malaysian Institute of Architects (PAM) Gold Medal dan sebagainya.

Penutup

USM melalui tagline 3R – Respected, Referred, Relevant berada pada landasan yang betul untuk memacu pembangunannya ke arah menjadi sebuah Universiti yang berdaya saing pada peringkat global. Dengan hasrat kecemerlangan melalui gaya USM, Universiti perlu mengoptimumkan kreativiti untuk berdepan dengan cabaran mendatang. Komitmen tinggi dan budaya perkhidmatan cemerlang perlu terus disuburkan bagi merealisasikan misi Kami Memimpin dengan Gaya USM.



Segala usaha, cabaran serta pencapaian yang diraih pada tahun 2017 mencerminkan komitmen dan tanggungjawab warga USM yang digembleng sepenuhnya untuk sama-sama mencorakkan masa depan pendidikan tinggi negara.

LAPORAN PENDAFTAR

Landskap pendidikan tinggi di Malaysia yang sentiasa berkembang dan dinamik memerlukan USM sentiasa bersedia menghadapi senario tadbir urus yang fleksibel, mapan serta bersedia berubah demi mencapai sasaran visi dan misi yang ditetapkan. Tadbir urus terbaik didefinisikan sebagai konsep normatif nilai-nilai ke arah merealisasikan perlakuan tadbir urus dan kaedah yang digunakan oleh sekumpulan aktor sosial yang berinteraksi mengikut konteks sosial tertentu. Secara amnya, tadbir urus sebuah Universiti adalah berkaitan dengan undang-undang, pengurusan sumber manusia, pengurusan akademik dan kemudahan berpusat. Dua aspek yang perlu diberikan penekanan ialah prestasi penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien. Aspek yang kedua ialah penekanan terhadap pematuhan terhadap undang-undang supaya setiap piawai yang ditetapkan sentiasa dipatuhi sekaligus dapat memastikan tadbir urus Universiti berada pada tahap integriti yang tinggi dan berakauntabiliti.

Selain itu, tadbir urus yang cekap dan berkesan juga merujuk cara atau kaedah Universiti menguruskan dan menangani perubahan (*change management*). Seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti sentiasa bersedia menerima perubahan dengan membuat penyesuaian mengikut perubahan dan kehendak semasa agar lebih holistik dan berdaya saing. Dalam hal ini, persediaan dan komitmen menyeluruh daripada pihak pengurusan adalah amat kritikal.

Amalan tadbir urus yang baik sudah tentu akan dapat mengurangkan karenah birokrasi serta meningkatkan akauntabiliti khususnya dalam membuat keputusan untuk mengukuhkan pembinaan jenama USM sebagai sebuah universiti penyelidikan dan universiti berstatus APEX di Malaysia. USM sentiasa kreatif dalam memastikan urusan pentadbiran Universiti menyumbang kepada pengurangan birokrasi dan pada masa yang sama meningkatkan akauntabiliti untuk memastikan urusan tadbir urus dilaksanakan dengan baik.

Pengurangan karenah birokrasi dan penekanan nilai serta etika adalah penting untuk memastikan USM ditadbir dengan kaedah terbaik seterusnya dapat menyampaikan perkhidmatan melalui satu corak pentadbiran dinamik dalam institusi pendidikan tinggi negara.

Tadbir Urus USM

USM menekankan usaha mencapai keupayaan yang menyeluruh sekaligus mewujudkan ekosistem tadbir urus yang terbaik dalam mentadbir Universiti ke arah kecemerlangan. Dalam era global, data dan maklumat yang fleksibel dan dinamik khususnya dalam perkongsian maklumat kepada pihak yang berkepentingan amat dititikberatkan dalam tadbir urus terbaik. Ketelusan maklumat amat penting dalam segala segi. Hal ini dapat diterjemahkan melalui proses kerja yang jelas, mudah difahami, penyampaian dan akses kepada maklumat oleh pihak berkaitan. Elemen akauntabiliti dan integriti turut menjadi keutamaan dalam tadbir urus terbaik.

Pada tahun 2017, USM telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam transformasi tadbir urus terutamanya dalam menghadapi pelbagai cabaran dalaman. Perkara ini turut berkait rapat dengan pengurusan bakat dan kewangan untuk memastikan USM kekal kompetitif dari segi kos, kecekapan dan mengurangkan birokrasi dalam tadbir urus.

Untuk memastikan tadbir urus yang fleksibel berlandaskan program APEX, USM telah memperkasakan beberapa tadbir urus sedia ada agar selaras dengan kehendak pendidikan tinggi semasa.

“ USM sentiasa meletakkan keutamaan dalam usaha menambah baik tadbir urus agar dapat mewujudkan persekitaran Universiti yang berfungsi secara efisien, berintegriti dan efektif tanpa campur tangan daripada agensi luar ekosistem Universiti, dan pada masa yang sama memastikan elemen semak dan imbang (*check and balance*) yang baik, keutamaan dalam aspek integriti dan ketelusan. ”



Profesor Dato' Dr. Abd Aziz Tajuddin

Pendaftar
Universiti Sains Malaysia

Antara inisiatif pemerksaan dan penambahbaikan tersebut adalah:

- *Pindaan kepada Kaedah Tatatertib Pelajar versi 2017 yang baharu.*
- *Peraturan Lalu lintas Universiti yang baharu yang terpakai kepada semua staf dan pelajar Universiti termasuk para pelawat yang memasuki kampus;*
- *Polisi terhadap Ciplakan yang mengandungi ciri-ciri penambahbaikan definisi ciplakan sendiri berdasarkan perkembangan semasa;*
- *Pelaksanaan Exit Policy untuk memantau dan bertindak balas terhadap staf yang berprestasi rendah dengan memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan kurang dari 60%;*
- *Pelaksanaan sistem tadbir urus e-Senat yang menasarkkan kelancaran pentadbiran dan pengurusan senat di samping mengaplikasikan konsep mesyuarat tanpa kertas (paperless) kepada ahli Senat yang berjumlah lebih dari 90 orang;*
- *Menambah baik pengurusan temuduga oleh Jawatankuasa Pemilih Universiti kepada staf kumpulan pelaksana agar lebih cekap, adil dan telus;*
- *Pelaksanaan proses kelulusan secara edaran bagi permohonan kerja luar yang lebih dinamik dan cepat berbanding proses terdahulu yang mempunyai pelbagai karenah birokrasi;*
- *Penyelarasan semula pusat sehati bagi semua proses penggubalan, kelulusan dan rekod simpanan bagi pengurusan Memorandum Perjanjian dan Memorandum Persefahaman Universiti di bawah kawal selia Pejabat Perundangan;*
- *Transformasi tadbir urus mapan kepada beberapa Pusat Tanggungjawab yang berkait dengan struktur akademik dan penyelidikan Universiti agar lebih berdaya maju, dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa. Tranformasi ini termasuklah penubuhan Analytical Biochemistry Research Centre Pusat (ABrC), Pejabat Nexus dan sebagainya.*

Pengurusan Sumber Manusia

USM terdedah kepada pelbagai cabaran dalam mengemudi tadbir urusnya termasuklah cabaran mendapatkan autonomi & akauntabiliti, mengurangkan birokrasi dan memperkasakan etika & nilai. Semua cabaran ini memainkan peranan penting dalam memastikan tadbir urus USM berada pada landasan terbaik. Pengurangan karenah birokrasi memastikan eliminasi kewujudan hierarki iaitu setiap lapisan hierarki mempunyai batas-batas kuasa dan arahan yang tertentu dan fungsi-fungsi serta skop tugas tersendiri. Signifikasinya, organisasi besar seperti USM ini ditadbir secara sistematik untuk menjamin kelestarian dan meningkatkan kecekapan. Dalam memantapkan pengurusan sumber manusia, pelbagai penambahbaikan dilakukan untuk pembangunan bakat dalam Universiti.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah:

• Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*)

Universiti telah meluluskan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015, Pelaksanaan Dasar Pemisah bagi Staf Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Universiti bermula pada 1 Januari 2017. Pelaksanaan Dasar Pemisah ini merujuk staf yang memperoleh markah penilaian prestasi pada tahun semasa pada tahap kurang 60% atau pencapaian petunjuk prestasi berada pada tahap kurang 60% atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator – KPI*) di bawah sasaran (*below target*), walaupun prestasi staf pada tahun-tahun sebelumnya mencapai lebih 60% atau KPI melepasi sasaran. Pelaksanaan Dasar Pemisah di USM telah dijalankan pada pertengahan tahun 2017. Seramai 20 orang staf telah dikenal pasti sebagai staf berprestasi rendah. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Siasatan Laporan Penilaian Prestasi Staf Berprestasi Rendah telah ditubuhkan untuk menjalankan siasatan termasuk mendapatkan penjelasan daripada pegawai penilai kepada staf yang mencapai prestasi rendah. Seramai 11 orang staf telah dikenal pasti untuk menjalani tempoh Dasar Pemisah selama satu (1) tahun.

• Penubuhan AKRAB CARE@USM

AKRAB CARE@USM yang diperkenalkan buat kali pertama pada 1 Ogos 2017 merupakan salah satu langkah susulan kepada pelaksanaan Dasar Pemisah. AKRAB CARE@USM dibangunkan mengikut kesesuaian dan acuan USM daripada program asal yang dikenali sebagai AKRAB CARE. Rasional penambahan @USM adalah sebagai penjenamaan semula/hak cipta USM di samping dapat menjadi contoh dan penanda aras kepada organisasi lain.



• Dashboard Sumber Manusia

Bahagian Sumber Manusia telah membangunkan *Dashboard* bagi tujuan memantapkan pemantauan data staf dan meningkatkan capaian terhadap data staf yang merangkumi proses pengurusan sumber manusia secara menyeluruh. *Dashboard* yang merupakan aplikasi dalam talian ini merupakan nilai tambah dan inovasi kepada Sistem Pemantauan Sumber Manusia (MyHR) yang telah dibangunkan sejak 2016. Dengan pembangunan *Dashboard* ini,

ketepatan dan kesahihan terhadap data telah dapat ditingkatkan dan ia menjadi pusat sumber rujukan dan capaian data secara *real-time*. Aplikasi yang diilhamkan oleh Dr. Musa bin Ali, Pengarah Sumber Manusia ini bukan sahaja dapat membantu pihak pengurusan tertinggi Universiti dalam membuat perancangan sumber manusia, malah ia juga dapat memantau sasaran dan capaian tugas yang diterjemahkan melalui *Strategic Objective – Key Focus Area (SO-KFA)*.

• Proses Baharu Kemajuan Kerjaya Staf Pelaksana

Proses ini melibatkan kemajuan kerjaya staf Kumpulan Pelaksana tanpa melalui sesi temu duga bagi permohonan Kemajuan Kerjaya tahun 2017. Pelaksanaan ini adalah sebagai hasil Makmal *Task Force* Pembangunan Proses Baharu Kemajuan Kerjaya Staf Kumpulan Pelaksana yang telah dijayakan dengan kerjasama Bahagian Sumber Manusia dan pihak Kesatuan Kakitangan Am Universiti Sains Malaysia (KKAUSM). Melalui kaedah baharu ini, tempoh urusan kemajuan kerjaya dapat disingkatkan dan sekali gus telah memenuhi hasrat Universiti untuk mengurangkan hal ehwal birokrasi dalam urusan pentadbiran. Proses penyampaian perkhidmatan yang cekap dan cepat seperti ini telah memberikan impak yang besar kepada sistem pengurusan bakat khususnya dalam mengiktiraf dan menghargai kecemerlangan staf. Pelaksanaan kemajuan kerjaya Staf Kumpulan Pelaksana tanpa temu duga ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti pada 22 Ogos 2017.

• Lantikan Melalui *Flexible Scheme For Retired Scholars (FSRS)*

Bakat yang kompeten dan mempunyai nilai keperibadian yang sesuai dengan hala tuju organisasi merupakan sumber yang penting kepada kelangsungan kejayaan sesebuah organisasi. Dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia, kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi 2015-2025 telah menggariskan isu-isu strategik cara IPT perlu bertindak secara proaktif untuk membangunkan ekosistem yang bersesuaian dengan cabaran persekitaran yang sangat kompetitif. Cara strategik ini termasuklah membangunkan strategi untuk menarik, mengekal dan membangunkan bakat yang kompeten. Persaraan seseorang ahli akademik kanan meninggalkan jurang yang sangat besar kepada kelangsungan sumbangannya dalam bidang kepakaran masing-masing kepada Universiti dan juga negara. Justeru USM telah merangka strategi *extrinsic reward* yang kompetitif dan bersesuaian

dengan kemampuan kewangan Universiti dalam usaha untuk mengekalkan bakat yang kompeten dan berpengalaman dalam ekosistem bakat USM. FSRS telah diperkenalkan dan dilaksanakan bagi tujuan tersebut. Pemilihan Profesor dan staf akademik adalah tertakluk kepada pilihan trek kerjaya yang telah dipersetujui di peringkat Universiti. Trek-trek tersebut adalah; Trek Pengajaran, Trek Pengajaran (USAINS), Trek Penyelidikan, Trek Kepimpinan Institusi, Trek Amalan Profesional, Trek Amalan Profesional (USAINS) dan Trek Amalan Profesional (Klinikal). Universiti telah bersetuju untuk melantik dengan mengekalkan ganjaran kewangan mengikut kadar diantara RM6,000 – RM12,000 mengikut gred masing-masing. Kadar bayaran ini dibayar secara tetap dan tiada kenaikan honorarium tahunan.

Pemilihan Senat



USM telah memperkasa dan menambah baik proses pemilihan senat khususnya kepada beberapa perkara seperti berikut:

- Pelaksanaan sistem pengurusan dokumen yang mana semua ahli senat telah mula mengaplikasikan konsep mesyuarat tanpa kertas (*paperless*).
- Pemantapan dan pelaksanaan sistem e-senat – sistem pemilihan Profesor sebagai ahli Senat yang dilaksanakan secara elektronik.

Pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat USM bagi tahun 2017-2020 telah diadakan secara atas talian melalui aplikasi e-Undi Senat. Bagi tempoh 2017-2020, sebanyak 46 kerusi yang terdiri daripada 28 kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat/Pusat Kecemerlangan dan 18 kerusi kampus dipertandingkan melalui 160 orang calon dalam kalangan Profesor sepenuh masa. Manakala jumlah pemilih adalah seramai 598 orang yang terdiri daripada Profesor dan Profesor Madya sepenuh masa.

USM memperkenalkan kaedah pemilihan Profesor sebagai ahli Senat sejak tahun 2011 sebagai satu inisiatif baharu di bawah Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) yang diisytiharkan kerajaan pada 2008 sebagai satu usaha menghasilkan tadbir urus yang baik. Sehubungan dengan ini, USM ialah

institusi pertama di Malaysia yang mengadakan pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat menerusi kaedah pengundian bagi pelantikan 2011-2014. Proses pengundian secara elektronik telah diperkenalkan oleh USM bermula sesi 2014-2017 dan ditambah baik bagi sesi 2017-2020. Pemilihan secara e-undi Senat dapat mengurangkan proses kerja dan guna tenaga serta semua pemilih dapat mengundi walau di mana mereka berada dan seterusnya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses kerja yang ada.

- Pemantapan dan pelaksanaan sistem e-pilih. Sistem ini dibangunkan secara *real-time* untuk memantapkan lagi proses pemilihan ahli senat sebagai wakil senat dalam Lembaga Gabenor Universiti/Majlis/Jawatankuasa Utama Universiti.

Aset Universiti

Pembangunan Sistem Pengurusan Pengangkutan Universiti (SPPU)

Melalui proses transformasi dan perancangan strategik, Pejabat Aset dan Operasi (PAO) telah mengkhusus kepada bahagian pengurusan aset, pentadbiran, perkhidmatan kemudahan pusat, operasi dan keceriaan kampus dan penjaan kewangan serta Taman Rekreasi Universiti.

Untuk mengatasi bersama kesan tsunami globalisasi dengan gaya USM, Sistem Pengurusan Pengangkutan Universiti (SPPU) yang diguna pakai oleh Pejabat Aset dan Operasi Universiti (PAO) telah berjaya dibangunkan. SPPU merupakan satu sistem pengurusan kenderaan bersepadu bertujuan meningkatkan kecekapan perkhidmatan di USM.

Sistem ini telah mula beroperasi pada April 2017 sebagai alternatif untuk menggantikan sistem tempahan biasa yang digunakan sebelum ini. Sistem SPPU diwujudkan untuk memudahkan pengguna membuat tempahan secara berpusat seterusnya memudahkan USM menguruskan aktiviti merekod, mengaudit, mengawal pembaziran dan salah guna, menyelenggara kenderaan serta menyimpan kenderaan dengan selamat.

Impak Sistem SPPU kepada USM

- Memudahkan tempahan kenderaan kepada semua warga USM di ketiga-tiga kampus walau di mana mereka berada asalkan capaian internet mudah diperolehi.
- Meningkatkan kecekapan terhadap pergerakan penggunaan kenderaan, pengawalan Kad Inden Minyak, pengawalan Kad Elektronik bagi pembayaran tol dan pengurusan penyelenggaraan kenderaan.
- Memudahkan kawalan penggunaan yang lebih sistematik mengikut pendaftaran doket.
- Memudahkan penjadualan pemandu yang bertugas.
- Menghapuskan birokrasi penggunaan seterusnya meningkatkan kecekapan tempahan dan penggunaan.
- Mematuhi peraturan berkaitan pengurusan kenderaan ke arah yang lebih berintegriti.
- Memudahkan Audit Dalam USM serta Audit Negara.



Capaian kepada sistem SPPU adalah <https://sppu.usm.my/sppu/>



<https://sppu.usm.my/sppu/>

SPPU MANUAL ADMIN



Capaian sistem seperti berikut:
<https://sppu.usm.my/sppu/>
Login secara manual seperti dibawah



BAHAGIAN


Pentadbir sistem: Admin



Klik pada **Single sign-On** Paparan seperti dibawah, masukkan.

Email dan katalaluan
Klik **Sign In**

Pembangunan Infostruktur



Rajah 1: Migrasi Pangkalan Data Sybase ke MSSQL

• Projek Migrasi Pangkalan Data dari Sybase ke MSSQL

Migrasi pangkalan data dari Sybase ASE 15.7 ke MSSQL 2016 telah dilakukan secara dalaman oleh Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) pada 9-11 November 2017 tanpa melibatkan kos konsultasi dari pihak luar. Penjimatan oleh Universiti melalui pelaksanaan secara dalaman ini melibatkan kos jutaan ringgit. Proses migrasi ini telah dirancang secara intensif selama satu tahun yang melibatkan hampir separuh daripada staf PPKT. Sebanyak 39 pangkalan data telah dipindahkan sepanjang 4 hari proses migrasi ini. Walaupun tajuk projek ialah migrasi pangkalan data, namun, kesemua aplikasi utama yang digunakan di USM turut perlu diubah dan diuji semula. Proses ini telah dilakukan sejak awal tahun 2016 lagi yang melibatkan penciptaan *server-server* pembangunan dan pengujian aplikasi.

Projek ini cuba dilaksanakan tanpa melibatkan sebarang kos perolehan tambahan selain kos perolehan perkakasan dan perisian yang telah dimasukkan ke dalam senarai Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11). Pada tarikh migrasi ini dilaksanakan, pangkalan data telah diubah sepenuhnya ke MSSQL 2016. Kod-kod aplikasi dipinda untuk membolehkannya berjalan di atas MSSQL 2016. PPKT juga telah membuka bilik operasi migrasi dari 13-24 November 2017 untuk membolehkan sebarang masalah yang timbul sebagai kesan migrasi ini dapat dikurangkan dan diatasi dengan secepat mungkin.

• Projek Migrasi Aplikasi dengan Pangkalan Data Sybase ke MSSQL.

Projek migrasi pangkalan data dari Sybase ke MSSQL oleh Pusat Data PPKT dalam usaha mengurangkan kos perlesenan pangkalan data telah menyebabkan pihak Bahagian Sistem Maklumat PPKT melakukan migrasi aplikasi bagi semua aplikasi yang telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*).

Projek melibatkan Unit Sistem Maklumat Universiti - Pelajar, Unit Sistem Maklumat Universiti - Staf dan Unit Sistem Maklumat Universiti - Klinikal pada pihak PPKT dan beberapa sistem luar yang mempunyai hubungan dengan pangkalan data Sistem Maklumat Universiti.

Projek telah bermula pada bulan Februari 2017 dan telah diimplentasikan kepada persekitaran semasa pada 13 November 2017. Hasil dari pemantauan selepas migrasi menunjukkan projek ini telah berjaya dan tidak menjejaskan perjalanan operasi Universiti.

• Projek Naik taraf Rangkaian Utama USMNet

Projek ini merupakan salah satu fasa daripada beberapa fasa naik taraf Rangkaian USMNet yang dirancang dalam Rancangan Malaysia ke - 11 (RMK11) dan juga Pelan Strategik ICT (ISP) USM. Memandangkan projek ini melibatkan peruntukan yang besar, kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) MAMPU telah diperoleh selain kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) Kementerian Pendidikan Tinggi. Tujuan

utama projek ini ialah bagi menaik taraf rangkaian utama USMNet bagi menyokong teknologi berkapasiti 10 Gigabit Ethernet (10GE) untuk tujuan menampung pertambahan trafik rangkaian yang seiring dengan peningkatan kapasiti jalur lebar internet, perkembangan teknologi seperti Big Data & Internet of Thing, e-Learning, MooC, Unified Communication, TeleMedicine serta segala perkhidmatan dalam talian yang berlaku dalam rangkaian USMNet. Untuk menyokong teknologi 10GE ini, peralatan rangkaian utama USMNet iaitu Core Switch dan Distribution Switch perlu dinaik taraf. Selain itu projek ini juga melibatkan perubahan dari segi reka bentuk rangkaian iaitu *IPS Repositioning* dan juga *Wireless Consolidation*. Sokongan terhadap IPv6 turut dilaksanakan dalam projek ini melalui implementasi IPv4 & IPv6 secara *Dual-Stack* dalam rangkaian USMNet serta penggunaan DDI Solution (DNS, DHCP, IP Address Management) sekaligus menjadikan rangkaian USMNet sebagai IPv6 Ready. Projek naik taraf rangkaian utama USMNet ini merupakan asas untuk fasa-fasa naik taraf rangkaian USMNet yang seterusnya iaitu naik taraf sistem wireless, naiktaraf Access Switch, naik taraf peralatan sokongan rangkaian dan juga naik taraf jalur lebar *internet & intercampus*.

• **Projek Menaik taraf Sistem Sandaran dan Replikasi USM**

Projek ini ialah salah satu projek dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11). Ia dirancang untuk membolehkan kapasiti sistem Sandaran di Kampus Induk dinaik taraf dari 4TB ke 7TB. Di samping itu, ruang storan untuk menyimpan sandaran turut dinaik taraf dalam projek ini.

Salah satu perkara utama yang dirancang dalam projek ini ialah replikasi data sandaran yang sebelum ini hanya disimpan di Kampus Induk, kini turut disimpan juga di Kampus Kejuruteraan. Kampus Kejuruteraan telah ditetapkan sebagai *Disaster Recovery Site (DR Site)* untuk memulihkan data dan perkhidmatan *IT* jika berlakunya bencana di Pusat Data, Kampus Induk, USM. Untuk membolehkan perkara ini dilaksanakan, sandaran data perlu direplikasi ke Kampus Kejuruteraan. Projek ini mengambil kira perkara ini dengan membuat perolehan storan tambahan di Kampus Kejuruteraan. Berdasarkan cubaan replikasi data pada November dan Disember 2017, replikasi dapat dilakukan dengan baik. Namun begitu, untuk membolehkan Kampus Kejuruteraan berfungsi sebagai DR Site, komponen-komponen lain perlu diambil kira seperti kapasiti talian antara kampus (*intercampus*), Pelan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Plan*), Pelan Kesyinambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan*) dan beberapa komponen lagi yang perlu disediakan terlebih dahulu.

• **Sistem Pengurusan Pengangkutan Universiti (SPPU)**

Sistem Pengurusan Pengangkutan Universiti (SPPU) telah berjaya dilancarkan penggunaannya di seluruh USM pada 15 April 2017. Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr. Asma Ismail telah merasmikan pelancaran sistem ini pada 10 April 2017. Beberapa siri latihan telah diadakan bagi setiap kampus terlibat bermula 27 Mac – 12 April dan penggunaan secara berperingkat mengikut kampus.

• **Sistem Penyerahan Jurnal**

Sistem *Submission Journal* ialah sebuah sistem penghantaran jurnal secara dalam talian (*online*) bagi para pensyarah IPPT untuk memudahkan proses ulasan (*review*), bacaan pruf (*proof reading*) dan menerbitkan jurnal (*publish jurnal*) mereka melalui sistem ini. Bagi tahun 2017, jurnal dalam sistem ini telah berjaya diindekskan di dalam *Google Scholar* dan *Open Academic Journals Index (OAJI)*.

• **Sistem Pengurusan Rekod Perubatan (SPRP)**

Sistem Pengurusan Rekod Perubatan (SPRP) ialah sistem yang mempunyai sub modul fail pesakit yang bertujuan merekodkan pergerakan fail pesakit dan laporan perubatan seperti rekod permohonan dan maklumat laporan perubatan yang diminta. Sistem ini telah memantau pergerakan fail pesakit dan mengelakkan kehilangan fail pesakit dan memendekkan masa pengeluaran laporan perubatan penting.

• **Pharmacy Inventory Smart Management System (PRISM)**

Pharmacy Inventory Smart Management System (PRISM) ialah sistem yang dibangunkan untuk menggantikan sistem lama dengan lebih banyak menekankan ciri sistem inventori yang sebenar. Sistem ini terdiri daripada beberapa modul penting yang berfungsi memastikan pergerakan inventori di stor farmasi berjalan lancar. Sistem ini telah berjaya membantu menyelesaikan permasalahan besar iaitu pemantauan pada jumlah stok dan kekurangan stok dapat diketahui lebih awal dan memudahkan perancangan pembelian stok. Pengagihan ubat dan alat pakai habis juga lebih teratur dan mudah mengesan ubatan dan alat pakai habis yang akan mencapai tarikh luput.

• Care2x Modul Ortodontik

Integrasi sistem Care2x dengan data maklumat staf dan pelajar bagi kemudahan dan penyemakan pantas bahagian pendaftaran setempat untuk mengelakkan penyalahgunaan kelayakan rawatan perubatan oleh pihak-pihak tertentu.

• Penggunaan Sistem Servisdesk

Sistem ini bertujuan menguruskan aduan dan permohonan perkhidmatan berkaitan ICT yang lebih sistematik dan berkesan. Sistem ini menerima input daripada empat saluran iaitu melalui Portal Servisdesk (<http://sd.usm.my>), talian hotline 2111, emel servisdesk.amdi@usm.my dan *walk-in* ke kaunter Servisdesk di PPKT IPPT.

PPKT menasarkankan tempoh aduan dan permohonan selesai kurang dari tiga hari. Sepanjang tahun 2017, sistem Servisdesk menerima sebanyak 544 aduan dan 44 permohonan perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 93.29% aduan dan 80% permohonan diselesaikan kurang dari 3 hari.

Pembangunan Fizikal

• Data Pembangunan Fizikal USM

BIL	LOKASI KAMPUS	KELUASAN TANAH (EKAR)	BILANGAN BANGUNAN	KELUASAN LANTAI KASAR (m ²)
1	Kampus Induk	574	280	554,826
2	Kampus Kejuruteraan	364	47	164,139
3	Kampus Kesihatan	234	122	290,509
4	SAINS@USM	31	15	19,291
5	Pusat Kajian Samudera & Pantai	4	23	4,348
6	Institut Perubatan & Pergigian Termaju	113	10	35,348
JUMLAH KESELURUHAN		1,320	497	1,068,461

• Strategi Pembangunan dan Perihal Perbelanjaan Pembangunan (DE)

Bagi tahun 2017, dana peruntukan kerajaan menerusi *Rolling Plan 2 (RP2)* Rancangan Malaysia ke-11 khusus bagi perbelanjaan pembangunan melibatkan dua projek berikut:

- i) Penaiktarafan ICT bagi semua kampus.
- ii) Penaiktarafan sistem retikulasi bekalan air utama untuk Kampus Induk.

Di samping bergantung pada dana peruntukan DE kerajaan, pihak USM telah mengambil inisiatif untuk mengikhtikarkan wadah serta kaedah lain dalam mewujudkan infrastruktur baharu dan menaik taraf kemudahan fizikal sedia ada. Perkara ini sejajar dengan hasrat dan haluan USM dalam membolehkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran serta juga persekitaran kampus yang kondusif terhadap pembangunan pelajar yang holistik. Usaha ini adalah selaras dengan keinginan USM untuk membolehkan kemudahan kampus mampu untuk mengimbangi kehendak institusi pengajian tinggi yang kontemporari.

• Pembangunan Fizikal Baharu – Siswaniaga@USM

Dalam tahun 2017, pihak USM telah membangunkan sebuah Pusat Keusahawan Pelajar yang baharu, digelar Siswaniaga@USM yang telah siap sepenuhnya pada suku tahun keempat 2017. Bangunan Siswaniaga@USM ini merupakan kolaborasi antara pihak USM dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam usaha melahirkan pelajar dengan kecenderungan keusahawanan, selari dengan hasrat USM untuk melengkapkan pembangunan pelajar dengan aspek keusahawanan moden, serta menghasilkan *job creators* dan bukan hanya *job seekers*.

Siswaniaga@USM dibangunkan dengan objektif untuk memenuhi keperluan-keperluan berikut:

- i) Mentransformasikan ruang sedia ada kepada ruang bangunan khusus yang lebih dinamik dan kontemporari;
- ii) Menambahkan jumlah premis perniagaan untuk pelajar bagi maksud pelaksanaan aktiviti keusahawanan dan perniagaan;
- iii) Mewujudkan landasan untuk kerjasama pintar dengan pihak MARA serta pihak-pihak berkepentingan lain dalam mempergiat aspek keusahawanan pelajar hulu dan hiliran.

Siswaniaga@USM merupakan bangunan 2 tingkat dengan keluasan lantai kasar 806 meter persegi dan direkabentuk untuk membolehkan kegunaan yang lebih fleksibel dan dinamik di tingkat bawah serta kegunaan aktiviti perniagaan khusus di tingkat atas yang turut menempatkan ruang *café* moden bertutup.



• Inisiatif Penjimatan Kos Utiliti ke arah Kemapanan Kewangan

Mendokong hasrat USM untuk peningkatan kemapanan kewangan, penjimatan kos utiliti, khususnya kos bekalan elektrik, merupakan salah satu tumpuan utama USM. Inisiatif ini telah dimulakan dengan projek perintis di Kampus Kesihatan. Program penjimatan tenaga, khususnya di Hospital USM, telah direncanakan dengan berpandukan konsep pelaksanaan *Energy Performance Contract (EPC)* dengan kaedah perolehan *Request for Proposal (RFP)* daripada pihak-pihak *Energy Service Company (ESCO)* yang berminat. Kaedah ini digarap daripada tatacara EPC Suruhanjaya Tenaga dan proses RFP telahpun dilaksanakan dan diselesaikan pada awal suku tahun keempat 2017. Proses penilaian teknikal serta penawaran kepada ESCO yang bakal memeterai EPC telah turut dilaksanakan menjelang penghujung tahun 2017. Impak serta aspek penjimatan tenaga bakal diraih pada tahun 2018 serta tahun-tahun yang mendatang dan projek perintis ini disasarkan supaya turut dilaksanakan di semua kampus USM.

USM sentiasa meletakkan keutamaan dalam usaha menambah baik tadbir urus agar dapat mewujudkan persekitaran Universiti yang berfungsi secara efisien, berintegriti dan efektif tanpa campur tangan daripada agensi luar ekosistem Universiti, dan pada masa yang sama memastikan elemen semak dan imbang (*check and balance*) yang baik, keutamaan dalam aspek integriti dan ketelusan.

Komitmen untuk sentiasa cemerlang dalam tadbir urus adalah penting agar USM dapat bergerak seiring ke hadapan dengan misi lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia. Semua ini berjaya diraih oleh USM dengan komitmen yang padu daripada warga staf dan pelajarnya di samping kerjasama yang tidak berbelah bahagi daripada kesatuan dan/atau persatuan staf dan pelajar USM.



**AKADEMIK &
ANTARABANGSA**

PENGENALAN

Bahagian Akademik & Antarabangsa (BAA) menyokong hasrat USM untuk menjadi sebuah Universiti global. Dalam hal ini, BAA telah memfokuskan kepada tiga (3) perkara utama iaitu:

- i. Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Isu Antarabangsa
- iii. Ijazah Tinggi




Kerangka 1: Fokus Utama Bahagian Akademik & Antarabangsa

Ketiga-tiga fokus utama tersebut turut dilaksanakan bersama-sama dengan dua (2) jawatankuasa yang telah ditubuhkan seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Strategik Akademik
- ii. Exco Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Seterusnya, tindakan susulan yang merangkumi tiga aspek iaitu strategik, taktikal dan operasi sedang disusun berdasarkan maklum balas yang diterima.

Academic operation, tactical and strategic tasks and special Projects - through routine and special teams and task forces



Kerangka 2: Pasukan Petugas Strategik, Taktikal dan Operasi Akademik

INISIATIF DAN PENCAPAIAN AKADEMIK SEPANJANG TAHUN 2017 (AKTIVITI BERIMPAK TINGGI)

1. FlexEd@USM

Salah satu usaha kritikal yang perlu diberikan perhatian adalah supaya "*flexible education*" dapat dilaksanakan di USM. Usaha ini sesuai dengan keperluan akademik yang pelbagai dan dinamik pada masa kini dan juga pada masa hadapan.

Satu Pasukan Petugas untuk membincangkan pelaksanaan "*flexible education*" di USM telah ditubuhkan dan ia merupakan salah satu inisiatif penting ke arah membudayakan kecemerlangan akademik.


Pasukan petugas ini telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali, iaitu:

- a) Bil. 1 pada 5 April 2017 (Rabu)
- b) Bil. 2 pada 13 April 2017 (Khamis)
- c) Bil. 3 pada 16 Mei 2017 (Selasa)
- d) Bil. 4 pada 23 Ogos 2017 (Rabu)
- e) Bil. 5 pada 25 September 2017 (Isnin)

Berikut adalah rumusan cadangan dan keputusan mesyuarat Pasukan Petugas *Flexible Education*:


- a) Kerangka "*flexible education*" USM dibangunkan supaya perubahan dan penjajaran semula program akademik di USM dapat dilakukan dengan mudah dan fleksibel. Perkara ini amat diperlukan berikutan perubahan yang dinamik dan agresif terutamanya dalam aspek keperluan pembelajaran dan pengajaran pada masa ini dan masa hadapan.
- b) Kerangka "*flexible education*" ini ialah sebahagian daripada agenda untuk meningkatkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran di USM.
 - Hasil penting daripada pengenalan "*flexible education*" di USM adalah supaya sistem pendidikan USM akan dapat dicapai oleh pelajar dari seluruh dunia tanpa terhad kepada batasan geografi. Cara ini akan memastikan USM menjadi sebuah universiti global.
 - Kerangka "*flexible education*" USM juga akan membolehkan program akademik di USM diubah suai mengikut keperluan permintaan semasa dan hadapan yang amat pantas berubah, tetapi dalam masa yang sama tidak menjejaskan kualiti pengalaman pelajar semasa berada di USM.
 - Kerangka "*flexible education*" ini juga akan menggalakkan pemunya program akademik di PTJ supaya lebih kreatif dalam menghasilkan program akademik yang mampu menarik pelajar daripada pelbagai latar belakang dari seluruh dunia.
 - Usaha ini diharapkan akan membawa USM untuk menjadi sebuah universiti global yang diiktiraf dunia sebagai cemerlang bukan sahaja dalam penyelidikan, tetapi juga dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kerangka "Flexible Education" USM dapat digambarkan melalui rajah berikut:




Rajah 1: Kerangka "Flexible Education" USM


Setiap elemen dalam kerangka ini dapat diterangkan melalui rajah-rajah di bawah:



Rajah 2: Elemen Rekabentuk dalam Kerangka "Flexible Education" USM




Rajah 3: Elemen Masuk dan Keluar dalam Kerangka "Flexible Education" USM




Blended learning; on-line learning;
action learning; experiential learning;

Rajah 4: Elemen Penyampaian dalam Kerangka "Flexible Education" USM



Rajah 5: Elemen Pengurusan dan Tadbir Urus Dalam Kerangka “Flexible Education” USM



Rajah 6: Elemen Kawalan Kualiti Dalam Kerangka “Flexible Education” USM



Rajah 7: Elemen Strategi Perniagaan Dalam Kerangka “Flexible Education” USM

2. SETARA 2017

Universiti Sains Malaysia telah menjalani Audit SETARA 2017 pada 26 September 2017. Pusat Kualiti Universiti telah diberi mandat untuk menguruskan perincian beberapa kategori maklumat dan seterusnya membentangkannya kepada empat orang Ahli Panel Penilai SETARA.

Fokus utama ialah perkara pada Bahagian 2.5: penarafan program iaitu:


- Jumlah program yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia
- Jumlah program yang aktif
- Jumlah program yang telah matang
- Jumlah program yang telah tersenarai dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)

3. Strategi Pemasaran Program Akademik USM

Satu Pasukan Petugas yang diketuai oleh Institut Pengajian Siswazah (IPS) telah ditubuhkan untuk meneliti strategi pemasaran program akademik USM. Sebagai susulannya, makmal Pemasaran Program Akademik telah dijalankan pada 30 Ogos 2017 bertujuan membangunkan pendekatan pemasaran program akademik ijazah tinggi/ijazah pertama dan mengintegrasikan ekosistem serta komponen pemasaran program akademik yang lebih komprehensif. Secara umumnya, strategi ini melibatkan semua pihak antaranya Institut Pengajian Siswazah, Bahagian Pengurusan Akademik, Pusat Pengajian/Pusat/Institut dan Pusat Perumahan & Penginapan Universiti serta Bahagian Akademik & Antarabangsa.

Perincian strategi dan inisiatif pemasaran program akademik USM adalah seperti rajah di bawah:

USM MARKETING STRATEGY



Rajah 8: Strategi Pemasaran Program Akademik USM

Strategy	Strategic Initiatives
To develop comprehensive marketing approach with regards to academic programmes	Temporary secretariat moving towards centralised marketing unit
To enhance existing USM's marketing ecosystem and its components in building a new comprehensive and integrated ecosystem	Digital Marketing
	Branding
	Strategic promotional activities
	Accommodation as a selling point
	Strengthening of USM's alumni
	USM private wing (USAINS)
	Quality improvement of accommodation
	Smart payment process


Rajah 9: Strategi dan Inisiatif Strategi Pemasaran Program Akademik USM

4. Ekosistem Akademik USM

Untuk memantapkan ekosistem akademik di USM, Makmal Transformasi Akademik telah diadakan dari 29 September hingga 1 Oktober 2017 dan telah dihadiri oleh seramai 88 orang yang terdiri daripada Dekan, Pengarah, Timbalan Dekan Akademik serta Pegawai Tadbir. Antara fokus utama makmal ini adalah seperti berikut:

- Syarat kemasukan syarat-syarat kemasukan yang lebih mudah difahami agar dapat menarik lebih ramai pelajar belajar ke USM.
- Pengalaman pembelajaran – pengalaman pembelajaran yang luar biasa yang dihargai oleh Alumni USM serta menarik pelajar dari dalam dan luar negara.
- Rekabentuk program dan kurikulum yang inovatif – keupayaan untuk menghasilkan program yang relevan, tuntas dan menarik kepada semua pelajar.
- Jaminan kualiti akademik – semua program di USM dikawal oleh sistem jaminan kualiti akademik yang tertinggi.
- Sistem pengurusan akademik – sistem yang memastikan sistem pengurusan akademik yang cekap, memudah cara dan efektif.

Secara keseluruhan, resolusi daripada makmal ini ditunjukkan dalam rajah ekosistem di bawah:



Kerangka 3: Ekosistem Akademik USM



Gambar 1: Peserta Makmal Transformasi Akademik USM

PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK

1. Statistik Pengambilan Pelajar

Pada tahun 2017, USM telah menerima kemasukan pelajar baru seramai 8,208 orang dengan butiran seperti berikut:

a) Ijazah Pertama

Seramai 5,771 orang pelajar telah mendaftar bagi Sidang Akademik 2017/2018. Statistik pelajar adalah seperti berikut:

Rancangan Pengajian Ijazah Pertama, Diploma & Pra-U	Jumlah Keseluruhan
Penuh Masa	3,728
Pengajian Jarak Jauh	1,390
Saluran Alternatif	307
<i>Bottom Billion</i>	125
Pra-U	221
Jumlah Keseluruhan	5,771

Jadual 1: Statistik Pengambilan Pelajar Ijazah Pertama

b) Ijazah Tinggi


Jadual 2 menunjukkan taburan pengambilan pelajar bagi program ijazah tinggi tahun 2017 mengikut Pusat Pengajian/Pusat/Institut.

Seramai 2,437 pelajar baharu telah berdaftar pada tahun 2017 iaitu 1,736 bagi program Sarjana dan 701 bagi program Kedoktoran.

Bil.	Pusat Pengajian / Pusat / Institut	Kedoktoran	Sarjana	Jumlah
1.	Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan	9	13	22
2.	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	29	83	112
3.	Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan	63	227	290
4.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa	5	3	8
5.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam	25	18	43
6.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	15	25	40
7.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	10	103	113
8.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	10	11	21
9.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik	7	5	12
10.	Pusat Pengajian Komunikasi	12	57	69
11.	Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh	9	19	28
12.	Pusat Pengajian Pengurusan	36	11	47
13.	Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan	27	92	119
14.	Pusat Pengajian Sains Farmasi	22	26	48
15.	Pusat Pengajian Sains Fizik	21	37	58
16.	Pusat Pengajian Sains Kajihayat	21	39	60
17.	Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan	41	68	109
18.	Pusat Pengajian Sains Kesihatan	23	41	64
19.	Pusat Pengajian Sains Kimia	17	17	34
20.	Pusat Pengajian Sains Komputer	35	73	108
21.	Pusat Pengajian Sains Matematik	28	58	86
22.	Pusat Pengajian Sains Pergigian	16	37	53
23.	Pusat Pengajian Sains Perubatan	27	314	341
24.	Pusat Pengajian Seni	22	14	36
25.	Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan	72	164	236
26.	Pusat Pengajian Teknologi Industri	10	16	26
27.	Pusat Biologi Kimia		5	5
28.	Pusat IPv6 Termaju	10	6	16
29.	Pusat Kajian Kelestarian Global	1	19	20
30.	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam	8	21	29
31.	Pusat Kajian Samudera & Pantai	3	2	5
32.	Pusat Penyelidikan Arkeologi Global	1	2	3
33.	Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-Ubatan	4	2	6
34.	Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa	5	2	7
35.	Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar	2	2	4
36.	Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita		1	1
37.	Pusat Racun Negara	2		2
38.	Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia	12	12	24
39.	Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik	3	18	21
40.	Institut Farmaseutikal dan Nutrasedutikal Malaysia		1	1
41.	Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano-Optoelektronik	6		6
42.	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara	2		2
43.	Institut Penyelidikan Perubatan Molekul	3	16	19
44.	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	27	56	83
Jumlah		701	1,736	2,437

Jadual 2: Pengambilan Pelajar Ijazah Tinggi Mengikut Pusat Pengajian/Pusat/Institut

Carta 1 menunjukkan perbandingan pengambilan pelajar ijazah tinggi mengikut warga dan bukan warga bagi tahun 2012 hingga 2017. Pengambilan pelajar bukan warga menunjukkan peningkatan semenjak tahun 2016 manakala pengambilan pelajar warganegara konsisten.



Carta 1: Pengambilan Pelajar Ijazah Tinggi Mengikut Warga dan Bukan Warga Tahun 2012-2017

Jadual 3 menunjukkan taburan enrolmen mengikut Pusat Pengajian/Pusat/Institut bagi tahun 2017. Tiga Pusat Pengajian/Pusat/Institut yang menunjukkan bilangan enrolmen tertinggi ialah Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan.


Bil.	Pusat Pengajian / Pusat / Institut	Kedoktoran	Sarjana	Jumlah
1.	Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan	53	42	95
2.	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	177	285	462
3.	Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan	462	785	1,247
4.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa	11	13	24
5.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam	140	92	232
6.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	130	111	241
7.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	131	238	369
8.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	89	54	143
9.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik	78	54	132
10.	Pusat Pengajian Komunikasi	81	221	302

Bil.	Pusat Pengajian / Pusat / Institut	Kedoktoran	Sarjana	Jumlah
11.	Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh	109	68	177
12.	Pusat Pengajian Pengurusan	202	57	259
13.	Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan	158	260	418
14.	Pusat Pengajian Sains Farmasi	157	84	241
15.	Pusat Pengajian Sains Fizik	155	157	312
16.	Pusat Pengajian Sains Kajihayat	149	184	333
17.	Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan	177	205	382
18.	Pusat Pengajian Sains Kesihatan	99	153	252
19.	Pusat Pengajian Sains Kimia	55	86	141
20.	Pusat Pengajian Sains Komputer	143	189	332
21.	Pusat Pengajian Sains Matematik	143	190	333
22.	Pusat Pengajian Sains Pergigian	52	137	189
23.	Pusat Pengajian Sains Perubatan	144	1,521	1,665
24.	Pusat Pengajian Seni	67	61	128
25.	Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan	234	555	789
26.	Pusat Pengajian Teknologi Industri	105	82	187
27.	Pusat Biologi Kimia	3	20	23
28.	Pusat IPv6 Termaju	32	29	61
29.	Pusat Kajian Kelestarian Global	5	43	48
30.	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam	86	82	168
31.	Pusat Kajian Samudera & Pantai	7	7	14
32.	Pusat Penyelidikan Arkeologi Global	26	20	46
33.	Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-ubatan	19	15	34
34.	Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa	30	9	39
35.	Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar	11	10	21
36.	Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita	13	3	16
37.	Pusat Perkhidmatan Analitikal Toksikologi Termaju	4	4	8
38.	Pusat Racun Negara	4	1	5
39.	Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia	83	52	135
40.	Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik	3	22	25
41.	Institut Farmaseutikal dan Nutraceutikal Malaysia	5	10	15
42.	Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano-Optoelektronik	9	3	12
43.	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara	3		3
44.	Institut Penyelidikan Perubatan Molekul	43	52	95
45.	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	82	201	283
Jumlah		3,969	6,467	10,436

Jadual 3: Enrolmen Pelajar Ijazah Tinggi

Enrolmen pelajar pada tahun 2017 ialah 10,436 berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 10,608. Berdasarkan jumlah enrolmen tahun 2017, 38% (3,969 pelajar) ialah pelajar Sarjana, manakala 62% (6,467 pelajar) ialah pelajar Kedoktoran.

Enrolmen Pelajar Mengikut Warga dan Bukan Warga Tahun 2012–2017



Carta 2: Enrolmen Pelajar Ijazah Tinggi Mengikut Warga dan Bukan Warga

c) Pelajar Antarabangsa

Pada tahun 2017, jumlah pelajar antarabangsa ialah seramai 222 orang. Jumlah pelajar luar negara yang tertinggi adalah dari negara China iaitu 73 orang, diikuti dengan Indonesia seramai 25 orang dan Nigeria 14 orang. Perincian jumlah pelajar mengikut negara adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Aktif	Berijazah	Jumlah Enrolmen
1	CHINA	73	22	95
2	INDONESIA	25	5	30
3	NIGERIA	14	1	15
4	THAILAND	9	7	16
5	IRAN	6	1	8
6	YEMEN	7		8
7	MESIR	5		5
8	IRAQ	4	1	5
9	INDIA	5		5
10	PAKISTAN	3	1	4
11	BANGLADESH	2	1	3
12	ARAB SAUDI	3		3
13	JEPUN	2		2
14	KOREA	1	1	2
15	MAGHRIBI			1
16	FILIPINA	1		1
17	LIBYA			1
18	SUDAN	1	1	2
19	SYRIA	2		2
20	TANZANIA	2		2
21	PALESTINE		2	2
22	JORDAN	1		1
23	MALDIVES	1		1
24	AMERIKA SYARIKAT		1	1
25	RUSIA	1		1
26	SINGAPURA	1		1
27	SOMALIA	1		1
28	TAIWAN	1		1
29	ENGLAND	1		1
30	REPUBLIK CHAD		1	1
31	KAZAKHSTAN		1	1
JUMLAH		172	46	222


Jadual 4: Jumlah Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara

2. Kualiti Graduan

Pada tahun 2017, seramai 6,850 orang pelajar telah berijazah dengan butiran seperti berikut:

a) Ijazah Pertama

Pada tahun 2017, seramai 4,807 orang pelajar Ijazah Pertama telah berijazah. Statistik graduan adalah seperti berikut:



Jadual 5: Statistik Graduan Ijazah Pertama

b) Ijazah Tinggi

Pada tahun 2017, seramai 2,043 orang pelajar Ijazah Tinggi peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana telah berijazah. Daripada jumlah ini, seramai 1,700 orang ialah pelajar tempatan, manakala 300 orang lagi ialah pelajar antarabangsa. Prestasi pelajar mengikut tempoh masa berijazah adalah seperti berikut:

Ijazah/Tempoh	< 30 bulan	30-35 bulan (GOT)	36-42 bulan	43-48 bulan	> 48 bulan	Jumlah
Doktor Falsafah	1	19	46	65	396	527
Doktor Kesihatan Awam		4		1		5
Doktor Pendidikan				1	9	10
Doktor Pentadbiran Perniagaan			1	2	2	5
Sarjana	831	240	84	52	289	1,496
				Jumlah Keseluruhan		2,043

Jadual 6: Prestasi Pelajar Mengikut Tempoh Masa Berijazah

3. Penawaran Program Akademik Baharu

Pada tahun 2017, USM telah menawarkan lima (5) program baharu bagi ijazah tinggi seperti dalam Jadual 7. Di samping itu USM juga telah melaksanakan semakan kurikulum terhadap program sarjana dan sarjana muda untuk memenuhi keperluan semasa. Maklumat terperinci adalah seperti Jadual 8 di bawah:

Bil.	PROGRAM	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	Penawaran Program Baharu Sarjana Sains (Sains Persekitaran) secara Mod Kerja Kursus	Pusat Pengajian Teknologi Industri
2.	Sarjana Psikologi (Psikologi Klinikal) secara Mod Kerja Kursus	Pusat Pengajian Sains Perubatan Ijazah Bersama (Joint Degree) Universiti Sains Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
3.	Doktor Psikologi (Psikologi Klinikal) secara Mod Kerja Kursus	
4.	Doktor Psikologi (NeuroPsikologi Klinikal) secara Mod Kerja Kursus	
5.	Sarjana Neurosains Kognitif secara Mod Kerja Kursus	Pusat Pengajian Sains Perubatan

Jadual 7: Senarai Program Akademik Baharu - Sarjana Melalui Mod Kerja Kursus/Campuran

Bil.	PROGRAM	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	Sarjana Sains (Penyelidikan Perubatan) secara Mod Kerja Kursus	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
2.	Sarjana Sains (Sains Sukan) secara Mod Kerja Kursus	Pusat Pengajian Sains Kesihatan
3.	Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian) (Bioperubatan)	
4.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Sains Forensik)	
5.	Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian) (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan)	
6.	Sarjana Sains (Bioperubatan) secara Mod Campuran	
7.	Sarjana Sains (Sains Forensik) secara Mod Campuran	

Jadual 8: Senarai Semakan Kurikulum

Pada tahun 2017, USM telah menawarkan program ijazah tinggi secara mod Dual/Dwi Ijazah dengan universiti luar negara seperti dalam Jadual 9 di bawah:

Bil.	PROGRAM	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	Program Akademik Dual PhD kerjasama iaitu antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, USM dan Graduate School of Engineering, OSAKA University, Jepun.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
2.	Program Akademik Dwi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan oleh Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Sains oleh Adam Smith Business School, University of Glasgow, Scotland	Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
3.	Program Akademik Dual Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan oleh Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, USM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan oleh <i>School of Business and Management</i> , Institut Teknologi Bandung, Indonesia	
4.	Program Akademik Dual Ijazah Sarjana Sains dan Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Polimer Melalui Mod Penyelidikan dengan Kerjasama antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, USM dan Prince of Songkla University (PSU), Thailand	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral

Jadual 9: Senarai Program Dual/Dwi Ijazah

Selain itu, Pusat Pengajian Sains Kesihatan dan Ramsay Sime Darby Healthcare College telah mengadakan program usaha sama bagi program seperti dalam Jadual 10 di bawah:

Program

1. Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kejururawatan)
2. Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan)

Jadual 10: Senarai Program Francais

Seterusnya, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan telah menambahkan beberapa lokasi bagi penawaran program Sarjana Pendidikan Mod Kerja Kursus secara luar pesisir seperti dalam Jadual 11 di bawah:

Lokasi

1. Maktab Rendah Sains Mara, Kuching, Sarawak
2. Maktab Rendah Sains Mara, Kepala Batas, Pulau Pinang
3. Petrosains, Suria KLCC, Kuala Lumpur

Jadual 11: Senarai Lokasi Program Luar Pesisir

4. Program Doktor Perubatan USM-KLE India

Seramai 479 orang pelajar mengikuti program Doktor Perubatan USM-KLE IMP di Belgaum, India pada tahun 2017. Bagi Sidang Akademik 2017/2018, seramai 62 orang pelajar telah mendaftarkan diri. Daripada jumlah tersebut, 37 orang terdiri daripada pelajar perempuan manakala 25 orang terdiri daripada pelajar lelaki. Perincian enrolmen bagi Sidang Akademik 2013/2014 hingga 2017/2018 adalah seperti berikut:

Tahun Pengajian	Lelaki	Perempuan	Jumlah Pelajar
Tahun 1, Sidang Akademik 2017/2018	25	37	62
Tahun 2, Sidang Akademik 2016/2017	39	61	100
Tahun 3, Sidang Akademik 2015/2016	21	78	99
Tahun 4, Sidang Akademik 2014/2015	37	63	100
Tahun 5, Sidang Akademik 2013/2014	42	76	118
Jumlah	172	341	479

Jadual 12: Perincian Enrolmen Sidang Akademik 2013/2014 Hingga Sidang Akademik 2017/2018

5. IPS USM@KL

IPS USM@KL memainkan peranan sebagai pusat penawaran program Ijazah Tinggi USM di Kuala Lumpur dalam usaha meneroka pasaran baharu. Berfungsi terutamanya sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran, IPS USM@KL dilengkapi dengan fasiliti kelas, makmal komputer beserta fasiliti telesidang dan Webex, pejabat pentadbiran dan ruang pelajar. IPS USM@KL turut digunakan bagi tujuan viva-voce, peperiksaan akhir, mesyuarat, latihan, bengkel dan pusat temuduga calon pelajar prasiswazah.

Terdapat tiga program Ijazah Tinggi yang ditawarkan di IPS USM@KL iaitu:

- a) Sarjana Komunikasi (Komunikasi Pemasaran Bersepadu)
- b) Sarjana Amalan Pembangunan Lestari
- c) Sarjana Sastera (Pengajian Penterjemahan)

Jumlah pengambilan pelajar mengikut program sehingga Disember 2017 adalah seperti berikut:

Program	Bukan Warga	Warga	Jumlah
Sarjana Amalan Pembangunan Lestari	4	15	19
Sarjana Komunikasi (Komunikasi Pemasaran Bersepadu)	5	34	39
Sarjana Sastera (Pengajian Penterjemahan)	-	11	11
Jumlah	9	60	69

Jadual 13: Jumlah Pengambilan Pelajar IPS USM@KL Mengikut Program

Secara keseluruhan jumlah enrolmen pelajar mengikut program adalah seperti berikut:

Program	Bukan Warga	Warga	Jumlah
Sarjana Amalan Pembangunan Lestari	8	30	38
Sarjana Komunikasi (Komunikasi Pemasaran Bersepadu)	8	136	144
Sarjana Sastera (Pengajian Penterjemahan)	-	27	27
Jumlah	16	193	209

Jadual 14: Jumlah Keseluruhan Enrolmen Pelajar Mengikut Program

Seterusnya, jadual di bawah menunjukkan jumlah pelajar yang telah berijazah pada tahun 2017 mengikut program:

Program	Bukan Warga	Warga	Jumlah
Sarjana Amalan Pembangunan Lestari	1	8	9
Sarjana Komunikasi (Komunikasi Pemasaran Bersepadu)	1	28	29
Sarjana Sastera (Pengajian Penterjemahan)	-	1	1
Jumlah	2	37	39

Jadual 15: Jumlah Pelajar IPS USM@KL Berijazah Dalam Konvokesyen Pada Tahun 2017

PENGURUSAN DAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI AKADEMIK

Pusat Kualiti Universiti (PKU) berperanan untuk memastikan semua program akademik USM mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), menjalankan proses audit dalaman akreditasi program akademik, memberikan khidmat nasihat serta bimbingan dan membantu proses kajian semula kurikulum program akademik.

Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan di bawah PKU:

1. Bengkel Jaminan Kualiti Akademik

Bahagian Kualiti dan Akreditasi Kampus Kejuruteraan telah melaksanakan dua siri seminar dari bulan Mac hingga bulan Mei 2017. Seminar ini bertujuan untuk memahami prinsip, implementasi dan isu penilaian kurikulum kejuruteraan, OBE, serta pelarasan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif serta kecemerlangan dalam pendidikan kejuruteraan.

2. Seminar OBE dan Akreditasi Program Kejuruteraan

Seminar ini diadakan bertujuan memberikan penerangan dengan lebih lanjut tentang Proses Akreditasi Profesional yang terlibat dan hal-hal yang berkaitan kepada Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik. Program ini telah dijalankan pada 22 Mac 2017 bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, Kampus Kejuruteraan.

3. 'Academic Quality Talk' – The Expectation and Explicit Requirements of the New EAC Manual 2017.

Seminar sehari ini telah diadakan di Auditorium, USM Kampus Kejuruteraan pada 26 Mei 2017 kepada semua Dekan, Timbalan-timbalan Dekan dan staf akademik pusat pengajian kejuruteraan. Penceramah jemputan bagi program ini ialah Yg. Bhg. Prof Dato' Ir Dr Wan Hamidon Wan Badaruzzaman, iaitu mantan Pengarah EAD.

4. Proses Pendaftaran Program Akademik Dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) untuk Program Pascasiswazah Lama USM

Satu siri proses audit akreditasi program pascasiswazah yang telah lama ditawarkan di USM telah sempurna dilakukan selaras dengan arahan Malaysian Qualification Agency (MQA), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia. Proses ini telah melibatkan ratusan program di ketiga-tiga kampus USM. Proses audit itu menekankan penyemakan pematuhan standard/piawaian yang dinyatakan dalam dokumen *Standards: Masters and Doctoral Degree by Coursework, Mixed Mode and Research Mode* yang telah disediakan oleh MQA. Laporan audit dibentangkan dan diperhalusi sebelum diluluskan oleh Majlis Pengajian Siswazah USM sebelum dibentangkan untuk perakuan Senat USM. Setelah semua kelulusan diperolehi, proses pendaftaran program pascasiswazah lama telah dijalankan secara berperingkat. Sebanyak 252 program pascasiswazah telah dikenal pasti bagi tujuan pendaftaran MQR ini.

5. Seminar Penyediaan Dokumen Self Assessment Review (SAR) dan Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education, OBE)

Pusat Kualiti Universiti telah menganjurkan seminar Penyediaan *Self Assessment Review* (SAR) dan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education, OBE*) pada 23 dan 24 Oktober 2017 di Hotel Eastin Pulau Pinang, bertujuan memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada semua staf pentadbiran utama di Pusat Tanggungjawab yang terlibat berkaitan penyediaan dokumen SAR dan pematuhan kepada amalan OBE.

Seminar ini telah berhasil merumuskan beberapa pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu kritikal yang masih belum selesai berkaitan proses dalaman akreditasi program akademik di USM. Seramai 90 orang peserta yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan Akademik, Pengurus Program dan Pegawai yang terlibat dalam pengurusan akademik hadir mengikuti seminar ini.

6. Audit Dalaman


Pada tahun 2017 audit dalaman telah dilakukan terhadap beberapa program akademik pada peringkat Prasiswazah dan Pascasiswazah. Proses ini dijalankan untuk memenuhi syarat swaakreditasi program akademik untuk membolehkan pendaftaran dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register, MQR*).

PENGANTARABANGSAAN

Selaras dengan dasar pengantarabangsaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), USM turut melaksanakan beberapa program seperti berikut:

1. Program Pertukaran Pelajar Universiti Luar Negara Ke USM (Inbound)

Pada tahun 2017, seramai 481 orang pelajar dari luar negara (*inbound*) telah mengikuti program pertukaran pelajar di USM. Berikut adalah butiran program tersebut:



Carta 3: Bilangan Pelajar Mengikut Negara

Bilangan Pelajar Berdasarkan Negara dan Universiti adalah seperti berikut:

Bil.	Negara Asal	Jumlah Pelajar	Universiti	Bil. Pelajar	
				Prasiswazah	Siswazah
1.	Austria	42	FH Kufstein Tirol	42	
2.	Belanda	21	Hogeschool van Amsterdam	9	
			Avans University of Applied Sciences	5	
			Utrecht University	6	1
3.	Belgium	5	Universite Saint-Louis	5	
4.	Brunei	13	Universiti Brunei Darussalam	13	
5.	China	3	Fujian University of Traditional Chinese Medicine	2	1
6.	Denmark	6	Copenhagen Business School	6	
7.	Filipina	2	Saint Louis University		1
			University of the Philippines Baguio	1	
8.	Finland	40	Tampere University of Technology	10	
			Satakunta University of Applied Sciences	7	
			Häme University of Applied Sciences	1	
			Saimaa University of Applied Sciences	8	
			Helsinki Metropolia University of Applied Sciences	11	
			Lappeenranta University of Technology	3	
9.	Hong Kong	1	City University of Hong Kong	1	
10.	Indonesia	55	University of Brawijaya	9	
			Bina Nusantara University	1	
			Binus University	2	
			Bogor Agricultural University	4	
			Maranatha Christian University	4	
			Mercu Buana University	13	1
			Telkom University	8	
			Universitas Gadjah Mada	2	
			University of Hang Tuah		3
Universitas Muhammadiyah Yogyakarta	8				
11.	Jepun	34	University of Tsukuba	5	
			Nihon Fukushi University	1	
			Doshisha University	2	
			Tokyo Institute of Technology		1
			Akita International University	3	
			Hiroshima City University	1	
			Hiroshima University	1	
			Kyoto University of Foreign Studies	1	
			Nanzan University	1	
			Kansai University	1	2
12.	Jerman	53	Yokohama City University	4	
			Ritsumekan University	3	
			Nagaoka University of Technology	8	
			Hochschule RheinMain	3	
			Hochschule Konstanz	4	4
			Humboldt-Universität zu Berlin	3	1
			Technische Universität Braunschweig	3	1
			FH Aachen	6	14
			TU Clausthal		7
Technische Hochschule Nürnberg Georg Simon Ohm	1	4			
University of Bonn		1			
University of Leipzig		1			

Bil.	Negara Asal	Jumlah Pelajar	Universiti	Bil. Pelajar	
				Prasiswazah	Siswazah
13.	Kanada	6	The University of British Columbia	2	
			Memorial University of Newfoundland	2	
			University of Victoria	1	
			University of Guelph	1	
14.	Korea	40	Hannam University	14	
			Seoul National University of Science and Technology	3	
			Kyonggi University	5	
			Hankuk University	13	
15.	Lithuania	1	SongKongHoe University	5	
			Mykolas Romeris	1	
16.	Malaysia	10	USM	7	2
			UPM		1
17.	Morocco	8	Groupe ISCAE	6	1
			ENSICAEN	1	
18.	Norway	8	University of Stavanger	8	
19.	Pakistan		Lahore University Of Management Sciences		4
			University of Punjab, Lahore		1
			Government College University Lahore	2	
20.	Perancis	18	NEOMA Business School	5	6
			CESI	1	
			Sciences Po Toulouse	4	
			ENSICAEN	2	
21.	Republik Czech	2	Technical University of Liberac	2	
22.	Sudan	3	University of Khartoum		2
			University of Gezira		1
23.	Sweden	7	Linkoping University	3	1
			Uppsala University	2	1
24.	Switzerland	4	University of St. Gallen		2
			FHS St. Gallen	2	
25.	Taiwan	1	Tzu Chi University	1	
26.	Thailand	75	Hatyai University	61	
			Chiang Mai University	1	
			Chulalongkorn University	4	
			Khon Kaen University	2	
			Mae Fah Luang University	3	
			Mahidol University	1	
			Prince of Songkhla University	2	
			Ubon Ratchathani		1
27.	UK	9	Keele University	8	
			King London University	1	
28.	USA	2	Gustavus Adolphus College	1	
			Pacific Northwest College of Art	1	
29.	Vietnam	5	Nong Lam University	5	
Jumlah				415	66

Jadual 16: Bilangan Pelajar Berdasarkan Negara dan Universiti




Gambar 2: Aktiviti Pelajar Luar Negara

2. Program Pertukaran Pelajar USM Ke Luar Negara (*Outbound*)

Manakala program pertukaran pelajar (*outbound*), seramai 54 orang pelajar USM telah mengikuti program ini sepanjang tahun 2017.

Berikut adalah butiran program tersebut:



Carta 4: Bilangan Pelajar USM Outbound Mengikut Negara

Bil.	Negara	Universiti	Jumlah Pelajar 2017	Sumber Pembiayaan
1.	Australia	RMIT University	2	USM
		University of Technology Sydney	1	USM
2.	Belanda	University of Amsterdam	1	USM
3.	Czech Republic	Technical University of Liberec	2	USM
4.	Finland	South-Eastern Finland University of Applied Sciences	1	USM
5.	Hong Kong	The University of Hong Kong	2	USM
6.	Jerman	Kiel University	2	ERASMUS
		Humboldt Universitat Zu Berlin	1	USM
		Technische Hochschule Nurnberg Georg Simon Ohm	1	-
7.	Jepun	Chubu University	2	USM
		Kansai University	2	USM
		Yokohama City University	1	JASSO
		Kyushu Institute of Technology	4	USM
8.	Kanada	The University of British Columbia	2	USM
9.	Korea	Hannam University	10	KPT/USM
10.	London	Middlesex University	2	ERASMUS+
11.	Perancis	Institut d'Etudes Politiques de Toulouse	1	USM
12.	Sepanyol	Universidad Politecnica de Madrid	8	ERASMUS+
13.	Thailand	Mae Fah Luang University	2	KPT
		Prince of Songkla	1	USM
14.	Taiwan	National Taiwan University	1	USM
15.	UK	Keele University	5	ERASMUS+/ USM
Jumlah			54	

Jadual 17: Bilangan Pelajar Outbound Mengikut Negara, Pembiayaan & Universiti

3. Program / Kursus Jangka Pendek

Berikut adalah Program Jangka Pendek yang berlangsung dari Januari hingga Disember 2017:

Bil.	Nama Program	Institusi / Pelajar yang terlibat	Tarikh	Bil. Pelajar
1.	2017 Malaysia Study Programme	Nihon Fukushi University, Jepun	12 hingga 26 Februari 2017	13
2.	USM – NMSU Malay Language & Cultural Programme 2017	New Mexico State University, USA	30 Mei hingga 13 Julai 2017	6
3.	USM – UBU English & Cultural Programme 2017	Ubon Ratchathany University, Thailand	16 Julai hingga 5 Ogos 2017	5
4.	Ritsumeikan University (Kimura Aki) AY 2017 Global Fieldwork Project at USM	Ritsumeikan University, Jepun	3 hingga 8 September 2017	46
5.	USM – TU English & Cultural Programme 2017	Tokyo University, Jepun	7 Oktober hingga 11 November 2017	36
6.	Summer Intensive Programme for Hiroshima City University	Hiroshima City University, Jepun	17 hingga 24 Mac 2017	5
			Jumlah	111


Jadual 18: Program Jangka Pendek Yang Berlangsung Pada Tahun 2017



Gambar 3: Aktiviti Pelajar Semasa Program/Kursus Jangka Pendek

4. Pelawat Antarabangsa

Sepanjang tahun 2017, USM juga telah menerima kunjungan seramai 30 orang pelawat daripada pelbagai negara.



Carta 5: Bilangan Pelawat Mengikut Negara

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE) telah memainkan peranan yang amat penting dalam aspek kemajuan berterusan pengajaran dan pembelajaran. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Massive Open Online Course (MOOC)

Bagi tahun 2017, Majlis Ketua-ketua e-Pembelajaran IPTA (MEIPTA) telah bersetuju bahawa satu daripada MOOC yang dibangunkan oleh setiap universiti awam perlulah terdiri daripada mana-mana kategori yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Kursus Asas
- b) Kursus *Joint Development* (Industri & NGO)
- c) 21st Century
- d) Modul AKEPT
- e) Agenda KPT
- f) Agenda UNESCO
- g) *ASEAN Culture*

Dalam hal ini, pada peringkat USM bagi tahun 2017, dua (2) tajuk MOOC telah dikenal pasti seperti berikut:

- a) *Open Educational Resources* (OER) (Modul AKEPT) – CDAE
- b) *Ace That Presentation* (pembelajaran sepanjang hayat) – Pusat Pengajian Sains Farmasi



Gambar 4: Poster MOOC@USM

Berikut adalah status terkini MOOC yang telah dihasilkan pada tahun 2017:

Bil.	Tajuk MOOC	Status terkini
1.	Enhancing MOOC with OER (Part 1)	Siap dibangunkan dan telah ditawarkan kepada umum.
2.	Enhancing MOOC with OER (Part 2)	Siap dibangunkan dan telah ditawarkan kepada umum.
3.	Enhancing MOOC with OER (Part 3)	Siap dibangunkan, akan ditawarkan kepada umum pada Januari 2018.
4.	Ace That Presentation	Siap dibangunkan, akan ditawarkan kepada umum Januari 2018.

Jadual 19: Status MOOC Yang Telah Dihasilkan Pada Tahun 2017


Usaha dan komitmen CDAE untuk membantu para pensyarah membangunkan MOOC tetap diteruskan. Tiga (3) bengkel yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Bengkel	Tarikh	Bil. Peserta
1.	Bengkel MOOC @ Kampus Kesihatan	14 hingga 15 Mei 2017	24
2.	Bengkel MOOC @ Kampus Induk	11 hingga 12 Julai 2017	24
3.	Bengkel MOOC @ IPPT	22 hingga 22 Ogos 2017	31

Jadual 20: Bengkel MOOC Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2017

Bengkel-bengkel tersebut dilaksanakan untuk membantu para pensyarah memantapkan proses memantapkan kursus yang akan dibangunkan dalam bentuk MOOC. Ia juga bertujuan memantapkan kemahiran mengendalikan platform OpenLearning. Selain itu, para pensyarah juga diperkenalkan dengan beberapa *online tools* seperti *PowToon*, *Canva*, *Kahoot* dan sebagainya, yang boleh digunakan untuk pembangunan bahan pengajaran yang lebih interaktif.

2. Penggunaan eLearn@USM



Gambar 5: Poster eLearn@USM

CDAE terus komited dalam membudayakan penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan pensyarah selari dengan strategi yang terkandung dalam Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Jadual di bawah menunjukkan statistik penggunaan eLearn@USM pada Semester I dan II Sidang 2016/2017:

Semester		Jumlah	
		Pelajar	Pensyarah
Sem. I 16/17	Jumlah	27,922	1,632
	Bil. Online	21,383	990
	% Online	76,58	60.66
Sem. II 16/17	Jumlah	23,489	1,706
	Bil. Online	21,740	1,096
	% Online	92.55	64.24

Jadual 21: Statistik Penggunaan Elearn@USM Pada Semester I dan II Sidang 2016/2017

3. Pembangunan Instrumen Penilaian Pengajaran selaras dengan Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Melalui Empat Laluan Kerjaya

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 5 Julai 2017 telah meluluskan eksekusi kenaikan pangkat bagi ahli akademik melalui Empat Laluan Kerjaya yang berasaskan laluan pengajaran, penyelidikan, amalan profesional dan kepimpinan. Untuk merealisasikan proses penilaian bagi laluan pengajaran, CDAE telah diberikan mandat oleh Universiti untuk membangunkan instrumen khusus bagi tujuan ini.

Dalam hal ini, beberapa siri bengkel, perbincangan, dan sesi maklum balas penambahbaikan telah dilaksanakan untuk membangunkan instrumen penilaian pengajaran yang komprehensif dengan mengambil kira semua aspek penting yang berkaitan.

Bagi tujuan ini, bengkel-bengkel telah diadakan pada 17 November 2017 di Kampus Induk, pada 10 Disember 2017 di Kampus Kesihatan, dan pada 12 Disember 2017 di Kampus Kejuruteraan.

4. Anugerah Pendidik Sanjungan 2016

CDAE, selaku urus setia Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Pendidik Sanjungan (APS), Majlis Anugerah Sanggar Sanjung USM 2016 telah menguruskan proses pemilihan calon-calon APS. Anugerah ini diwujudkan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para pendidik Universiti yang cemerlang yang tidak pernah kenal erti penat lelah dalam mendidik generasi muda yang berwibawa, berkualiti dan berilmu. Universiti juga berhasrat memberikan insentif untuk menggalakkan pendidik USM supaya terus mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas pengajaran dan penyeliaan di pusat pengajian masing-masing.

Pada tahun 2017 sebanyak 10 pencalonan telah diterima. Dua peringkat telah dijalankan iaitu penilaian portfolio pengajaran dan penilaian demonstrasi pengajaran. Dua calon telah berjaya meraih Anugerah Pendidik Sanjungan 2016, iaitu Prof. Madya Dr. Ariffin Nasir (kluster Kesihatan) dan Prof. Madya Dr. Rozinah Jamaludin (kluster Sastera Gunaan).

5. Pemeteraian Perjanjian Perlesenan dengan OpenLearning Global (M) Sdn Bhd

Pada 5 Mei 2017, USM telah menandatangani perlesenan dengan OpenLearning Global (M) Sdn. Bhd. OpenLearning ialah platform rasmi yang menempatkan MOOC Malaysia, satu inisiatif daripada Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) menerusi Lonjakan 9 Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global.

Perjanjian ini membolehkan USM dan OpenLearning berkongsi pendapatan yang mungkin dijana daripada proses 'monetization' menerusi pemberian kredit kepada pelajar (credentialing) yang berjaya melengkapkan satu-satu MOOC.

USM diwakili oleh Naib Canselor, Y. Bhg. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc dan OpenLearning diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Adam Brimo, manakala Pengarah CDAE, Profesor Dr. Abd Karim Alias bertindak sebagai saksi bagi pihak USM dalam perjanjian ini.



Gambar 6: Pemeteraian Perjanjian Perlesenan Antara USM Dengan OpenLearning Global (M) Sdn. Bhd.

Satu sesi perbincangan juga telah diadakan antara wakil OpenLearning dengan ketua-ketua jabatan yang berminat untuk membangunkan MOOC di PTJ masing-masing. Antara perkara yang dibincangkan ialah pengenalan kepada platform OpenLearning, pembangunan MOOC USM dan peranan pihak OpenLearning dalam membantu usaha ini di USM.

Pada hari yang sama, diadakan juga taklimat tentang Platform OpenLearning kepada Timbalan Dekan Akademik (TDA) dan Pengerusi Rancangan Pusat Pengajian dari Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan kampus IPPT. Taklimat ini dihadiri seramai kira-kira 70 TDA dan Pengerusi Rancangan.

6. AKEPT Competency and Enhancement Programme (ACEP) Zon Utara

Dalam tahun 2017 CDAE telah menerima pelawaan kerjasama bersama Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) Universiti Utara Malaysia (UUM) selaku Ketua Zon Utara bagi pelaksanaan AKEPT Competency and Enhancement Programme (ACEP) 2017 dan 2018. Modul yang dilaksanakan ialah Modul Pengajaran & Pembelajaran (16 Modul) dan Modul Penyelidikan (4 Modul) AKEPT bagi tahun 2017 yang melibatkan penyertaan semua Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti di Zon Utara.

Berikut adalah senarai bengkel yang berjaya dijalankan pada tahun 2017:

Bil.	Bengkel	Tarikh	Bil. Peserta
1.	ACEP Level 1 (<i>Basic</i>)	8 hingga 9 Ogos 2017	16
2.	ACEP Level 2 (<i>Intermediate</i>)	14 hingga 16 November 2017	16

Jadual 22: Senarai Bengkel ACEP Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2017

7. Penyertaan USM dalam IUCEL 2017

International University Carnival On E-Learning (IUCEL) ialah suatu aktiviti tahunan e-pembelajaran yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Majlis e-Pembelajaran Ketua-ketua Penyelaras IPTA Malaysia (MEIPTA) dan dihoskan secara bergilir oleh universiti awam.

Karnival ini bertindak sebagai platform untuk mempromosi, memberikan pendedahan, membina rangkaian dan pada masa yang sama berkongsi kemahiran, praktis terbaik dan aplikasi e-pembelajaran dalam kalangan seluruh warga pengajian tinggi di Malaysia.

IUCEL merangkumi aktiviti utama seperti pameran, perkongsian, pertandingan dan pengiktirafan pelbagai kategori serta anugerah untuk menghargai setiap laras usaha dan pencapaian dalam aktiviti e-pembelajaran untuk merangsang penambahbaikan kualiti, kandungan dan aplikasi e-pembelajaran pada masa hadapan.



Gambar 7: Peserta International University Carnival On E-Learning (IUCEL) 2017

Pada tahun ini, CDAE telah diamanahkan oleh Naib Canselor untuk menyelaraskan penyertaan USM dalam IUCEL yang telah diadakan dari 26 hingga 27 September 2017 bertempat di kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan. USM telah menghantarkan sebanyak 11 penyertaan dalam Pertandingan Invention, Innovation & Design on E-learning (IIDEL) yang diadakan sempena IUCEL pada tahun ini. Kesemua penyertaan telah memenangi pingat seperti berikut:

Pingat Emas:

- 1) Multimedia Breastfeeding Education Kit: An Innovative Approach in Delivering Knowledge oleh Dr. Zaharah Sulaiman, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM)

Pingat Perak:

- 1) Flip Mathematics Education (FlipME) oleh Profesor Madya Dr. Azidah Abu Ziden dan Siti Nur Fatimah Abu Bakar, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
- 2) Student Pseudo On-Call Activity (SPOA) oleh Fatimatuazzahra' Abd Aziz dan Dr. Hadzliana Zainal, Pusat Pengajian Sains Farmasi
- 3) Gain & Give Language Learning Hub oleh Lee Pin Ling, Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
- 4) Video Tutorials As a Tool in Teaching for Practical Sessions of Dosage Form Formulation for Pharmacy Students oleh Dr. Amirah Mohd Ghazali dan Dr. Chan Siok Yee, Pusat Pengajian Sains Farmasi
- 5) Development and Effectiveness of 'Makan Sihat Saya', a Game-Based Intervention For Overweight And Obese Children oleh Dr. Hafzan Yusoff, Profesor Madya Dr. Hamid Jan Jan Mohamed, Wan Putri Elena Wan Dali, Pusat Pengajian Sains Kesihatan
- 6) Reinventing The Traditional Approach in The Teaching of Mathematics Through Integrating Flipped Classroom oleh Dr. Ng Theam Foo dan Sarah Hazwani Adnan, Pusat Kajian Kelestarian Global
- 7) Transforming Stressful to Joyful Classroom Via Web 2.0 Application oleh Dr. Muhd Al-Aarifin Ismail, Dr. Nik Mohd Rizal Mohd Fakri; Dr. Mohd Zarawi Mat Nor, Dr. Mohamad Najib Mat Pa, Dr. Jamilah Al-Muhammady Mohammad dan Dr. Anisa Ahmad, Pusat Pengajian Sains Perubatan
- 8) Free On-Line Education on Advanced Cardiac Life Support (ACLS) Among HealthCare Professional oleh Dr Ariff Arithra Abdullah, Jeewadas Baladas, Dr. Junainah Nor, Dr. Tuan Hairulnizam Tuan Kamauzaman, Dr. Abu Yazid Md Noh, Dr. Hashairi Fauzi, Tg. Mohd Azimin Tg. Hamzah Azimin, Pusat Pengajian Sains Perubatan
- 9) Flipped Classroom in Teaching Resuscitation Skills Among Medical Students oleh Dr Ariff Arithra Abdullah dan Dr. Junainah Nor, Pusat Pengajian Sains Perubatan

Pingat Gangsa:

- 1) To Kick Start The Use of Flipped Classroom In Physical Pharmacy Teaching: From The Perspective Of Local Context in Malaysia oleh Dr. Chan Siok Yee, Pusat Pengajian Sains Farmasi

Kejayaan ini adalah bukti komitmen yang ditunjukkan oleh para peserta selain kerjasama dan sokongan teknikal profesional yang dihulurkan oleh pihak Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, dan Creative Design House, USM.

8. Bengkel Latihan e-Pembelajaran dan *Student-Centred Learning* (SCL)

Sepanjang 2017, CDAE terus komited menganjurkan latihan e-pembelajaran bertujuan menerapkan kaedah pembelajaran terkini berasaskan ICT selain mendedahkan kepada pensyarah teknologi terkini yang dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.



Gambar 8: Penceramah Bengkel Latihan e-Pembelajaran

Sepanjang 2017, CDAE menyediakan sebanyak 36 tajuk latihan e-pembelajaran dan 35 tajuk latihan SCL di kampus induk untuk menampung keperluan pensyarah di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan IPPT di Bertam.

Sehingga 30 November 2017, sebanyak 21 bengkel e-pembelajaran telah dilaksanakan dengan jumlah kehadiran peserta seramai 307 orang dan sebanyak 4 bengkel SCL telah dilaksanakan dengan jumlah kehadiran peserta seramai 104 orang.

Jadual di bawah menunjukkan latihan e-pembelajaran yang telah dijalankan di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan IPPT.

Bil.	Tajuk Latihan	Tarikh	Jumlah Peserta
1.	<i>Flipped Classroom</i>	28/02/2017	38
2.	<i>Using Google Drive</i>	15/03/2017	16
3.	<i>Introduction to Learning Management System (ELEARN@USM)</i>	16/03/2017	10
4.	<i>Blended Learning</i>	21/03/2017	16
5.	<i>Using ELEARN@USM Effectively</i>	23/03/2017	9
6.	<i>Copyright for Educators</i>	29/03/2017	10
7.	<i>Creative Presentation Using Animation</i>	30/03/2017	16
8.	<i>Interactive Poll and Quizzes</i>	25/04/2017	12
9.	<i>Presentation Makeover for Educator</i>	27/04/2017	20
10.	<i>Using Infographic for Teaching and Learning</i>	23/05/2017	20
11.	<i>Interactive Lecture</i>	25/05/2017	10
12.	<i>Creating and Publishing e-Book</i>	18/07/2017	13
13.	<i>Social Media for Academics: Boosting Your Impact and Visibility</i>	20/07/2017	13
14.	<i>Engaging Online Learners</i>	01/08/2017	22
15.	<i>Using Infographic for Teaching and Learning</i>	17/08/2017	18
16.	<i>Introduction to Learning Management System (ELEARN@USM)</i>	23/08/2017	16
17.	<i>Using ELEARN@USM Effectively</i>	24/08/2017	14
18.	<i>Using Google Drive</i>	29/08/2017	10
19.	<i>Creative Presentation Using Animation</i>	26/09/2017	11
20.	<i>Using MAHARA for e-Portfolio</i>	22/11/2017	6
21.	<i>Interactive Lecture</i>	23/11/2017	7
Jumlah Penyertaan			307

Jadual 23: Senarai Latihan e-Pembelajaran Yang Telah Dijalankan Di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan IPPT

Jadual di bawah menunjukkan latihan SCL yang telah dijalankan di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan IPPT.

Bil.	Tajuk Latihan	Tarikh	Jumlah Peserta
1.	21 st Century Learning	14/03/2017	14
2.	Learning Theories and Bloom's Taxonomy	22/03/2017	11
3.	7 Habits of Highly Effective Supervisors	25/05/2017	52
4.	Impactful Coaching Skills For Educators	28/11/2017	27
Jumlah penyertaan			104

Jadual 24: Senarai Latihan SCL Yang Telah Dijalankan Di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan IPPT

Di Kampus Kesihatan, 37 tajuk e-pembelajaran ditawarkan dan 13 sesi telah dilaksanakan dengan kehadiran peserta seramai 143 orang.

Bil.	Tajuk Kursus	Jumlah Peserta
1.	Android for Personal Productivity	8
2.	Copyright for Educators	7
3.	Edmodo for Teaching & Learning	15
4.	Interactive SCL Using Microsoft PowerPoint 2013 (Advanced) Part 1	19
5.	Interactive SCL Using Microsoft PowerPoint 2013 (Advanced) Part 2	8
6.	Interactive SCL Using Microsoft PowerPoint 2013 (Montage Animation Development) Part 3	7
7.	Introduction to Learning Management System (e-Learn@USM)	8
8.	Using e-Learn@USM Effectively	8
9.	Interactive SCL Using Microsoft PowerPoint 2013 (Advanced) Part 1	13
10.	Interactive SCL Using Microsoft PowerPoint 2013 (Montage Animation Development) Part 2	0
11.	Massive Open Online Course (MOOC)	21
12.	Massive Open Online Course (MOOC)	18
13.	Interactive SCL Using Microsoft PowerPoint 2013 (Montage Animation Development) Part 4	11
Jumlah Penyertaan		143

Jadual 25: Senarai Latihan e-Pembelajaran Yang Telah Dijalankan Di Kampus Kesihatan

Jadual di bawah menunjukkan latihan SCL yang telah dijalankan di Kampus Kesihatan.

Bil.	Tajuk Kursus	Jumlah Peserta
1.	Academic Skill	23
2.	Blueprinting and Constructing Single Best Answer Questions	64
3.	Optimising Teaching Through Problem-based Learning 1	37
Jumlah Penyertaan		124

Jadual 26: Senarai Latihan SCL Yang Telah Dijalankan Di Kampus Kesihatan

9. Bengkel Training-on-Demand

Selain menjalankan latihan umum yang ditawarkan, CDAE juga komited membantu PTJ dalam melaksanakan latihan khusus kepada pensyarah di PTJ masing-masing. Latihan yang bersifat atas permintaan ini (training-on-demand) telah berjaya dilaksanakan sebanyak 11 kali di 10 pusat pengajian seperti berikut.

Bil.	Bengkel	Tarikh	Pemohon (PTJ)
1.	Instructional Design	16 Januari 2017	PP Pengurusan
2.	Using eLearn@USM Effectively	1 Februari 2017	PP Siswazah Perniagaan
3.	Using eLearn@USM Effectively	2 Februari 2017	PP Pengurusan
4.	Blended Learning	6 Februari 2017	PP Sains Farmasi
5.	Bengkel Pembelajaran Aktif	6 dan 7 Februari 2017	PP Sains Komputer dengan kerjasama Pusat IPV6 Termaju Negara
6.	Manuscript Writing Workshop	10 April 2017 dan 8 Mei 2017	IPPT
7.	Blended Learning for Teaching Food Technology Course	24 Julai 2017	PP Teknologi Industri
8.	Creative Presentation Using Animation	1 Ogos 2017	PP Sains Matematik
9.	Bengkel Pengenalan E-Learning	10 Ogos 2017	PP Arkeologi Global
10.	Pemantapan Borang BPK	24 Ogos 2017	PP Sains Kimia
11.	iPad for Teaching and Learning Mathematics	16 Oktober 2017	PP Sains Matematik

Jadual 27: Senarai Bengkel Training-on-Demand

10. Pembelajaran Mikro (PM)

Bermula tahun 2017, CDAE menawarkan latihan dalam bentuk Pembelajaran Mikro (PM). PM ini ditawarkan secara selari dengan latihan pembangunan profesional yang lazimnya dikendalikan oleh CDAE.

Konsep PM ialah pembelajaran secara *nuggets* (kecil-kecilan) iaitu tempoh latihan hanya berdurasi antara 2 hingga 3 jam sahaja. Hasil pembelajaran juga diringkaskan kepada satu atau dua set kemahiran yang spesifik. Semasa sesi PM peserta didedahkan secara berfokus tentang penggunaan alat teknologi yang mudah dan sering digunakan dalam pengajaran.

Senarai sesi PM yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk	Tarikh	Bil. Peserta
1.	Creating Graphic Using Canva	21/03/17	13
2.	Personal Information Management	23/03/17	6
3.	How to Create an Instructional Video (Screencast) Using Ipad	24/03/17	3
4.	Using Microsoft Word "Review Tools" For Assignment Comments and Make Changes	22/05/17	10
5.	How to Create a Simple Personal Website Using Weebly	23/05/17	11
6.	Creative Presentation Using Animation: Biteable/Moovely	24/05/17	4
7.	Simple Image Editing Using Pixir	29/05/17	7
8.	How to Organise Your Resources in eLearn@USM to Meet Blended Learning Criteria	30/05/17	16
9.	How to Annotate Image and Video Using Thinglink	31/05/17	12
10.	How to Create a Slideshow Using Animoto	24/10/17	11
11.	Mindmapping Tools for Brainstorming and Learning	25/10/17	16
12.	How to Create a Beautiful Presentation with Haiku Deck and/or Sway	26/10/17	8
13.	How to Organise Your Resources in ELEARN@USM to Meet Blended Learning Criteria	30/10/17	6
14.	Class Management Using Facebook Group	31/10/17	8
Jumlah Peserta			131

Jadual 28: Senarai Sesi Pembelajaran Micro 2017

11. Kursus Sijil Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Pensyarah Baharu USM

Kursus Sijil P&P ialah kursus wajib yang dihadiri oleh staf akademik baharu sebagai salah satu syarat pengesahan jawatan. Sepanjang 2017, tiga (3) kursus telah dilaksanakan seperti berikut:

- a) 16 hingga 27 Januari 2017 di Kampus Induk,
- b) 27 Mac hingga 6 April 2017 di Kampus Kesihatan,
- c) 14 Ogos hingga 25 Ogos 2017 di Kampus Induk

Bagi kursus yang diadakan di Kampus Induk, peserta terdiri daripada staf akademik Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, dan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).



Gambar 9: Para Peserta Kursus Sijil Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Pensyarah Baharu USM

Ringkasan penyertaan bagi kedua-dua kursus tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Kampus	Bilangan Peserta
1.	Induk	56
2.	Kejuruteraan	16
3.	IPPT	10
4.	Kesihatan	25
Jumlah		107

Jadual 29: Ringkasan Penyertaan Kursus Sijil Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Pensyarah Baharu USM

CDAE mula memasarkan program latihan bagi tujuan penjana pendapatan pada Januari 2017 selaras dengan hasrat USM untuk meningkatkan pendapatan melalui kepakaran dan kemahiran staf sedia ada. Pelaksanaan latihan pembangunan profesional bagi tujuan penjana pendapatan di CDAE adalah seperti berikut:

- i) Penyertaan terbuka oleh umum
- ii) Pelaksanaan pada peringkat institusi

Perjanaan kewangan bagi program latihan pembangunan profesional CDAE dikendali dengan kerjasama USAINS Holding Sdn. Bhd. Usaha pemasaran dilakukan secara bersama oleh CDAE dan USAINS Holding Sdn. Bhd.

Terdapat dua bentuk program latihan yang disediakan iaitu:

- a) Pembelajaran berasaskan teknologi
- b) Pembelajaran berasaskan pedagogi

Pada masa yang sama, CDAE dengan kerjasama PPKT dan USAINS Holding Sdn. Bhd. telah mengorak langkah strategik dengan mengadakan perbincangan awal dengan Bahagian Latihan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk membangunkan sistem sokongan berikut bagi kegunaan TUDM:

- a) Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System-LMS*)
- b) Sistem Pembangunan Profesional Berterusan
- c) Latihan Pembangunan *e-Content* dan penyampaian e-latihan
- d) Infrastruktur dan rangkaian yang bersesuaian
- e) Meja bantuan dan sokongan berterusan



Gambar 10: Peserta Perbincangan Awal Antara CDAE, PPKT & USAINS Holdings Bersama TUDM

12. Aktiviti Tabung Latihan Akademik

Pada tahun 2017, pihak CDAE telah menerima sejumlah 91 permohonan daripada staf akademik untuk mengikuti latihan/kursus menggunakan peruntukan Tabung Latihan Akademik. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60 permohonan telah mendapat kelulusan dan 22 daripadanya melibatkan latihan/kursus di luar negara.

Bagi tujuan mengikuti latihan/kursus ke luar negara, kelulusan perlu diperolehi daripada pihak Lembaga Gabenor Universiti dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi. Butiran permohonan dan kelulusan penggunaan Tabung Latihan Akademik adalah seperti berikut:

Bilangan permohonan keseluruhan	91
Bilangan permohonan diluluskan	60
- Dalam Negara (38)	
- Luar Negara (22)	
Bilangan permohonan dalam proses	0
- Luar Negara (-)	
- Dalam Negara (-)	
Bilangan Permohonan Tidak Diluluskan / Tarik Diri	31

Jadual 30: Butiran Permohonan dan Kelulusan Penggunaan Tabung Latihan Akademik

13. Program Latihan Anjuran Akademi Kepemimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)

CDAE juga bertanggungjawab menguruskan pencalonan pensyarah ke program kepemimpinan di bawah anjuran AKEPT.

Sehingga 30 Oktober 2017, CDAE telah menyelaraskan penyertaan seramai sebelas (11) orang staf akademik ke program latihan/kursus yang dianjurkan. Senarai penyertaan adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Tarikh/Tempat	Penyertaan
1.	<i>IL502-Certified NLP Leadership Practitioner</i>	21 hingga 23 Mac 2017 AKEPT	1. Prof. Dr. Afidah Abdul Rahim (PPS Kimia) 2. Prof. Hasnah Osman (PPS Kimia)
2.	<i>Program Value Creation Acceleration Through Creativity & Innovation Experiences (VACCINE)</i>	10 hingga 12 April 2017 AKEPT	1. Prof. Dr. Habibah A Wahab (PPS Farmasi) 2. Prof. Madya Dr. Nornisah Mohamed (PPS Farmasi)
3.	<i>AKEPT Leadership Talk Series 2017: 2nd Series</i>	13 April 2017 AKEPT	1. Prof. Dr. Hailiza Kamarulhaili (PPS Matematik) 2. Prof. Dr. Azlan Abdul Aziz (PPS Fizik) 3. Prof. Madya Dr. Zurinahni Zainol (PPS Komputer)
4.	<i>Qalb-Based Leadership 2017</i>	17 hingga 18 April 2017 AKEPT	1. Ustaz Zayd Zhari (Pusat Islam) 2. Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari (ISDEV)
5.	<i>DELAT 101-Digital Education Leadership Action Training</i>	7 hingga 21 Mei 2017 (Pre-workshop online learning)	1. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (PTPM)
		22 hingga 24 Mei 2017 (DELAT's Workshop 1)	
		25 Mei hingga 24 Ogos 2017 (Online distance learning)	
		24 hingga 25 Ogos 2017 (DELAT's Workshop 2)	
6.	<i>SD 104: Asean Community in Higher Education Institution</i>	8 hingga 13 Oktober 2017 Bali, Indonesia	1. Dr. Asyirah Abdul Rahim (PP Ilmu Kemanusiaan)

Jadual 31: Senarai Program Latihan Anjuran Akademi Kepemimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)

*PPS Pusat Pengajian Sains
PP Pusar Pengajian

Bermula pada Mei 2017, pihak AKEPT telah melaksanakan penggunaan Sistem A.I.M.S (AKEPT *Information Management System*) bagi proses hebahan kursus/latihan dan pencalonan peserta ke semua program yang dianjurkan. Dalam hal ini, pihak USM melalui CDAE juga telah mula menggunakan sistem ini untuk menyokong langkah yang dilakukan oleh pihak AKEPT.

14. Sesi Lunch & Learn

Sesi ini dilaksanakan bersama-sama para pelajar dengan pendekatan pembelajaran secara kecil-kecilan (*micro-learning*) dan ia berlangsung selama satu (1) jam bagi setiap sesi. Topik yang disampaikan merangkumi pelbagai aspek namun ia berkaitan dengan akademik pelajar. Sehingga November, sebanyak dua (2) sesi telah dilaksanakan seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Masa	Tajuk Program	Penyertaan
1.	10 November 2017	10.00 pagi hingga 11.00 pagi	Kemahiran Teknologi bagi Menggelakkan Plagiarisme oleh Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden	86 orang
Objektif:				
a) Pendedahan isu plagiarisme				
b) Pendedahan berkenaan penggunaan teknologi untuk mengelakkan diri daripada terjebak dalam isu plagiarisme				
2.	30 November 2017	11.00 pagi hingga 12.00 tengahari	<i>Effective-Collaborative Academic Group Work</i> oleh Dr. Aidiahmad Dewa	132 orang
Objektif:				
a) Mendedahkan para pelajar dengan teknik dan tatacara efektif dalam kerja berkumpulan untuk melaksanakan projek akademik				
b) Menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif dan kolaboratif dalam kerja berkumpulan semasa proses menyempurnakan projek akademik				

Jadual 32: Senarai Sesi Lunch & Learn

15. Siri Seminar Pengajaran dan Pembelajaran

Seminar "Excellence in Teaching and Learning" yang pertama bagi tahun 2017 telah dilangsungkan pada 28 April 2017 di Dewan Bankuet, USM.

Seminar ini memberikan tumpuan terhadap isu-isu terkini dalam pengajaran dan pembelajaran selain bertujuan membudayakan *intellectual discourse* dalam kalangan pensyarah di USM. Bagi kali ini, 2 pemenang Anugerah Akademik Negara iaitu Profesor Madya Dr. Jaafar Jantan (UiTM) dan Profesor Madya Dr. Raihanah Mohd Mydin (UKM) telah diundang. Kedua-dua penceramah telah menyampaikan ceramah dengan begitu menarik tumpuan melalui topik ceramah "Paradigm Shift from Content-Based Education to Outcomes-Based Education: The Role of New Academics on Curriculum and Course Design for Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA) dan "Taking Risks, Disrupting Mindsets: Challenges for Today's Educators".

Seramai kira-kira 140 pensyarah dari dalam dan luar USM (antaranya UniMAP, KDU, UniSZA, Kolej Perguruan Melaka) yang hadir melahirkan rasa puas hati dengan ilmu dan perkongsian yang diperoleh daripada program ini.

Seminar kedua telah dijalankan pada 24 November 2017 tiga (3) penerima 'L'Oreal-UNESCO for Women In Science Fellowship' telah berkongsi penyelidikan yang telah dilakukan oleh mereka sehingga berjaya meraih anugerah yang berprestij ini. Selain itu, mereka juga memberikan beberapa 'tips' kepada peserta yang berminat untuk memohon 'fellowship' ini pada tahun hadapan. Seramai 25 peserta telah menghadiri seminar ini.



Gambar 11: Peserta Seminar “Excellence in Teaching and Learning”

16. Bengkel Persediaan Pencalonan Anugerah Akademik Negara (Kategori Pengajaran)

CDAE telah mengambil langkah proaktif sebagai persediaan proses pencalonan Anugerah Akademik Negara (kategori Pengajaran) dengan mengadakan Bengkel Pemantapan Portfolio Pengajaran. Bengkel ini dihadiri oleh pensyarah yang berpotensi diketengahkan sebagai calon Anugerah Akademik Negara (kategori Pengajaran) telah dilangsungkan pada 17 April 2017.

Bengkel yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden telah mengupas secara terperinci kaedah menghasilkan portfolio pengajaran yang padat dan menarik. Para peserta turut didedahkan dengan maklumat tentang kriteria yang dinilai semasa proses penilaian.

PENYEBARAN ILMU

Di samping peranan USM sebagai pusat penerokaan dan penyebaran ilmu baharu kepada pelajar, ia juga turut menyebarkan ilmu kepada masyarakat setempat melalui majlis syarahan umum peringkat kebangsaan, antarabangsa dan pelantikan profesor.

1. Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan

Senarai majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Pusat Pengajian	Tajuk
1.	Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan	Ilmu Kemanusiaan	Memperibumikan Ilmu dalam Pembangunan Ekonomi Negara melalui Terjemahan

Jadual 33: Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan

2. Majlis Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa

Senarai majlis Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa sepanjang 2017 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Pusat Pengajian	Tajuk
1.	Dr. Simon Duffy	Ilmu Kemanusiaan & Sains Matematik	<i>Deleuze, Mathematics and the Nature of Problems</i>
2.	Jeremy Fernando	Ilmu Kemanusiaan	<i>Art & writing; or, the whispers of sand</i>
3.	Prof. Charles Hopkins	RCE	<i>Reimagining and Implementing Esd Practices for Education 2030: Learning and Beyond</i>
4.	Serina Cucuzza	Sains Kajihayat	<i>Commercial Translation for Better Health Outcomes</i>
5.	Prof. Simon Lawrence Croft	RCMO	<i>Neglected Tropical Diseases through Partnerships</i>
6.	Dr. Mike Morley	Pusat Penyelidikan Arkelologi Global	<i>Georarchaeological Research in Tropical Southeast Asia: Reconstructing The Life and Death of an Archaeological Site</i>
7.	Dr. Dirk Biskup	INFORMM	<i>New Approaches to Tumor Diagnostics and Therapy</i>
8.	Prof. Dr. Andrew Wee	Sains Fizik	<i>The Molecule-2D Transition Metal Dichalcogenides Interface</i>

Jadual 34: Majlis Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa

3. Majlis Syarahan Umum Pelantikan Profesor

Senarai majlis Syarahan Umum Pelantikan Profesor adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Pusat Pengajian	Tajuk
1.	Prof. Dr. Azmi Sarriff	Sains Farmasi	Penzahiran Amalan Profesional di Farmasi-farmasi Komuniti
2.	Prof. Dr. Gam Lay Harn	Sains Farmasi	Penanda Bio-Protein
3.	Prof. Dr. Habibah A. Wahab	Sains Farmasi	Gigabait ke Nanomolar – Memahami Fenomena Biologi Agen Terapeutik Baru
4.	Prof. Dr. Mohamed Azmi Ahmad Hassali	Sains Farmasi	Peranan Ubat-ubatan Generik dalam Kelestarian Penggunaan Farmaseutikal di Malaysia
5.	Prof. Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman	Sains Farmasi	Pendekatan Transdisiplinari dalam Farmasi Klinikal – ke arah Melestarikan Bidang Farmakoterapi
6.	Prof. Dr. Lee Yeong Yeh	Sains Perubatan	Perubahan Landskap Kesihatan Gastrosus di Malaysia
7.	Prof. Dr. Gan Siew Hua	Sains Perubatan	Gen dan Ubat-ubatan serta Penyelidikan Madu
8.	Prof. Dr. Aldrin Abdullah	Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Adakah Rumah Anda Selamat? Peranan dan Impak Rekabentuk

Bil.	Nama	Pusat Pengajian	Tajuk
9.	Prof. Dr. Azizi Bahauddin	Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Naratif dan Protagonis dalam Rekabentuk Warisan; Satu Penceritaan Budaya
10.	Prof. Dr. Jelani Harun	Ilmu Kemanusiaan	Karya Agung dan Politik Kenegaraan Melayu
11.	Prof. Dr. Suriati Ghazali	Ilmu Kemanusiaan	Transformasi Wanita Malaysia: Suatu Perspektif Geografi Budaya
12.	Prof. Dr. Zamzuri Idris	Sains Perubatan	Pemetaan Otak dan Roh serta Beberapa Rahsiannya
13.	Prof. Dr. Mohd Mokhtar Saidin	Pusat Penyelidikan Arkeologi Global	Semenanjung Malaysia: Kepentingan kepada Zaman Prasejarah dan Tamadun Dunia
14.	Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon	Pusat Penyelidikan Arkeologi Global	Sejarah dan Perkembangan Arkeologi di Malaysia: Isu, Cabaran dan Masa Depan
15.	Prof. Dr. Sharif Mahsufi Mansor	Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan	Ketum (<i>Mitragyna speciosa</i>): Sejarah Penggunaan dan Penemuan Terkini
16.	Prof. Dr. Shaiful Bahari Ismail	Sains Perubatan	Kesihatan Lelaki di Malaysia – Perkembangan, Isu dan Cabaran
17.	Prof. Dr. Nik Hazlina Nik Hussain	Sains Perubatan	Kesihatan Wanita di Malaysia – Perkembangan, Isu dan Cabaran

Jadual 35: Majlis Syarahan Umum Pelantikan Profesor





ALL ARE WELCOME!!

**PUBLIC LECTURE
BY
PROFESSOR CHARLES HOPKINS**

**"REIMAGINING AND IMPLEMENTING ESD PRACTICES FOR
EDUCATION 2030: LEARNING AND BEYOND"**

Date: 24th January 2017
Time: 8.30 am-12.00 pm
Venue: Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia

Organized by:
Regional Centres of Expertise on Education for Sustainable Development
(RCE Penang),
Universiti Sains Malaysia

in collaboration with
School of Educational Studies,
Universiti Sains Malaysia

**PROFESSOR CHARLES HOPKINS,
UNESCO Chair in Reorienting Teacher
Education towards Sustainability.**

  REGIONAL CENTRE OF EXPERTISE
ON EDUCATION FOR
SUSTAINABLE DEVELOPMENT
ACKNOWLEDGED BY


Gambar 12: Poster Syarahan Umum Peringkat Antarabangsa - Prof. Charles Hopkins


 PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SYARAHAN TOKOH NEGARA

Memperibumikan Ilmu dalam Pembangunan Ekonomi Negara melalui Terjemahan

Tarikh : 17 Februari 2017 [Jumaat]
Masa : 9.30 - 11.30 pagi
Tempat : Dewan Budaya
 Universiti Sains Malaysia



ABSTRAK
 Ada sebuah proses penting dalam mewujudkan bangsa kreatif dalam menjana kekayaan ekonomi yang sering terlepas daripada pandangan kita, iaitu: memindahkan ilmu, memperibumikan ilmu, dan mencetuskan kreativiti peribumi. Pemindahan ilmu itu bermaksud menterjemahkan ilmu ke dalam sesuatu bahasa peribumi, dan memperibumkan ilmu itu, dan kemudian mewujudkan kreativiti peribumi, iaitu melahirkan *imitators to world-class innovators*. Tatsuno Sheridan (1990). Perbincangan ini menelusuri perkembangan itu dalam beberapa buah negara ekonomi besar pada masa ini. Cadangan juga akan dibuat bagi melahirkan fenomena yang sama di negara ini.

Y Bhg. Profesor Emeritus Dr Abdullah Hassan
 Presiden
 Persatuan Penterjemah Malaysia/
 PTS Publications Distributors Sdn. Bhd.

Anjuran: Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi (UniTI), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM

Gambar 13: Poster Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan
Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan

SYARAHAN UMUM PELANTIKAN PROFESOR

16 MEI 2017 | SELASA | 8.00 PAGI - 5.00 PETANG
 DEWAN BUDAYA, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



PROF. DR. AZMI SARRIFF PROF. DR. SYED AZHAR SYED SULAIMAN PROF. DR. HABIBAH A. WAHAB PROF. DR. GAM LAY HARN PROF. DR. MOHAMED AZMI AHMAD HASSALI


 PUSAT PENGAJIAN SAINS FARMASI

Gambar 14: Poster Syarahan Umum Pelantikan Profesor
Prof. Dr. Azmi Sarriff; Prof. Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman; Prof. Dr. Habibah A. Wahab; Prof. Dr. Gam Lay Harn & Prof. Dr. Mohamed Azmi Ahmad Hassali, dari Pusat Pengajian Sains Farmasi



**PENYELIDIKAN
& INOVASI**

Tumpuan penyelidikan di USM berfokus pada tiga teras utama iaitu *curiosity-driven*, *people-focused* dan *industry-driven* yang bertujuan melonjakkan USM sebagai sebuah universiti penyelidikan bertaraf dunia bertunjangan kelestarian untuk menyokong bidang Keberhasilan Utama Universiti (KRA 2) di samping memperkasakan pencapaian dan kecemerlangan universiti sebagai salah sebuah Universiti Penyelidikan di Malaysia.

Salah satu usaha yang dibuat adalah dengan melihat kepada penyelidikan yang mempunyai impak bernilai tinggi kepada masyarakat dan negara melalui sesi pembentangan projek *blockbuster* oleh pusat pengajian dan pusat penyelidikan, memperkenalkan pembiayaan yuran penerbitan (kertas kerja) dalam jurnal, *bridging grant* dan geran insentif penyelidikan global sebagai galakan kepada penyelidik untuk terus menjalankan penyelidikan seperti:

- Para penyelidik juga digalakkan memohon geran translasional yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dipertanggungjawabkan bagi semua perkara yang berkaitan dengan penyelidikan di universiti, termasuk pengurusan geran penyelidikan, aktiviti pengkomersilan, kemudahan penyelidikan dan sebagainya.

PEJABAT PENGURUSAN DAN KREATIVITI PENYELIDIKAN

Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan atau lebih dikenali sebagai RCMO, menguruskan keseluruhan hal ehwal geran penyelidikan yang diterima oleh penyelidik sama ada daripada sumber luaran atau dalaman. Sumber luaran meliputi geran daripada agensi kerajaan, swasta, antarabangsa, FRGS, FRGS-KPT, LRGS dan Dana R&D manakala sumber dalaman meliputi geran USM jangka pendek dan RUI.

Perkembangan projek penyelidikan sepanjang tahun 2017 secara keseluruhannya agak menurun jika dibandingkan dengan tahun 2016. Perkembangan ekonomi negara yang agak perlahan telah memberikan impak kepada penawaran geran penyelidikan khususnya daripada agensi luar. Oleh yang demikian, para penyelidik giat mengintai peluang geran daripada industri, agensi luar dan agensi luar negara dalam usaha memperkasakan bidang penyelidikan.

Sepanjang tahun 2017, bilangan projek baharu yang diterima daripada agensi luar berkurangan hampir 32% manakala bilangan projek yang diterima melalui sumber dalaman pula berkurangan sebanyak 24%. Walau bagaimanapun, universiti sentiasa mencari peluang untuk membantu dan menggalakkan penyelidik mendapatkan geran penyelidikan khususnya daripada agensi luar persada antarabangsa.

Geran baharu daripada sumber luaran yang diterima sehingga Disember 2017 adalah sebanyak 115 projek dengan dana berjumlah RM13,704,753.72. Penawaran dana R&D yang diperkenalkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada tahun ini telah memberikan sedikit ruang kepada penyelidik. Sebanyak lapan projek berjumlah RM1,757,996.00 telah berjaya menerima dana R&D tersebut.



Geran Sumber Luaran (Projek Baharu)

Jenis Geran Sumber Luaran	2017			2016		
	Projek Aktif Dalam Tempoh	Projek Baharu		Projek Aktif Dalam Tempoh	Projek Baharu	
		Bil. Projek	Peruntukan Keseluruhan (RM)		Bil. Projek	Peruntukan Keseluruhan (RM)
Agensi Luar	370	79	4,039,099.56	325	105	7,673,997.65
- Kerajaan	148	35	2,903,039.80	146	54	4,700,138.90
- Swasta	109	20	880,885.00	74	18	888,395.33
- Antarabangsa	113	24	655,174.76	105	33	2,085,463.42
FRGS	364	60	5,109,097.70	481	85	9,327,237.00
ERGS	1	Telah Dijumudkan		43	Telah Dijumudkan	
PRGS-KPT	40	3	398,560.00	31	1	125,000.00
LRGS	22	1	2,000,000.00	36	3	2,900,700.00
TRGS	41	0	0.00	31	3	2,635,400.00
ScienceFund	37	0	0.00	41	0	0.00
Dana R&D	8	8	1,757,996.00	0	0	0.00
JUMLAH	883	139	13,704,753.72	988	207	22,662,334.65

Data 2016: Statistik berdasarkan data Pangkalan Data Penyelidikan pada 31 Disember 2016

Data 2017: Statistik berdasarkan data Pangkalan Data Penyelidikan pada 31 Disember 2017

Peruntukan keseluruhan yang diterima oleh penyelidik USM melalui sumber luaran merangkumi projek lama dan projek baharu adalah sebanyak RM20,098,726.27.

Perbandingan terimaan geran penyelidikan daripada sumber luaran bagi projek baharu antara tahun 2016 dengan tahun 2017 adalah seperti yang terdapat pada jadual di bawah. Geran baharu daripada sumber luaran yang diterima sehingga Disember 2017 adalah sebanyak 115 projek dengan dana berjumlah RM13,704,753.72. Penawaran dana R&D yang diperkenalkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada tahun ini telah memberikan sedikit ruang kepada penyelidik. Sebanyak lapan projek berjumlah RM1,757,996.00 telah berjaya diterima dana R&D tersebut.

Projek sumber dalaman pula merujuk projek yang dibiayai melalui dana penyelidikan universiti atau dana penyelidikan universiti penyelidikan yang diberikan secara geran blok. Jadual di bawah menunjukkan jumlah projek baharu yang diterima pada tahun 2017.

Geran Sumber Dalaman (Projek Baharu)

Jenis Geran Sumber Dalaman	2017		
	Projek Aktif Dalam Tempoh	Projek Baharu	
		Bil. Projek	Peruntukan Keseluruhan (RM)
IReC	1	0	0.00
USM Jangka Pendek	573	87	2,643,287.06
RUI	470	88	7,754,731.07
RUT	7	0	0.00
RUC	13	0	0.00
RU TOP-DOWN	37	5	629,800.00
DE	2	0	0.00
Dana Inovasi Awal	3	0	0.00
JUMLAH	1,112	171	11,027,818.33

Data 2017: Statistik berdasarkan data Pangkalan Data Penyelidikan pada 31 Disember 2017

Bagi geran RUI pula, jumlah peruntukan keseluruhan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM14.5 juta. Daripada jumlah ini, universiti telah meluluskan peruntukan sebanyak RM7,993,602.48 bagi tujuan penawaran Geran RUI 2016.

Statistik permohonan geran RUI yang telah diterima pada tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kluster	Jumlah Permohonan
1.	Sains	89
2.	Kejuruteraan dan Teknologi	84
3.	Kesihatan dan Perubatan	85
4.	Sains Sosial dan Sastera	64
	Jumlah	322

RCMO turut mengadakan aktiviti berkaitan dengan geran agensi luar sepanjang tahun 2017.

Bil.	Nama Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	<i>Workshop on Increasing Impact of Research: Strategies and Practical Guidelines for Universities and Research Institute</i>	2 Mac 2017	Auditorium INFORMM, USM
2.	<i>Researchers in Motion: Information on European Funding & Mobility Programmes</i>	17 Mac 2017	Auditorium INFORMM, USM
3.	Bengkel Penyelarasan Pengurusan Geran Penyelidikan	29 Mac 2017	Bilik Mesyuarat 2, Canselor 2
4.	<i>Malaysia Toray Science Foundation (MTSF) - Promotional Roadshow [Science & Technology Award and Science Technology Research Grant]</i>	25 April 2017	Auditorium INFORMM, USM
5.	<i>Bengkel Proposal Writing Workshop for Marie Sklodowska-Curie Individual Fellowships (MSCA-IF) and the Research and Innovation Staff Exchange (RISE)</i>	16 hingga 17 Mei 2017	Bilik Seminar INFORMM
6.	Program Jerayawara Smart Fund, GO-Fund & Sistem eDana (MOSTI)	12 Julai 2017	Auditorium INFORMM, USM
7.	<i>Roadshow Newton Fund and Science & Innovation Network Opportunities for early career scientist</i>	18 September 2017	Auditorium INFORMM, USM
8.	<i>JAPAN SOCIETY FOR THE PROMOTION OF SCIENCE (JSPS) Workshop</i>	30 Ogos 2017 hingga 17 Oktober 2017	Auditorium INFORMM, USM

PEJABAT INOVASI

Pejabat Inovasi menguruskan hal ehwal berkaitan dengan harta intelek meliputi paten, cap dagangan dan rekabentuk industri. Bahagian ini turut menjalankan aktiviti pengkomersilan dan menyertai pameran yang melibatkan produk penyelidikan.

Berkaitan dengan harta intelek, jumlah a) paten, b) cap dagangan dan c) rekabentuk industri yang telah diperolehi USM daripada 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 adalah seperti yang berikut:

a. Paten

Pemfailan Paten Baharu 2017	Malaysia	PCT	Antarabangsa	Jumlah
	14	6	2	22

Penganugerahan Paten (Granted) Baharu 2017	Malaysia	PCT	Antarabangsa	Jumlah
	13	-	3	16

b. Cap Dagangan

Pemfailan cap dagangan baharu 2017	5
Pendaftaran cap dagangan baharu 2017	3

c. Rekabentuk Industri

Pemfailan Rekabentuk Industri Baharu 2017	1
Pendaftaran Rekabentuk Industri Baharu 2017	1

Manakala Statistik Perlindungan Harta Intelek Keseluruhan (sehingga 31 Disember 2017) adalah seperti yang berikut:

a. Paten

USM mempunyai sebanyak 285 paten yang aktif (172 masih pada peringkat pemfailan manakala 113 telah mendapat penganugerahan)

Statistik terkini bagi paten:

Paten	Malaysia	PCT	Antarabangsa	Jumlah
Peringkat Pemfailan (<i>Filed & Pending</i>)	112	15	45	172
Penganugerahan (<i>Granted</i>)	76	-	37	113
Jumlah	188	15	82	285

b. Cap Dagangan

USM mempunyai sebanyak 93 cap dagangan yang aktif (12 permohonan masih pada peringkat pemfailan manakala 81 telah didaftarkan).

Cap Dagangan	Jumlah
Peringkat Pemfailan (<i>Filed & Pending</i>)	11
Pendaftaran (<i>Registered</i>)	81
Jumlah	92

c. Rekabentuk Industri

USM mempunyai enam rekabentuk industri yang aktif yang telah didaftarkan.

Rekabentuk Industri	Jumlah
Peringkat Pemfailan (<i>Filed & Pending</i>)	0
Berdaftar (<i>Registered</i>)	6
Jumlah	6

Rumusan perbelanjaan harta intelek bagi tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

Perkara	Perbelanjaan (RM)
Paten	637,176.41
Cap Dagangan	7,294.40
Rekabentuk Industri	5,421.60
Jumlah	649,892.41

Selain menguruskan hal ehwal harta intelek dan pengkomersilan, Pejabat Inovasi turut menguruskan penyertaan produk universiti dalam pertandingan dan pameran.

Antara pameran yang disertai adalah Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) USM turut menyertai Pameran dan Persidangan Ekspo Pertanian Economic Strategic Directions (ESD 10), Pameran dan Persidangan International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM 2017,) National Innovation & Creative Economy Expo 2017 (NICE'17) dan LURE@GECOMMUNITY SUMMIT 2017.

Pejabat Inovasi turut menganjurkan beberapa siri seminar dan bengkel berkenaan perlindungan harta intelek dan pengkomersilan dalam usaha memberikan penerangan yang lebih jelas khususnya berkaitan dengan *intellectual property*. Turut diadakan ialah Bengkel Start-Up dengan kerjasama Technology Park Malaysia (TPM) pada 14 hingga 18 Ogos 2017. Bengkel ini bertujuan menilai keupayaan para pensyarah dan kesediaan teknologi tersebut untuk diusahakan sebagai Start-Up.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak enam produk dalam peringkat pengkomersilan/perlesenan, 13 produk dalam proses rundingan bersama industri dan dua produk dalam proses pertimbangan untuk dikomersilkan di bawah USAINS Holdings Sdn. Bhd.

Strategi Pejabat Inovasi pada tahun 2018 adalah untuk lebih aktif menyertai pameran inovasi bagi tujuan pengkomersilan produk serta menggalakkan lebih ramai penyelidik untuk memfailkan paten, cap dagangan dan rekabentuk industri produk mereka.

PUSAT PENYELIDIKAN BOKIMIA ANALISIS

Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis atau ringkasnya ABrC menawarkan ujian makmal kepada pelbagai industri, terutamanya industri makanan, perikanan, minyak dan gas sepanjang tahun. Antara ujian yang ditawarkan adalah pengesanan Drug of Abuse (DOA) dalam air kencing, analisis Dioxin dan PCB dalam hasil laut dan persekitaran, pengesanan bahan terlarang dalam makanan dan *supplement*, analisis NMR dan pelbagai lagi ujian biokimia. Sebanyak 2,778 sampel telah diterima pada tahun 2017 dengan jumlah pendapatan sebanyak RM1.2 juta. ABrC juga telah menerima Bionexus Partner (BNP) Excellence Award daripada Bioeconomy Corporation pada 11 September 2017 kerana kejayaan dalam menawarkan perkhidmatan yang berkualiti.

ABrC juga telah menawarkan latihan secara teori dan praktikal kepada pihak industri, staf akademik, pelajar siswazah dan penyelidik dalam bidang spektrometri jisim. Dua siri latihan telah ditawarkan iaitu Competency Training on Mass Spectrometry-Based Proteomics (MSBP) dari 18 hingga 20 Julai 2017 dan Competency Training on Gas Chromatography Mass Spectrometry Analysis dari 16 hingga 18 Ogos 2017. Sebanyak RM13,350.00 telah dijana melalui latihan ini. Bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar prasiswazah, seramai 21 orang pelajar daripada USM, UTAR, UiTM, UMT dan UTM telah menjalani latihan industri di ABrC.

Penyelidikan yang bertajuk “Pemprofilan Konjugasi Morfin dan Kodin dalam Air Kencing Selepas Pengambilan Kari yang Mengandungi Biji Popi (Kas-kas) Sebagai Bukti Untuk Pertahanan Opiates: Kajian Secara Rawak” sedang dijalankan oleh ABrC dengan kolaborasi The Academy of Occupational And Environmental Medicine Malaysia (AOEMM). Penyelidikan ini telah ditaja secara bersama oleh AOEMM dan USM dari setiap pihak menaja sebanyak RM20,000.00. Selain itu, sebanyak 18 jurnal saintifik telah diterbitkan pada tahun 2017. ABrC juga telah berjaya mengijazahkan seramai 2 orang pelajar sarjana dan 2 orang doktor falsafah dalam tahun 2017.

Reassessment Audit oleh pihak NATA telah dijalankan dari 15 hingga 16 Mac 2017 dan ABrC telah berjaya memperoleh semula akreditasi ISO 17025. Untuk memastikan perpindahan akreditasi daripada NATA kepada Standards Malaysia dapat dilakukan sebelum akreditasi sedia ada tamat, semua dokumentasi telah berjaya disiapkan dan dihantarkan ke Standards Malaysia pada penghujung 2017.

Pada tahun 2018, ABrC akan berpindah ke bangunan baharu I2U pada pertengahan tahun 2018. Aktiviti lain ialah penganjuran Hari Bersama Pelanggan untuk mempromosi perkhidmatan ABrC, perpindahan akreditasi ISO 17025 daripada NATA kepada SAMM sebagai salah satu langkah penjimatan dan memperluas skop perkhidmatan makmal.

Aktiviti lain ialah memperhebat kerjasama dengan industri, menjalankan khidmat masyarakat (B40) dan mensasarkan penjana pendapatan sebanyak RM3 juta.

PUSAT PENYELIDIKAN SAINS DAN KEJURUTERAAN

Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan atau ringkasnya SERC secara rasminya ditubuhkan pada 22 Disember 2015 sebagai pusat perkhidmatan Universiti Sains Malaysia. Namun daripada aspek pengurusan dan pengoperasian SERC secara teknikalnya telah bermula pada tahun 2013. Disember 2011 hingga September 2012 merupakan Fasa Penubuhan SERC selari dengan agenda awal Bahagian Penyelidikan dan Inovasi untuk menubuhkan sebuah Pusat Gunasama yang melibatkan aktiviti-aktiviti pemasangan, komisyen dan latihan alatan penyelidikan berprofil tinggi dan berbentuk ‘state-of-the-art’ menerusi Projek IDB-USM (2010-2012).

Unit Inovasi dan Pembangunan Kejuruteraan (EITD) yang juga bertindak sebagai Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi (EnTERP) telah diberikan mandat menerajui SERC. Pada peringkat permulaannya SERC dikenali sebagai Makmal Penyelidikan Bersepadu. Bermula pada tahun 2013, Makmal Penyelidikan Bersepadu/EITD and EnTeRP telah dijenamakan semula sebagai SERC.

Dikenali sebagai perintis yang mengaspirasikan konsep ‘shared facility and shared services’, SERC mengoptimalkan potensinya dalam merealisasikan agenda Universiti sebagai pusat yang menjana dan membudayakan penyelidikan bertaraf dunia menerusi konsep ‘shared facility and shared services’. Struktur dan tugas-tugas utama seperti yang berikut memastikan SERC secara dinamik dan konsisten melestarikan fungsi penubuhannya selari dengan agenda Universiti:

Bil.	Struktur	Tugas-tugas Utama
1.	Perkhidmatan (Ujian dan Konsultasi)	Pengurusan dan Pentadbiran Operasi Pengurusan dan Pentadbiran Teknikal Pengurusan Akreditasi dan Kualiti (ISO/IEC 17025) Unit Strategik Perniagaan (SBU)
2.	Penyelidikan	Pembudayaan dan Pembangunan Multi/Trans/Kluster Penyelidikan Pembangunan dan Pengurusan Teknologi
3.	Pengurusan dan Pentadbiran	Tadbir Urus Pengurusan dan Pentadbiran Am Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan Promosi, Publisiti dan Perancangan Strategik
4.	Pembangunan Modal Insan (Talent Development)	Latihan Kompetensi dan Interpersonal Pembangunan Bakat Individu Program Penyelaras Latihan

Sepanjang tahun 2017, pelbagai aktiviti dan pencapaian yang signifikan telah dilaksanakan oleh SERC dengan lebih positif untuk lebih cemerlang dalam mengharungi cabaran pada tahun 2017. Antara pencapaian dan aktiviti SERC bagi tahun 2017 adalah seperti yang berikut:


1. Penubuhan SBU – mewujudkan sistem pengurusan dan penjaanaan kewangan yang lebih sistematik dan berkesan serta ekosistem yang lebih kondusif.
2. Peningkatan Kerjasama/Hubungan Strategik

Bil.	Syarikat/Industri	Tempoh (NDA/MoA)	Aktiviti
1.	ACM (M) Sdn. Bhd.	2015 hingga sekarang	Ujian analisis FTIR dan HPLC
2.	Perkin Elmer Malaysia	2014 hingga 2016 2017 hingga sekarang	ICPMS Northern Training Northern Region Laboratory ICPMS/AAS Preventive Maintenance covered
3.	Acumen Scientific S. B.	2016 hingga sekarang	Ujian dan Analisis
4.	UNITEN	Disember 2017 hingga sekarang	Konsultasi dan R&D
5.	Semi Convertors Industries S. B.	Disember 2017 hingga sekarang	Konsultasi dan R&D

3. Penganjuran pelbagai latihan kompetensi bersama syarikat pembekal dari bulan Februari 2017 hingga November 2017.
4. Pengiktirafan ISO/IEC 17025 SERC Mechanical testing Lab (SMTL) - peringkat dokumentasi di SAMM pada Disember 2017 dan dijangka akan diakreditasi di bawah ISO 17025 pada Ogos 2018.
5. Peningkatan dalam penerbitan penyelidikan dalam jurnal-jurnal ISI menggunakan alatan di SERC

Bil.	Alatan Penyelidikan	Bil. Penerbitan ISI
1	High Resolution Electron Microscope (HRTEM)	23 kertas kerja
2.	Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM)	12 kertas kerja
3.	X-Ray Photoelectron Spectroscopy (XPS)	42 kertas kerja

Menerusi pelaksanaan fungsi dan tugas-tugas utama SERC, halatuju SERC pada tahun 2018 amat jelas iaitu menjadi pusat perkhidmatan yang kompetitif dan produktif dan seterusnya mengatur perancangan strategik menjadi Pusat Kecemerlangan berteraskan Perkhidmatan.



Anak pokok tin sebagai hasil kajian kultur tisu di USM

JAWATANKUASA ETIKA PENYELIDIKAN MANUSIA (JEPeM)

Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia atau ringkasnya JEPeM berperanan menilai dan meluluskan semua permohonan kajian yang akan dijalankan di USM. Kajian tersebut melibatkan sampel manusia sebagai peserta kajian.

Pada lazimnya kekerapan mesyuarat dibuat setiap dua minggu sekali untuk 'Full Board Review' diikuti dengan 'Expedited Review' setiap bulan atau mengikut kesesuaian dan keperluan. Mesyuarat ini diadakan dengan kehadiran penyelidik utama yang bertujuan membincangkan dan menilai permohonan penyelidikan yang memerlukan kelulusan etika. Sehingga 30 November 2017, sebanyak 675 permohonan kelulusan etika telah diterima oleh JEPeM.

Sementara itu, sebanyak tujuh program utama telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2017. Senarai bengkel yang telah diadakan adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk Bengkel	Tarikh
1.	<i>Research Ethics Symposium/Simposium Penyelidikan Etika</i>	5 April 2017
2.	Network of Ethical Review Committees in Malaysia (NERCIM)	6 April 2017
3.	Latihan SOP JEPeM	18 Julai 2017
4.	SIDCER-FERCAP Surveying and Evaluating Ethical Review Practice	31 Ogos hingga 2 September 2017
5.	<i>JEPeM USM FERCAP Re-Assessment/Penilaian Semula JEPeM USM</i>	6 hingga 8 Ogos 2017
6.	FERCAP India	19 hingga 22 November 2017
7.	<i>Survey Refresh Course, FERCAP 2017 Kursus Refresh Soal Selidik, FERCAP 2017</i>	22 November 2017

Pada tahun 2018, fokus utama JEPeM adalah untuk memperkukuh lagi tahap perkhidmatan. JEPeM akan memberi tumpuan untuk mempercepat lagi proses permohonan kelulusan etika, mengadakan sesi 'townhall' mengenai kepentingan kelulusan etika dalam penyelidikan yang melibatkan manusia sebagai subjek. Tidak ketinggalan, JEPeM akan membina kerjasama antara Jawatankuasa-jawatankuasa Etika di seluruh universiti di Malaysia dan akan bertindak sebagai sumber rujukan utama kepada universiti-universiti dan agensi-agensinya kerajaan.

JAWATANKUASA PENJAGAAN DAN PENGGUNAAN HAIWAN INSTITUSI (JKPPH) USM

Jawatankuasa Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Institusi atau ringkasnya JKPPH USM bertanggungjawab terhadap permohonan etika haiwan dan hal-hal yang berkaitan.

Antara aktiviti yang diadakan adalah lawatan ke Pusat Transit Haiwan di Kampus Induk dan Kampus Kesihatan untuk perbincangan penambahbaikan Aktiviti Seminar on Animal Welfare Act 2015: Its Implication on the Use of Animal for Scientific Purposes telah diadakan pada 21 November 2017. Tujuan seminar untuk memberikan pendedahan dan kesedaran awal kepada penyelidik dan pelajar pasca siswazah khususnya mengenai isu-isu yang berkaitan untuk memenuhi Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan memastikan kebajikan haiwan terpelihara. JKPPH turut dijemput memberikan ceramah tentang etika haiwan dan penggunaan haiwan dalam penyelidikan oleh beberapa pusat pengajian.

Sepanjang tahun 2017, JKPPH USM telah menguruskan sebanyak 67 permohonan etika haiwan dan 59 permohonan lain seperti penyambungan tempoh penyelidikan, tambahan haiwan, tambahan penyelidik dan perubahan prosedur penyelidikan.

Halatuju JKPPH pada tahun 2018 ialah memberikan tumpuan kepada Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang akan dilancarkan, membangunkan laman sesawang serta mempergiat lagi bengkel dan taklimat berkaitan etika haiwan.

PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKHIDMATAN HAIWAN

Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC) USM ialah sebuah pusat yang beroperasi menyediakan perkhidmatan sokongan bagi tujuan penyelidikan dan pengajaran berasaskan haiwan makmal. Pusat ini menitikberatkan soal kebajikan dan kesejahteraan haiwan makmal yang digunakan sebagai model dalam penyelidikan. Antara tugas utama ARASC adalah seperti berikut:

- Membiakkan dan membekalkan haiwan makmal yang sihat kepada penyelidik dalam dan luar USM
- Menyediakan kemudahan penyelidikan seperti bilik penyelidikan, kelengkapan penyelidikan, peralatan makmal dan bilik penempatan haiwan.
- Memudah cara prosedur penyelidikan pelajar/penyelidik.

Sepanjang tahun 2017, ARASC telah menjalankan aktiviti penjualan haiwan makmal kepada penyelidik dalam dan luar USM serta membekalkan haiwan makmal di universiti.

Seterusnya, pada tahun 2018, ARASC akan berfokus pada penyediaan kemudahan penyelidikan berasaskan haiwan yang memenuhi piawaian antarabangsa dan menyediakan penjagaan haiwan yang berkualiti untuk menyokong misi USM mewujudkan penyelidikan berasaskan haiwan yang berkualiti tinggi.

KEJAYAAN PENYELIDIK

Tahun 2017, menyaksikan kejayaan penyelidik USM. Kejayaan ini amat membanggakan. Berikut adalah senarai kejayaan penyelidik-penyelidik USM sepanjang tahun.

I. Anugerah Akademik Negara (2016 & 2017)

Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak
Kategori: Tokoh Akademik Negara AAN ke-11 (2017)

Profesor Ir. Dr. Srimala A/P Sreekantan
Kategori: Inovasi dan Pengkomersilan Produk AAN ke-10 (2016)

Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden
Kategori: Pengajaran AAN ke-10 (2016)

II. Anugerah Saintis Muda Negara 2017

Dr. Foo Keng Yuen

III. Anugerah Penyelidikan Malaysia (MRSA) 2017

Profesor Ir. Dr. Mariatti Jaafar @ Mustapha
Kategori: Economy Impact Researcher

Profesor Dr. Lean Hooi Hooi
Kategori: Frontier Researcher

Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad
Kategori: Highly Cited Researcher

Profesor Dr. Bassim H. Hameed
Kategori: Highly Cited Researcher

Profesor Dr. Abdul Karim Alias
Kategori: Highly Cited Researcher



d. L'Oreal-UNESCO for Women in Science Fellowship 2017

(USM menerima dua daripada tiga zamalah yang ditawarkan)

Dr. Jasy Liew Suet Yan

- Diiktiraf kerana usahanya membangunkan sistem yang mampu mengesan tanda-tanda depresi dengan menganalisis corak emosi di media sosial.

Dr. Teh Su Yeon

- Diiktiraf melalui kajian yang menggabungkan sains, teknologi kejuruteraan, dan matematik (STEM) untuk melindungi sumber perairan pantai di Malaysia.

e. Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA)

USM turut mencipta nama apabila kesemua 21 produk yang menyertai Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2017 memenangi pingat iaitu enam (6) emas, sembilan (9) perak dan enam (6) gangsa. PECIPTA berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Gong Badak, Terengganu dari 7 hingga 10 Oktober 2017.

Bil.	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk	Pingat
1.	Prof. Dr. Rahmah Noordin	<i>Brugia Rapid Test for Lymphatic Filariasis</i>	Emas & Anugerah Khas
2.	Dr. Mohd Hazwan Hussin	<i>Ligno-X Coolant: Industrial Coolant with Green Corrosion Inhibitor</i>	Emas
3.	Dr. Faiz Bukhari Mohd Suah	<i>Static Batch Reactor for Full Recovery of Gold from an E-waste</i>	Emas
4.	Dr. Cheah Chee Ban	<i>A Cold Binder System for the Production of Sustainable Concrete Material</i>	Emas
5.	Prof. Madya Dr. Bakhtiar Affendi Rosdi	<i>Portable Finger Vein based Biometric System</i>	Emas
6.	Dr. Foo Keng Yuen	<i>Portable Isothermal Amplification Diagnostics System</i>	Emas
7.	Prof. Madya Ir. Dr. Leo Choe Peng	<i>SuperSIP Membrane for CO₂ Separation at Low Pressure</i>	Perak
8.	Prof. Dr. Wan Rosli Wan Ishak	<i>Cornlet Flour: Low Glycemic Functional Food Ingredient</i>	Perak
9.	Dr. Mohd Zulkifli Mustafa	<i>Honey Interlink Dehydration and Dispenser Apparatus (HILDA)</i>	Perak
10.	Dr. Mohd Hafiz Mohd Zin	<i>SafeRT (Software for Safe Radiotherapy Treatment): Software to Check the Accuracy of Radiotherapy Treatment Delivery using Real-time Treatment Delivery Data</i>	Perak
11.	Prof. Madya Dr. Rohana Abdul Jalil	<i>MyBFF@Work- Innovative Weight Loss Program</i>	Perak
12.	Dr. Rafidah Zainon	<i>A Novel 3D Dynamic Thyroid Phantom for Evaluation of Radiation Dosimetry and Image Quality</i>	Perak
13.	Prof. Madya Dr. Shahrel Azmin Suandi	<i>H-SKANner – Human Face Scanner in Video Surveillance System using Hierarchical Skin-AdaBoost-Neural Network</i>	Perak
14.	Prof. Ir. Dr. Mohd Fadzil Ain	<i>NANOPULSER: Low Cost Sub-nanosecond UWB Pulse Generator</i>	Perak
15.	Prof. Dr. Aminuddin Ab. Ghani	<i>Bio-ecological Drainage System (BIOECODS) - Securing Water for Future Generations</i>	Perak
16.	Dr. Husnul Azan Tajarudin	<i>Preservation of Rubber Wood against Biological Decay by Fermented Leachate</i>	Gangsa

Bil.	Nama Ketua Penyelidik	Tajuk	Pingat
17.	Dr. Uthumporn Utra@ Sapina Abdullah	<i>PumpTIC Drink</i>	Gangsa
18.	Prof. Madya Dr. Farid Che Ghazali	<i>'Acan My GAG - A Fluid Suspension System [for topical therapy application] and Transdermal (Cardopol polymer) Emulsion Carrier Acanthaster Planci Sulfated Polysaccharide Glycosaminoglycan (GAG) Preparation for Acute, Chronic Wounds and Burn Healing Promotion Management.</i>	Gangsa
19.	Prof. Ir. Dr. Mariatti Jaafar@ Mustapha	<i>HieCAP Scaffold</i>	Gangsa
20	Prof. Ir. Dr. Mohd Nordin Adlan	<i>Innovative Water Filtration System for Remote Areas</i>	Gangsa
21	Prof. Dr. Nor Azazi Zakaria	<i>Sustainable Urban Stormwater Management Towards Achieving Sustainable Development Goals</i>	Gangsa

f. MTSF Science & Technology Research Grant 2017

Seramai tiga orang pelajar ijazah tinggi telah berjaya menerima geran penyelidikan daripada Malaysia Toray Science Foundation (MTSF) Science & Technology bagi tahun 2017. Tempoh penyelidikan dari Januari 2018 sehingga Disember 2018. Berikut adalah senarai pelajar yang terlibat:

- I. Nama: **Cik Michelle Glory G Jonik**
 PTJ: Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
 Tajuk: *Photosynthesis response of Halophia ovalis under different Light gradients (High and low light)*
 Jumlah: RM10,000.00
- II. Nama: **Cik Nik Nur Syazana Nik Mohamed Kamal**
 PTJ: Pusat Pengajian Sains Pergigian
 Tajuk: *MicroRNA profiling of Exosome-derived Plasma in Chronic Periodontitis patient*
 Jumlah: RM25,000.00
- III. Nama: **Cik Wan Khairunnisa Wan Juhari**
 PTJ: Pusat Pengajian Sains Perubatan
 Tajuk: *Analysis of MSH2 and EPCAM Gene Silencing and their Effect In the Wnt/B-Catenin Pathway*
 Jumlah: RM20,000.00



g. Dana Newton (Newton Fund)

Dana Newton (*Newton fund*) telah membina jaringan kerjasama saintifik dan inovasi antara ahli sekutu daripada 16 buah negara untuk membantu pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial serta membangunkan kapasiti penyelidikan dan inovasi untuk perkembangan kelestarian jangka masa panjang. Ia mempunyai pelaburan kerajaan United Kingdom sebanyak £735 juta sehingga tahun 2021 yang menyamai sumber daripada negara-negara rakan kongsi. Dana Newton diuruskan oleh Jabatan Perniagaan UK, Strategi Industri dan Tenaga (Energy and Industrial Strategy (BEIS) yang disalurkan melalui 15 rakan kongsi UK termasuk Majlis Penyelidikan, akademi-akademi UK, British Council, *Innovate UK* and *Met Office*.

Dana Newton-Ungku Omar (NUOF) disalurkan oleh *UK Delivery Partners* termasuk British Council, Malaysia. Sejak 2014 sehingga 2016, British Council di Malaysia telah menyalurkan Dana Newton melalui empat program utama iaitu Institutional Link (IL), Researcher Link (RL), STEM Education (STEM) and Professional Development and Engagement (PDE) dengan kerjasama MIGHT, Akademi Sains Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan sebagai sebahagian daripada program inisiatif Kerajaan Malaysia iaitu Science to Action (S2A).

Berikut adalah senarai penyelidik yang menerima Dana Newton:

- I. Nama: **Prof. Madya Dr. Wong Wai Peng**
 PTJ: Pusat Pengajian Pengurusan
 Tajuk: *Information Leakage: Organizational Ethics, Information Security and Sharing in the UK and Malaysia*
 Tempoh: September 2017 hingga September 2019
 Jumlah: £67,542
 Penaja: British Academy Newton Advanced Fellowships, London

- II. Nama: **Prof. Madya Dr. Muzaimi Mustapha**
 PTJ: Pusat Pengajian Sains Perubatan
 Tajuk: *Intellirehab intelligent medical system with customised exercises for Personalized home telerehabilitation*
 Tempoh: 2017 hingga 2019
 Jumlah: RM118,000.00
 Penaja: Newton Ungku Omar Fund (Malaysian Industry) Malaysia

- III. Nama: **Profesor Dr. Lean Hooi Hooi**
 PTJ: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
 Tajuk: *Social network analysis of innovation cluster in creative and Cultural value chain case of George Town World Heritage site*
 Tempoh: 2017 hingga 2019
 Jumlah: RM41,225.00
 Penaja: Economic & Social Research Council, RCUK SEA Newton Fund, United Kingdom

- IV. Nama: **Profesor Dr. Siti Azizah Mohd Noor**
 PTJ: Pusat Pengajian Sains Kajihayat
 Tajuk: *Conservation of natural resources in coastal ecosystems for the benefit of mankind and global balance*
 Tempoh: 2016 hingga 2017
 Jumlah: RM152,172.47
 Penaja: Newton Researcher Links Workshop Grants, Britain

- V. Nama: **Profesor Dr. Rosni Abdullah**
 PTJ: IPv6
 Tajuk: *Blueprint for a decision support system for classification and early prediction of polygenic obesity in humans using Genetic Loci*
 Tempoh: -
 Jumlah: RM32,744.00
 Penaja: Royal Academy of Engineering UK & Akademi Sains Malaysia

PENCAPAIAN PROJEK PENYELIDIKAN

Sepanjang tahun 2017, penyelidik-penyelidik USM terus memainkan peranan dalam melonjakkan nama USM di dalam negara dan pada peringkat antarabangsa. Beberapa projek/produk penyelidikan serta kepakaran penyelidik telah mendapat perhatian. Penyelidik juga terus berusaha mencari peluang mendapatkan geran penyelidikan daripada sumber luar.

Berikut adalah antara projek yang mendapat perhatian sepanjang tahun ini.

a. Projek Arkeopelancongan USM di Tapak Arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah

Tapak arkeologi Sungai Batu terletak di Lembah Bujang, Sungai Petani, Kedah. Tapak ditemui pada tahun 2007 dan mula dikaji secara saintifik bermula pada tahun 2009. Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM yang diketuai oleh Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin telah terlibat dengan kajian di Tapak Arkeologi Sungai Batu sejak tahun 2012 hingga sekarang.

Pada 17 November 2017, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global telah menerima geran sebanyak **RM19.2 juta** khusus untuk projek baharu di bawah RMK-11 Rolling plan 2 (RP2). Tajuk projek ialah 'Arkeopelancongan USM di Tapak Arkeologi Sungai Batu – Perolehan Peralatan manakala skop projek meliputi perolehan peralatan untuk penyelidikan arkeologi bertaraf dunia dalam bidang ketamadunan.

Geran ini akan digunakan untuk melengkapkan peralatan saintifik bagi kajian arkeologi tamadun awal di Sungai Batu, di samping menyediakan peralatan untuk konservasi dan preservasi tapak dan artifak, serta peralatan untuk membangunkan produk arkeopelancongan di Sungai Batu.

Kesemua peralatan ini akan dapat membantu membangunkan Sungai Batu sebagai satu produk arkeopelancongan bertaraf dunia, di samping membantu kajian arkeologi yang lebih saintifik serta dapat melahirkan modal insan negara yang berkualiti.

b. Projek Penanaman Pokok Tin Secara Kultur Tisu di Malaysia untuk Tujuan Pengkomersilan

Penyelidik Universiti Sains Malaysia, Dr. Chew Bee Lynn dan Prof. Madya Dr. Sreeramanan Subramaniam dari Pusat Pengajian Sains Kajihayat sedang giat menjalankan penyelidikan mikropropagasi pokok buah tin dengan kerjasama pihak industri bagi tujuan penghasilan anak pokok berkualiti bagi penubuhan ladang buah tin komersial. Syarikat Fig Direct Sdn. Bhd. telah menandatangani MOA bersama USM pada tahun 2016 untuk bekerjasama dalam projek kultur tisul dan penanaman komersial buah tin.

Kerjasama ini telah membolehkan pihak USM mengenal pasti baka-baka pokok tin yang berkualiti dan mendapatkan sumber eksplan (bahagian pokok untuk pengkulturan) bagi tujuan kultur tisul serta menguji kemandirian pokok tin kultur tisul di ladang komersial. Kerjasama ini bertujuan mengkomersialkan penanaman pokok tin dalam negara khususnya untuk memenuhi permintaan pengguna yang tinggi terutamanya bagi hasil atau produk Sunnah. Kerjasama ini juga akan dapat menggalakkan penanaman buah tin untuk menghasilkan produk asas tani yang boleh dinikmati oleh rakyat Malaysia serta mampu menjana pendapatan lumayan kepada golongan petani atau peladang tempatan. Penyelidikan dan kerjasama ini juga akan dilanjutkan kepada projek-projek pertanian negara yang lain terutamanya yang melibatkan Koridor Utara Malaysia (NCIA) bagi projek pembangunan di Chuping, Perlis pada masa yang terdekat.

Anak pokok tin hasil kultur tisul dari Universiti Sains Malaysia telahpun didapati tumbuh lebih cepat dengan tahap kemandirian yang lebih baik berbanding anak pokok hasil kaedah konvensional. Pokok tin hasil propagasi melalui kultur tisul juga menghasilkan buah yang kualitinya sama seperti induknya. Buat masa ini, pokok tin kultur tisul sedang digandakan dalam makmal untuk persediaan bagi pengkomersilan. Usaha penyelidikan untuk menambah baik kaedah penggandaan terkini sedang dijalankan untuk penghasilan anak pokok kultur tisul yang lebih efisien. Projek ini juga dalam proses perbincangan dengan syarikat Fig Direct Sdn. Bhd. untuk dikomersialkan.

c. Projek *The implementation of 3-D building printing and cementless concrete technology for sustainable building construction*

Penyelidik yang terlibat dengan projek ini ialah Dr. Cheah Chee Ban dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan.

Sistem automasi pencetak bangunan 3-D ialah salah satu teknologi yang dapat menyelesaikan masalah pembinaan rumah di Malaysia. Ia mampu membina rumah berkualiti tinggi, dalam tempoh yang cepat dan harga yang murah. Walau bagaimanapun teknologi ini masih kurang diimplementasi oleh industri binaan bangunan di Malaysia.

Penggunaan teknologi konkrit hijau (*green concrete technology*) sebagai *material* asas untuk 'cetakan' bangunan menggunakan pencetak bangunan 3-D adalah penyelesaian yang hebat untuk mengurangkan *carbon footprint* yang berkaitan dengan pembinaan bangunan berbanding simen *Portland*.

d. Projek Translasi Penyelidikan bagi Transformasi Penternakan Lebah Kelulut Lestari dan Berkualiti Berasaskan Inovasi Mustafa-Hive

Inovasi Dr. Mohd Zulkifli Mustafa, Pusat Pengajian Sains Perubatan memfokuskan kepada pembinaan pusat ternakan lebah kelulut yang akan menghasilkan madu berkualiti tinggi. Objektif projek adalah untuk menjaga kelestarian persekitaran, penghasilan madu berkualiti tinggi, menyemai semangat keusahawanan dalam kalangan masyarakat setempat yang sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Strategi untuk mencapai objektif ini adalah dengan menternak lebah kelulut dengan cara yang sewajarnya dan pengurusan tuaian/kutipan madu yang bersih agar madu kelulut premium dapat dikeluarkan/dihasilkan dalam kuantiti yang besar dengan menggunakan Mustafa-Hive dan Hlida System.

Kementerian Pengajian Tinggi telah memberikan peruntukan sebanyak RM585,500 bagi projek ini di bawah program *Translational Research* untuk dijalankan di Besut, Terengganu.

Terdapat dua komponen utama dalam projek ini iaitu:

- i. Mengenal pasti 25 orang penduduk setempat untuk menternak lebah kelulut di bawah kumpulan B40.
- ii. Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kelulut (iKelulut Excellent Center – KEC) yang merupakan pusat setempat untuk memproses madu termasuk pengumpulan madu, dehidrasi, proses pembungkusan dan jualan bagi kumpulan B40 dan penternakan lebah kelulut lain di sekitar kawasan Pantai Timur.

Projek di Besut ini dapat dijadikan asas model baharu industri pertanian lestari keusahawanan luar bandar di samping menjaga alam sekitar, kebajikan, dan menambahkan pendapatan penduduk setempat.



**HAL EHWAL
PEMBANGUNAN
PELAJAR &
ALUMNI**


Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) mengatur strategi baharu untuk memastikan fungsinya menyokong pelaksanaan Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) iaitu menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang tercapai melalui ekosfera kampus termasuk menyediakan graduan menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0.

Apatah lagi lonjakan ini jika dilihat dalam konteks perancangan strategik USM yang ingin memastikan siswazah yang dilahirkan mestilah mempunyai atribut H.E.B.A.T (Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate, Thinking). Sekaligus usaha ini adalah untuk memastikan siswazah USM bersedia memberikan impak dalam pembangunan komuniti dan negara.

Usaha ini dibuat melalui pelaksanaan 16 program yang menjadi *flagship* BHEPA yang merangkumi usaha memperkasa kebolehpasaran siswazah, dan keusahawanan siswa melalui konsep Ilmu untuk Perubahan (Knowledge for Change) dan libatsama komuniti serta kesukarelawanan yang membentuk jiwa kental pelajar.

Pada keseluruhannya jumlah pelajar ijazah pertama sepenuh masa yang terlibat dalam penganjuran program-program yang diadakan sepanjang tahun 2017 di ketiga-tiga kampus direkodkan berdasar data dalam *My Continuous Student Development* (MyCSD) bagi tahun 2017 adalah seperti pada carta di bawah.

Carta di bawah menunjukkan jumlah aktiviti yang dianjurkan oleh pelajar dan jumlah penyertaan pelajar mengikut teras MyCSD.



Jumlah aktiviti dan penyertaan pelajar mengikut teras dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017

PEMBANGUNAN PELAJAR

Pada tahun 2017 BHEPA berjaya menjalankan 16 buah program *flagship* berbanding 12 program pada 2016 iaitu:

PIMPIN SISWA LESTARI 1

Program PIMPIN Siswa Lestari 1 ditransformasikan daripada program PIMPIN Siswa terdahulu selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi dan Naib Canselor USM dalam pembangunan mahasiswa yang holistik dan seimbang. Program yang dijalankan selama tiga hari ini menerapkan tiga komponen utama iaitu **Kemahiran Qalbu, Kemahiran Teras dan Kemahiran Generik**.

Matlamat program PIMPIN Siswa Lestari 1 adalah untuk mendidik dan menerapkan elemen-elemen seperti Kelestarian, Keusahawanan dan Inovasi dalam diri pelajar di samping menggalakkan mereka berfikir secara berstruktur dan dapat menjana idea yang matang.

Modul World Café diperkenalkan untuk mendidik para pelajar baharu mengenai kaedah menjana idea dan pemikiran secara berstruktur, terarah dan santai.

Program ini juga bertujuan membentuk (*design*) para pelajar baharu mengikut acuan USM (*USM Style*). Pelaksanaan Program PIMPIN Siswa Lestari 1 sepanjang tahun 2017 adalah seperti pada jadual di bawah:

Bil.	Tempat	Tarikh	Penyertaan (Orang)
1	Kampus Induk (3 Siri)	September hingga Oktober 2017	2,937
2	Kampus Kejuruteraan (1 Siri)	6 hingga 8 Oktober 2017	659
3	Kampus Kesihatan (1 Siri)	28 hingga 30 September 2017	513
4	KLE India (1 Siri)	11 hingga 13 Ogos 2017	61
Jumlah Keseluruhan Peserta PIMPIN Siswa Lestari 1			4,170

Jadual dan Jumlah Penyertaan Pelajar Dalam Program PIMPIN Siswa Lestari 1 di Semua Kampus USM



Pelajar sedang mengadakan perbincangan untuk menjana idea dalam Modul World Café PIMPIN Siswa

Program ini melibatkan seramai 4,170 orang pelajar baharu melalui peruntukan Universiti sebanyak RM530,000.00.

Perkara	Kategori	Jantina	Induk	Kejuruteraan	Kesihatan	KLE India	Jumlah
Peserta	Pelajar	Lelaki	726	382	103	22	1,233
		Perempuan	2,211	277	410	39	2,937
		Jumlah	2,937	659	513	61	4,170
Tenaga Penggerak	Pelajar	Lelaki	52	32	21	9	114
		Perempuan	50	18	24	6	98
		Jumlah	102	50	45	15	212
	Staf Akademik	Lelaki	0	3	8	8	19
		Perempuan	0	1	1	0	2
	Staf Bukan Akademik	Lelaki	10	8	11	13	42
		Perempuan	3	10	10	1	24
		Jumlah	13	22	30	22	87
	Alumni	Lelaki	2	0	0	0	2
		Perempuan	5	0	0	1	6
		Jumlah	7	0	0	1	8
Jumlah Keseluruhan			3,059	731	588	99	4,477

Jumlah Peserta dan Tenaga Penggerak PIMPIN Siswa 2017 Mengikut Kampus

PIMPIN Siswa bagi tahun 2018 dicadangkan dibuat di luar kampus dengan penambahan modul "indoor" dan juga "outdoor" sebagai penambahbaikan selaras dengan hasrat Universiti untuk melahirkan mahasiswa yang holistik dan seimbang (HEBAT).



Pelaksanaan Program PIMPIN Siswa

DEWAN PERUNDINGAN PELAJAR

USM menggerakkan penghakupayaan pelajar (*students empowerment*) melalui pelaksanaan Parlimen Mahasiswa yang dikenali sebagai Dewan Perundingan Pelajar (DPP) ialah yang pertama diwujudkan di universiti - universiti Malaysia pada tahun 2010 sesuai dengan aspirasi menggabungkan suara pelajar pada semua peringkat kepemimpinan yang mewakili keseluruhan pelajar USM.

Keahlian DPP terdiri daripada kepemimpinan pelajar Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan dan USM KLE India dengan pecahan seperti berikut:

PERWAKILAN	KAMPUS				BILANGAN (ORANG)
	INDUK	KEJURUTERAAN	KESIHATAN	KLE INDIA	
Majlis Perwakilan Pelajar	29	8	7	1	45
Persatuan Pelajar	15	4	4	0	23
Pemerhati	36	7	7	2	52
JUMLAH					120

Jumlah Penyertaan Pemimpin Pelajar Dalam DPP Mengikut Kampus Bagi Tahun 2017

Usul-usul yang telah diselesaikan oleh pihak yang berkenaan atau usul yang mempunyai unsur-unsur yang mengganggu sensitiviti tidak akan dibawa untuk dibahaskan di dalam dewan. Semua usul disaring oleh Jawatankuasa Khas Usul yang dianggotai oleh 11 orang pemimpin pelajar yang dipilih daripada kalangan pelajar yang mewakili kelab dan persatuan berdaftar. Pihak pentadbiran Universiti tidak terlibat dalam proses saringan dan perbahasan.



Ahli-ahli Mesyuarat Dewan Perundingan Pelajar sedang membahas dan mengundi usul

Pada tahun 2017, dua sesi Mesyuarat DPP diadakan pada 13 Mei dan 9 Disember. Sebanyak 28 usul telah dibahaskan meliputi isu kebajikan pelajar, nasional dan antarabangsa. Semua usul yang diluluskan dalam Mesyuarat DPP dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) oleh Speaker Dewan Perundingan Pelajar dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar untuk mendapatkan maklum balas rasmi daripada pihak Universiti.

NOVEL RESEARCH AND INNOVATION COMPETITION (NRIC)

Novel Research and Innovation Competition (NRIC) ialah program flagship yang dianjurkan oleh MPP USM sejak tahun 2007 hingga kini terbuka kepada pelajar tahun akhir Ijazah Pertama dan Diploma Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. NRIC telah melebar luaskan program ini yang melibatkan pertandingan pada peringkat pelajar sekolah dan juga Ijazah Pertama Universiti Awam iaitu *Innovation Pitch Challenge (IPC)* dan *Community Research and Innovation Competition (CORIC)*. Pada tahun ini, e-CoRIC telah diwujudkan untuk menarik penyertaan daripada universiti antarabangsa di luar negara-negara ASEAN.



Kain Rentang Rasmi Program NRIC

NRIC 2017 bertemakan "*Revolution Through The Decade's Novelty*" bertujuan mengukuhkan jenama USM sebagai sebuah Universiti APEX dan "Universiti Penyelidikan" serta menyokong hasrat kerajaan untuk memacu pembangunan negara melalui penekanan kepada usaha-usaha Penyelidikan dan Inovasi dalam bidang Sains dan Teknologi.

NRIC 2017 menarik penyertaan sebanyak 40 projek dari enam buah IPTA dan 22 projek dari enam buah IPTS serta 20 projek dari enam buah universiti antarabangsa untuk menyertai pertandingan ini dan 15 hingga 17 Ogos 2017 di Dewan Utama Pelajar (DUP) USM.

USM bolot dua hadiah utama NRIC 2017



Laporan akhbar dan penyampaian hadiah kepada Pasukan USM

Peserta USM mempertandingkan 15 projek dengan memenangi dua Anugerah Khas dalam kategori *'Engineering & Technology'* dan diiktiraf sebagai NRIC *Best Award* dan *'Creativity Award'*. Peserta USM berjaya merangkul tiga pingat emas dalam kategori *'Engineering & Technology'*, *'Social Transformation and Creative Arts'* dan *'Information Technology and Communication'*, dua Pingat Perak dalam kategori *'Engineering & Technology'* dan lima Pingat Gangsa dalam kategori *'Health Medical'*, *'Social Transformation and Creative Arts'*, *'Fundamental Sciences'* dan *'Information Technology'* menjadikan keseluruhannya merangkul 12 pingat.

EKSPLO KONVOKEYEN (CONVEX)

Ekspo Konvokesyen (CONVEX) 2017 berlangsung dari 27 Oktober hingga 2 November di Tapak Konvokesyen USM. CONVEX ini dilaksanakan melalui usaha MPP USM dengan keupayaan menjana pendapatan dan berdiri sendiri dalam mengelolakan acara ini.



Kain Rentang Rasmi Program CONVEX

Secara keseluruhannya, projek ini telah memberikan impak yang besar kepada mahasiswa dan universiti kerana program ini telah membuka mata pihak luar bahawa pelajar USM mampu menganjurkan program besar seperti ini. CONVEX juga mampu merapatkan jurang antara masyarakat dengan pelajar USM.

Selain itu, projek ini mampu memupuk semangat berpasukan antara sekretariat dengan penyelar. Kerjasama antara mereka dapat dilihat semasa mereka berusaha menangani sesuatu masalah dengan bersama-sama tanpa menghiraukan skop kerja asal mereka.

Terdapat pelbagai aktiviti dan pertandingan yang dijalankan sempena CONVEX pada tahun 2017 ini. antaranya *'Battle of The Band'*, Pantun tiga penjur, Larian Warna Kebangsaan 2.0 dan banyak lagi. Pertandingan ini terbuka kepada seluruh pelajar USM dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Kehadiran pelajar USM dan masyarakat luar kampus setiap hari amat memberangsangkan. Kehadiran artis dan beberapa orang personaliti pada waktu malam telah menjadi daya tarikan bagi pengunjung luar memeriahkan lagi tapak konvo pada tahun ini. Dianggarkan seramai 60,000 orang telah berkunjung ke tapak konvo USM.



Sekitar berlangsungnya CONVEX di Tapak Konvo

EKSPLO KERJAYA DAN PENDIDIKAN (EKSPEN)

EKSPEN KAMPUS INDUK

Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2017 (EKSPEN) ke-17 ialah platform untuk membantu para pelajar membuat pilihan kerjaya yang bersesuaian di samping merapatkan USM dengan syarikat-syarikat luar dan agensi awam dalam menyediakan peluang kerjaya kepada siswazah. Sebanyak 37 buah syarikat mengambil bahagian dalam pameran kerjaya, tujuh buah syarikat untuk mengadakan temuduga terbuka dan enam buah syarikat mengambil bahagian dalam ceramah kerjaya.

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penyertaan	
				Pelajar	Syarikat
1	Pameran Kerjaya	28 hingga 30 Oktober 2017	Kompleks Eureka, USM	1,800	37
2	Temuduga Terbuka			113	7
3	Ceramah Kerjaya			813	6
4	Klinik Kaunseling Kerjaya			200	1
Jumlah				2,926	50

Statistik Pengunjung Mengikut Aktiviti Ekspen Kampus Induk 2017



Majlis Penutupan EKSPEN di Kompleks Eureka USM 2017



Sebahagian Jawatankuasa Tertinggi Sekretariat EKSPEN 2017

PAMERAN KERJAYA “CAREER FAIR” KAMPUS KEJURUTERAAN

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penyertaan	
				Pelajar	Syarikat
1	Pameran Kerjaya			2,365	65
2	Temuduga terbuka	15 hingga 16 Mac 2017	Dewan Utama Kampus Kejuruteraan	221	20
3	Ceramah kerjaya			1,007	17
4	Klinik kaunseling kerjaya			60	2
Jumlah				3,653	102

Statistik Pengunjung Mengikut Aktiviti Ekspen Kampus Kejuruteraan 2017

Di Kampus Kejuruteraan, Program Pameran Kerjaya ke-12 diadakan dari 15 hingga 16 Mac 2017 yang melibatkan penyertaan 65 buah syarikat syarikat industri termasuk dari Singapura dan China iaitu Micron Singapore Pte Ltd, Straits Construction Singapore Pte Ltd dan Country Garden di samping sokongan JACTIM (The Japanese Chamber of Trade & Industry Malaysia) dengan menghantarkan penyertaan dari 10 industri terkemuka. Pameran Kerjaya 2017 turut mendapat bantuan dana industri terutamanya daripada penaja utama SanDisk Storage Malaysia Sdn. Bhd.

Syarikat-syarikat yang menyertai Pameran Kerjaya 2017 turut mengadakan temuduga dan sesi khas dengan pelajar.

Pameran Kerjaya 2017 mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada kalangan pelajar USM serta pelajar universiti awam lain seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).



Gambar-gambar sekitar Pelaksanaan Program EKSPEN Kampus Kejuruteraan Tahun 2017

APEX SCHOLAR

BHEPA mengadakan program khas APEX Scholar melalui kerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE) dan Jabatan Pendidikan Perubatan, Pusat Pengajian Sains Perubatan USM untuk membimbing dan melahirkan sekumpulan pelajar yang mempunyai ciri-ciri HEBAT, iaitu *Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate* dan *Thinking* di samping melahirkan pemimpin masa hadapan yang berpotensi tinggi dan berfikiran global.

Hebahan Pelaksanaan Program APEX Scholar kepada Seluruh Pelajar USM dan Pusat-pusat Pengajian USM

Seramai 56 orang pelajar terpilih menyertai APEX Scholar Siri 1 dengan mengikuti *Suitability Index* dan modul-modul yang telah dirancang oleh tenaga pakar dalam kalangan para pensyarah USM. Para peserta mengikuti Pre-Induction Camp dan APEX Scholar Induction Camp. Penilaian tertumpu kepada Kemahiran berbahasa, Ujian Personaliti, Ujian Kecergasan, Akademik, Nilai Kenegaraan dan Jati Diri. Pelajar-pelajar ini diberikan insentif pengecualian yuran desasiswa dan keutamaan mengikuti program mobiliti pelajar di dalam dan di luar negara seperti ASEAN Student Leaders Forum (ASLF) di Vietnam dan 8th University Scholars Leadership Symposium (USLS) 2017 di Thailand.

Penilaian akademik juga dipantau dari semasa ke semasa. Pelajar-pelajar yang tidak melepasi had PNGK 3.00 akan ditamatkan daripada meneruskan program ini beserta insentif-insentif yang telah diberikan. Pemilihan ambilan siri 2 pelajar-pelajar bagi Sidang Akademik 2015/2016 pula telah diadakan pada 13 Mei 2017 dan seramai 81 orang pelajar yang dicalonkan oleh Pusat-pusat Pengajian telah hadir ke sesi temu duga APEX Scholar.



Calon APEX Scholar sedang ditemuduga oleh Panel Penemuduga mengikut Litar Temuduga



Calon APEX Scholar sedang menonton dan mendengar 'Kajian Kes'

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN SISWA

Pusat Keusahawanan EpiC@USM, BHEPA mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program Pembangunan Keusahawanan bagi pelajar melalui aktiviti serta pendidikan keusahawanan yang mampu memberikan impak yang tinggi terhadap pembangunan keusahawanan pelajar dan pemantapan pembudayaan keusahawanan yang lebih bersistematik dan berstruktur.

Program pembangunan keusahawanan ini merangkumi tiga komponen penting dalam meningkatkan dan merencanakan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang, holistik dan berimpak tinggi agar mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan dalam setiap diri pelajar sejajar dengan objektif Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sebagai salah satu projek Agenda Kritikal di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi dan Dasar Pembangunan Keusahawanan USM.

Dengan misi *'To Develop a New Class of USM Entrepreneurial Graduate'* EpiC telah berjaya:

- i. Melahirkan seramai 289 orang siswazah lulusan USM yang telah menceburi bidang perniagaan setelah menamatkan perniagaan.
- ii. Melibatkan 21,317 orang pelajar Ijazah Pertama dan Diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar Pascasiswazah) dalam aktiviti pembudayaan dan pengenalan kepada keusahawanan sepanjang tahun 2017.
- iii. Mengenal pasti seramai 950 orang pelajar yang menjalankan perniagaan secara aktif semasa dalam pengajian.
- iv. Melatih dan menghasilkan 70 orang tenaga pengajar dalaman dan luaran yang mempunyai kepakaran dalam bidang keusahawanan dan menjadi Penasihat dan Mentor kepada perniagaan dan Projek Keusahawanan Pelajar.
- v. Mengenal pasti 214 permasalahan SME untuk *Public-Private Research Network* (PPRN).
- vi. Menandatangani memorandum persefahaman bersama Celcom Axiata, SME Corp dan *Human Resources Development Fund* (HRDF).

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam indeks prestasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu:

BIL.	KPI	Sasaran KPT	Pencapaian EpiC	Pencapaian (%)
1	Bilangan pelajar IPT mendapat ilmu keusahawanan semasa dalam pengajian	21,200	21,317	100.55%
2	Bilangan lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	264	289	109.47%
3	Bilangan pelajar IPT yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian	930	950	102.15%
4	Bilangan tenaga pengajar dalaman yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar	50	70	140%
5	Bilangan masalah teknikal PPRN yang didaftarkan	200	214	107%

Indeks Prestasi EpiC yang dicapai berbanding yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 18 program anjuran EpiC dan anjuran bersama agensi luar dijalankan dengan penyertaan seramai 4,640 orang. Selain itu, EpiC juga telah berjaya melatih 241 usahawan terdiri daripada pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi melalui Program Inkubator Usahawan Pelajar yang terdapat di Uptown Mall, Kiosk Desasiswa dan Dataran Usahawan. Selain itu, terdapat beberapa pencapaian yang berjaya diraih sepanjang tahun 2017 antaranya:

PERTANDINGAN/PROGRAM	PENCAPAIAN
Simposium Siswapreneur@SME 2017 – Pertandingan Pitching Kategori Perunding Muda Terbaik	Tempat Pertama
Pertandingan High Performing Student Cooperatives (HI-PER)@Perintis Usahawan Koperasi	Tempat Ke-2
Karnival Keusahawanan dan Kerjaya Belia Negara (3KBN) – Real Business Challenge	Tempat Ke-2
ARAMCO – ENACTUS Innovative Challenge Malaysia 2017	Tempat Ke-2
MOHE Entrepreneurial Awards (MEA) – Kategori Best Student Enterprise	Peringkat Akhir
MOHE Entrepreneurial Awards (MEA) – Kategori Institutional Awards	Peringkat Akhir



Mendapat tempat pertama di Simposium Siswapreneur@SME 2017



MOHE Entrepreneurial Awards (MEA) – Kategori Institutional Awards



MOHE Entrepreneurial Awards (MEA) – Kategori Best Student Enterprise



ARAMCO – ENACTUS Innovative Challenge Malaysia 2017



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

Produk Brainy Moo Choco Drink

(Koperasi Siswa USM Kejuruteraan
Nibong Tebal Berhad)

TEMPAT KEDUA
Pertandingan Program High Performing
Student Cooperatives (Hi-Per) @ Perintis
Usahawan Koperasi

daripada
Pengerusi & Ahli-ahli LGU serta Naib Canselor &
seluruh warga Universiti Sains Malaysia



Karnival Keusahawanan dan Kerjaya Belia Negara (3KBN) – Real Business Challenge

Pertandingan High Performing Student
Cooperatives (Hi-Per)@Perintis Usahawan
Koperasi

SUKARELAWAN PELAJAR

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 33 Program Sukarelawan dilaksanakan dengan penyertaan seramai 2,256 orang pelajar meliputi lapan program kategori Sekolah, 22 program kategori Khidmat Komuniti dan 3 program kategori lain seperti bencana dan sebagainya.



Jumlah aktiviti kesukarelawanan

Aktiviti Sukarelawan Pelajar



Kor Sukarelawan USM membantu proses pembersihan banjir di Batu Maung, Pulau Pinang




Mural di Kompleks Cahaya Siswa hasil kerja sukarelawan pelajar

PROGRAM PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN PELAJAR

Pada tahun 2017, Kumpulan Kesenian Adikarma di bawah seliaan Unit Kebudayaan dan Kesukarelawanan BHEPA berjaya meraih Anugerah Seni MAKUM 2017 iaitu Anugerah Gambang Mustika (Anugerah Penghargaan bagi kumpulan Kebudayaan yang aktif dalam sumbangan kepada Universiti). Bagi Anugerah Bonang Emas (Anugerah Penghargaan bagi mahasiswa yang aktif dalam sumbangan terhadap aktiviti-aktiviti kebudayaan) pula dimenangi oleh Jerry Yacob (Kategori Lelaki) dan Bavitrasri A/P Narayanasamy (Kategori Perempuan).



Saudara Jerry Yacob (kiri) dan Saudari Bavitrasri (Kanan) sedang menerima anugerah



Penglibatan Pelajar dalam Program

PERTANDINGAN	PENGLIBATAN PELAJAR
Program Pesta Pantun Integrasi Budaya 2017	10
Program 'Music Festival And Busking Challenge Charity 2017'	10
Pertandingan Pantun Antara Jabatan Kerajaan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017	4
Pertandingan Festival Tari 1 Malaysia	12

Penglibatan Pelajar Dalam Program



Kumpulan Kesenian Adikarma Anugerah Gambang Mustika di Anugerah Seni MAKUM 2017

PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

BHEPA dengan kerjasama Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT) mengambil inisiatif menggantikan kaedah konvensional dalam proses MPP USM kepada kaedah pemilihan dalam talian atau dikenali sebagai Sistem ePilih bermula pada tahun 2016 dan penambahbaikan sistem dilakukan pada tahun 2017 untuk melancarkan lagi proses dan kaedah pemilihan di semua kampus.

Mesyuarat Dasar Majlis Pemilihan Siswa yang dipengerusikan oleh Naib Canselor pada 7 September 2017 bersetuju meneruskan kaedah Pemilihan MPP USM bagi Sidang Akademik 2017/2018 menggunakan sistem pemilihan dalam talian atau Sistem ePilih sepenuhnya yang memberikan impak besar dari segi penjimatan kewangan universiti, masa, dan tenaga kerja pelaksanaan.

Kaedah konvensional yang diamalkan sebelum ini ialah proses pengiraan, penjumlahan undi dan pengumuman keputusan menggunakan Sistem E-Kira dan manual telah mengambil masa lebih lapan (8) jam untuk diselesaikan selepas tempoh pemilihan tamat jam 5.00 petang. Dengan menggunakan Sistem ePilih ini, proses penjumlahan pemilihan dan pengumuman keputusan telah diselesaikan dalam tempoh kurang daripada dua jam.

BHEPA sebagai urus setia Pemilihan MPP USM bersama-sama Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) bertanggungjawab mengurus, membangunkan sistem dan melaksanakan proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar menggunakan Sistem ePilih pada 5 Oktober 2017.

Sebanyak 45 konstituensi telah dipertandingkan seperti pecahan berikut:

KONSTITUENSI PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BAGI TAHUN 2017

KAMPUS	KONSTITUENSI				JUMLAH
	UMUM		PUSAT PENGAJIAN		
	IJAZAH PERTAMA	IJAZAH TINGGI	IJAZAH PERTAMA	IJAZAH TINGGI	
INDUK	6	1	19	3	29
KEJURUTERAAN	1	-	6	1	8
KESIHATAN	1	-	5	1	7
KLE INDIA	1	-	-	-	1
JUMLAH	9	*1	30	5	45

Konstituensi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar USM
(*Konstituensi Umum Ijazah Tinggi mewakili kesemua kampus)




Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2017/2018

Hari Pemilihan (ePilih)
5 Oktober 2017 | 8.30pagi – 5.00petang

Lokasi Pemilihan

Dewan Utama Desasiswa RESTU SAUJANA TEKUN	Dewan Utama Pelajar INDAH KEMBARA PETAS	Dewan Harapan AMAN DAMAI FAJAR HARAPAN	Dewan Cahaya Lobi Bistari BAKTI PERMAI CAHAYA GEMILANG
---	---	--	--

Mata MyCSD diberikan

Semakan Daftar Pemilih • <https://mps.usm.my/semakan>

Semakan daftar pemilih pada 3 Oktober 2017, selepas jam 12.00 tengahari



Pemilihan secara **ELEKTRONIK**
Wajib bawa
kad matrik pelajar &
kad pengenalan

Kain Rentang Rasmi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar USM

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2017/2018

Panduan Pemilih

Langkah 1



Imbas Kad Matrik Pelajar

➔



Pengesahan Layak Memilih

➔



Bergerak ke Kaunter Seterusnya

Langkah 2



Imbas Kad Matrik Pelajar Untuk Kali Ke-2

➔



Pilih Calon Umum & Calon Pusat Pengajian

➔




Selesai Sesi Pemilihan

Panduan kepada Pemilih bagi Proses Pemilihan di Pusat Pemilihan



Pelajar sedang berada meja daftar masuk pemilih untuk mengimbas kad pelajar



Pelajar sedang berada di meja ePilih untuk memilih calon



Naib Canselor, TNC HEPA dan TNC A&A bersama-sama Ahli Majlis Perwakilan Pelajar baharu selepas Sesi Penjumlahan dan Pengumuman Keputusan Pemilihan MPP secara Serentak di Semua Kampus Melalui Telesidang

PESTA HOKI USM-PENANG INTERNATIONAL KE-44

Pusat Sukan dan Rekreasi USM menganjurkan Pesta Hoki USM-Penang International Ke-44 dari 15 hingga 17 Disember 2017, di Padang Minden dan Hoki Turf USM sebagai satu lagi swadaya pelajar yang melaksanakan sepenuhnya penganjurannya termasuk mencari dana. Pesta Hoki USM-Penang International Ke-44 ini mempertandingkan 11 kategori seperti berikut:

CATEGORY	AGE LIMIT	CHALLENGE TROPHY
Men's Veteran	40 years & above	Veteran Challenge Trophy
Men's Open Premier	Open	His Royal Highness Sultan Azlan Shah Challenge Trophy
Men's Open Classic	Open	His Royal Highness Sultan Nazrin Shah Challenge Trophy
Women's Open Classic	Open	His Excellency The Governor of Penang Challenge Trophy
Institution of Higher Learning (Men & Women)	Open	Minister of Higher Education Challenge Trophy
Men's Junior Category Under 18	18 years & below	MILO Challenge Trophy
Women's Junior Category Under 18	18 years & below	MILO Challenge Trophy
Boy's Category Under 15	15 years & below	MILO Challenge Trophy
Girl's Category Under 15	15 years & below	MILO Challenge Trophy
Boy's Category Under 12	12 years & below	MILO Challenge Trophy

Kategori Pertandingan Pesta Hoki USM-International Ke-44

Pesta Hoki USM-International ke-44 mendapat sambutan hebat daripada pasukan-pasukan luar negara seperti India, Taiwan, Uzbekistan, Thailand, Sri Lanka, Pakistan dan Kazakstan.

Usaha menukar Piala Pusingan DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Shah bagi Kategori Liga Perdana dan Piala Pusingan DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Shah untuk Kategori Terbuka Lelaki Klasik telah mendapat perkenan DYMM Baginda Sultan Perak. Di samping itu, program ini juga mendapat tajaan daripada Milo, OBO, Hockey Zone dan beberapa pihak lain dalam bentuk wang dan produk. Proton Edar turut menaja 12 buah kenderaan sepanjang kejohanan ini berlangsung.



Pasukan USM Lions meraikan kemenangan menjulang Piala Sultan Azlan Shah bersama-sama Pro-Canselor, Naib Canselor dan Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi



Proton Edar menaja 12 buah kenderaan untuk kegunaan sepanjang program berlangsung



Sepanjang Program Berlangsung

PESTA BOLA JARING USM PENANG INTERNATIONAL KE-27

Pesta Bola Jaring USM Penang International Ke-27 diadakan pada 22 Oktober 2017 di Kompleks Sukan Azman Hashim USM yang menjadi satu lagi jenama aktiviti sukan utama hasil usaha pelajar sepenuhnya.



Banner Rasmi Program Pesta Bola Jaring

Dengan moto *"One Team One Spirit One Win"*, penganjuran kejohanan kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan melibatkan penyertaan 126 buah pasukan dalam tujuh kategori, antaranya kategori bawah 12 tahun, bawah 15 tahun, kategori IPT Lelaki, IPT Wanita, Terbuka Lelaki dan Terbuka Wanita. Majlis Perasmian dan Penutupan telah dilakukan oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc.



Naib Canselor bergambar bersama-sama pemenang Pesta Bola Jaring



Perlawanan Bola Jaring sedang berlangsung di Kompleks Sukan Azman Hashim

TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN (TOT)

Temasya Olahraga Tahunan (TOT) merupakan salah satu acara tahunan besar tradisi USM sejak 1974 untuk mengasah bakat atlet sama ada di balapan mahupun padang. Banyak kejayaan yang telah dilakar dan disumbangkan oleh para atlet yang mewakili universiti, negeri malah negara dalam pelbagai acara sukan yang berprestij seperti SUKMA, Sukan Antara Universiti dan Sukan SEA.



Kain Rentang Rasmi Program Temasya Olahraga Tahunan (TOT) 2017

TOT berlangsung dari 14 hingga 16 April 2017 di Stadium Olahraga USM diuruskan oleh pelajar-pelajar USM dengan kerjasama Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang (PAAA).



Sekretariat Temasya Olahraga Tahunan (TOT) Tahun 2017

Pertandingan melibatkan antaranya kategori lelaki, kategori wanita, kategori veteran dan kategori senior veteran. Sebanyak 13 kontingen pelajar dan staf mengambil bahagian dalam temasya sukan ini.

PEMBANGUNAN SUKAN DAN REKREASI

Pusat Sukan & Rekreasi menyediakan perkhidmatan pembangunan sukan dan mengenal pasti potensi kecemerlangan sukan dalam kalangan pelajar dan staf melalui penganjuran pelbagai aktiviti serta mewujudkan budaya sukan dalam kalangan warga kampus supaya dapat melahirkan masyarakat yang sihat serta meningkatkan perpaduan kaum melalui sukan.

Pusat Sukan & Rekreasi menjadi pusat latihan bagi penyediaan pasukan universiti yang terdiri daripada pelajar dan staf ke kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta penzahiran generasi pelajar dan staf yang cergas, cerdas, tangkas serta memiliki daya saing dan daya juang *"thinking athlete"* yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan.

Pusat Sukan & Rekreasi turut membangunkan atlet USM dan mewujudkan jurulatih yang bertauliah melalui Skim Persijilan Kebangsaan serta memajukan persatuan sukan kebangsaan dan pengelolaan kejohanan tempatan dan antarabangsa bersama-sama.

Berikut merupakan pencapaian terbaik pelajar dalam beberapa kategori sukan yang disertai sepanjang tahun 2017 pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

BIL.	NAMA	ANUGERAH DIPEROLEHI	PERTANDINGAN	TARIKH	PERINGKAT
1.	LIM CHEE WEI (KARATE-DO)	1 Emas	Malaysia Open, Kuala Lumpur	27 hingga 29 April 2017	Kebangsaan
		2 Gangsa	14th AKF Senior Championship Astana, Kazakhstan	15 hingga 16 Julai 2017	Antarabangsa ASIA
		2 Emas	29th SEA Games Kuala Lumpur 2017	22 hingga 24 Ogos 2017	Antarabangsa
2.	FATIN NURFATEHAH BINTI MAT SALLEH (MEMANAH)	OLAHRAGAWATI	OLAHRAGAWATI MASUM 2016	15 Mei 2017	Kebangsaan
		1 Perak	Archery Asia Cup Stage 2 Bangkok, Thailand	10 hingga 28 Mac 2017	Antarabangsa
		1 Emas dan 2 Perak	Asian University Champ, Nilai, Malaysia	12 hingga 16 April 2017	Antarabangsa
		1 Gangsa	Archery Asia Cup Stage 3, Chinese Taipei	3 hingga 11 Julai 2017	Antarabangsa
		2 Emas dan 1 Gangsa	SEA Games Kuala Lumpur 2017	14 hingga 18 Ogos 2017	Antarabangsa
3.	GEH CHEOW LIN (LAYAR PERAHU)	1 Gangsa	36th Singapore Open Windsurfing Championship @ 2017 RS: One Asian Championship	11 hingga 15 Januari 2017	Antarabangsa
		1 Perak	29th SEA Games 2017 RS: One Women - 2nd	21 hingga 29 Ogos 2017	Antarabangsa
4.	EMMA FIRYANA SAROJI (BOLING PADANG)	1 Emas	SEA Games Kuala Lumpur 2017	14 hingga 18 Ogos 2017	Antarabangsa

Antara peserta yang mewakili USM dalam pelbagai kejohanan peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

ATLET DARI USM YANG MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA

1) Lim Chee Wei (Karate-Do)



2) Fatin Nurfatehah Binti Mat Salleh (Memanah)



3) Geh Cheow Lin (Layar Perahu)



4) Emma Firyana Binti Saroji (Boling Padang)

Emma sumbang emas ketujuh boling padang



Emma Firyana Saroji melakukan balingan ketika perlawanan Boling Padang bagi kategori Perseorangan Wanita pada Sukan Sea Kuala Lumpur 2017 (KL2017) di Bukit Kiara, di sini, hari ini. - UTUSAN ONILNE/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

ANUGERAH TOKOH SISWA 2017 – PERINGKAT USM

Anugerah Tokoh Siswa mengiktiraf dan memberikan galakan kepada kepemimpinan mahasiswa yang menunjukkan kecemerlangan kepemimpinan yang holistik dan cekap selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025. Anugerah ini diperkenalkan pada Mac 2013 pada peringkat kebangsaan dan melibatkan pelbagai bidang akademik yang seimbang dalam aspek kepemimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawanan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam dan lain lain.

USM melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan kualiti calon untuk bersedia menghadapi pemilihan peringkat kebangsaan. Calon peringkat USM untuk 18 Kategori telah dipilih dan pemenangnya diumumkan dalam Majlis Persada Kencana pada 19 Disember 2017.

Berikut ialah senarai pemenang bagi kategori yang dipertandingkan:

BIL.	ANUGERAH	NAMA PEMENANG	PROGRAM YANG DILAKSANAKAN
1	Anugerah Tokoh Siswa	Mohd Faiz Fateh Bin Mohd Affandy	1. Festival Mahasiswa Anak Pulau Pinang 2. International Seminar Unpad - USM Students: Social Sciences In Community Practicum
2	Anugerah Pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar	Mohd Uzair Bin Ahmad	1. USM Street Workout 2. Ideas, Inspirations, Insights
3	Anugerah Pemimpin Desasiswa	Nur Syafiqah Binti Zaidi	1. Program Tautan Kasih "MPDT Sehati Sejiwa" 2. Program Jalinan Kasih Lestari "Mahasiswa Hebat, Masyarakat Sejahter"

4	Anugerah Pemimpin Pusat Pengajian/ Persatuan/ Kelab/ Sekretariat	Sunisa A/P Ai Som Chok	1. Somax Challenge 2017 2. Accounting Professional Avenue Quiz Challenge 2017
5	Anugerah Pemimpin Badan Beruniform	Muhammad Solahuddin Maula Abd Halim	1. International Language Summer Camp Programme 2017 (Malaysia-Thailand) 2. Pengembaraan Kelana "See The Nature" 60 Km Dan Manikayu 3(2)
6	Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan	Arivanandhan A/L Gunaseelan	1. ASEAN Student Entrepreneurship Convention And The Launching Of ASENET 2. CONVEX 2016
7	Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan	Darshnee A/P Subramaniam	1. Malam Kebudayaan India 2017 2. Malam Apresiasi Seni Budaya 2016
8	Anugerah Pemimpin Program Sains, Teknologi dan Inovasi	Mohd Shafiq Bin Nasir	1. Penang Green Council, Youth Camp 2. Jom Hack Penang Smart Cities With Lot
9	Anugerah Pemimpin Program Sukan	Nur Alya Adriana Bt Ahmad Sukri	1. Pesta Bola Jaring Usm Penang International Ke -26 2. Temasya Olahraga Tahunan Ke -43
10	Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam	Muhammad Syahdad Naquiyuddin Hadi	1. International Conference On Sustainable Development Goals 2016 2. The 3rd Asia Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) Summit 2017
11	Anugerah Pemimpin Program Wacana Intelekt	Mohd Faiz Fateh Bin Mohd Affandy	1. Festival Mahasiswa Anak Pulau Pinang 2. International Seminar Unpad - USM Students: Social Sciences In Community Practicum
12	Anugerah Pemimpin Pelajar Antarabangsa	Muhammad Imran Sarwar	1. Asean Future Leaders Summit 2. Asia Pacific Alliance Of Postgraduate Student Association (APA-PSA)
13	Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Kesejahteraan Komuniti)	Anis Syazwanie Bt Wan Abdullah	1. Projek Latihan Pekerjaan OKU Intelekt/Vocational Training (VT) Siri ke-4 2. Projek Transformasi Ekonomi Orang Kurang Upaya (OKU) Program Latihan Pekerjaan OKU Intelekt (Projek Van Jualan Jus Minuman Segar
14	Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Alam Sekitar)	Muhammad Aminuddin Baqi Bin Hasrizal Fuad	1. "Back To Nature 2.0" Exhibition 'Forest Of Hope' 2. "Explore The Nature"
15	Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Terbuka)	Muhamad Safwan Bin Fadzil	1. Baju Sekolah Project @USM 2. Carboot Sales
16	Anugerah Best Student Enterprise	Ahmad Farhan Aqil Mat Jali	Koboi Barbershop And Pomade
17	Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik	Mohamad Azri Faez Bin Basri	1. 43 Pesta Hoki Usm-Penang International 2016 2. Technical Meeting
18	Best Social Entrepreneurship Project	Soo Aie Ling	Projek Four 22 Sekretariat Enactus USM

Senarai Pemenang Anugerah Tokoh Siswa USM Mengikut Kategori dan Projek



Naib Canselor menyampaikan Anugerah Tokoh Siswa USM kepada Saudara Mohd Faiz Fateh dan disaksikan oleh TNC HEPA, TNC A&A dan Dekan IPS di Majlis Persada Kencana



Naib Canselor bergambar bersama para pemenang di Majlis Persada Kencana

KEJAYAAN-KEJAYAAN PELAJAR USM TAHUN 2017

DUTA JAUHAR USM (26 MAC 2017)



TAHNIAH & SYABAS
DUTA JAUHAR 3.0
 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
 atas penganugerahan
ANUGERAH PERMATA
 projek
RLE J-FORCE CUCI KERETA BERGERAK

26 Mac 2017

KAMI MEMIMPIN | WE LEAD **STARS**
www.usm.my
 Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok
 Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow



8th WORLD MANDARIN DEBATING TEAM CHAMPIONSHIP (13 DISEMBER 2017)



Universiti Sains Malaysia

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

Pasukan Debat Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) USM

JOHAN

daripada 22 Institut Pengajian Tinggi

Kejohanan Debat Bahasa Mandarin Dunia Sandalwood Forest Peringkat Asia Tenggara 2017.
10 Disember 2017 | DK SK4 USM

KELANA SISWA CIPTA SEJARAH



43 KELANASISWA USM CIPTA SEJARAH

ANUGERAH BADEN-POWELL & MANIKAYU

PECAH REKOD PENERIMA ANUGERAH BADEN-POWELL TERBANYAK 2017

Istiadat Perbarisan dan Penganugerahan B-P dan Manikayu kali ke-IV 2017

Universiti Sains Malaysia

FOOD BOWL QUIZ COMPETITION

Congratulations!

**NUR FATIN BT ISHAK . LIM YI TING
WONG PEI YING . BEH YEOW HONG**

BRONZE FOR MALAYSIA
FOOD BOWL QUIZ COMPETITION

15th ASEAN FOOD CONFERENCE

SHERATON SAIGON HOTEL & TOWER ,
HO CHI MINH CITY, VIETNAM
14th-17th NOVEMBER 2017

from
All citizens of Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia

CHAMPION IN THE 'BATTLE OF FUSION BAND'

USM APEX KLE SOARING UPWARDS

CONGRATULATIONS

USM-KLE
Medical students
You have made us proud for being the
CHAMPION
in the 'Battle of Fusion Band'
at the Umang Youth International
Kite Festival in Belgaum, India.

From:
Professor Datuk Dr Asma Ismail FASc
USM Vice-Chancellor
and University Top Management

KAMI MEMIMPIN | WE LEAD STARS

PERKHIDMATAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR

Universiti sangat menekankan aspek perkhidmatan dan kebajikan pelajar seperti kewangan, pinjaman pelajar, tajaan dan biasiswa, perkhidmatan pengangkutan, hal ehwal kebajikan pelajar OKU dan kaunseling pelajar iaitu:

TABUNG KESIHATAN PELAJAR

Tabung Kesihatan Pelajar diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada pelajar sebagai usaha menjaga kebajikan pelajar berdaftar penuh masa di Universiti dan tertakluk kepada perubahan mengikut keputusan Lembaga Gabenor Universiti (LGU) dalam menyediakan dana membiayai kos perubatan bagi pelajar-pelajar Ijazah Pertama dan Pelajar Ijazah Tinggi Penuh Masa. Bagi Tahun 2017, kadar pembiayaan yang telah dilakukan telah menurun berbanding tahun sebelumnya seperti jadual di bawah:

BIL	JABATAN	2015	2016	2017
		RINGGIT MALAYSIA		
		VOT 27000		
1	Pusat Sejahtera (Perubatan)	274,143.00	291,629.00	234,629.00
		VOT 29000		
2	Pusat Sejahtera (Rundingan)	29,210.00	64,611.00	10,794.00
3	Pusat Sejahtera (Ubat 1 Tahun)	5,625.27	6,205.17	6,202.23
4	Hospital	64,405.00	18,316.90	7,496.21
5	Klinik Swasta	148,670.00	183,093.50	228,695.00
6	Tuntutan Pelajar	1,997.00	1,448.00	4,073.60
7	Wang Panjar	288.00	283.00	-
JUMLAH		524,338.27	565,586.57	491,890.04

Statistik Jumlah Bayaran Melalui Tabung Kesihatan Pelajar Tahun 2015 – 2017

TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR

Kemudahan Tabung Kebajikan Pelajar diwujudkan oleh pihak USM untuk memastikan elemen ehsan dan bantuan kemanusiaan serta kebajikan dapat terus disalurkan secara rasmi kepada pelajar dan keluarga pelajar yang ditimpa musibah atau kecelakaan tertentu seperti masalah kewangan, kematian, kemalangan dan sebagainya.

Antaranya adalah sumbangan khairat kematian yang merangkumi kedukaan kematian pelajar dan ahli keluarga terdekat pelajar, kemalangan, kecacatan anggota sebagai akibat kemalangan, pembelian alat sokongan pergerakan bagi pelajar cacat anggota, bantuan kewangan bagi pelajar mangsa bencana dan sumbangan wang ehsan.

Jadual di bawah menunjukkan bantuan yang telah disalurkan kepada pelajar bagi tahun 2017. Jumlah bantuan Tabung Kebajikan Pelajar yang diperuntuk pada tahun 2017 ialah sebanyak RM160,000.00 dengan perbelanjaan sebenar sebanyak RM154,543.92 yang melibatkan 90 kes tuntutan di ketiga-tiga kampus.

Jenis Tuntutan	Bilangan (Orang)	Sumbangan (RM)	Tambang (RM)	JUMLAH (RM)
Pelajar Meninggal	17	85,000.00		
Ahli Keluarga Meninggal	54	27,000.00	934.02	
Bantuan Alat Sokongan	7	25,581.34		
Wang Ehsan	5	2,500.00		
Rawatan dan Perubatan	7	14,462.58		
JUMLAH KESELURUHAN				154,543.92

Jenis Tuntutan Bantuan Yang Disalurkan kepada Pelajar Tahun 2017


PERKHIDMATAN KAUNSELING

Unit Kaunseling, BHEPA memiliki kekuatan seramai tiga orang kaunselor di Kampus Induk, seorang di Kampus Kesihatan dan seorang lagi di Kampus Kejuruteraan menyediakan perkhidmatan kaunseling profesional individu dan kaunseling kelompok dan perkhidmatan konsultasi dan bimbingan secara berkala berdasarkan keperluan melalui program perkembangan, pencegahan dan lain-lain.

JENIS KAUNSELING	BILANGAN		ISU					
	LELAKI	PEREMPUAN	PERIBADI	KEWANGAN	KELUARGA	AKADEMIK	PENASIHATAN/ BIMBINGAN	LAIN-LAIN
INDIVIDU	135	169	193	16	17	72	48	3
JUMLAH KLIEN			304					


Jumlah Sesi Kaunseling Pelajar Bagi Tahun 2017 (Semua Kampus)

PERKHIDMATAN KAUNSELING KELOMPOK TAHUN 2017



Jumlah Sesi Kaunseling Pelajar Mengikut Jantina Bagi Tahun 2017 (Semua Kampus)

PERKHIDMATAN KAUNSELING KELOMPOK TAHUN 2017



Jumlah Sesi Kaunseling Kelompok Mengikut Kategori Bagi Tahun 2017 (Semua Kampus)

PROGRAM PERKEMBANGAN PSIKOLOGI

Program perkembangan psikologi melalui pendekatan pencegahan dan pemulihan dibuat sebagai salah satu usaha holistik dalam konteks menyiapkan pelajar mengharungi cabaran kehidupan seharian di samping membina konsep sendiri yang mampan. Program yang dilaksanakan antara lain adalah direka khusus untuk membolehkan para pelajar mempunyai kredibiliti sendiri seiring dengan perkembangan serta kelangsungan fisiologi, kognitif dan sosial.

Berikut merupakan program perkembangan psikologi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.

BIL.	JENIS / KATEGORI	BIL. PROGRAM	BIL. PESERTA	CATATAN
1	Program Perkembangan Fisiologi	21	3770	Fokus program-program yang dilaksanakan dalam skop ini adalah perkembangan personaliti, pengurusan stres, gaya hidup sihat dan terapi.
2	Program Perkembangan Kognitif	15	595	Fokus program-program yang dilaksanakan dalam skop ini ialah penyelesaian masalah, membuat keputusan dan motivasi.
3	Program Perkembangan Sosial	5	480	Fokus program-program yang dilaksanakan dalam skop ini untuk membina keupayaan komunikasi dan interaksi.
JUMLAH KESELURUHAN		41	4845	

Program Perkembangan Psikologi yang dijalankan 2017

PINJAMAN, TAJAAN DAN BIASISWA PELAJAR

USM membantu pelajar mendapatkan penajaan termasuk secara pinjaman untuk mengikuti pengajian. Di Kampus Induk seramai 11,244 pelajar aktif dan 73% pelajar berpenaja, manakala bagi Kampus Kejuruteraan 2,206 pelajar aktif dan 71% pelajar berpenaja dan bagi Kampus Kesihatan seramai 1,735 pelajar aktif dan 64% pelajar berpenaja. Kesimpulannya 71% pelajar USM mempunyai penaja dan hanya 29% yang membiayai sendiri pengajian.

Bil.	Jenis/Kategori Penaja	Jumlah Penerima Mengikut Kampus		
		Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan
1.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	7,083	1,317	965
2.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	774	190	747
3.	Biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	75	0	0
4.	Biasiswa Swasta/Korporat	89	15	9
5.	Biasiswa dan Pinjaman Kerajaan Negeri/Yayasan Negeri/Badan Berkanun	182	25	10
6.	Biasiswa Dari Tabung Yayasan USM	29	12	4
Jumlah Pelajar Berpenaja		8,232 (73%)	1,559 (71%)	1,735 (64%)
Jumlah Pelajar Aktif		11,244	2,206	2,706
Jumlah Pelajar Tanpa Penaja		3,012 (27%)	647 (29%)	971 (36%)

Statistik keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa) USM yang memegang biasiswa dan pinjaman bagi Sidang Akademik 2017/2018

Selain pinjaman dan tajaan/biasiswa dari pihak luar, BHEPA juga menyediakan kemudahan Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang. Bayaran balik pinjaman dikenakan kepada pelajar setelah tamat pengajian secara tunai atau ansuran. Kos perkhidmatan dikenakan sebanyak 4% setahun bermula pada tarikh pinjaman dikeluarkan.

Bil.	Jenis Pinjaman	Bilangan Pelajar		Jumlah Permohonan
		Semester 1	Semester 2	
1.	Pinjaman Jangka Pendek	106	85	191
2.	Pinjaman Jangka Panjang	22	14	36

Statistik Keseluruhan Pelajar Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa) USM Memohon Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang Bagi 2017

PINJAMAN JANGKA PANJANG	36
1) TERBUKA UNTUK SEMUA PELAJAR IJAZAH PERTAMA YANG TIADA BANTUAN KEWANGAN ATAU TAJAAN. 2) KEUTAMAAN DIBERI KEPADA PELAJAR YANG MENGHADAPI MASALAH KEWANGAN UNTUK MEMBAYAR YURAN AKADEMIK PADA SIDANG PENGAJIAN SEMASA.	
PINJAMAN JANGKA PENDEK	191
1) TERBUKA KEPADA SEMUA PELAJAR AKTIF BERPENAJA DAN MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK TUJUAN SARA HIDUP. 2) MAKSIMUM PINJAMAN YANG DIBENARKAN ADALAH SEBANYAK RM500.00 SAHAJA. 3) TEMPOH PERMOHONAN YANG DIBENARKAN TIADA HAD KECUALI PADA CUTI SEMESTER.	
JUMLAH	227

Jumlah Peminjam dan Syarat Pinjaman Jangka Pendek dan Panjang USM 2017

PENGURUSAN KEBAJIKAN PELAJAR OKU

Pengurusan Kebajikan Pelajar OKU meliputi prospek bantuan pengurusan permohonan elaun pelajar OKU kepada Kementerian Pengajian Tinggi, memastikan kebajikan pelajar OKU mendapat pembelaan, pelajar secara konsisten dibantu dari segi kemudahan pengangkutan semasa minggu peperiksaan dan bantuan penghantaran ke hospital untuk temujanji kesihatan secara berkala mengikut keperluan dan permintaan.

PERKARA	BIL. PELAJAR RPPJJ	BIL. PELAJAR SARJANA MUDA	BIL. PELAJAR IJAZAH TINGGI
Bantuan Wang Saku (RM1,800.00/semester)	Tidak Layak Memohon	41	4
Bantuan Yuran Pengajian	2	43	3

Statistik Pelajar OKU Yang Menerima Bantuan Sara Hidup Tahun 2017

PENGURUSAN ZAKAT

USM turut membantu mengagihkan zakat kepada kumpulan asnaf melalui Bantuan Sara Hidup dan Bantuan Yuran Pengajian bagi pelajar-pelajar yang mempunyai status keputusan peperiksaan P1 dan P2 untuk membantu mereka mengikuti pengajian apabila bantuan kewangan terhenti.

Bagi Kategori Asnaf Fakir dan Miskin, bantuan zakat diberikan kepada pelajar-pelajar yang tidak menerima bantuan/pinjaman kewangan daripada mana-mana pihak seperti PTPTN, MARA dan lain-lain. Manakala kategori Asnaf Fisabilillah pula diberikan kepada pelajar yang menerima bantuan atau pinjaman kewangan dan kadar perkepala tidak melebihi RM601.00 seorang. Bagi tahun 2017, terdapat tiga fasa agihan zakat.

AGIHAN TAHUN 2017 (FASA 1)

BIL.	ASNAF	BIL. PELAJAR	AMAUN (RM)	JUMLAH (RM)
1	FAKIR	30	600	18,000.00
2	MISKIN	3	500	1,500.00
3	FISABILILLAH	210	400	84,000.00
4	BANTUAN KHAS/ LAIN-LAIN	-	-	8,230.00
JUMLAH				111,730.00

Jumlah Agihan Zakat Fasa 1 Mengikut Asnaf 2017

AGIHAN TAHUN 2017 (FASA 2)

BIL.	ASNAF	BIL. PELAJAR	AMAUN (RM)	JUMLAH (RM)
1	FAKIR	4	600	2,400.00
2	MISKIN	2	500	1,000.00
3	FISABILILLAH	150	400	60,000.00
JUMLAH				63,400.00

Jumlah Agihan Zakat Fasa 2 Mengikut Asnaf 2017

AGIHAN KESELURUHAN ZAKAT TAHUN 2017

BIL.	ASNAF	BIL. PELAJAR	AMAUN (RM)	JUMLAH (RM)
1	FAKIR	34	600	20,400.00
2	MISKIN	5	500	2,500.00
3	FISABILILLAH	360	400	144,000.00
4	BANTUAN KHAS/ LAIN-LAIN			8,230.00
JUMLAH				175,130.00

Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat Mengikut Asnaf 2017

PENGINAPAN PELAJAR

Pusat Perumahan dan Penginapan Universiti berperanan menguruskan hal-hal berkaitan perumahan dan penginapan universiti (desasiswa dan perumahan kampus), sekretariat dalam melaksanakan dasar dan keputusan Jawatankuasa Universiti seperti Jawatankuasa Pengurusan Premis Perniagaan dan menjana pendapatan untuk Tabung Pusat Desasiswa




Premis dan Kapasiti Penginapan di USM 2017

Pada tahun 2017, seramai 16,097 orang pelajar menginap di desasiswa-desasiswa seperti berikut:


Kampus	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Induk	3,378	7,275	10,653
Kejuruteraan	1,672	987	2,659
Kesihatan	833	1,952	2,785
Jumlah	5,883	10,214	16,097



Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Jantina Bagi Semua Kampus 2017



Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Jantina Kampus Induk 2017




Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Jantina Kampus Kejuruteraan 2017




Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Jantina Kampus Kesihatan 2017


Statistik Kapasiti Penginapan Pelajar Mengikut Jantina 2017



Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Kategori di Kampus Induk 2017



Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Kategori di Kampus Kejuruteraan 2017



Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Kategori di Kampus Kesihatan 2017

Berikut merupakan statistik kapasiti penginapan pelajar mengikut kategori dan kampus bagi 2017:

Kampus	Ijazah Pertama			Ijazah Tinggi		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Induk	2,673	6,262	8,935	705	1,013	1,718
Kejuruteraan	1,396	787	2,183	276	200	476
Kesihatan	686	1,805	2,491	147	147	294
Jumlah	4,755	8,854	13,609	1,128	1,360	2,488

Kapasiti Penginapan Pelajar Mengikut Kategori dan Kampus 2017

BUKU PANDUAN SOP PENGURUSAN JENAZAH PELAJAR – UNIVERSITI AWAM

Tahun 2017 menyaksikan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Jenazah Pelajar Universiti Awam telah diwujudkan secara holistik melibatkan kerjasama semua Universiti Awam dengan USM sebagai urus setia utama. Kejayaan ini penting dalam mewujudkan keseragaman dan mengguna pakai satu standard pengamalan operasi pengurusan jenazah pelajar melibatkan Universiti Awam di negara ini apabila berlaku kes-kes kematian.



Buku SOP Pengurusan Jenazah Pelajar Universiti Awam

Buku panduan ini antara lain merupakan satu usaha menyeluruh dan praktikal untuk memandu arah serta kaedah para pentadbir di Universiti Awam menguruskan kematian pelajar sama ada kematian tersebut berlaku di dalam premis, di luar premis mahupun di luar negara.

Hasrat penghasilan buku panduan ini ialah rentetan Bengkel *“Standard of Operating Procedure Pengurusan Jenazah Pelajar”* yang diadakan dari 20 hingga 22 Januari 2017 dihadiri oleh Ketua Pentadbir HEPA Universiti Awam dan pegawai yang bertanggungjawab untuk menguruskan kematian pelajar di Universiti masing-masing. Para peserta diberi taklimat mengenai maklumat terkini dan penting oleh penceramah jemputan dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan sebuah agensi pengurusan jenazah iaitu Syarikat Mykhairat Management Sdn. Bhd.

Secara ringkasnya, buku panduan ini mengandungi empat bab utama yang membincangkan secara terperinci status pelajar ketika kematian tersebut berlaku. Buku SOP ini juga antara lain secara tidak langsung dapat mewujudkan konteks jaringan kerjasama pintar setiap BHEPA Universiti Awam dalam menguruskan kematian pelajar.

Bab pertama merujuk isu bagi kes kematian pelajar Malaysia di dalam negara (Malaysia). Dalam bab kedua pula merungkai kod etika amalan pengurusan kematian pelajar Malaysia di luar negara manakala bab ketiga pula membincangkan kes kematian pelajar antarabangsa di Malaysia. Bab empat, ialah bab terakhir yang mengupas kaedah pengurusan kematian pelajar antarabangsa di luar negara selain negara bermastautin pelajar tersebut.

Buku panduan SOP ini dijadualkan dapat dicetak pada suku tahun pertama 2018.

PERHUBUNGAN ALUMNI, KERJAYA DAN KEBOLEHPASARAN SISWAZAH

Sepanjang tahun 2017, Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Siswazah telah mengorak langkah menyusun hala tuju, merancang pelbagai strategi dan mekanisme untuk memastikan kelangsungan perhubungan alumni dengan Alma Mater USM. Antaranya adalah seperti berikut :

JAWATANKUASA TNC HEPA BERSAMA 40 ORANG TIMBALAN DEKAN, TIMBALAN PENGARAH DAN WAKIL TETAP ALUMNI PTJ (YANG MEMPUNYAI PROGRAM AKADEMIK)

Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan telah mewujudkan beberapa agenda/aktiviti *flagship* yang menghubungkan Alumni USM dengan warga Universiti terutamanya pelajar-pelajar USM sepanjang tahun 2017. Terdapat 60 program/aktiviti yang melibatkan seramai 120 alumni telah berjaya dilaksanakan.



Program Jerayawara Kerjaya di Pusat-pusat Pengajian

PENGLIBATAN ALUMNI DALAM AKTIVITI PERSATUAN/ KELAB/PASUKAN PAKAIAN SERAGAM

Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti kempen kesedaran penglibatan alumni dalam aktiviti persatuan/ kelab/ pasukan untuk memberikan penasihat kepada pemimpin persatuan pelajar. Sepanjang tahun 2017, seramai 200 alumni dan 2,000 pelajar telah terlibat secara langsung.

PENGLIBATAN ALUMNI BUKAN PTJ DAN BUKAN PERSATUAN/ KELAB/PASUKAN PAKAIAN SERAGAM

Program bulanan bersama Alumni – tujuh program/aktiviti telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan 50 alumni dan program alumni dan masyarakat – Enam program/aktiviti Alumni Turun Padang telah dilaksanakan iaitu:

- Bersama-sama pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dari 24 hingga 25 Mac 2017.
- Program Kembara Ilmu Alumni Bersama SMK Melor, Kelantan dari 2 hingga 4 Mei 2017.
- Program One Step Ahead Siri 1 di Dewan Hargreaves, Kolej Melayu Kuala Kangsar dari 8 Julai 2017.
- Program One Step Ahead Siri 2 di SM Sains Tuanku Faris Petra dari 23 Julai 2017.
- Program Kembara Ilmu Alumni bersama SMK Pasir Putih, Johor dari 3 hingga 5 Ogos 2017.
- Program Kembara Rakyat ke-4 2017 dari 27 hingga 28 November 2017.



Kain Rentang Rasmi Program *One Step Ahead*



Tenaga Penggerak Program Bersama-sama Pengetua dan Pelajar Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan



Ceramah motivasi disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Siswazah

PEMANTAPAN PANGKALAN DATA ALUMNI (DALAM DAN LUAR NEGARA)

Penubuhan Persatuan/Chapter Alumni USM di dalam dan di luar negara

- Dalam Negara – Terengganu melibatkan 110 alumni
- Balik Kampus Persatuan Alumni USM melibatkan 100 Alumni
- Alumni Program Biro Tatanegara (BTN)



Perjumpaan Alumni USM Sempena Kursus Pembimbing Program Siswa Lestari (PPSL) 2017 di Besut, Terengganu



Program Balik Kampus Alumni USM 2017

MEWUJUDKAN LANDMARK DI LEMBAH ALUMNI USM

Welcome Arch: WELCOME TO USM



Mercu tanda baharu di Lembah Alumni USM

MEMANTAPKAN LAMAN SESAWANG DAN FACEBOOK

Proses pemantapan Laman Sesawang dan Facebook Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Siswazah menjadi lebih interaktif dan informatif dengan mengemas kini aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT). Di

samping itu juga, Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Siswazah turut mengeluarkan *Spotlight* kepada Alumni USM.



Antara Poster Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Siswazah 2017

MENAMBAH DAN MEMANTAPKAN DATA ALUMNI USM TEMPATAN DAN LUAR (BERJAYA)

Bekerjasama dengan semua Ketua PTJ di USM dan Pengerusi Persatuan/ Chapter Alumni dan telah berjaya mengumpul sebanyak 1,218 data.

PENJANAAN KEWANGAN

- Sewaan Tetap (pengusahaan gerai di Anjung Budi)
- Sewaan Tidak Tetap (sewaan aktiviti di premis Anjung Budi)
- Penjualan Frame Gambar (Majlis Konvokesyen USM)
- Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) 2017

KEBOLEHPASARAN SISWAZAH

Program Kebolehpasaran Siswazah melalui Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Siswazah dijalankan sepanjang tahun 2017 melibatkan beberapa syarikat luar seperti TalentCorp, Jobstreets.Com, MDC Sdn. Bhd., CIMB Bank dan Energize Inc. & Global Human Capital Corp. Di samping itu, Pusat-pusat Pengajian USM juga memberikan peranan dalam menjayakan Program Kebolehpasaran Siswazah, antaranya Bengkel Penyediaan CV dan Resume.

Bil	Program	Tarikh	Tempat	Penyertaan	Catatan
1	Mengadakan MoU antara USM dengan pihak syarikat MDC Sdn. Bhd.	1 Feb 2017	MDC Sdn Bhd	5 orang pelajar wakil USM 10 orang wakil USM 10 wakil industri	Mengadakan MoU bagi biasiswa sekali gus penempatan peluang pekerjaan kepada pemegang biasiswa.
2	Secure Your Future Career Workshop	22 Feb 2017	Dewan Kuliah 7 Kampus Kejuruteraan	300 pelajar	Pengisian disampaikan oleh syarikat SanDisk dan Job Street.com bertujuan berkongsi rahsia mendapatkan penempatan pekerjaan dan tips untuk memastikan peluang kerjaya terjamin.
3	Thinking Without The Box	1 Mac 2017	Dewan kuliah 9 Kampus Kejuruteraan	250	Ceramah disampaikan oleh MR Robest Young usahawan elektronik yang berjaya membuka minda pelajar untuk berfikir kritis ke arah 4IR.
4	Taklimat Program Dana Kebolehpasaran Graduan 2017	30 Mac 2017	Hotel Shangri La, Putrajaya	3 staf ACE	Program ini bertujuan menyelaraskan dan memberi pelaksanaan Program GE tahun 2017 untuk memastikan perbelanjaan dimanfaatkan sepenuhnya untuk mencapai matlamat Kementerian untuk meningkatkan pencapaian GE. Terdapat beberapa slot taklimat diselitkan dalam program ini, antaranya Taklimat oleh Jabatan Audit Negara dan Taklimat oleh SPRM.
5	Chemistry By Alumus @ Industry Talk	21 April 2017	PP Sains Kimia	40 Pelajar PP Sains Kimia	Program ini bertujuan memberikan didikan awal kepada pelajar-pelajar tahun akhir mengenai persiapan diri dalam menempuh alam pekerjaan.

6	Jobstreet.com Graduate Employability & Industrial Transformation Forum 2017	3 Mei 2017	UKM, Bangi	2 Staf PPAK & KG	Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching. Terdapat 3 slot forum dijalankan sepanjang program ini, membincangkan kebolehpasaran siswazah dan kehendak sektor industri terhadap siswazah.
7	Graduan @ Aspire Career & Postgraduate Fair 2017	20 hingga 21 Mei 2017	KLCC	27 pelajar tahun akhir	Beberapa staf dari ACE telah mengiringi 27 pelajar tahun akhir ke KLCC untuk menyertai Graduan @Aspire Career & Postgraduate Fair 2017. Program ini bertujuan memberikan ruang kepada pelajar-pelajar mencari pekerjaan yang bersesuaian. Seramai 2 orang pelajar tahun akhir telah berjaya dalam temuduga dan mendapat pekerjaan di UEM Group Berhad.
8	CIMB ASEAN Stock Challenge	29 September 2017	Kompleks Siswa Cahaya, DPS1	30 Pelajar	Program ini bertujuan memberikan didikan kepada pelajar-pelajar tahun akhir untuk menceburi bidang pemasaran melalui sistem CIMB. Pelajar-pelajar diberi pendedahan mengenai teknik-teknik data mining untuk ramalan pemasaran saham kewangan dengan menggunakan aplikasi telefon bimbit. Pelajar-pelajar mengambil peluang untuk menjana pendapatan dengan menganalisis data untuk pelaburan.
9	Talent Coaching for University Career Counselors, TalentCorp. Malaysia Berhad	6 hingga 8 Oktober 2017	ILKAP, Bangi	3 staf ACE	Tujuan program ini adalah untuk memperkenalkan sistem NEXT dan membimbing kaunselor kerjaya Universiti Awam menyelesaikan konflik kerjaya pelajar menggunakan sistem NEXT. Penggunaan sistem NEXT berdasarkan beberapa situasi dan mengikut kepakaran atau minat pelajar. Fasilitator membimbing kaunselor-kaunselor mengikut kriteria-kriteria yang berbeza berdasarkan minat dan kepakaran pelajar.
10	James Dayson Talk	23 November 2017	Dewan Kuliah 7 Kampus Kejuruteraan	150	Ceramah pengenalan Dayson kepada pelajar USM dan peluang penempatan pekerjaan.

Program Kebolehpasaran Siswazah 2017

PENCAPAIAN-KOMUNIKASI INDUSTRI / PELUANG PEKERJAAN

Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Siswazah (ACE) berjaya menjalinkan kolaborasi bersama-sama syarikat luar untuk menjayakan program Kebolehpasaran Siswazah. Antaranya:

i. Kolaborasi Industri


- a. Sepanjang tahun 2017, ACE menjalinkan kolaborasi bersama-sama syarikat luar untuk mengadakan program kebolehpasaran Siswazah serta memberikan didikan kepada pelajar-pelajar apabila memasuki alam pekerjaan termasuk Rotary Penang ACE, TalentCorp, Yayasan Bank Rakyat (YBR), Jobstreets.com, TEXCHEM dan Energize Inc. & Global Human Capital Corp.
- b. Di samping itu, ACE juga menerima kunjungan dan lawatan Universiti Awam seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) untuk berkongsi kepakaran dan maklumat.

ii. Peluang Pekerjaan/ Latihan Industri

- a. ACE telah membuat hebahan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh beberapa syarikat atau industri luar kepada pelajar-pelajar tahun akhir mahupun para Siswazah berdasarkan kekosongan jawatan yang bersesuaian dalam bidang yang telah diceburi.
- b. Senarai syarikat luar yang memberikan peluang pekerjaan ialah CitiBank, Teach for Malaysia, Osram Opto Semiconductor Sdn Bhd, Texchem Resources, UEM Group Berhad, Agrobank, Public Bank, Hotayi Electronic Sdn Bhd, Cortex Imaging Sdn. Bhd, Top Glove Sdn. Bhd. and Dell Global Business Center.



Sesi Kolaborasi bersama-sama Yayasan Bank Rakyat (YBR)



JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

Bahagian yang menjadi perantara antara universiti, industri dan komuniti ini memberikan tumpuan terhadap pelbagai inisiatif yang menekankan nilai-nilai kemanusiaan dan kesejagatan untuk keharmonian, kesejahteraan serta kelestarian masyarakat khususnya golongan terkebahawah di seluruh dunia. Hal ini selari dengan Pelan Pengukuhan Kerjasama Universiti Industri dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menghasilkan impak tinggi kepada komuniti sejagat.

Jaringan Industri

Libatsama universiti-industri merupakan kluster perkongsian keserjanaan yang strategik antara USM dengan pihak industri. Perkongsian keserjanaan menunjukkan peringkat persetujuan penglibatan sebenar, iltizam, sumbangan dan pemilikan oleh semua pemegang taruh (*stake holder*) yang berkepentingan.

Objektif Keseluruhan Jaringan Industri 2017:

Dua (2) objektif utama ialah membawa hala tuju jaringan industri daripada libatsama kepada kolaborasi industri bersama ke aras yang lebih tinggi dan menstrukturkan program yang lebih memanfaatkan USM dari segi akademik, penyelidikan, kewangan dan pendedahan industri serta kerjaya pelajar.



Program Keseluruhan Jaringan Industri bagi tahun 2017

Pencapaian Jaringan Industri Dalam Angka



Gambarajah pencapaian jaringan industri dalam angka

Aktiviti / Program Jaringan Industri

Lawatan Industri / Organisasi





Timbalan Naib Canselor, Prof. Ir. Dr. Abdul Rahman menyampaikan cenderahati kepada Puan Hazina Mohamad



Sesi lawatan ke makmal LifeScience Agilent Technologies Sdn. Bhd.



Sesi lawatan ke ruang pameran produk barangan Agilent Technologies Sdn. Bhd.



Delegasi daripada Ground Data Solutions Sdn. Bhd.



Antara pakar USM yang turut hadir bagi sesi perbincangan bersama pihak Ground Data Solutions Sdn. Bhd.



Delegasi daripada Fikriz (M) Sdn. Bhd.



Mesyuarat di kilang Fikrisz (M) Sdn. Bhd.



Sesi lawatan *fact-finding* daripada delegasi UTP



Mesyuarat bersama delegasi Deloitte Jerman dan MID




Lawatan oleh Ad Nagata Advertising



Lawatan ke Perpustakaan Hamzah Sendut

Kolaborasi Bersama Industri



a. Kolaborasi bersama Keysight Technologies

Keysight Technologies merupakan industri yang membekalkan peralatan makmal yang ditempatkan di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas. Keysight Technologies berkolaborasi dengan USM untuk menganjurkan *KeySight Day*. *KeySight Day* ini bertujuan memberikan peluang kepada pelajar USM supaya pelajar USM mendapat pendedahan dari segi peluang pekerjaan dengan Keysight Technologies.

Hasil: Fasa pertama *KeySight Day* telah diadakan pada 15 Mac 2017 di Kampus Kejuruteraan. Seramai 20 pelajar USM telah dikenal pasti untuk proses temu duga seterusnya dan daripada bilangan tersebut, seramai 5 pelajar telah diberi peluang pekerjaan di Keysight Technologies.

b. Kolaborasi bersama Huawei Malaysia

Huawei Malaysia berkolaborasi bersama USM untuk menaiktarafkan sistem internet & wifi kampus di USM dengan menggunakan teknologi daripada Huawei. Dalam inisiatif ini, Huawei juga akan menaiktarafkan Perpustakaan Hamzah Sendut II di Kampus Induk dengan penggunaan teknologi Huawei.

Hasil: Projek tersebut telah diusulkan kepada pihak Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi (PPKT) agar sistem wifi Cisco di USM dinaiktarafkan dengan teknologi Huawei. USM dapat berjimat sebanyak 20% dengan penaiktarafan ini. Melalui projek ini, dianggarkan bahawa USM dapat berjimat sebanyak RM1,000,000.00. BJIM telah berusaha untuk membawa masuk projek ini dan secara rasminya projek ini telah diserahkan kepada PPKT untuk menjalankannya.

c. Kolaborasi bersama OSRAM Opto Semiconductor

USM telah menandatangani Perjanjian Penajaan (Sponsorship Agreement) bersama OSRAM Opto Semiconductor untuk penajaan pelajar Ijazah Sarjana (Masters) dan Ijazah Kedoktoran (PhD).

Hasil: Seramai 10 pelajar Ijazah Sarjana (Masters)/ Ijazah Kedoktoran (PhD) akan ditaja oleh OSRAM Opto Semiconductor untuk menjalankan pengajian mereka. Sebanyak RM30,000.00 untuk pelajar Masters dan RM50,000.00 untuk pelajar PhD ditaja. Jumlah tajaan sebanyak RM500,000.00 telah disalurkan kepada Bendahari. Setakat 2017, seorang pelajar daripada Pusat Pengajian Sains Fizik telah ditaja oleh OSRAM Opto Semiconductor.

d. Kolaborasi bersama MYCO2 Sdn. Bhd.

MyCO2 Sdn. Bhd. merupakan sebuah makmal komersial yang ingin berkolaborasi bersama USM untuk memperluas perkhidmatan mereka dari segi *testing services* dan *Certification Programme*. Pusat Pengajian Sains Kimia dan MyCO2 berkolaborasi untuk memberikan latihan *Certification Programme* bersama Institut Kimia Malaysia (IKM). Melalui program ini, pelajar USM dan pelajar dewasa yang telah bekerja (*working adult*) dapat menerima latihan penyediaan untuk persijilan. Pada masa ini, pihak MyCO2 dan USM berada pada peringkat perbincangan dengan IKM. Perbincangan ini sedang berlangsung untuk menyelaraskan kesemua dokumentasi program.

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral dan MyCO2 untuk kolaborasi untuk perkhidmatan testing bilateral yang ditawarkan. Melalui kolaborasi lautan biru ini, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral dapat mengeksplotasikan potensi peralatan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral dan mengakses pasaran pemeriksaan/ujian (*testing*) seluruh Malaysia manakala MyCO2 dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih meluas kepada pelanggan yang sedia ada. Selain itu, MyCO2 juga menawarkan perkhidmatan ujian (*testing*) industri kepada PTJ lain melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral.

Hasil: Pusat Pengajian Sains Kimia dan MyCO2 bersetuju untuk mengadakan program pensijilan Kimia Profesional dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral telah memulakan kolaborasi dengan MyCO2 dalam memberikan perkhidmatan ujian.

Susulan: Pusat Pengajian Sains Kimia dalam proses mengenal pasti protokol pensijilan tersebut dengan Institut Kimia Malaysia.

e. Kolaborasi bersama Association of Malaysian Medical Industries (AMMI)

Association of Malaysia Medical Industries (AMMI) merupakan organisasi yang menyatukan kesemua industri peralatan perubatan (*medical devices*) di Malaysia dan ia berkolaborasi bersama dengan USM untuk penganjuran Taklimat Kerjaya (*Career Talk*). *Career Talk* ini bertujuan memupuk kesedaran pelajar tentang peluang pekerjaan di industri ini dan memberikan peluang kepada pelajar USM untuk mendapat pendedahan dalam industri *medical devices*. Fasa pertama *Career Fair Talk* akan diadakan di Kampus Kejuruteraan pada awal tahun 2018. Selain itu, Prof. Madya Dr. Yeoh Fei Yee (Pegarah Jaringan Industri) daripada BJIM, USM juga telah menyampaikan taklimat kepada industri di bawah AMMI mengenai pengenalan dan aktiviti BJIM.

Hasil: AMMI akan mengadakan Program *Career Awareness* dan telah disusulkan oleh kepada Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan.

f. Kolaborasi bersama Federation of Malaysian Manufacturers (FMM Cawangan Pulau Pinang)

Kolaborasi bersama dengan FMM diadakan bagi membincangkan penganjuran bersama Taklimat eDana daripada MOSTI bagi mendapatkan penglibatan industri di zon utara. Selain itu, antara yang dibincangkan adalah mendapatkan maklum balas daripada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mengenai permasalahan yang dihadapi dan peluang kerjasama bagi memadankan kepakaran universiti dan PKS. Di samping itu, yang turut dibincangkan ialah projek penyelidikan mencari fakta (*fact finding*) di syarikat PKS dengan kerjasama SME Corp. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Encik Yeoh Ooi Huat, Pengurus FMM Cawangan, Encik Kenny Tan, Pengerusi, Jawatankuasa SMI dan Encik Balbir Singh.

Hasil: Taklimat eDana telah diadakan pada 13 September 2017 dan dihadiri oleh 81 pihak industri di utara Semenanjung Malaysia khususnya di Pulau Pinang dan 27 pensyarah USM. Namun demikian, masih tiada permohonan daripada pensyarah USM setakat ini.

Susulan: Pihak BJIM dan pihak FMM akan menerokai penganjuran program bersama industri pada masa akan datang.



Taklimat telah disampaikan oleh Puan Shammila Aruchunan, Pegawai dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



Gambar bersama Pihak Pengurusan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) dan Puan Shammila Aruchunan.

g. Kolaborasi bersama Toray Malaysia

Sebagai susulan persetujuan kolaborasi dengan Toray Malaysia pada tahun lepas, USM berkolaborasi bersama Toray Malaysia dalam projek *Automated Guided Vehicle*. Projek ini adalah antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa dengan Toray Malaysia. Projek ini masih berada pada tahap perbincangan dari segi teknikaliti dan akan dimuktamadkan.

Hasil: Kedua-dua pihak telah saling berkunjung, berbincang beberapa kali dan bersetuju menjalankan projek penyelidikan bersama.

Susulan: Pihak Toray telah bersetuju menyumbangkan sebuah kereta bateri untuk tujuan projek ini. Status terkini projek berada pada tahap mendefinisi spesifikasi reka bentuk yang diperlukan.

h. Kolaborasi bersama Esquel Malaysia pada Ogos 2017

Esquel Penang telah menandatangani MoU bersama USM dalam penglibatan dengan 6 projek bersama PTJ di USM.

Hasil: Daripada 6 projek tersebut, dua projek, iaitu *Waste Water Treatment Project Optimization* dan *Biomass Energy System for Steam Generation* telah dipersetujui dan berada dalam tahap permulaan. Projek ini bernilai RM50,000.00 setiap satu.

Susulan: Selain itu, pihak Esquel masih mempertimbangkan penganjuran latihan staf dengan pihak Usains untuk tujuan penulisan kertas kerja. Status terkini projek berada di tahap permohonan dana untuk menampung projek-projek tersebut. Dana yang dipohon adalah daripada Public-Private Research Network (PPRN).

i. Kolaborasi antara GRABCar dengan USM

USM berkolaborasi dengan GRABCAR untuk menubuhkan *virtual pick-up point* untuk GRABCAR di dalam premis USM. Kolaborasi ini juga akan membantu pelajar dan staff USM untuk mendapatkan diskaun sebanyak 5 – 20% untuk setiap perjalanan.

Selain itu, GrabCar juga akan membantu dalam penambahbaikan beberapa perhentian bas di dalam USM. Anggaran penajaan pendapatan untuk projek ini adalah RM20,000.00. Status terkini projek adalah untuk berbincang dengan GRABCar untuk proses penandatanganan MOU.

Hasil: Penjimatan 5-20% perbelanjaan perjalanan staf dan pelajar USM. Penajaan pendapatan RM20,000.00.

j. Kolaborasi bersama MIDA untuk usahasama strategik LEP 2.0 bersama Japan International Cooperation Agency (JICA) dalam mempromosikan Industri Peralatan Perubatan di Malaysia pada 14 September 2017 di MIDA Sentral

Kolaborasi ini merupakan perbincangan khusus kerjasama antara MIDA dengan Japan International Cooperation Agency (JICA), USM dan UniMAP untuk kursus EPP-LEP 2.0 *Strategic to Further Develop the Medical Devices Industry in Malaysia* di Jepun bermula pada 23 Oktober 2017 hingga 9 November 2017. Kursus ini mendapat tajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Hasil: Kursus ini dihadiri oleh seorang pensyarah dan pakar ortopedik Hospital USM, Dr. Nor Azman Mat Zin daripada Pusat Pengajian Sains Perubatan bagi program yang berfokuskan *Production of Implant*.

Susulan: Pihak BJIM akan mendapatkan lebih penempatan untuk beberapa pensyarah/pakar daripada USM bagi menghadiri kursus tersebut pada masa akan datang.

k. Kolaborasi bersama Lipp Engineering - Bamboo Tissue Culture Project in Myanmar: September 2017

USM berkolaborasi bersama Lipp Engineering untuk memberikan tenaga kepakaran dalam projek Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghasilkan kultur tisu *bamboo* untuk kegunaan di ladang di Myanmar. Kolaborasi ini adalah antara Pusat Pengajian Kajianhayat dengan Lipp Engineering.

Hasil: Sebanyak 220,000 tisu kultur perlu dihasilkan setiap hari untuk kegiatan penanaman semula di Myanmar. Nilai projek sebanyak RM300,000.00 telah dipersetujui. Kini, projek berada pada tahap penandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA), dan pihak Lipp Engineering sedang meneliti dokumen MoA untuk pindaan sebelum projek dimuktamadkan.

Susulan: Selain itu, kolaborasi ini juga akan turut dilanjutkan untuk pembangunan Insititut Kultur Tisu di Myanmar pada tahun 2018. Anggaran penjanaaan pendapatan untuk projek ini ialah sebanyak RM1,000,000.00.

l. Kolaborasi bersama Pixart Imaging (Penang) Sdn. Bhd. pada 3 Oktober 2017 di Bilik Mesyuarat BJIM

Kolaborasi ini diadakan untuk menerokai peluang usaha sama antara USM dengan *Pixart Imaging* dalam beberapa bidang seperti *Mixed Signal Imaging Sensor IC Design, Algorithm Development, Miniature Optics Development* dan *System Development-Applications of optical flow sensors and sensor fusion for drone/robot navigation and position tracking*. Mesyuarat ini memadankan kepakaran yang ada di Universiti iaitu daripada Collaborative Microelectronic Design Excellence Centre (CEDEC) dan Pusat Pengajian Sains Fizik dengan delegasi daripada Pixart yang terdiri daripada Naib Presiden, En. Pan Kok Chin dan beberapa orang jurutera.

Hasil: Prof. Madya Dr. Asrulnizam daripada CEDEC telah berjaya mendapatkan projek bernilai RM300,000.00.

Susulan: Pihak BJIM akan mengadakan lawatan susulan di Pixart Imaging (Penang) Sdn. Bhd. bagi memastikan lebih peluang kolaborasi dengan PTJ yang lain.

m. Kolaborasi Bersama Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. (SPYTL)

Pengarah Jaringan Industri telah dijemput oleh Encik Ahmad Sabirin Abd Ghani (Pengarah, *Business Development, YTL Power*) & Raja Aiman Dato' Raja Wahid (Management Executive, YTL Construction) untuk bermesyuarat dengan lapisan pengurus YTL Construction termasuk Encik Yeoh Keong Yuan (Pengarah), Cik Yee Yuen Chin (Admin & HR Director). Mesyuarat bertempat di "One Oriental" KL. Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan turut dijemput oleh BJIM untuk menghadiri mesyuarat tersebut bagi perbincangan kolaborasi. Dalam mesyuarat tersebut, lebih kurang 10 orang alumni USM telah menghadiri dan berkongsi pengalaman bekerja di YTL Constructions Berhad. Selain itu, Encik Yeoh Keong Yuan juga berminat mengadakan kolaborasi penyelidikan dengan USM. Yayasan YTL juga menunjuk minat berkolaborasi dengan USM dalam membangunkan Kelas Abad ke -21.

Hasil: Program *Career Awareness* akan diadakan bersama Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dan pihak YTL akan menyertai Pameran Kerjaya USM tahun depan. Pihak YTL juga bersetuju untuk memberikan anggaran 10 biasiswa kepada pelajar miskin yang berpotensi dan mempunyai rekod akademik cemerlang. Yayasan juga bersetuju untuk menaja pembangunan Kelas Abad ke-21 bagi PTPM.



CEO@Faculty Programme



Pn. Rohaida Ali Badaruddin
(CEO Scomi Engineering Bhd.)



Y. Bhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
(Mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam)



Y. Bhg. Datin Sri Badrunnissa Mohd Yasin Khan
(Group Chief Talent Officer of Axiata Group Berhad)



Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman
(Adjunct Professor USM)

Penglibatan Program CEO Faculty

1035 pelajar
4 Pusat Pengajian



Dr. Shazlin Shaharudin
Pensyarah
Program Sains Senaman & Sukan
Pusat Pengajian Sains Kesihatan



CEO@Faculty Programme : "Coach by the Pros"
A high impact programme by
Ministry of Higher Education Malaysia

CEO Faculty Programme bersama Puan Rohaida Ali Badaruddin, CEO Scomi Engineering Berhad bersama Majlis Perwakilan Pelajar, Pusat Pengajian Komunikasi dan Institut Pengajian Siswazah pada 28 dan 29 September 2017

Universiti Sains Malaysia melalui Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat dengan kerjasama Pusat Pengajian Komunikasi dan Majlis Perwakilan Pelajar telah menganjurkan CEO Faculty Programme bersama Puan Rohaida Ali Badaruddin, CEO Scomi Engineering Berhad. Penganjuran ini ialah penganjuran yang julung-julung kali diadakan. Sesi bersama pelajar bertajuk *'The Power of Mind'* telah diadakan pada 28 September 2017 bermula dari 9.00 malam hingga 10.30 malam telah disertai oleh 188 pelajar di Dewan Pembangunan Siswa 1. Puan Rohaida juga berpeluang menyampaikan ceramah bertajuk *'Corporate Branding'* di Palka Wacana, Pusat Pengajian Komunikasi bermula pada 9.00 pagi hingga 10.30 pagi. Seterusnya, sesi bersama pelajar pascasiswazah di Institut Pengajian Siswazah diadakan pada 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Hasil: Program tersebut telah berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan yang baik daripada 188 orang pelajar.

Susulan: Puan Rohaida menyatakan hasrat mengadakan lawatan susulan bagi program yang tertunda pada penghujung tahun ini. Pihak BJIM akan merangka program yang akan diadakan bersama CEO bagi tahun depan.



Sesi bersama Majlis Perwakilan Pelajar pada 28 September 2017



Sesi bersama Majlis Perwakilan Pelajar pada 28 September 2017



Sesi ceramah bersama Pensyarah dan Pelajar Pusat Pengajian Komunikasi



Sesi bersama Pelajar Pascasiswazah di Institut Pengajian Siswazah

Dialog Universiti - Industri Bersama Yb Menteri Pendidikan Tinggi

Tarikh : 6 November 2017

Lokasi : Setia SPICE Convention Centre

Jumlah Industri : 175

Jumlah Peserta : 320

LOGO PARTISIPAN: TORAY, OSRAM, OPPSTAR, SanDisk, MOTOROLA, ENGVEZ GROUP, intel, PSDC, NATIONAL INSTRUMENTS, LINA

OBJEKTIF

- Menggalakkan kerjasama ilmiah dan profesional antara universiti dan industri.
- Mewujudkan platform untuk perbincangan dan perkongsian libatsama universiti-industri.

KEHADIRAN

- Dihadiri oleh individu dari pelbagai sektor, terutamanya dari Elektrik & Elektronik, Semikonduktor, Perubatan dan Pelancongan.

HASIL

- Melahirkan graduan "industry-ready" untuk memastikan bakat muda Malaysia dapat meningkatkan peluang pendapatan tinggi yang wujud daripada transformasi ekonomi.
- Pemain industri Malaysia mempunyai bakat yang cukup untuk memacu pertumbuhan dan pelaburan mereka.

KESIMPULAN

Industri dan universiti perlu bekerjasama dalam kedua-dua intervensi jangka pendek dan jangka panjang untuk memenuhi kehendak strategi pengambilan pekerja yang berbeza dan keperluan bakat yang spesifik serta juga cabaran dan jurang di pihak universiti.

Satu sesi dialog bersama YB Menteri Pendidikan Tinggi telah diadakan pada 6 November 2017 di Setia SPICE Convention Centre. Dialog tersebut bertujuan memberikan peluang kepada pihak industri untuk memberikan maklum balas secara terus kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi mengenai cabaran untuk

berkolaborasi bersama universiti dan cabaran untuk mengetengahkan isu ketidakpadanan bakat (*talent mismatch*) antara universiti dengan industri yang dihadapi kini agar cabaran tersebut dapat diatasi. Seramai 320 peserta daripada 157 industri menghadiri sesi dialog tersebut. Sesi tersebut juga telah menyaksi pertukaran MoA/MoU antara USM dengan 9 industri di sekitar Pulau Pinang. Selepas sesi tersebut, USM berpeluang berinteraksi bersama industri untuk memahami kekangan dan cabaran untuk graduan universiti awam untuk bekerja di industri. Pihak KPT juga berjaya memberikan penerangan serta aspirasi yang dikehendaki untuk bergerak bersama industri agar industri dan universiti awam mendapat kejayaan bersama. Seterusnya, Kementerian Pendidikan Tinggi telah menyalurkan sejumlah RM30,000.00 untuk penghasilan program sebegini pada tahun 2018 atas kejayaan program ini

Hasil: Sambutan daripada peserta amat baik kerana sejumlah 320 peserta daripada 157 industri menyertai program tersebut dan *visibiliti* USM amat tinggi. KPT telah menyalurkan sejumlah RM30,000.00 sebagai galakan bagi program sebegini.

Siri Tech Talk

- a. Mengkoordinasi program anjuran BJIM, iaitu Siri Tech Talk yang bertajuk “4.0 : *Technologies for Future of Manufacturing*” yang diadakan 25 April 2017 di Auditorium Murad, Sains@USM. Tujuan *Tech Talk* ini ialah memberikan pengenalan kepada peserta mengenai revolusi teknologi 4.0. Sejumlah 51 peserta hadir ke seminar ini dan jumlah pensyarah daripada USM ialah 6 orang.
- b. Mengkoordinasi program anjuran BJIM, iaitu *Siri Tech Talk* yang bertajuk “Plucking the Low-Hanging Fruits of Machine and Deep-Learning” yang diadakan 17 November 2017 di Auditorium 1, Kompleks Eureka. Tujuan *Tech Talk* ini ialah memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kaedah penggunaan mesin di industri. Sejumlah 76 peserta hadir ke seminar ini dan jumlah pensyarah daripada USM ialah 10 orang

JARINGAN KOMUNITI

Usaha dan inisiatif ke arah memperluas libatsama komuniti pada peringkat negeri, kebangsaan, serantau, dan antarabangsa selaras dengan Pelan Peningkatan Strategik bagi Kolaborasi dengan komuniti menjadi teras Libatsama komuniti-universiti di bawah pelan Strategik Universiti APEX yang bertujuan memenuhi tanggungjawab sosialnya (*University Social Responsibility-USR*) dalam menangani isu-isu dan tuntutan keperluan komuniti.

Libatsama dengan komuniti harus dimanifestasikan bagi tujuan penyelidikan, pendidikan dan perundingan melalui pendekatan yang rasional, berkesan dan mampan bagi mewujudkan hala tuju yang lebih sistematik untuk mentransformasikan komuniti ke arah yang lebih cemerlang, seiring dengan agenda bidang keberhasilan utama negara (*National Key Result Area-NKRA*).

Antara lain, Program Pusat Inovasi Komuniti atau dalam bahasa Inggerisnya “*Community Innovation Centre*” (CIC) merupakan inisiatif kerajaan melalui kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai menggalakkan usaha sama yang bermanfaat dengan berdasarkan landasan kerjasama yang diwujudkan untuk membolehkan pemegang taruh (kerajaan, akademik, industri dan komuniti setempat) bersama-sama mengemblem tenaga bersama dengan berkesan melalui pendekatan *Quadruple Helix* bagi membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence* yang berteraskan usaha sama antara kerajaan dengan rakyat ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN50).

CIC pada dasarnya telah dirancang sebagai menyahut seruan YAB Perdana Menteri semasa ucapan Bajet 2015 yang bertemakan Ekonomi Keperluan Rakyat (EKR). Ekonomi berorientasikan rakyat mengambil kira keutamaan dan kepentingan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah, peluang pendidikan, pekerjaan dan perniagaan, kualiti hidup, perumahan, latihan, kemahiran, keusahawanan dan keselamatan. Pendek kata, EKR ialah sebuah ekonomi yang berlandaskan pengalaman seharian rakyat. Oleh itu, EKR menjadi paksi dan pegangan kerajaan dalam mendahulukan kepentingan rakyat.

Program Dan Aktiviti Jaringan Komuniti

a. Pameran Sempena Lawatan Audit Ministry Entrepreneurship Award 2016 di Dewan Persidangan Universiti dan Sains@USM pada 16 Januari 2017

Dua (2) projek berimpak tinggi daripada Geran Libatsama Universiti Komuniti telah terpilih untuk terlibat dalam pameran tersebut iaitu:-

- Projek Penternakan Tiram
- Bekalan Air Bersih kepada penduduk Kampung Langkor, Sungai Siput.



Pameran MEA Award

b. Siri Jerayawara Geran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) di Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan pada 10 Februari 2017 dan Kampus Kesihatan pada 12 Februari 2017

Siri Jerayawara ini dilaksanakan untuk memberikan penerangan kepada staf akademik di semua kampus berkenaan penawaran Geran oleh UCTC NBOS, Kementerian Pendidikan Tinggi.



Jerayawara UCTC

c. Pemantauan Projek Geran Pusat Transformasi Universiti Komuniti di Kampus Kesihatan pada 12 Februari 2017

Bengkel pemantauan ini dilaksanakan bagi melihat perkembangan projek Geran Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC) serta mencapai objektif dan memastikan ketua projek dapat melaksanakan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sebanyak tiga projek telah dipantau di Kampus Kesihatan iaitu:-

- Transformasi Ekonomi OKU Melalui Latihan Pekerjaan OKU
- Projek Pertanian Komersil - OKU Intelek
- Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) – Sekolah Ngaji

d. Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Penganjuran 5th University Community Engagement Conference di Kyoto University of Foreign Studies, Kyoto Jepun pada 20 Februari 2017

Majlis menandatangani MoA ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor USM dan turut disaksi oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) serta Pengarah Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan semasa lawatan kerja ke Jepun. Lanjutan itu, satu persidangan Libatsama Universiti Komuniti kelima anjuran bersama Universiti Sains Malaysia dan Kyoto University of Foreign Studies (KUFS telah diadakan pada 24 – 26 September 2017 di Kampus Kyoto University of Foreign Studies, Jepun.

Persidangan ini ialah satu landasan bagi ahli akademik dan pengamal yang menitikberatkan amalan terbaik pelaksanaan libatsama universiti di negara serantau Asia Pasifik serta penyertaan antarabangsa. Persidangan ini bersesuaian dengan konteks Malaysia yang sedang menuju ke arah negara maju. Menerusi pembentangan kertas kerja dan perbincangan, diharapkan bahawa persidangan ini dapat memberikan penyelesaian untuk membantu kerajaan dan komuniti dalam melaksanakan libatsama universiti komuniti yang dapat meningkatkan status sosioekonomi komuniti dalam pembangunan negara.

e. Pameran 3rd APUCEN Summit 20 & 21 April 2017

Pejabat Libatsama Komuniti telah dilantik sebagai Jawatankuasa Kecil Pameran dan 20 projek berimpak tinggi telah terlibat sebagai pempamer iaitu:-

- Smart Clothesline
- Low Cost D.I.Y 3D Printer
- Modified PID Control System for Aerial Robotics Performance
- Prototype of flexible and stretchable temperature sensor circuitry
- Cooperative Humanoid Robots
- Robot Assisted Surgery with Internet of Things (IoT)
- Understanding Solar System Using Interactive Kinect Sensor Technology
- Integration embedded system for Automated Balance Evaluator and Vestibular Rehabilitation (ABEVR) for balance-disorder patient
- Program Latihan Pekerja OKU Intelpek Pengurusan Masalah Keseimbangan Badan menerusi Latihan Keseimbangan Projek Kelulut
- Arkeologi
- Urban Habitat Network
- Tripartite Platform
- Hope Capsule
- Multipurpose Eco-Cube
- Rapid Diagnostic Test Kits for Filariasis Elimination Program
- Cleft Lip & Palate Surgery Project
- Superfruits
- Projek-projek Program Pemindahan Ilmu

f. Bengkel Penilaian Geran Pusat Transformasi Universiti Komuniti di Bilik Mesyuarat BJIM pada 22 Februari 2017

Bengkel penilaian Geran Pusat Transformasi ini dilaksanakan bagi meneliti sebanyak 43 borang permohonan dan panel penilai telah menyenaraipendekkan permohonan sehingga 15 projek dan senarai pendek tersebut telah dimajukan kepada New Blue Ocean Strategy (NBOS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). 4 projek telah berjaya mendapat jumlah geran sebanyak RM67,000.00.

g. Sesi Penilaian Tapak bagi Pencapaian *Malaysia Research Assessment (MyRA)* USM Tahun 2016

Pengarah Jaringan Komuniti telah dilantik sebagai Ketua Seksyen G: Jaringan dan Jangkauan. Prestasi MyRA I dan II bagi Seksyen ini amat cemerlang dan berjaya mencapai sasaran iaitu 15 pelaksanaan projek baru dan 15 projek libatsama sambungan. Ini juga termasuk 189 komuniti yang mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek-projek Libatsama Universiti Komuniti sepanjang tahun 2016.

h. Majlis Penyerahan Geran UCTC Projek Bijak Alam di Dewan Inapdesa Pak Rahmat, Seterpa, Peringat, Kelantan pada 11 Jun 2017

Majlis Penyerahan Geran UCTC ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Nik Ali Bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan TKSU(B) dan diikuti oleh majlis terbuka puasa bersama pengusaha inapdesa dan penduduk Seterpa, Kelantan.



Majlis Penyerahan Geran UCTC

i. Majlis Perasmian Larian *Relay for Life* di Rumah Tetamu USM, Kampus Induk pada 26 Julai 2017

Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) dengan kerjasama National Cancer Society Malaysia Cawangan Penang (NCSM) telah bersama-sama menganjurkan Relay for Life Penang 2017 di USM. Larian ini mula diperkenalkan pada tahun 1984 dan dilaksanakan di lebih 20 negara seluruh dunia. Larian ini bermatlamat mewujudkan kesedaran tentang cara hidup sihat dan kesedaran mengesani kanser pada peringkat awal. Majlis Perasmian Larian Relay for Life ini disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (BJIM) mewakili Naib Canselor, USM.

j. Bengkel Penilaian Anugerah Kepimpinan Masyarakat (AKM), Sanggar Sanjung 2016 di Bilik Mesyuarat BJIM pada 15 Ogos 2017

Bengkel penilaian Anugerah Kepimpinan Masyarakat (AKM) ini telah dilaksanakan bagi meneliti empat (4) borang permohonan dan setelah penilaian dibuat, panel penilai bersetuju AKM tersebut diberikan kepada Puan Norazrina Md Jabarullah daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan bagi Kategori Kumpulan Pelaksana.

k. Program Pengubahsuaian Khas dan Penyerahan Kerusi Roda kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) di Kampus Kesihatan pada 29 Ogos 2017 dan di *The Association of Resource and Education for Autistic Children (REACH)* Pulau Pinang pada 13 November 2017

Universiti Sains Malaysia (USM) melalui kolaborasi dengan Rajanagarindra Institute of Child Development, Thailand (RICD) telah mengadakan Program Pengubahsuaian Khas dan Penyerahan Kerusi Roda kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) bagi tahun kelima.

Program Pengubahsuaian Khas dan Penyerahan Kerusi Roda kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) ini telah dilaksanakan secara berperingkat dan dimulakan di Kampus Kesihatan, Kelantan dengan penyerahan 25 buah kerusi roda yang bernilai 365,000 Baht (RM47,000) dan sebuah kerusi roda yang bernilai RM6,000 di Pulau Pinang.

I. Penganjuran 5th University Community Engagement Conference di Kyoto University of Foreign Studies, Kyoto Jepun pada 24 - 26 September 2017

Persidangan Libatsama Universiti Komuniti kelima ini ialah anjuran bersama Universiti Sains Malaysia dan Kyoto University of Foreign Studies (KUFS) dengan tema *Navigating Community: Charting a Course for the 21st Century*.

Persidangan ini ialah satu landasan bagi ahli akademik dan pengamal yang menitikberatkan amalan terbaik pelaksanaan libatsama universiti di negara serantau Asia Pasifik serta penyertaan antarabangsa.

Persidangan ini bersesuaian dengan konteks Malaysia yang sedang menuju ke arah negara maju. Pembentangan kertas kerja dan perbincangan semasa persidangan ini dapat memberikan jalan penyelesaian untuk membantu kerajaan dan komuniti dalam melaksanakan libatsama universiti komuniti yang dapat meningkatkan status sosioekonomi komuniti dalam pembangunan negara.

Butiran persidangan ialah:-

Penyertaan: 129 peserta daripada 8 negara

- 51 pembentangan kertas kerja
- 5 pembentangan poster
- 1 bengkel *Leadership in University Community Engagement*

Dua ucapatama:

1. Dr. Yasushi Akashi
Chairman, The International House of Japan
Mantan *Under-Secretary-General*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

"The great challenge before young leaders and my personal experiences"

2. YBhg. Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, FASc
Naib Canselor, USM

"Partnership among Universities: Synergistic Way of Sustaining University-Community Collaboration facing challenges of the 21st Century including the 4th Industrial revolution"

Persidangan keenam UCEC 2019 akan dianjurkan bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam

m. Sesi Penilaian Penarafan SETARA 2017 di INFORMM, Kampus Induk pada 27 September 2017

BJIM terlibat bagi data pada Item 4.2: *Responsibility (USR) and Knowledge Transfer Program (KTP) to Industry and Community including Translational Research*. Prestasi bagi bahagian ini berjaya mencapai sasaran iaitu 80 pelaksanaan projek libatsama Universiti Komuniti yang menggunakan sumber dalaman dan juga mendapat tajaan daripada sumber luar. Perincian seperti yang berikut:-

Geran dalaman, 30 projek bernilai RM161,226.11

Geran dana luar, 50 projek bernilai RM11,920,413.00

n. Larian *Relay For Life* – Bersama Melawan Kanser 2017 di Stadium USM pada 30 September – 1 Oktober 2017

Larian *Relay for Life* ini telah bermula pada 30 September 2017 jam 6:00 petang dan berakhir pada 1 Oktober jam 10:00 pagi.

Acara larian ini mendapat penyertaan seramai 1,293 orang dan daripada jumlah itu seramai 207 peserta ialah bekas pesakit kanser. Pelepasan peserta larian dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (JIM) mewakili Naib Canselor, USM.

o. Bengkel Penilaian Geran Libatsama Universiti Komuniti (Jangka Pendek) di Bilik Mesyuarat BJIM pada 11 Oktober 2017

Bengkel penilaian Geran Libatsama Universiti Komuniti (Jangka Pendek) ini dilaksanakan bagi meneliti sebanyak 43 borang permohonan dan panel penilai telah menyenaraipendekkan permohonan kepada 13 projek untuk pembentangan selanjutnya oleh ketua projek kepada panel penilai dalaman. 12 permohonan projek telah diterima dengan jumlah peruntukan sebanyak RM67,430.00.

p. Pembentangan Ketua Projek: Penilaian Geran Libatsama Universiti Komuniti (Jangka Pendek) di Bilik Mesyuarat 1, Canselori II pada 25 Oktober 2017

Bengkel ini dilaksanakan bagi memastikan penawaran geran libatsama universiti komuniti (Jangka Pendek) menepati polisi Libatsama Universiti Komuniti USM. Sebanyak 13 pembentangan telah diteliti oleh panel penilai dan 12 projek telah diperakukan.

q. Pemantauan Projek Geran Pelan Transformasi Luar Bandar (RTP) di Kampung Air Putih, Serdang Kedah pada 25 Oktober 2017

Pemantauan ini dilaksanakan bagi melihat perkembangan projek Geran Pelan Transformasi Luar Bandar (RTP) serta mencapai objektif dan memastikan ketua projek dapat melaksanakan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Projek ini dilaksanakan oleh Prof. Dr. Nor Azazi Zakaria dengan kerjasama penduduk Kampung Air Putih, Serdang Kedah. Projek dilaksanakan mengikut perancangan dan penduduk berpuas hati dengan hasil kutipan jagung yang berkualiti dan tanaman selingan bendi yang memberikan pulangan hasil sebanyak RM1,000.00 kepada setiap penduduk yang terlibat. Sebanyak 805 kilogram jagung telah dituai mengikut gred iaitu Gred A sebanyak 720 kg, Gred B sebanyak 60 kg dan jagung chai sebanyak 25 kg.

r. Bengkel Kesedaran Hak dan Keperluan OKU dalam Persekitaran di Dewan Seminar, Bangunan Pentadbiran Kampus Kejuruteraan pada 9 & 10 November 2017

Bengkel Kesedaran Hak dan Keperluan Orang Kurang Upaya (OKU) & Reka bentuk Sejagat di Kampus Kejuruteraan telah diadakan pada 5 - 6 Disember 2012 dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal. Bengkel ini telah dihadiri oleh 32 orang staf & pelajar dari Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan. Peserta bengkel telah dilatih sebagai juruaudit. Diharapkan bahawa mereka dapat memberikan nasihat kepada pihak berwajib agar semua bangunan baru yang akan dibina dapat memenuhi keperluan tersebut.

Melalui bengkel ini, latihan akses pengauditan yang merangkumi aspek aksesibiliti bagi orang kurang upaya telah dilaksanakan terhadap bangunan-bangunan seperti yang berikut:-

- (a) Bangunan Pentadbiran
- (b) Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Geran Projek Libatsama Universiti - Komuniti 2017


a. Geran Libatsama Universiti-Komuniti (Ad hoc) BJIM, 2017

Berasaskan fokus APEX Fasa 2, BJIM telah menerima 44 permohonan Geran Projek Libatsama Universiti-Komuniti Adhoc dan dengan berdasarkan penilaian geran, 23 permohonan berjaya dan 21 permohonan gagal.

Ringkasan bagi 23 projek yang telah diluluskan di bawah Geran Projek Libatsama Universiti-Komuniti (Ad Hoc) tahun 2017 adalah seperti yang dinyatakan di bawah:




Statistik Penglibatan Warga USM Dalam Projek Libatsama Universiti-Komuniti (Ad Hoc) 2017



Bidang Tumpuan Mengikut Tema Projek Libatsama Universiti-Komuniti (Ad Hoc)

b. Geran Libatsama Universiti Komuniti : Jangka Pendek (November 2017 – April 2018)

Sebanyak RM67,430.00 peruntukan telah diluluskan untuk 12 projek yang telah berjaya berdasarkan penilaian geran libatsama universiti-komuniti bagi tahun 2017. Ringkasan bagi 12 projek tersebut adalah seperti yang berikut:



Statistik Penglibatan Warga USM Dalam Projek Libatsama Universiti-Komuniti (Jangka Pendek) 2017


Perincian kategori daripada pelaksanaan projek libatsama adalah seperti yang berikut:

GOLONGAN TERPINGGIR (5 PROJEK) = RM 28,650.00
USM PRIHATIN (5 PROJEK) = RM 14,250.00
PENDIDIKAN [GOLONGAN TERKEBAWAH] (2 PROJEK) = RM 24,530.00
JUMLAH KESELURUHAN = RM67,430.00




Peratusan Kategori Pelaksanaan Projek Libatsama Universiti-Komuniti (Jangka Pendek) 2017

Berdasarkan penawaran geran yang dilaksanakan oleh Pejabat Jaringan Komuniti, penglibatan daripada staf dan pelajar amat menggalakkan. Bilangan kolaborasi dan penerimaan manfaat daripada pelaksanaan projek/aktiviti/program libatsama universiti komuniti adalah seperti di dalam jadual di bawah:



Maklumat Projek Libatsama Komuniti /Adhoc/ UCTC USM Bagi Tahun 2017

35 projek PTJ yang terlibat dalam projek libatsama komuniti yang bernilai RM128,566.50 : jangka pendek dan adhoc mengikut PTJ adalah seperti yang berikut:



c. Geran Luar - Geran Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC), NBOS - Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

Selaras dengan usaha universiti untuk menggalakkan staf mendapatkan dana luar bagi melaksanakan projek/program dan aktiviti libatsama universiti komuniti, Pejabat BJIM telah melaksanakan dua siri jerayawara bagi memberikan penerangan terperinci berkenaan Geran-geran Luar yang boleh dipohon oleh staf USM. Siri jerayawara tersebut telah diadakan di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan pada 10 Februari manakala di Kampus Kejuruteraan pada 12 Februari 2017.

Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) menawarkan geran komuniti yang berasaskan inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Tujuan geran ini ialah mengembleng sumber intelektual serta sumber fizikal universiti untuk mentransformasikan masyarakat.

Projek komuniti yang dirancang perlu menepati 4 kriteria utama NBOS iaitu:-



Sebagai hasil daripada Siri Jerayawara tersebut, empat (4) permohonan geran UCTC telah berjaya diperolehi dengan nilai sebanyak RM67,000.00. Maklumat lengkap adalah seperti yang berikut:-



Statistik Geran Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC), NBOS Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

Program dan Aktiviti Pusat Inovasi Komuniti (CIC)

Projek Translasi Penyelidikan bagi Transformasi Penternakan Lebah Kelulut untuk Penghasilan Madu Premium Berasaskan Inovasi *Mustafa-hive* dan Hilda Sistem

Ladang lebah kelulut berkelompok untuk 25 keluarga di bawah B40 di daerah Besut diwujudkan bagi projek penternakan lebah kelulut lestari. Projek ini dibiayai daripada geran yang bernilai sebanyak RM539,200.00. Tujuan penyelidikan ini ialah membuat penilaian dan melatih kumpulan sasaran untuk menjadi penternak lebah kelulut terlatih bagi pengeluaran madu lebah kelulut premium, menyelaraskan dan mewujudkan keseragaman dalam penternakan lebah kelulut berpiawaian yang merangkumi penternakan, penuaian, penyimpanan, pembungkusan dan pengedaran bagi memastikan produk yang dihasilkan asli, bersih dan berkualiti dalam kalangan penternak lebah kelulut tempatan sedia ada dan juga kumpulan sasaran B40, membimbing kumpulan sasaran untuk mengeluarkan produk yang memenuhi pensijilan MESTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) dan HALAL melalui penyertaan

dalam bengkel pensijilan produk, mewujudkan satu Kelulut *Center* yang turut berfungsi sebagai galeri lebah kelulut mini sebagai hub pengumpulan dan pemprosesan madu untuk khidmat dehidrasi madu, pembotolan dan jualan madu, memantapkan galeri lebah kelulut mini di Kelulut *Center* sebagai satu medium kempen kesedaran pemuliharaan lebah kelulut dan kepentingan penjagaan alam sekitar. Di samping itu, penjenamaan antarabangsa bagi madu kelulut sebagai *The Taste of Malaysian Biodiversity* dapat dilakukan.

Ladang Kelompok	Kelulut Center	
25 Keluarga (B40)	Pusat Dehidrasi Madu	Galeria Kelulut Besut
Setiap keluarga menerima 7 koloni lebah kelulut untuk pengeluaran madu (Sasaran 500kg madu setahun)	Kelulut <i>center</i> (cadangan di Jeti Kuala Besut) menjadi <i>one-stop centre</i> untuk dehidrasi madu dari ladang kelompok dan penternak lebah kelulut sekitar serta turut menjadi ruang galeri informasi dan jualan produk kelulut.	

PROJEK PENTERNAKAN LEBAH KELULUT LESTARI & HYGENIC BERASASKAN INOVASI MUSTAFAHIVE CIC KUBU GAJAH, PERAK

RM165,000.00
Peruntukan CIC

RM128,533.43
Perbelanjaan CIC

RM36,466.57
Baki Peruntukan

RM105,000.00
Sumbangan Komuniti

RM000,000.00
Sumbangan NBOS

PROJEK TIMELINE

- Engagement (Q1 2016)
- Pemilihan (Q2 2016)
- Pengembangan (Q3 2016)
- Pemantauan (Q4 2017)

INOVASI SOSIAL
Petunjuk prestasi berlakunya proses "Knowledge Exchange" berdasarkan bilangan peluang pekerjaan yang merujuk penyertaan komuniti dan bilangan inovasi sebagai penanda aras penyertaan akademia dalam projek.

15 Peluang Pekerjaan/Keusahawanan

10 Elemen Inovasi projek

Purata Tambahan Pendapatan Peserta

Petunjuk prestasi **KEUSAHAWANAN** Sebanyak **RM850.00**
Pendapatan diterima peserta hasil melalui pembangunan produk

6 Elemen pembangunan produk dihasilkan

KELESTARIAN
Petunjuk prestasi melalui penyediaan infrastruktur asas berdasarkan rekod inventori dan audit lapangan. Manakala penanda aras kepada latihan modal insan melalui pengukuran kompetensi ilmu serta kemahiran dan amalan praktis peserta terhadap ilmu yang dipindahkan

9 Kompetensi dikenal pasti

LAPORAN JAWATANKUASA PEMANDU CIC

PROJEK PENTERNAKAN LEBAH KELULUT LESTARI & HYGENIC BERASASKAN INOVASI MUSTAFA-HIVE CIC SIK & CIC JERLUN, KEDAH

RUMUSAN PROJEK :

CIC Sik dan CIC Jerlun memenuhi konsep pembangunan ekonomi bersepadu dalam usaha memperkasa sosioekonomi dengan mentransformasikan industri penternakan kelulut ke arah penjana pendapatan lestari disamping pemeliharaan biodiversiti alam sekitar yang disokong dengan penerapan elemen sains, amalan pertanian baik (*good agriculture practice*), pembudayaan hygenik dan inovasi penjenamaan. Pembangunan ladang berkelompok sebagai ladang satelit kepada CIC Kubu Gajah Enterprise melalui model intergrasi telah mewujudkan rantaian nilai kepada produk madu "raw" bagi memenuhi keperluan madu berpiawaian di pasaran yang masih belum mencukupi. Berdasarkan kompetensi peserta juga mampu mengembangkan rantaian pembekalan madu seiring permintaan yang semakin meningkat melalui penggandaan dan pemindahan koloni yang sedang aktif dilakukan secara berperingkat menggunakan inovasi Mustafa Hive.

PERKARA UNTUK KELULUSAN/PERAKUAN JAWATANKUASA PEMANDU :

1. Merujuk kepada minit 5.6.6, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kali Ke 11 pada 7 Disember 2017 telah memperakukan status terkini projek berdasarkan *project milestones* dan *hand over (exit)* CIC Sik dan CIC Jerlun ialah pada 31 Dis 2017. Penyerahan CIC Sik akan dibuat kepada wakil peserta En. Rozaidi Mahmud manakala CIC Jerlun akan dibuat kepada Pejabat Khidmat ADUN Kota Siputeh.
2. Merujuk kepada minit 5.6.6, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kali Ke 11 pada 7 Disember 2017 bersetuju baki peruntukan projek digabungkan untuk pembelian tambahan Mustafa-Hive sebelum *hand over (exit)*.



Peluang pekerjaan/keusahawanan kepada peserta projek

Purata Tambahan Pendapatan Sampingan



Pelaksanaan projek ini berdasarkan model KELULUNOMIC yang diperincikan dan disesuaikan secara khusus. Model ini sebagai memenuhi konsep pembangunan ekonomi bersepadu dalam usaha untuk memperkasakan sosioekonomi dengan mentransformasikan industri penternakan kelulut ke arah penjaan pendapatan lestari di samping pemeliharaan biodiversiti alam sekitar. Model yang diperkenalkan ini bercirikan elemen-elemen keterangkuman dan kemampuan dengan pelaksanaan projek berdasarkan kepada:

i. Libatsama Komuniti B40

Menyediakan bantuan untuk memantapkan lagi kegiatan ekonomi komuniti dari segi latihan kemahiran, teknologi, inovasi dan pemasaran dengan membangunkan kawasan penternakan kelulut bagi penghasilan madu premium. Proses ini berlaku melalui permindahan ilmu daripada akademia yang didokongi oleh Pengurus Projek yang menggerakkan pelaksanaan dan pemantauan berterusan.

Pada tahap ini pelaksanaan projek akan memberikan manfaat kepada 25 penternak di bawah projek ini dan akan turut memberikan manfaat serta limpahan ekonomi kepada penternak sekitar dan seluruh negeri. Setiap penternak akan dibekali 7 koloni kelulut di dalam Mustafa Hive bagi mencapai sasaran pengeluaran tahunan keseluruhan 500kg.

Ladang Kelompok
Setiap keluarga menerima 7 koloni lebah kelulut untuk pengeluaran madu (Sasaran 500kg madu setahun)



Kos
RM539,200.00

ii. Kelulut Center Yang Merangkumi Pusat Dehidrasi Madu Dan Galeria Kelulut Besut

Kelulut *Center* yang bakal dibangunkan sebagai pusat sehentian ini akan menjadi pusat pengumpulan madu daripada penternak berpiawai melalui pengawalan kualiti penghasilan madu yang lebih baik dari awal proses penternakan, penuaian, pemprosesan madu melalui HILDA (kapasiti 80kg sehari), pembungkusan dan penghasilan produk yang berkualiti.

Hub ini turut akan dilengkapi dengan kemudahan komputer, internet, tempat penyimpanan produk, wadah produk dan penjualan terus produk kepada pembeli. Hub ini sebagai platform memperkukuh modul latihan keusahawanan dalam talian secara praktis. Secara tidak langsung hub ini menjana pendapatan langsung kepada peserta melalui margin keuntungan yang tinggi. Penternak sedia ada dan baru di pantai timur yang ingin mendapatkan perkhidmatan pengeringan madu, latihan, pembungkusan, penjualan dan pemasaran madu akan mendapat manfaat.



Hasil Pelaksanaan Projek

1. Peningkatan pengeluaran pukal madu yang berkualiti.
 - Keluaran Madu Ladang Berkelompok sejumlah 600kg setahun dapat menghasilkan 3000 botol produk siap.
 - Jualan sasaran 3600 botol x RM80 sebotol= RM 288,000
 - Tolak kos pengurusan RM288,000 – RM86,400 (30%) = RM168,000
 - RM 201,600/ 25 penternak = RM 8,064
 - RM 8,064 / 12 bulan = RM672 sebulan setiap penternak
2. Servis pengeringan madu:
RM 10/kg x 100kg x 12 bulan = RM12,000.
3. Kemahiran penternak: Keupayaan untuk memindahkan koloni dari log-haif Mustafa-hive.
4. Peningkatan kesedaran keperluan kualiti dalam pengurusan madu.
5. Peningkatan kesedaran kepentingan pemuliharaan lebah.
6. Pengeluaran hasil tambahan daripada industri lebah kelulut untuk penghasilan produk hiliran dalam bidang kosmetik dan suplemen kesihatan.
7. Pematuan sistem kawalan kualiti bagi proses pengeluaran diterapkan untuk pemantauan berterusan melalui pensijilan HALAL dan MeSTI.

Impak

Pada peringkat komuniti dan industri, projek ini dijangka memberikan impak langsung seperti yang berikut:

8. Membantu menjana ekonomi kumpulan sasaran
9. Mengerakkan proses kerjasama seluruh penternak untuk kesegaraman kualiti bagi keperluan pukal untuk pasaran eksport
10. Memperkembangkan aktiviti perternakan lebah kelulut yang lestari tanpa kebergantungan pada pemburuan koloni kelulut di hutan
11. Menghasilkan produk hiliran yang boleh menyumbangkan pertambahan pendapatan kumpulan sasaran
12. Meningkatkan kelestarian perniagaan melalui produk yang berdaya saing dan memenuhi kriteria untuk pemasaran internet, luar talian dan eksport yang seterusnya memberikan pulangan pendapatan yang lestari

LAPORAN JAWATANKUASA PEMANDU CIC

PROJEK PENGELUARAN PRODUK HILIRAN IKAN KELI CIC PEDU, KEDAH (*Business Canvas – Sebelum*)

PENGELUARAN PRODUK HILIRAN IKAN KELI				
KEY ACTIVITIES	KEY PARTNER	VALUE PROPOSITION	CUSTOMER RELATIONSHIP	CUSTOMER SEGMENT
<ul style="list-style-type: none"> Mentemak ikan keli Mengupah pekerja melakukan penyjangan Melakukan pengeringan bermusim Melakukan pembungkusan produk Memasarkan ikan keli hidup ke pasar-pasar Memasarkan ikan keli hidup ke luar negara (Thailand) 	<ul style="list-style-type: none"> Ceria Tok Salam Enterprise 		<ul style="list-style-type: none"> Produk Pembuka Selera 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan terus kepada pelanggan
	KEY RESOURCE <ul style="list-style-type: none"> Pemimpin Tempatan (ADUN/JKKK) 		CHANNEL	
COST STRUCTURE		OUTCOME		
<ol style="list-style-type: none"> Peruntukan NCIA – RM165,000.00 Peruntukan Bukan Kewangan Komuniti – RM8,000.00 (Tanah) Peruntukan Kewangan Komuniti – RM6,943.00 		<ul style="list-style-type: none"> 15 pejuang pekarja/keusahawanan Peningkatan 25% pendapatan peserta Satu (1) elemen inovasi bagi setiap CIC Menghasilkan satu (1) elemen pembangunan produk di bawah setiap kategori bagi mempertukarkan rantaian bisnes model projek tersebut 		


PROJEK PENGELUARAN PRODUK HILIRAN IKAN KELI CIC PEDU, KEDAH (*Business Canvas – Selepas*)

PENGELUARAN PRODUK HILIRAN IKAN KELI				
KEY ACTIVITIES	KEY PARTNER	VALUE PROPOSITION	CUSTOMER RELATIONSHIP	CUSTOMER SEGMENT
<ul style="list-style-type: none"> Mentemak ikan keli Melakukan pembiakan apabila Melakukan pembiakan BSFL Mengupah pekerja melakukan penyjangan dan pengeringan Mengupah pekerja melakukan proses pembungkusan Memasarkan produk Keli Pedu Memasarkan ikan keli hidup ke pasar-pasar Memasarkan ikan keli hidup ke luar negara (Thailand) 	<ul style="list-style-type: none"> Ceria Tok Salam Enterprise HUSAM WAKSA Group Company JAKM Jabatan Perikanan Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Kelainan Produk Variasi Masakan Teknologi Makanan Ternakan Organik – Azolla Teknologi Makanan Ternakan Organik – BSFL SOP – Pijewjian, Farmakanan & Pengurusan Kerja Rumah Pengeringan Surya Menarik taraf pembungkusan produk Penerapan sji halal Penjenamaan (i) ikon produk Rancangan pemasaran Pemasaran produk 	<ul style="list-style-type: none"> Produk Premium Masakan Mudah & Cepat – 15 Minut JPJ Resepi Tradisional Produk Pembuka Selera Rasai Keenakan Keli Ranggung Semudah – 15 Minut JPJ Rasai Keenakan Keli Ranggung Bersos Manis Rasai Keenakan Keli Ranggung Perencah Bakar 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan Online Penyertaan/Jemputan Program/Event Pemborong/Peruncit/ Agen Jualan Jualan terus kepada pelanggan Agro pelancongan/ lawatan
	KEY RESOURCE <ul style="list-style-type: none"> Peserta B40ieKasih Akademia USM Pemimpin Tempatan (ADUN/JKKK) 		CHANNEL <ul style="list-style-type: none"> Kedai Runcit - Kedah HUSAM WAKSA Group Company – Kedah, Asia Saudi Arabia (9 Branches), Foodmarket (1 Outlet) Ben's Independent Grocer (5 Outlet) Village Grocer (12 Outlet) 	
COST STRUCTURE		OUTCOME		
<ol style="list-style-type: none"> Peruntukan NCIA – RM165,000.00 Peruntukan Bukan Kewangan Komuniti – RM8,000.00 (Tanah) Peruntukan Kewangan Komuniti – RM6,943.00 		<ul style="list-style-type: none"> 15 pejuang pekarja/keusahawanan Peningkatan 25% pendapatan peserta Satu (1) elemen inovasi bagi setiap CIC (actual: 11 elemen inovasi) Menghasilkan satu (1) elemen pembangunan produk di bawah setiap kategori bagi memperluaskan rantaian bisnes model projek tersebut (actual: 5 elemen) spt produk ikan keli kering, produk ikan keli perasan bakar, produk ikan keli perasan manis, produk benti ikan keli, produk abrik.) 		

16 peluang pekerjaan & keusahawanan kepada peserta projek:




Purata tambahan/peningkatan pendapatan peserta projek sebanyak:






Projek Komuniti Di Pusat Tanggungjawab

a. Geran/Geran Luar



b. Program dan /



ASIA - PACIFIC UNIVERSITY - COMMUNITY ENGAGEMENT NETWORK (APUCEN)

Keahlian APUCEN

Sepanjang Januari hingga Disember 2017, APUCEN telah menerima enam (6) keahlian baharu daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan juga daripada pihak swasta. Ahli-ahli yang baharu ialah:


- 1) Kuala Syiah University, Indonesia
- 2) DRB-Hicom University of Automotive Malaysia, Malaysia
- 3) Collegiate Association For The Research of Principle of Penang, Malaysia
- 4) Universiti Teknologi Petronas, Malaysia
- 5) UIN Sunan Ampel Surabaya, Indonesia
- 6) Politeknik Seberang Perai, Malaysia





Secara keseluruhannya, keahlian APUCEN pada tahun 2017 telah meningkat dan APUCEN kini mempunyai 93 orang ahli dari 19 buah negara

Program dan Aktiviti Apucen



a. Perbincangan Bersama Penolong Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn

Pada 23 Mac 2017, pihak sekretariat APUCEN telah menerima kunjungan daripada Penolong Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn (Hubungan Industri dan Masyarakat), Prof. Dato' Dr. Abdul Razak Omar untuk membincangkan APUCEN dan untuk menganjurkan mesyuarat APUCEN@Malaysia yang seterusnya di UTHM.

b. Perbincangan Bersama Collegiate Association For The Research of Principle of Penang

Presiden, Timbalan Presiden dan juga setiausaha *Collegiate Association For The Research of Principle of Penang (CARP)* telah mengadakan perbincangan mengenai keahlian APUCEN dan ingin membantu APUCEN untuk melebarkan keahliannya ke Korea Selatan pada 27 Mac 2017.

c. Mesyuarat Serantau Kesepuluh Majlis Tertinggi APUCEN

Mesyuarat Serantau Kesepuluh Majlis Tertinggi APUCEN telah diadakan pada 21 April 2017 di Hotel Jen, Pulau Pinang bersempena dengan APUCEN Summit. Mesyuarat kali ini dipengerusi oleh Presiden APUCEN, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail. Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli majlis tertinggi terbaru yang telah dilantik melalui pengundian ketika mesyuarat berlangsung.

Agenda penting yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah mengenai hala tuju APUCEN dan kerjasama dalam penglibatan komuniti pada peringkat antarabangsa.

Ahli majlis tertinggi yang terbaru yang menghadiri mesyuarat pada kali ini ialah Kyoto University of Foreign Studies (Jepun), San Pedro College (Filipina), National University of Science and Technology (Pakistan), Thammasat University (Thailand), Chulalongkorn University (Thailand), University of Surabaya (Indonesia), Universitas Andalas (Indonesia), Universitas Pendidikan Indonesia (Indonesia), Chiang Mai University (Thailand), Universiti Sains Islam Malaysia (Malaysia), Universiti Utara Malaysia (Malaysia) dan Universiti Putra Malaysia (Malaysia).



Mesyuarat Serantau Kesepuluh Majlis Tertinggi APUCEN

d. Mesyuarat bersama Timbalan Naib Canselor (BJIM) Universiti Teknologi Mara, Malaysia

APUCEN telah mengadakan mesyuarat bersama Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UiTM pada 23 Oktober 2017 di Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Keusahawanan, UiTM Shah Alam. Tujuan utama mesyuarat ini ialah membincangkan aktiviti-aktiviti dan hala tuju APUCEN bersama pihak UiTM.

e. Mesyuarat Serantau Kesebelas Majlis Tertinggi APUCEN

Mesyuarat Serantau Kesebelas Majlis Tertinggi APUCEN telah diadakan pada 27 September 2017 di Kyoto University of Foreign Studies, Jepun bersempena dengan Persidangan UCEC yang kelima. Agenda penting yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah mengenai pendekatan lokalisasi dalam menyelesaikan masalah komuniti global (*Glocal*). Sebagai ahli universiti global, ahli APUCEN yang mempunyai pelbagai kepakaran yang berbeza akan bekerjasama sebagai satu entiti untuk projek libatsama komuniti global yang memberikan impak yang besar. Selain itu, mesyuarat kali ini turut membincangkan sokongan APUCEN terhadap *service learning*. Dalam hal ini, pelajar akan memainkan peranan yang lebih penting dalam membuat perubahan terhadap komuniti melalui tunjuk ajar daripada penyelia mereka. Kesemua ahli mesyuarat telah bersetuju untuk mengadakan bengkel *Service Learning* dan membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam.

Ahli majlis tertinggi yang menghadiri mesyuarat pada kali ini ialah Kyoto University of Foreign Studies (Jepun), San Pedro College (Filipina), Thammasat University (Thailand), Chulalongkorn University (Thailand), Universitas Andalas (Indonesia), Universitas Pendidikan Indonesia (Indonesia), Chiang Mai University (Thailand), Universiti Sains Islam Malaysia (Malaysia) dan Universiti Putra Malaysia (Malaysia).



Mesyuarat Serantau Kesebelas Majlis Tertinggi APUCEN

f. Perbincangan bersama Pihak Kyoto University of Foreign Studies (KUFS)

Dr. Ryohei Kaguera daripada Kyoto University of Foreign Studies (KUFS) telah melawat USM dan mengadakan perbincangan bersama pihak APUCEN pada 24 Julai 2017. Tujuan utama perbincangan ini ialah berbincang mengenai program libatsama komuniti yang akan disertai oleh staf KUFS yang dijangka akan diadakan pada bulan Mac 2018.

g. Mesyuarat Kesembilan APUCEN@Malaysia

Mesyuarat kesembilan APUCEN@Malaysia telah dipengerusi oleh YBhg. Prof. Dr. Ir. Abdul Rahman Mohamed, Pengerusi APUCEN@Malaysia pada 18 Disember 2017 di Bilik Mesyuarat 1, Universiti Tun Hussein Onn, Kampus Pagoh, Johor. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 22 delegasi daripada 14 buah institusi pengajian tinggi, organisasi bukan-kerajaan dan sektor korporat dari seluruh Malaysia. Pengarah Kampus UTHM Pagoh, Prof. Dato' Dr. Abdul Razak turut hadir dan memberikan ucapan aluan sebelum mesyuarat bermula. Dalam mesyuarat kali ini, ahli APUCEN@Malaysia mencadangkan projek-projek yang dianjurkan oleh institusi-institusi boleh digabungkan. Hal ini akan memberikan impak yang lebih tinggi untuk menolong komuniti-komuniti tempatan mahupun luar negara. Mesyuarat berjalan dengan lancar dan institusi yang hadir telah berkongsi pengalaman projek libatsama komuniti yang telah dijalankan oleh institusi masing-masing. Beberapa isu berkaitan APUCEN telah dibincangkan dan keputusan-keputusan telah dibuat bersama-sama ahli-ahli yang hadir



Mesyuarat Kesembilan APUCEN@Malaysia

h. *International Empowering Youth for Drug Free Community 2017*

USIM, UUM dan APUCEN telah menganjurkan *International Empowering Youth for Drug-Free Community Workshop* bertemakan "Menggembleng Tenaga Belia Dalam Meningkatkan Kesedaran Penyalahgunaan Dadah" telah diadakan pada 4-7 Februari 2017 bertempat di Pusat Latihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (PLAK) Sungai Petani, Kedah. Bengkel ini bertujuan memberikan maklumat dan kefahaman rasional tentang pelaksanaan program pencegahan dadah berasaskan pencegahan awalan, pencegahan sekunder, dan pencegahan lanjutan kepada peserta yang akan dilantik sebagai duta institusi masing-masing.

Bengkel ini telah dihadiri oleh belia daripada empat buah negeri iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Mereka terdiri daripada pelajar sekolah, Pelajar Kolej Vokasional, Guru, NGO serta individu perseorangan. Seramai 192 orang peserta termasuk urusetia telah menghadiri bengkel pada kali ini.



International Empowering Youth for Drug-Free Community Workshop

i. *#ICAREFORHER Inter-Charities Bubble & Splash 5km Run*

Larian amal sejauh 5KM ini telah diadakan pada 11 Mac 2017 sempena dengan sambutan Hari Wanita bermula di perkarangan Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat. Larian ini dianjurkan oleh MMICare Association dengan kerjasama APUCEN dan penganjur *Miss Malaysia Indian Global Personal Empowerment Programme for girls*. Larian ini disertai oleh 140 kanak-kanak daripada rumah asuhan daripada Pulau Pinang, Kulim dan Sungai Petani (Persatuan Kebajikan Sinar Ceria, St Joseph's Orphanage, Ramakrishna Orphanage, Persatuan Kebajikan Batu Grace, Crystal Home, Persatuan Bedaya, Shan Children's Home, Sunshine Home, Rumah Kebajikan Seri Cahaya, dan Kamakshi Children Home.), 30 orang pelajar dan staf USM dengan bantuan 30 orang sukarelawan. Para pelajar dan staf USM turut berinteraksi dengan kanak-kanak rumah asuhan dan memberikan motivasi kepada mereka untuk belajar hingga peringkat universiti.



Larian amal sejauh sejauh 5KM

j. **International APUCEN Youth Volunteer Award**

Bersempena dengan APUCEN Summit yang ketiga, kali pertama APUCEN memberikan pengiktirafan kepada golongan belia yang terlibat secara aktif dalam program libatsama komuniti. 61 penyertaan daripada tujuh buah negara telah diterima untuk anugerah ini. Anugerah ini terbahagi kepada tujuh kategori iaitu Belia, Kesihatan, Wanita, Pendidikan, Alam Sekitar, Keusahawanan dan kategori terbuka). Pemenang setiap kategori menerima wang tunai berjumlah USD3000 dan trofi. Walau bagaimanapun, daripada tujuh kategori yang dipertandingkan hanya 5 kategori yang mempunyai pemenang. Setiap kategori mempunyai penajanya yang tersendiri. Antara pemenang setiap kategori dan penajanya adalah:-


Kategori	Pemenang	Penaja
Belia	Universiti Sains Malaysia	Kyoto University of Foreign Studies, Japan
Pendidikan	San Pedro College, Philippines	Toray Industries (Malaysia)
Alam Sekitar	Universiti Putra Malaysia	E&O Property (Penang) Sdn. Bhd.
Keusahawanan	Universiti Tenaga Nasional	USAINS Holdings Sdn. Bhd.
Anugerah Khas Juri	International Medical University	Tenaga Nasional Berhad

Hadiah dan cek wang tunai disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Datuk Seri Idris Jusoh.



Penerbitan Buletin APUCEN Ketujuh

Pada Mac 2017, Buletin APUCEN Edisi ketujuh telah diterbitkan. Buletin kali ini memfokuskan kerja libatsama komuniti yang dilakukan oleh golongan belia APUCEN di Kemboja.



k. APUCEN Summit

APUCEN Summit yang ketiga bertemakan *Creating a Future to the People* telah diadakan pada 20-21 April 2017. APUCEN Summit ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pengajian Tinggi. Dato' Zuraidah Atan, Pengerusi Yayasan Sukarelawan Siswa telah menjadi ucap tama yang bertajuk *Creating a Future to the People* dalam Summit kali ini dihadiri oleh ahli APUCEN daripada 42 institusi daripada sepuluh negara (Jepun, Pakistan, Malaysia, Thailand, Indonesia, Nepal, Kemboja, Afrika Selatan dan Brunei).



Sebanyak lima forum dan kertas kerja telah dijalankan dengan tema yang berbeza telah disampaikan oleh penceramah jemputan yang juga terdiri daripada ahli dan rakan kerjasama APUCEN seperti yang berikut:-

Tajuk Forum	Penceramah	Institusi
<i>Creating Opportunities for All</i>	Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah	AsiaEngage, Universiti Kebangsaan Malaysia
<i>Global and Social Entrepreneurship</i>	Prof. Dato' Dr. Haji Ibrahim Che Omar	Universiti Malaysia Kelantan
<i>Youth Engagement with the Community</i>	Prof. Madya Dr. Pariya Na Nakorn	Thammasat University
	Cik Khu Li Huang	Engage Nepal
<i>Women Moving Millions</i>	Prof. Dr. Sunitha Srinavas	Rhodes University
	Prof. Madya Dr. Norasidah Hashim	Universiti Utara Malaysia
<i>Assimilating Innovation in the Community</i>	Dr. Chong Beng Keok	KDU Penang
	Prof. Madya Dr. Nur Naha Mansor	Universiti Teknologi Malaysia



APUCEN Summit di Hotel Jen

I. Pengundian dan Pelantikan Ahli Majlis Tertinggi APUCEN 2017-2020

Bersempena dengan APUCEN Summit pada April 2017, ahli-ahli mengundi untuk memilih ahli Majlis Tertinggi APUCEN yang terbaharu bagi sesi 2017-2020. Sebanyak 10 ahli APUCEN daripada luar negara ingin menjadi ahli Majlis Tertinggi, Senarai Majlis Tertinggi APUCEN yang dipilih adalah seperti yang berikut:-

Presiden

Universiti Sains Malaysia, Malaysia
(Professor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc)

Naib Presiden

Kyoto University of Foreign Studies, Japan
(Professor Dr. Takeshi Matsuda)

Ahli Majlis Tertinggi

Chiang Mai University, Thailand
Chulalongkorn University, Thailand
National University of Sciences and Technology, Pakistan
San Pedro College, Philippines
Thammasat University, Thailand
Universitas Andalas, Indonesia
Universitas Pendidikan Indonesia, Indonesia
Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Universiti Utara Malaysia, Malaysia
University of Surabaya, Indonesia



Pengundian dan Pelantikan Ahli Majlis Tertinggi APUCEN 2017-2020

m. Majlis Penandatanganan MOU

Pada 20 April, Majlis Penandatanganan MoU bersempena APUCEN Summit antara APUCEN dengan *AsiaEngage*, *Engagement Thailand*, *Lions Club of Putrajaya Royale*, *Regional Network on Poverty Eradication (RENPER)*, *Universal Peace Federation (UPF)* dan Yayasan Kartika Tun Ghafar Baba untuk bekerjasama menjalankan pelbagai program untuk komuniti.



Majlis Penandatanganan MOU



Network to Network APUCEN Partnership

n. The Multicultural Youth Service

APUCEN dengan kerjasama *Universal Peace Federation*, *Collegiate Association of Research Penang* dan Wanita Gerakan Pulau Pinang telah menganjurkan *The Multicultural Youth Services* bertemakan *Building Our Youth for Tomorrow* pada 5-9 Mei 2017. Program ini bertujuan memupuk pemimpin belia untuk mempunyai pemikiran global dengan membangunkan kemahiran yang ada dengan berpandukan prinsip universal.

Program ini disertai oleh 129 orang pelajar dan staf yang datang daripada 10 negara termasuk Malaysia, Jepun, Myanmar, Pakistan, Bangladesh, Yaman, India, Indonesia, Algeria and Filipina. Peserta program ini turut dibawa ke Sungai Dinding untuk libatsama komuniti. Program ini memfokuskan kepimpinan dan memupuk sikap bertanggungjawab dan pembentukan insan yang prihatin terhadap komuniti.



The Multicultural Youth Service

o. Job Recruitment for the Homeless Community di Pulau Pinang


Satu usaha sama bersama Toray Industries (Malaysia) telah diadakan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti tanpa rumah di Pulau Pinang. Usaha sama ini dinamai *Job Recruitment for the Homeless Community In Penang*. Pihak APUCEN bersama kumpulan Sumber Manusia daripada Toray Industries (Malaysia) telah mengadakan satu sesi temu duga yang bertempat di Anjung Singgah, Pulau Pinang pada 22 Jun 2017. Anjung Singgah ini merupakan tempat penginapan sementara bagi golongan yang tidak mempunyai rumah. Calon-calon yang sesuai telah ditawarkan peluang pekerjaan di Toray Industries (Malaysia). Usaha sama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.



Job Recruitment for the Homeless Community in Penang

p. Inspire&Upgrade@School

MMICare bersama-sama APUCEN telah menganjurkan program *Inspire & Upgrade* di Sekolah Menengah Kebangsaan Shah Bandaraya di Klang pada 6 Julai 2017 yang lalu. Menerusi program ini, seramai 30 orang pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan dua (2) hingga enam (6) telah diberi pendedahan mengenai keselamatan siber, kesihatan, imej peribadi, bantuan kecemasan dan CPR.





Program *Inspire & Upgrade* di Sekolah Menengah Kebangsaan Shah Bandaraya di Klang

q. Peace Road Charity Run 2017

Larian untuk amal yang lebih dikenali sebagai *Peace Road* ini merupakan satu acara antarabangsa yang telah berlangsung di seluruh dunia sejak tahun 2015. Pada tahun ini *Universal Peace Federation* (UPF), *Collegiate Association for The Research of Principle of Penang* (CARP), Malaysia, APUCEN dan beberapa NGO yang lain telah bekerjasama menganjurkan tiga (3) siri *Peace Road Charity Run* di tiga (3) negeri iaitu Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. Kesemua hasil kutipan wang daripada ketiga-tiga larian ini akan disumbangkan ke rumah kebajikan.

i. Peace Road Charity Run 2017 Kuala Lumpur

Siri Larian ini dimulakan di Dataran DBKL, Kuala Lumpur pada 17 September 2017. *Peace Road Charity Run* di Kuala Lumpur ini menggabungkan 3 kategori iaitu penunggang basikal, larian dan juga berjalan kaki sejauh 5 kilometer, 7 kilometer dan 10 kilometer mengikut kategori yang dipilih oleh peserta. Larian ini turut dianjurkan bersama Majlis Bandaraya Kuala Lumpur, Multigreen event dan Women Federation of World Peace Malaysia. Seramai lebih kurang 3000 peserta telah menyertai program ini di Kuala Lumpur.



ii. *Peace Road Charity Run 2017 Johor*

Siri kedua larian ini telah diadakan di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Johor pada 28 Oktober 2017. Seramai 500 pelajar termasuk 100 orang pelajar antarabangsa telah menyertai larian ini. Larian ini telah dirasmikan oleh Pengarah, Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC), UTHM.



iii. *Peace Road Charity Run 2017 Pulau Pinang*

Siri Larian *Peace Road Charity Run 2017* ini merupakan yang kali pertama diadakan di Pulau Pinang. Larian ini dianjurkan bersama UPF, Universiti Sains Malaysia, APUCEN, CARP, The Lions Club, dan The AK Academy pada 19 November 2017 di Universiti Sains Malaysia. Para peserta berlari sejauh 7 kilometer di kawasan USM. Larian dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif APUCEN, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai. Selain itu, antara tetamu kehormat yang hadir adalah Wakil Pengerusi Penang Port Commission (PPC), Dato' Philip Kang Chun Keong; Pengarah Universal Peace, Encik Vijayan Kumar Nambiar a/l Nadarajan Nambiar; Pengarah Pusat Sukan USM, Encik Muhamad Mohd Hanif; Penasihat CARP Penang & Ajar-ajar Penang, Puan Wendy Koay dan Presiden Cerebral Palsy (Spastic) Children Association of Penang, Encik Ng Fook On; dan Penaja Utama *Peace Road Charity Run 2017* iaitu Pengarah ODR Lubricants, Encik Darren Hah. Larian ini disertai lebih daripada 1000 orang peserta yang terdiri daripada orang awam, pelajar tempatan, pelajar antarabangsa dan kanak-kanak daripada Cerebral Palsy (Spastic) Children Association of Penang dan dibantu oleh 120 sukarelawan yang merupakan pelajar USM.





Peace Road Charity Run 2017 Pulau Pinang

r. University-Community Engagement Conference 2017 (UCEC)

University-Community Engagement Conference 2017 (UCEC) yang kelima telah diadakan di Kyoto University of Foreign Studies (KUFS), Jepun. Sehubungan itu, pihak APUCEN telah dilantik menjadi sekretariat untuk program ini. Selain itu, Pengarah Eksekutif APUCEN turut menjadi pengerusi untuk sesi *selari* dalam persidangan ini.



University-Community Engagement Conference 2017 (UCEC)

s. Pembentangan Leadership Capacity - Building di Kyoto, Jepun pada 26 September 2017

Satu siri pembentangan bertajuk *Leadership Capacity- Building* telah diadakan pada 26 September 2017, di Kyoto, Japan bersempena dengan *University-Community Engagement Conference*. Pembentangan ini dibentangkan oleh Tuan Syed Yusof Syed Kechik yang merupakan Pengarah Jaringan Komuniti, Universiti Sains Malaysia dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Aileen Tan Shau Hwai, Pengarah Eksekutif APUCEN. Pembentangan ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta daripada pelbagai institusi dan negara.

t. Program RM1 Initiative to Rebuild Nepal

Pada September 2017, APUCEN telah melancarkan program *RM1 Initiative to Rebuild Nepal*. Program ini telah dianjurkan bersama dengan ahli-ahli APUCEN yang lain seperti USM, Toray Industries (M), CARP, Universiti Sains Islam Malaysia, KDU Penang College dan MMICare Association. Program ini bertujuan untuk mengutip dana untuk membantu membina semula Nepal yang masih lagi terjejas teruk kerana gempa bumi pada tahun 2015 yang lalu. Melalui program ini, setiap pelajar/staf yang ingin menyumbang dana kepada program ini, hanya perlu memberikan hanya RM1.

Pada 3 Ogos 2017, pihak Toray Industries (M) Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Encik KK Hun telah menyerahkan sumbangan kepada Ms. Khu Li Huang yang merupakan wakil Engage Nepal dan disaksi oleh Pengarah Eksekutif APUCEN, Prof. Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai. Upacara ini berlangsung di perkarangan foyer Pusat Pengajian Kaji Hayat, Universiti Sains Malaysia. Sumbangan ini akan digunakan untuk program Rebuild Nepal 2017. Bagi menjayakan program ini pihak Toray Industries telah mengutip sumbangan sebanyak RM1 bagi setiap pekerja yang ingin memberikan sumbangan kepada program ini termasuk pihak pengurusan atasan mereka.



Program RM1 Initiative to Rebuild Nepal

u. Taklimat Youth Volunteerism and Leadership Talk kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Universiti Sains Malaysia

Pada 12 Oktober 2016, Bulan Sabit Merah Universiti Sains Malaysia telah menjemput Pengarah Eksekutif APUCEN, Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai untuk memberikan taklimat mengenai **Youth Volunteerism and Leadership Talk** bertempat di Dewan SK4. Taklimat telah dihadiri oleh 60 orang ahli Bulan Sabit Merah.



*Taklimat Youth Volunteerism and Leadership Talk
kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Universiti Sains Malaysia*

v. Rebuild Nepal 2017 “Assist, Educate, Empower”

Pada 28 Oktober, enam orang wakil daripada MMICare telah tiba di Kathmandu, Nepal untuk melawat dan mengaudit program *Rebuild Nepal Disaster Relief*. Program ini dianjurkan bersama APUCEN selama dua tahun berturut-turut.

Program ini difokuskan di Sekolah Rendah Sri Gowla Dewi dan komuniti di kawasan tersebut yang telah mengalami kemusnahan yang teruk kerana gempa bumi yang berlaku pada 25 April 2015 yang berskala richter 7.8 dan Nepal dilanda gempa bumi kali kedua berskala richter 7.3 selepas dua minggu daripada gempa bumi yang pertama. Selepas kejadian gempa bumi terbabit, pihak MMICare terus menghantarkan bantuan kepada mangsa gempa. Peringkat pertama ini termasuk membekalkan dignity kits untuk wanita, lampin pakai buang dan susu tepung kepada kanak-kanak. Bantuan ini dihantarkan ke Nepal melalui Tentera Udara Diraja Malaysia.

Peringkat kedua program ini ialah pembinaan tempat tinggal sementara untuk mangsa gempa terutama golongan ibu tunggal dan warga emas. Peringkat kedua ini dilakukan bersama ahli APUCEN yang lain. Dengan sumbangan yang diberikan oleh ahli APUCEN seperti USM, Kyoto University of Foreign Studies, Jepun, Universiti Sains Islam Malaysia, AIMST University, Universiti Perguruan Sultan Idris dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei dan juga MMICare sendiri sebanyak 30 tempat tinggal sementara telah dibina dengan menggunakan zink lengkap dengan lampu solar, lantai PU dan makanan kering untuk mangsa gempa di Kakani sebagai persediaan menghadapi musim sejuk 2015 dan musim monsun pada 2016.

Dua tempat tinggal sementara telah diberikan kepada Sekolah Rendah Sri Gowla di Kakani ini. Tempat tinggal sementara ini akan digunakan sebagai tadika pada waktu siang dan tempat tidur pada waktu malam. Pada 2016, program ini telah membina tandas untuk pelajar, membaiki bumbung dan cat semula sekolah terbabit. Dalam siri terakhir program, *Rebuild Nepal 2017*, sekolah terbabit telah berfungsi sepenuhnya. MMICare dan APUCEN telah menyumbangkan alat tulis dan perabot untuk bilik guru dan mengadakan parti kepada pelajar sekolah terbabit. Namun begitu, masih ramai keluarga mangsa gempa pada 2015 terbabit masih tinggal di tempat tinggal sementara yang dibina oleh ahli APUCEN pada tahun 2015.



Rebuild Nepal 2017 “Assist, Educate, Empower”

w. APUCEN : Inisiatif Korporat

Pada 6 November 2017, sempena sesi dialog antara industri bersama Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi iaitu Dato' Seri Idris Jusoh yang diadakan di SPICE. Pihak APUCEN telah membuka satu booth pameran untuk mempromosikan APUCEN *Corporate Initiatives* kepada pihak industri yang hadir.

x. Bantuan Banjir

Pada 5 November 2017, Pulau Pinang telah dilanda banjir yang menjejaskan satu negeri dan penduduk Pulau Pinang. Oleh itu, APUCEN bersama ahlinya telah mengembleng tenaga untuk membantu dari segi makanan, sukarelawan, wang sumbangan dan peralatan mencuci rumah bagi membantu penduduk Pulau Pinang yang terjejas teruk akibat musibah ini. Aktiviti kesukarelawan ini diterajui oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USM. Antara ahli APUCEN yang terlibat dalam aktiviti ini adalah Universiti Malaya, Universiti Tun Hussein Onn, KDU College Penang, Universiti Malaysia Terengganu, Universal Peace Federation, DRB-Hicom Automotive University, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Sains Malaysia sendiri.



Bantuan banjir

y. Inspire & Upgrade Girls Camp 2017

MMICare dengan kerjasama SEDIC, APUCEN dan USM telah mengadakan Program *Inspire and Upgrade Girls Camp 2017* untuk wanita yang berumur 16 hingga 28 tahun di Ulu Tiram, Selangor pada 1-2 Disember yang lalu. Melalui program ini, peserta telah didedahkan dengan skil-skil seperti penampilan diri, kesihatan, keselamatan siber dan sentiasa positif.



Inspire & Upgrade Girls Camp 2017

z. Majlis Perasmian APUCEN@UTHM Student Chapter

Majlis Perasmian APUCEN@UTHM Student Chapter telah diadakan pada 18 Disember 2017 di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Pagoh, Johor. Prof. Dr. Ir. Abdul Rahman Mohamed sebagai Pengerusi APUCEN@Malaysia telah merasmikan APUCEN@UTHM program ini, disaksi oleh Pengarah Eksekutif APUCEN, Prof. Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai dan Pengarah Kampus UTHM, Prof. Dato' Dr. Abdul Razak bin Omar.

APUCEN@UTHM Student Chapter ini merupakan student chapter pertama yang ditubuhkan secara rasmi. APUCEN@UTHM Student Chapter ini dianggotai oleh 11 orang ahli majlis tertinggi yang terdiri daripada pelajar UTHM.



Majlis Perasmian APUCEN@UTHM Student Chapter

PUSAT KEBUDAYAAN JEPUN KYOTO UNIVERSITY OF FOREIGN STUDIES (KUFS-USM)

Program Bersama Pelajar Jepun

Tarikh	Program	Bilangan pelajar/ peserta
12 Feb – 18 Mac	Program Intensif Bahasa Inggeris Kyoto University of Foreign Studies (Februari)	34
25 Feb – 11 Mac	Latihan Pengajaran Bahasa Jepun 01	1
5 Mac – 15 Mac	Program Kesukarelawanan Universiti Mejiro	13
6 Ogos – 9 September	Program Intensif Bahasa Inggeris Kyoto University of Foreign Studies (Ogos)	14
5 Ogos – 20 Ogos	Latihan Pengajaran Bahasa Jepun 02	2
26 Ogos	Program komuniti bersama Universiti Chuo	4
13 Oktober – 14 Oktober	Lawatan 'Heritage Trail' Kozu High School	200
1 Disember – 31 Disember	Penempatan sementara pelajar Sarjana Kedoktoran Chubu di USM	1
6 Disember	Program bersama International Travel, Hotel, Bridal College	60
JUMLAH		329

Impak: Membina jaringan kerjasama antara institusi pendidikan di Jepun dan Malaysia dalam melaksanakan program penyelidikan, pertukaran pelajar, dan pengukuhan kebudayaan.



Pelajar KUFS yang terlibat dalam Program Intensif Bahasa Inggeris

Program / Lawatan Pelajar / Staf USM Ke Jepun

Tarikh	Program	Bilangan pelajar/ peserta
Feb 2017 – Feb 2018	Pertukaran pelajar ke Universiti Chubu mengikuti program 'Japanese Language and Culture'	2
	HOPE Meeting with Nobel Laureates	2
23 Jun – 25 Jun	Japanese University English Model United Nations (JUEMUN) di Kobe City University of Foreign Studies	4
15 September – 16 September	Latihan fasilitator Malaysia University English Model United Nations (MUEMUN)	15
10 Oktober – 17 November	Kursus 'Japanese Language and Culture di The Japan Foundation Japanese Language Institute, Kansai'	1
JUMLAH		22

Impak: Program pertukaran pelajar menggalakkan universiti-universiti Jepun untuk meneruskan perancangan dalam mengukuhkan hubungan dengan Malaysia terutama dalam bidang akademik dan kebudayaan.

Majlis / Aktiviti

Tarikh	Program	Bilangan pelajar/ peserta
6 Mei	Pertandingan Japanese Speech Contest: Secondary School Northern Region	11
8 Mei – 9 Mei	Sambutan 60 tahun hubungan diplomatik Malaysia – Jepun: Towards the Future – Tribute to Diplomatic Relations: Malaysia & Japan 60 Years Anniversary	500
17 Oktober	Bengkel <i>Japan Society for Promotion of Science (JSPS)</i>	80
24 Oktober	Persembahan Komedi 'Rakugo in English'	100
15 November	Energize Inc: Career Talk	160
JUMLAH		851

Impak: Program kebudayaan yang dijalankan mengukuhkan hubungan bilateral dan diplomatik yang telah terjalin antara Malaysia dengan Jepun. Bengkel yang dijalankan memberikan peluang kepada staf dan pelajar USM untuk menjalankan penyelidikan atau menyambung pengajian ijazah di Jepun.

Lawatan dan MoU / MoA

Tarikh	Program	Bilangan pelajar/ peserta
24 Januari	Penandatanganan MoU antara USM – Nagoya City Board of Education (NCBE)	2
21 – 23 Februari	Lawatan penyelidikan fakulti baru KUFS - 'Global Engagement'	1
27 Februari	Kunjungan Hormat dari Association of Private Universities of Japan	12
20 – 26 Ogos	Lawatan Industri bersama Nagoya City Commercial High School	5
13 September	Lawatan Penyelidikan Universiti Chubu	6
JUMLAH		26

Impak: Hasil termeterai perjanjian MOU, Nagoya City Board of Education (NCBE) telah menghantarkan pelajar dari Nagoya City Commercial High School bagi menjalankan penyelidikan dalam lawatan industri. Hasil lawatan penyelidikan daripada Universiti Chubu, beberapa program pertukaran pelajar dan staf akan dijalankan pada 2018.



Termeterai perjanjian antara USM dan Nagoya City Board of Education



Kunjungan hormat dari Association of Private Universities of Japan kepada Naib Canselor, Profesor. Datuk Asma Ismail



Japanese Speech Contest



Majlis pembukaan Malaysia & Japan 60 Years Anniversary



Bersama delegasi yang menghadiri JUEMUN



Dr. Premalatha dan Dr. Nadhrah Kadir daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan merupakan penceramah jemputan pada sambutan 'Malaysia Day' di KUFS



Mesyuarat Vehicle Automation System bersama TORAY Penfabric dan Pensyarah Pusat Pengajian Aeroangkasa



Proses pengilangan kopi dikendalikan oleh pelajar Nagoya City Commercial High School di Fikrisz Sdn. Bhd.



Profesor. Craig Smith dari KUFS hadir bagi sesi *"Training for Trainers for MUEMUN"*



Encik Soeda dan Profesor. Ir. Dr. Abdul Rahman bersama pihak JSPS Bangkok



Profesor. Ir. Dr. Abdul Rahman menerima cenderahati dari Profesor. Yamashita Presiden JSPS Bangkok



Diane Kichijetsu telah membuat persembahan Rakugo in English di USM



Pelajar dari International Travel Hotel Bridal College



Pelajar ITHB bersama pelajar USM yang terlibat dalam aktiviti kebudayaan

SAINS@USM

Program Dan Aktiviti SAINS@USM

a. *Demand-Driven Innovation Project by Public-Private Research Network (PPRN)*

Program ini melibatkan penyelidik USM, KPT dan industri. Ia memperkasakan hubungan jaringan awam swasta melalui penyelidikan inovasi daripada IPT kepada pengusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta meningkatkan produktiviti PKS melalui adaptasi terkini *state-of-the-art* atau teknologi yang bersesuaian dan menggalakkan penyertaan ahli akademik untuk melaksanakan penyelidikan berasaskan permintaan (*demand driven*). Sebanyak 54 projek dipohon oleh penyelidik USM. 13 projek bernilai RM407,675.00 berjaya diperolehi oleh para penyelidik USM sepanjang tahun 2017. Impak yang dibawa masuk oleh projek ini kepada universiti ialah meningkatkan jaringan bersama industri termasuk SME, memindahkan ilmu kepakaran dan teknologi bagi menyelesaikan masalah industri dan SME dan memberikan tajaan kepada Universiti dan penyelidik.

b. *Research and Postgraduate Study Opportunities in Germany di Kampus Kejuruteraan USM pada 13 Julai 2017*

Program ini melibatkan pensyarah, penyelidik dan pelajar ijazah lanjutan. Ia mewujudkan hubungan jaringan antara USM dengan universiti di Jerman melalui peluang penyelidikan. Selain itu, program ini juga mendedahkan budaya penyelidikan, budaya kerja dan budaya pembelajaran kepada pelajar USM. Penyertaan ahli akademik adalah penting untuk melaksanakan penyelidikan di luar negara. Seramai 125 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, penyelidik dan pelajar ijazah lanjutan hadir. Impak yang dapat dilihat daripada program ini ialah peningkatan jaringan bersama universiti dan industri luar negara, meningkatkan program perantarabangsaan dan mobiliti dalam kalangan penyelidik USM, pemindahan ilmu kepakaran dan teknologi penyelidikan antara dua negara dan penajaan kepada Universiti dan penyelidik.

c. *Sesi Menandatangani MoA bersama Pihak Industri*

Program ini melibatkan pihak industri dan Naib Canselor USM. Memeterai 8 MoA/MoU pada hari tersebut bagi mewujudkan jaringan antara USM dengan Industri. Terdapat 8 syarikat yang terlibat iaitu Oppstar, National Instruments, PSDC, MyCo2, Sandisk, OSRAM. Impak yang dapat dilihat daripada program ini ialah peningkatan jaringan bersama universiti dan industri luar negara, peningkatan program perantarabangsaan dan mobiliti dalam kalangan pelajar USM, pemindahan ilmu kepakaran dan teknologi penyelidikan antara dua negara dan penajaan kepada universiti.

d. Geran R&D CREST

Geran ini terbuka kepada penyelidik USM, industri dan IPTA/IPTS luar. Tempoh pembukaan geran adalah dari Januari hingga Jun 2017. Geran penyelidikan CREST adalah dalam bidang-bidang yang memberikan sumbangan terhadap pertumbuhan sektor elektrik dan elektronik. Antara geran yang ditawarkan adalah:

- i. CREST Open R&D Grant
- ii. CREST Targetted R&D Grant

Geran R&D CREST menyokong aktiviti penyelidikan bersama antara industri dan ahli akademik bertujuan memacu pembangunan teknologi baru dan inovasi produk dan penyelesaian di pasaran. Sebanyak 6 geran projek dipohon oleh penyelidik USM. 2 projek bernilai RM1,586,396 berjaya diperolehi oleh para penyelidik USM bersama rakan industri Silterra dan PPlus Sdn. Bhd. Impak yang didapati daripada geran ini ialah meningkatkan jaringan bersama industri terutama dalam sektor elektrik dan elektronik dan pemindahan ilmu kepakaran dan teknologi untuk menyelesaikan masalah industri.

e. Lembah Chuping Industrial Area (CVIA) di Lembah Chuping

Individu yang terlibat dalam projek ini ialah penyelidik USM, NCIA dan industri. Tempoh projek ini berlangsung adalah dari Januari sehingga Jun 2017. *Chuping Valley Industrial Area (CVIA)* merupakan salah satu nodus pembangunan Koridor Utara (NCIA) di bawah projek RMK-11. Pembangunan kawasan ini akan bertumpu pada beberapa kluster yang telah dikenal pasti seperti *Green Manufacturing, Renewable Energy, Halal Industry, Sustainable Smart Infrastructure and Test Solutions*. Sebanyak 7 projek kluster telah dicadangkan oleh USM di bawah kluster-kluster yang dikenal pasti di bawah Projek CVIA. Impak yang akan diberikan oleh projek ini ialah meningkatkan jaringan dan kerjasama bersama industri dan pemindahan kepakaran dan teknologi serta meningkatkan sosioekonomi di kawasan Lembah Chuping melalui peluang pekerjaan.

f. Jerayawara National Instruments Autonomous Robotics Competition

Individu yang terlibat dalam program ini ialah pensyarah dan pelajar sarjana muda. Tujuan program ini ialah memperkenalkan National Instruments bagi mewujudkan jaringan antara USM dengan industri. Seterusnya, sesi penerangan oleh Pengarah National Instruments Australia Division tentang Autonomous Robotics Competition. Menggalakkan penyertaan ahli akademik dan pelajar untuk menyertai pertandingan Autonomous Robotics Competition. Terdapat 25 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar Pusat Pengajian Sains Fizik, Pusat Pengajian Sains Komputer, Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik. Impak yang dapat dilihat daripada program ini ialah peningkatan jaringan bersama universiti dan industri luar negara, peningkatan program perantarabangsa dan mobiliti dalam kalangan pelajar USM, pemindahan ilmu kepakaran dan teknologi penyelidikan antara dua negara dan penajaan kewangan kepada universiti.

g. Program Data Star oleh ASEAN Data Analytic eXchange (ADAX)

Individu yang terlibat dalam projek ini ialah penyelidik USM, pensyarah dan pelajar daripada pusat pengajian berasaskan STEM dan Pusat Pengajian Pengurusan. Rangka pelaksanaan program ini adalah selari dengan program latihan Kemahiran Data Profesional yang mempunyai 3 teras utama, iaitu *Enterprise Data Engineer, Enterprise Data Analyst & Enterprise Data Scientist*. Setiap modul pembelajaran dilengkapi dengan pembangunan kemahiran asas *Data Scientist* teknikal secara teori dan praktikal serta pembangunan kemahiran insaniah.

Menaja program latihan intensif selama 6 bulan serta program menempatkan seorang sebagai pegawai sangkut bersama industri kepada pelajar yang layak dan terpilih. Impak yang dicapai melalui projek ini ialah melahirkan modal insan berkemahiran tinggi yang relevan dengan keperluan industri spesifik dalam bidang *Data Science* dan meningkatkan kebolehpasaran graduan. Senarai pelajar yang telah terpilih bagi pengambilan I :

Pelajar	Industri
Pelajar MSc – PP Sains Komputer (1 orang)	Hong Leong Bank
Pelajar MSc – PP Sains Matematik (2 orang)	Celcom
Pelajar MSc – PP Kejuruteraan Mekanikal	Petronas

h. **Program Semiconductor Test Skills Development (STSD)**

Individu yang terlibat dalam projek ini ialah penyelidik USM, pensyarah dan pelajar dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Pelaksanaan program ini melibatkan program latihan yang spesifik kepada keperluan industri yang melibatkan pensyarah dan pelajar serta integrasi kurikulum di universiti yang terdiri daripada komponen-komponen seperti berikut :

- Memberikan pengetahuan asas yang diperlukan untuk ujian analog moden, digital dan peranti isyarat bercampur menggunakan peralatan ujian automatik (ATE).
- Untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang kaedah yang digunakan dalam ujian dan pengukuran peralatan termasuk pencirian peranti prototaip dan spesifikasi.
- Menyediakan kemahiran praktikal dalam aspek teknikal dalam bidang pengujian dan pengukuran IC menggunakan sistem ujian yang sebenar.

Peruntukan daripada NCIA dan Industri berjumlah RM 2,298,680.00. Program latihan spesifik dalam bidang "Test & Measurement" melibatkan 3 orang pensyarah & 8 pelajar. Impak yang memberikan kesan daripada program ini ialah melahirkan modal insan berkemahiran tinggi yang relevan dengan keperluan industri spesifik dalam bidang *Test & Measurement*, meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pembangunan kurikulum berasaskan industri di universiti melalui inisiatif program latihan pensyarah dan pelajar serta pembangunan infrastruktur dalam *Test & Measurement*.

i. **Program Young Makers**

Program ini ialah kerjasama di antara USM dengan Akademi Sains Malaysia untuk memupuk minat dan budaya pembelajaran pelajar ke arah bidang STEAM (*Science, Engineering, Technology, Art & Mathematics*) dengan menyediakan platform untuk menerokai pengetahuan dan mengembangkan kemahiran penyelidikan dan inovasi pelajar. Program ini juga bertujuan meningkatkan kecenderungan pelajar dalam bidang STEAM di samping melestarikan hubungan kerjasama USM, ASM, MARA, industri dan komuniti.

Program ini akan berlangsung dari Ogos 2017 sehingga Oktober 2017. Sejumlah RM30,000 telah diperuntukkan dari Akademi Sains Malaysia untuk program ini. Program ini akan membantu dalam peningkatan tahap minat pelajar terhadap bidang kejuruteraan, sains & teknologi serta peningkatan kualiti pelajar/siswa melalui pemindahan ilmu pengetahuan daripada graduan universiti kepada pelajar sekolah yang akan memasuki universiti. Program ini juga akan memastikan peningkatan dalam kerjasama pintar bersama antara universiti, industri dan masyarakat. Selain itu, ia juga akan meningkatkan kebolehpasaran pelajar di industri dan menghasilkan bakat yang relevan dengan kehendak industri.

j. **CREST – USM Youth Industry Bootcamp**

Program kerjasama antara USM, CREST, industri dan pihak sekolah menengah dalam program pembangunan bakat yang akan memberikan tumpuan kepada sektor elektrik dan elektronik (E&E). Program ini memberikan fokus kepada program pembangunan bakat dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang meliputi pelbagai aktiviti, iaitu bengkel pengendalian platform elektronik, sesi mentoring bersama industri serta penglibatan dalam pertandingan reka cipta dan inovasi produk berasaskan elektrik & elektronik. Program ini bertindak sebagai platform bagi pelajar pada peringkat sekolah menengah untuk bekerjasama dan menggalakkan pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi dengan penglibatan pihak universiti dan industri yang berperanan sebagai mentor/fasilitator.

Objektif utama program ini ialah memupuk minat pelajar dalam bidang kejuruteraan, memacu laluan kerjaya pelajar ke arah bidang kejuruteraan serta menyediakan platform untuk penciptaan pengetahuan dan kemahiran inovasi dalam usaha untuk meningkatkan bakat muda dan tenaga pakar dalam sektor kejuruteraan. Matlamat pelaksanaan program ini ialah menggalakkan budaya inovasi dan pemikiran saintifik dalam kalangan pelajar sekolah di samping untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam bidang kejuruteraan elektrik & elektronik melalui pelaksanaan bengkel pengendalian satu platform elektronik dan pelaksanaan projek inovasi berasaskan platform tersebut. Oleh yang demikian, aktiviti ini dapat memupuk minat dan menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan pelajar serta melestarikan kerjasama antara universiti, industri serta pelajar sekolah. Program ini berlangsung dari 19–22 Mac 2017 dan sejumlah RM35,000.00 telah diperuntukkan oleh CREST.

k. **KOLOKIU M PENDIDIKAN STEM 2017, KPM – USM**

Program ini ialah kerjasama antara USM dengan Akademi Sains Malaysia untuk memupuk minat dan budaya pembelajaran pelajar ke arah bidang STEAM (*Science, Engineering, Technology, Art & Mathematics*) dengan menyediakan platform untuk menerokai pengetahuan dan mengembangkan kemahiran penyelidikan dan inovasi pelajar. Program ini juga bertujuan meningkatkan kecenderungan pelajar dalam bidang STEAM di samping melestarikan hubungan kerjasama USM, ASM, MARA, industri dan komuniti.

Program ini akan berlangsung dari Ogos 2017 sehingga Oktober 2017. Sejumlah RM50,000 telah diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk program ini. Program ini akan membantu dalam peningkatan tahap minat pelajar terhadap bidang kejuruteraan, sains & teknologi serta pelajar/siswa yang berkualiti melalui pemindahan ilmu pengetahuan daripada graduan universiti kepada pelajar sekolah yang akan memasuki universiti. Program ini juga akan memastikan peningkatan dalam kerjasama pintar bersama antara Universiti, Industri dan Masyarakat. Selain itu, ia juga akan meningkatkan kebolehpasaran pelajar di industri dan menghasilkan bakat yang relevan dengan kehendak industri.

l. **Program Mentor - Mentee STEM 2017**

Individu yang terlibat ialah pensyarah USM dan pelajar Sekolah Menengah di Pulau Pinang. Program ini telah berlangsung pada 13 dan 14 November 2017. Antara inisiatif pengukuhan STEM adalah meningkatkan minat pelajar sekolah, kemahiran guru dan kesedaran orang awam terhadap bidang di bawah STEM. Seterusnya, program ini mewujudkan rangkaian kerjasama antara ahli akademik untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan program berkaitan pendidikan STEM dan berkongsi amalan terbaik dalam menjayakan pendidikan STEM.

Peruntukan yang diberikan bagi menjayakan program ini ialah sebanyak RM15,000.00 daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Seramai 140 orang pelajar daripada 35 buah sekolah menengah sekitar negeri Pulau Pinang telah menyertai program ini.

m. **Program National Empowerment in Certification and Training for Next Generation Workers – Industry 4.0 (Nect-Gen)**

Individu yang terlibat ialah STEM dan Pusat Pengajian Pengurusan. Program ini dijalankan bermula pada Disember 2017 sehingga Januari 2018. Program National Empowerment in Certification and Training for Next Generation Workers – Industry 4.0 (Nect-Gen). Program ini merupakan program kerjasama antara Penang Skill Development Centre (PSDC), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Knowledgecom Sdn. Bhd. Program ini merupakan program latihan dan pensijilan profesional teknologi tinggi berasaskan industri yang dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi graduan dalam bagi memenuhi keperluan dan kehendak tenaga kerja mahir dalam industri. Tajaan daripada pihak PSDC bagi program pensijilan teknologi melibatkan seramai 75 orang pelajar USM dalam 3 bidang teknologi, iaitu Big Data & Analytic, Android Development & Java. Jumlah nilai tajaan bagi program ini ialah sebanyak RM1,125,000.00. Impak yang dapat dilihat ialah peningkatan dalam kerjasama pintar antara universiti, industri dan masyarakat, peningkatan kebolehpasaran pelajar di industri dan penghasilan bakat yang relevan dengan kehendak industri.



PEMBANGUNAN INSTITUSI

Pada tahun 2017, USM telah memfokuskan inisiatif strategik bagi mengatasi kesan tsunami globalisasi. Antara cabaran yang telah dikenal pasti adalah globalisasi di bawah Revolusi Industri 4.0, era teknologi dan krisis ekonomi global.

Bagi mengatasi bersama kesan tsunami globalisasi ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan mengikut Gaya USM bagi melonjakkan USM pada peringkat global dengan reka cipta tersendiri sekali gus menjadi Institusi yang dihormati, dirujuk dan relevan.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSTITUSI


Bahagian Pembangunan Institusi (BPI) bertanggungjawab terhadap pembangunan strategik dan pemantauan pencapaian Universiti melalui pengurusan data dan maklumat institusi. BPI juga menyediakan rangka kerja bagi menetapkan dasar, piawaian dan garis panduan serta memantau pelaksanaan aktiviti yang akan memacu daya saing universiti dalam dua aktiviti utama iaitu pendidikan dan penyelidikan.

Bagi menghadapi cabaran masa hadapan pendidikan tinggi, BPI memantau perkembangan dan pencapaian universiti sepanjang tahun 2017 melalui aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan seperti yang berikut:

INOVASI PEMANTAUAN PRESTASI INSTITUSI: USM KPI-MS

Key-Performance Indicator Management System (KPI-MS) adalah satu inovasi sistem pengurusan dan analisa data secara atas talian (*online*) yang dibangunkan untuk menyimpan data Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan petunjuk prestasi Universiti Penyelidikan (MyRA). MyRA adalah satu sistem penilaian pencapaian penyelidikan yang merangkumi kriteria mengikut elemen kuantiti dan kualiti penyelidik, penyelidikan, pelajar siswazah, inovasi, perkhidmatan penyelidikan dan jaringan kerjasama. Penilaian MyRA adalah penting bagi menentukan status USM sebagai Universiti Penyelidikan.

Seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan trend global yang bertumpu pada dunia digital serta "big-data", pihak BPI telah membuat penambahbaikan sistem KPI-MS dengan inovasi tambahan melalui elemen sokongan baharu iaitu Sistem Penerbitan Universiti, Sistem Headline KPIs dan Sistem Rekod Penjanaan Kewangan (Bursary Dashboard).



Rajah 1: Inovasi USM KPI-MS

Evolusi inovasi KPI-MS telah memberikan impak besar kepada USM dengan keupayaan sistem ini membantu pihak Universiti menjalankan pemantauan prestasi berdasarkan data terkini, tepat dengan paparan prestasi secara visualisasi graf yang bersesuaian. Keunikan, keupayaan dan impak lain KPI-MS adalah seperti yang berikut:

a. Pengumpulan Dan Penyimpanan Data Secara Digital

KPI-MS telah berjaya membantu mengoptimumkan teknologi dan memudahkan Universiti menyimpan data secara digital dan teratur. Hal ini juga seiring dengan agenda kelestarian Universiti kerana data tidak lagi perlu dicetak untuk penyimpanan sekaligus menjimatkan penggunaan ruang Universiti secara fizikal.

b. Penjimatan Kos Kewangan

Evolusi inovasi pada elemen sistem tambahan telah menjadikan KPI-MS adalah sistem yang komprehensif dan amat berguna bagi pemantauan prestasi Universiti. Inovasi ini juga telah berjaya menjimatkan kos kewangan Universiti melalui Sistem Penerbitan (KPI-MS) sedangkan Universiti perlu membelanjakan sekitar RM1.2 juta setahun bagi perkhidmatan yang sama melalui agensi penerbitan global.

c. Penjimatan Sumber

KPI-MS yang dibangunkan menggunakan sistem perkomputeran secara atas talian ini telah berjaya membantu menjimatkan masa pengumpulan dan semakan data daripada pelbagai sumber. Keupayaan sistem KPI-MS juga mampu mengurangkan risiko kesilapan yang mungkin dilakukan tanpa sengaja oleh manusia.

d. Peningkatan Sistem Penyampaian

KPI-MS jelas sekali terbukti berjaya meningkatkan sistem penyampaian Universiti terutama dalam pemantauan prestasi PTJ berdasarkan sumber data dengan dokumen sokongan yang tepat. Keupayaan sistem ini dicapai secara atas talian dan mampu dipantau dari mana-mana sahaja membolehkan KPI-MS menjadi platform utama Pengurusan Tertinggi Universiti dan Ketua PTJ untuk memantau perkembangan prestasi masing-masing.

e. KPI-MS: Sistem Penerbitan

Sistem Penerbitan yang dibangunkan di bawah KPI-MS ini berupaya menyimpan data penerbitan bersama dokumen sokongan yang diintegrasikan secara terus daripada pangkalan data penerbitan global, menjana laporan dan analisa penerbitan, mengenalpasti bidang kekuatan dan rangkaian kerjasama berdasarkan penerbitan. Sistem penerbitan ini juga mampu menghasilkan profil penerbitan warga USM secara *real-time*.

f. KPI-MS: Sistem Headline KPI

Seiring dengan pengenalan Headline KPIs kepada setiap Universiti pihak BPI telah mengambil langkah proaktif membangunkan Sistem Headline KPIs yang membolehkan Universiti memantau setiap perkembangan prestasi mengikut KPI yang telah ditetapkan. Sistem KPI-MS juga telah berjaya membantu Universiti menjalankan proses pelataan Headline KPIs kepada setiap PTJ dan memantau pencapaian semasa PTJ secara dalam talian.

g. KPI-MS: Sistem Penjanaan Kewangan

Sistem Rekod Penjanaan Kewangan dibangunkan bagi memenuhi keperluan Jabatan Bendahari dan Universiti untuk membuat pemantauan prestasi penjanaan pendapatan daripada 44 PTJ Akademik dan 35 PTJ Pentadbiran & Perkhidmatan. Sistem ini berupaya menghasilkan visualisasi data dalam bentuk jadual dan graf untuk membantu PTJ melihat secara telus sumber pendapatan yang dijana oleh setiap PTJ.

Inovasi KPI-MS telah terbukti memberikan impak besar kepada Universiti dan mempunyai kualiti tersendiri sehingga berjaya menarik minat Universiti Awam lain untuk dikomersilkan.

PENGURUSAN DATA ANALITIK, PENARAFAN DAN PENGAUDITAN PRESTASI INSTITUSI

Pengurusan dan data analitik daripada pelbagai sumber di USM lebih tertumpu pada kajian "due-dilligent" untuk membantu pembuatan keputusan strategik dan penzahiran tindakan serta proses penyediaan data bagi pengauditan prestasi Universiti daripada pelbagai agensi. Pada 2017, terdapat beberapa pengauditan prestasi yang telah dijalani oleh pihak BPI dan Universiti.

a. Pengauditan Prestasi KPI MyRA PTJ

Pihak BPI telah berjaya menjalankan proses pengauditan data dan semakan dokumen sokongan bagi 44 PTJ Akademik USM berdasarkan kriteria Universiti Penyelidikan (MyRA) seperti berikut :


- i. Seksyen A: Maklumat Am
- ii. Seksyen B: Kuantiti & Kualiti Penyelidik
- iii. Seksyen C: Kuantiti & Kualiti Penyelidikan
- iv. Seksyen D: Kuantiti & Kualiti Pasca Siswazah
- v. Seksyen E: Inovasi
- vi. Seksyen F: Perkhidmatan Profesional & Hadiah
- vii. Seksyen G: Jaringan & Kerjasama
- viii. Seksyen H: Kemudahan Sokongan

Secara keseluruhan selepas pengauditan oleh BPI, prestasi PTJ mengikut MyRA I dan MyRA II adalah seperti yang berikut:

i. Prestasi PTJ berdasarkan MyRA I

USM PTJ Summary 2016 (Final Audit)


No	Star Ratings	Marks	No. of PTJs	Percentage
1	★★★★★★	>= 100	4	9.09%
2	★★★★★	>= 75 to < 100	26	59.09%
3	★★★★	>= 60 to < 75	11	25.00%
4	★★★	>= 45 to < 60	3	6.82%
5	★★	>30 to < 45	0	0.00%
6	★	>= 15 to <30	0	0.00%
7	☆☆☆☆☆☆	>= 0 to <15	0	0.00%



Rajah 2: Penarafan Bintang MyRA I

Rajah 3: Pencapaian Penarafan Bintang PTJ

ii. Prestasi PTJ Berdasarkan MyRA II



b. Pengauditan Universiti Penyelidikan (MyRA USM)

BPI telah menyelaraskan dan mengintegrasikan data dengan bantuan KPI-MS bagi tujuan menghasilkan data terbaik untuk pengauditan Universiti Penyelidikan (MyRA) oleh pihak KPT.

Bagi tujuan ini juga, satu Jawatankuasa MyRA USM telah diwujudkan untuk membantu merangka strategi dan menyediakan dokumen sokongan yang lengkap. Ahli Jawatankuasa MyRA USM adalah seperti yang berikut:

SEKSYEN	KETUA SEKSYEN
A1 – Staf Akademik B2 – Kelayakan Profesional dan PhD B3 – Pengalaman Penyelidikan	• Pengarah Bahagian Sumber Manusia
D1 – D7 Pelajar Ijazah Tinggi	• Dekan Institut Pengajian Siswazah
B1, C2, C3, G1b, G4b Penyelidikan & Penyelidik	• Pengarah Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan
B4 – Anugerah/Pengiktirafan	• Pengarah NEXUS Kejuruteraan
C1 Penerbitan	• Pengarah Bahagian Pembangunan Institusi
E1 – E5 Inovasi	• Pengarah, Pejabat Inovasi
F1 – F7 Perkhidmatan Profesional & Hadiah	• Pengarah, Pusat Pembangunan Perniagaan
G1, G2, G3, G4, G5 Jaringan & Kerjasama	• Pengarah, Libatsama Komuniti
H – Kemudahan Sokongan	• Dekan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan

USM telah berjaya mendapat status **6 Bintang** (status tertinggi) bagi pengauditan Universiti Penyelidikan (MyRA I) yang telah dijalankan pada tahun 2017 bagi data prestasi 2016.



c. USM Headline KPIs


Mesyuarat KPT bersama semua naib Canselor Universiti Awam pada 20 Mac 2017 telah memuktamadkan Petunjuk Prestasi Utama Universiti berdasarkan 7 Headline KPIs iaitu:

- 1.0 Kebolehpasaran graduan
- 2.0 Jumlah penerbitan
- 3.0 Jumlah sitasi
- 4.0 Penjanaan pendapatan
- 5.1 Keciciran pelajar
- 5.2 iGOT
- 7.0 Penarafan QSWUR (mengikut subjek)
- 8.0 Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa

Pemantauan prestasi USM Headline KPIs dijalankan melalui sistem Headline KPIs secara atas talian, <https://www.kpims.usm.my/v3> yang telah dibangunkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Institusi (BPI) dan dibentangkan kepada pihak Pengurusan Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU). Pencapaian keseluruhan USM pada 2017 adalah seperti yang berikut:



OVERALL ACHIEVEMENT



■ 90% and above
 ■ 50% to <90%
 ■ <50%

GRADUATE EMPLOYABILITY 1.0

% graduate with employed status as of convocation split by:

- i. Employed
- ii. Entrepreneurs
- iii. Awaiting placement
- iv. Furthering studies

Number of responses: 6335

T = 83%
A = 79.2%

95.4%

PUBLICATIONS 2.0

Total number of publications per lecturer in indexed journals

T = 2.1
A = 1.8

85.6%

CITATIONS 3.0

Total number of citations per lecturer

T = 44
A = 31.4

71.3%

INCOME GENERATION 4.0




Self-generated income as % of total operating expenditure:

- i. Tuition fees
- ii. Services related to income
- iii. Asset-related income and rental yield
- iv. Consultancy and contract
- v. Publishing income
- vi. Commercialization income and royalties
- vii. Others

Total operating expenditure: RM742,118,213


T = 25%
A = 32.3%

129.3%




T: Target A: Actual

Nota: Data pelajar antarabangsa yang dipaparkan termasuk bagi program mobiliti pelajar antarabangsa.




d. HoD Headline KPIs

Sebagai usaha strategik untuk memastikan Headline KPIs yang disasarkan kepada USM dapat dicapai. Pelataan KPI kepada semua PTJ sebagai HoD Headline KPIs (Head of Department Headline KPIs) telah dipersetujui oleh pihak universiti. Proses pelataan, negosiasi dan pemantauan telah dijalankan berdasarkan gerak kerja berikut:



Rajah 4: Carta Alir Proses Pelataan Headline KPI kepada USM



Rajah 5: Carta Alir Proses Pelataan Headline KPI Kepada Ketua PTJ

Sistem pemantauan Headline KPIs yang telah dibangunkan oleh BPI merangkumi USM Headline KPIs dan HoD Headline KPIs. Pihak Universiti juga telah memutuskan bahawa semua kemasukan data prestasi Headline KPIs (USM Headline KPIs & HoD Headline KPIs) dibuat melalui pihak BPI berdasarkan sumber yang disalurkan oleh pemegang taruh bagi setiap KPI.

Pemegang taruh KPI bertanggungjawab untuk menyalurkan data, mengesahkan kemasukan data ke dalam Sistem KPI-MS dan memantau prestasi serta mengambil tindakan proaktif yang sewajarnya bagi memastikan sasaran Headline KPIs dapat dicapai. Senarai pemegang taruh bagi setiap KPI adalah seperti jadual berikut:

KPI	Petunjuk Prestasi	Pemegang Taruh
1.0	Kebolehpasaran Graduan	Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan
2.0	Jumlah Penerbitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengarah RCMO • Pengarah BPI
3.0	Jumlah Sitasi	
4.0	Penjanaan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Bendahari • Pengarah Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti
5.1	Keciciran Pelajar (a), (b) & (c)	<ul style="list-style-type: none"> • Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Akademik Jabatan Pendaftar • Dekan IPS
5.2	iGOT Pelajar (a), (b) & (c)	
7.0	QS Ranking	Pengarah BPI
8.0	Pelajar Antarabangsa (a), (b) & (c)	<ul style="list-style-type: none"> • Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Akademik Jabatan Pendaftar • Dekan IPS • Pengarah IMCC

e. Malaysia Integrated Rating for University and University College Excellence (SETARA)


Malaysia Integrated Rating for University and University College Excellence (SETARA) ialah sistem penarafan yang mengukur kualiti Universiti Awam dan Kolej Universiti termasuk Kampus Cawangan Institusi Luar Negara. Penarafan SETARA 2017 dijalankan terhadap institusi pendidikan tinggi yang beroperasi lima

(5) tahun dan telahpun menghasilkan jumlah minimum satu kohort graduan.

SETARA 2017 telah dibangunkan untuk memenuhi aspirasi yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia–Pendidikan Tinggi 2015–2025 (PPPM-PT). Instrumen penarafan ini mendorong Institusi Pendidikan Tinggi untuk memperkasakan fundamental dalam penyampaian tiga fungsi utama Universiti dan Kolej Universiti iaitu:

- i. Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Penyelidikan dan Inovasi
- iii. Perkhidmatan kepada Komuniti dan Industri

Secara keseluruhannya, USM telah berjaya mendapat penarafan 6 Bintang (*Outstanding*) iaitu penarafan tertinggi dalam penarafan SETARA 2017. USM juga telah berjaya mengatasi median skor negara dalam semua indikator instrumen penarafan yang merangkumi kriteria Umum, Pengajaran & Pembelajaran, Penyelidikan dan Perkhidmatan.



Rajah 6: Skor USM dalam SETARA

SETARA-2017 Performance Report: Universiti Sains Malaysia



MINISTRY OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA



Malaysia Integrated Rating for University and University College Excellence

f. MyMoheS

MyMoheS merupakan satu sistem yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengumpulkan data daripada semua Universiti Awam berkaitan Staf, R&D, Pelajar dan Maklumat Institusi serta disimpan dalam satu pangkalan data.

MyMoheS memudahkan pihak KPT membuat capaian data setempat berhubung data Universiti Awam dan memudahkan pelaporan kepada pihak berkepentingan lain tanpa perlu kerap mendapatkan data daripada setiap institusi. Bagi menjamin kualiti dan ketepatan data yang disalurkan ke pangkalan data, MyMoheS telah membuat penarafan bintang yang merangkumi kriteria berikut:

- Masa Penghantaran
- Kesempurnaan Data
- Kualiti Data

Bagi penilaian MyMoheS yang telah dibuat pada 2017, USM telah berjaya mendapat penarafan 4.5 Bintang. Pencapaian yang membanggakan dan boleh diperbaiki untuk mencapai tahap tertinggi penarafan MyMoheS iaitu 5 Bintang.



Rajah 7: Sijil SETARA




DOKUMEN MyMoheS

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI


MODEL UNIVERSITI BERTARAF GLOBAL

Kolaborasi Global (MoU/MoA)

BPI telah bekerjasama dengan Pejabat Perundangan USM bagi meneliti aspek penyediaan dan analisa data MoU/MoA dengan pihak luar. Bagi tahun 2017, USM telah berjaya mengurus sebanyak 230 MoU/MoA/NDA (Nasional 93, Antarabangsa 137) yang baharu ditandatangani mengikut pecahan seperti gambarajah di sebelah:



- Memorandum of Agreement (MoA)
- Memorandum of Understanding (MoU)
- Non-Disclosure Agreement (NDA)



Bil	Negara				Bil				Negara				Bil				Negara						
	MoU	MoA	NDA	Jumlah	MoU	MoA	NDA	Jumlah	MoU	MoA	NDA	Jumlah	MoU	MoA	NDA	Jumlah	MoU	MoA	NDA	Jumlah			
1	0	2	0	2	13	0	0	0	13	0	1	0	1	45	0	1	0	1	45	0	1	0	1
2	1	0	0	1	44	11	10	0	21	35	39	0	74	PERANCIS	1	8	0	9	PERANCIS	1	8	0	9
3	4	37	3	44	45	2	5	0	7	9	4	13	INDONESIA	2	19	1	28	POLAND	2	1	0	3	
4	2	0	0	2	16	3	0	0	3	1	1	2	IRAQ	1	0	0	1	47	1	0	0	1	
5	15	10	1	26	17	1	1	0	2	1	0	1	IRELAND	0	1	0	1	48	1	1	0	2	
6	0	2	1	3	18	0	1	0	1	30	79	111	JEPUN	0	3	0	3	49	1	3	0	4	
7	5	4	0	9	19	0	1	0	1	8	21	30	JERMAN	0	1	0	1	50	2	5	2	9	
8	0	2	0	2	20	5	0	0	5	1	0	1	JORDAN	1	0	0	1	51	2	14	3	19	
9	0	2	0	2	21	0	5	0	5	3	0	3	KAMPUCHEA	1	1	0	2	52	0	1	0	1	
10	9	25	0	34	22	0	2	0	2	2	0	2	KAZAKHSTAN	0	1	0	1	53	1	1	0	2	
11	2	1	0	3	23	6	6	1	13	8	15	23	KOREA SELATAN	1	0	0	1	54	0	1	0	1	
12	2	4	0	6	34	2	4	0	6	2	0	2	LAOS	4	9	0	13	55	3	3	0	6	

MOU/MOA/NDA Aktif di Peringkat Antarabangsa Tahun 2017 Mengikut Negara



TUGAS UTAMA

Tugas utama Penerbit USM ialah melaksanakan perolehan karya ilmiah yang berkualiti dan mempunyai nilai pasaran serta memberikan impak kepada masyarakat, menerbitkan penerbitan ilmiah bertaraf antarabangsa dalam bentuk bercetak dan elektronik, dan memasarkan serta menyebarkan produk penerbitan ilmiah secara agresif dan global di samping menjana pendapatan dan menyerlahkan keternampakan.

PENCAPAIAN PENERBIT USM SEPANJANG TAHUN 2017

Jumlah Penerbitan

Tahun ini merupakan tahun cemerlang kerana Penerbit USM menghasilkan jumlah penerbitan yang paling banyak yang belum pernah tercapai sebelum ini. Sejumlah 100 penerbitan yang terdiri daripada 52 judul buku, 37 isu jurnal, dan 11 judul teks syarahan telah diterbitkan. Penambahan jumlah terbitan ini merupakan suatu usaha menambah baik proses kerja dan penyeliaan yang lebih teliti dalam keseluruhan setiap proses penerbitan.

Jumlah penerbitan mengikut pecahan:

Buku (52 judul)

1. Musa Ali. *Organisational Transformation: Concepts and Implementation Techniques*. 2017. ISBN (HC): 978-967-461-095-1, (SC): 978-967-461-067-8
2. Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (Penyusun). *Siri Pulang ke Gagang: Libat Sama Lestari USM-Komuniti. Siri Kedua*. 2017. ISBN: 978-967-461-066-1
3. Munir Shuib & Koo Yew Lie (Editors). *The Role of the University with a Focus on University-Community Engagement*. 2017. ISBN: 978-967-461-098-2
4. Mohd Wira Mohd Shafiei, Radzi Ismail, Ilias Said & Omar Osman. *Ideal Green Homes: Understanding the Needs of Malaysian House Buyers*. 2017. ISBN: 978-967-461-069-2
5. Ang Chai Tin & Lee Lay Wah. *Aplikasi Modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi: Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran*. 2017. ISBN: 978-967-461-001-2
6. Wan Ruslan Ismail & Zainudin Othman. *Pemodelan Hakisan Tanah Menggunakan Teknik ¹³⁷Cs*. 2017. ISBN: 978-967-461-022-7
7. Wan Muhamad Amir W Ahmad & Nor Azlida Aleng @ Mohamad Zalila Ali. *Statistical Analysis with SAS*. 2017. ISBN: 978-967-461-059-3
8. Wan Muhamad Amir W Ahmad, Basaruddin Ahmad, Sarimah Abdullah & Nor Azlida Aleng @ Mohamad. *Statistical Analysis using SPSS for Health Sciences*. 2017. ISBN: 978-967-461-106-4
9. Zhang Chengzhi. *The Art of Chinese Translation of Puns in Shakespeare's Sonnets*. 2017. ISBN: 978-967-461-056-2
10. Ahmad Sanusi Hassan. *Amalan Tebus Guna Tanah, Reka Bentuk Bandar dan Seni Bina Di Malaysia*. 2017. ISBN 978-967-461-065-4
11. Ahmad Shukri Yahaya, Fadzli Mohamed Nazri, Muhamad Nazri Murat, Irvan Dahlan, Aeizaal Azman Abdul Wahab, Norizah Mohamad, Dzati Athiar Ramli, Loh Wei Ping, Sivakumar Ramakrishnan. *Engineering Calculus*. 2017. ISBN 978-967-461-062-3

12. Tan Kok Chooi, Lim Hwee San, Mohd Zubir Mat Jafri. *Regression Analysis of Column Ozone and Selected Atmospheric Parameters in Penisular Malaysia From SCIAMACHY Data*. 2017. ISBN 978-967-461-104-0
13. Tengku Sepora Tengku Mahadi, Thomas Chow Voon Foo, Julie Chuah Suan Choo (Editors). *Integrating ICT Into Language Teaching and Learning*. 2017. ISBN 978-967-461-115-6
14. Shad Saleem Faruqi. *Reflections On Life and The Law*. 2017. ISBN 978-967-461-017-3
15. Wan Muhamad Amir W Ahmad, Nor Affendy Nor Azmi & Ruhaya Hasan. *Teknik Biostatistik: Pelajari Kaedah Tak Berparameter Secara Mudah Menggunakan SPSS dan SAS*. 2017. ISBN 978-967-461-126-2
16. Cheah Sook Fong & Ng Sha Shiong. *Fabrication of Porous Gallium Nitride by Photoelectrochemical Etching Method*. 2017 ISBN 978-967-461-138-5
17. Tengku Sepora Tengku Mahadi, Thomas Chow Voon Foo (Editors). *Language Teaching, Pedagogy and Curriculum Design*. 2017. ISBN 978-967-461-112-5
18. Mohd Wira Mohd Shafiei, Fanny Foo Suan Suan, Ilias Said & Omar Osman. *Lifestyle of Future House Buyers in Malaysia*. 2017. ISBN 978-967-461-113-2
19. Garry Kuan & Chin Ngien Siong. *The Essential Sarawakian Mental Skills Training: Agi Idup Agi Ngelaban*. 2017. ISBN 978-967-461-147-7
20. Muhamad Hasrul Zakariah. *British dan Perang Enam Hari 1967 Arab-Israel*. 2017 ISBN 978-967-461-117-0
21. Ommi Kalsom Mardziah Yahaya & Ahmad Fairuz Omar. *Spectroscopy of Tropical Fruits: Sala Mango and B10 Carambola*. 2017. ISBN: 978-967-461-124-8
22. Mohamad Rashidi Pakri & Nik Haslinda Nik Hussain (Editor). *Klian Intan: Perlombongan Bijih Timah dan Perkembangan Sosioekonomi*. 2017. ISBN: 978-967-461-141-5
23. Sohaimi Abdul Aziz. *Novel dan Puisi dalam Kritikan Sastera*. 2017. ISBN: 978-967-461-111-8
24. Wan Muhamad Amir W Ahmad, Ruhaya Hasan & Nor Affendy Nor Azmi. *Analisis Data Menggunakan Borang Soal Selidik*. 2017. ISBN: 978-967-461-122-4
25. Mohd Ansor Yusof. *Teori Pemodulatan Selanjar*. 2017. ISBN: 978-967-461-063-0
26. Noor Aini Hussain & Mohamed Rusli Abdullah. *Mengurus Keperluan Pesakit Strok di Rumah*. 2017. ISBN: 978-967-461-128-6
27. Jeffrey Abdullah. *Mansuli Valley, Lahad Datu, Sabah in the Prehistory of Southeast Asia*. 2017. ISBN: 978-967-461-135-4
28. Zamzuri Idris & Jafri Malin Abdullah. *Neurosurgery: Notes for the Graduate Students* (e-book). 2017. e-ISBN: 978-967-461-118-7
29. Sohaimi Abdul Aziz & Fatihah Che Mat (Editor). *Dunia Maritim dalam Pemikiran Arena Wati*. 2017. ISBN: 978-967-461-145-3
30. Zaharah Sulaiman, Nazirah Johar, Tengku Alina Tengku Ismail, Noraini Mohamad, Soon Lean Keng, Rusnah Yaso', Norzihan Ismail, Norbaizora Mohamad & Sharah Salleh. *Kit Multimedia Pendidikan Penyusuan Susu Ibu*. (Judul buku panduan: *Cara Mudah Mengajar Topik Penyusuan Susu Ibu*, ISBN: 978-967-461-121-7. Judul carta flip: *Belajar Menyusu Cara Mudah* – ISBN: 978-967-461-136-1). 2017.
31. Asma Ismail, Norazmi Mohd Noor, Jafri Malin Abdullah, Armando Acosta & Maria Elena Sarmiento (Eds.). *Sustainable Diagnostics for Low Resource Areas* (live book). e-ISBN: 978-967-461-163-7
32. Abu Hassan Abu Bakar, Ruhizal Roosli, Ernawati Mustafa Kamal & Zul Zakiyuddin Ahmad Rashid (Eds.). *A Complete Guide to Academic Research in Built Environment and Engineering*. 2017. ISBN: 978-967-461-143-9

Siri Kearifan Tempatan

33. Tarmiji Masron & Zikri Muhammad (Editor). *Sistem Maklumat Geografi dan Pengurusan Bandar dalam Kearifan Tempatan*. 2017. ISBN: 978-967-461-164-4
34. Darlina Md. Naim, Zuraidah Mohd Yusoff & Saad Othman (Editor). *Perubatan Tradisional: Aplikasi Semasa*. 2017. ISBN: 978-967-461-165-1
35. Darlina Md. Naim, Zuraidah Mohd Yusoff & Saad Othman (Editors). *Traditional Medicine: Current Practice & Belief*. 2017. ISBN: 978-967-461-184-2
36. Nazarudin Zainun & A.S. Hardy Shafii (Editor). *Masyarakat Nusantara dalam Budaya, Warisan dan Sejarah*. 2017. ISBN: 978-967-461-178-1
37. Rahimah A. Hamid & Nurul Farhana Low Abdullah (Editor). *Akal Budi dalam Sastera Rakyat: Naratif dan Bukan Naratif*. 2017. ISBN: 978-967-461-174-3

38. Nazarudin Zainun & A.S. Hardy Shafii (Editor). *Nusantara daripada Pelbagai Perspektif Kearifan Tempatan*. 2017. ISBN: 978-967-461-172-9
39. Nazarudin Zainun & Mohamad Omar Bidin (Editor). *Dinamisme Etnik dan Sosiobudaya Melayu*. 2017. ISBN: 978-967-461-166-8
40. Darlina Md Naim & Mardiana Idayu Ahmad (Editors). *Integrating Local Knowledge with Science and Technology*. 2017. ISBN: 978-967-461-223-8
41. Darlina Md. Naim & Mardiana Idayu Ahmad (Editors). *Indigenous Knowledge and Sustainable Practice*. 2017. ISBN: 978-967-461-181-1
42. A.S. Hardy Shafii, Nurul Farhana Low Abdullah & Mumtaz Begum Aboo Backer (Editors). *Locating the Soul of Healing Performance in Malaysia*. 2017. ISBN: 978-967-461-222-1
43. Norizan Esa & Salasiah Che Lah (Editors). *Local Knowledge for A Globalized World*. 2017. ISBN: 978-967-461-220-7
44. Nazarudin Zainun & Mohamad Omar Bidin (Editor). *Pelestarian Silat Melayu: Antara Warisan dengan Amalan*. 2017. ISBN: 978-967-461-167-5.
45. Rahimah A. Hamid & A.S. Hardy Shafii (Editor). *Akal Budi Melayu dalam Bahasa dan Sastra Moden*. 2017. ISBN: 978-967-461-177-4
46. Norfarizah Mohd Bakhir & Mohd Asyiek Mat Dea (Editor). *Warisan Kearifan Tempatan: Pemeliharaan Melalui Teknologi*. 2017. ISBN: 978-967-461-221-4.
47. Tarmiji Masron & Zikri Muhammad (Editor). *Aplikasi Teknologi dalam Kearifan Tempatan*. 2017. ISBN: 978-967-461-229-0
48. Darlina Md. Naim & Mardiana Idayu Ahmad (Editors). *Documenting Indigenous Knowledge in Science, Technology and Innovation*. 2017. ISBN: 978-967-461-196-5
49. Norfarizah Mohd Bakhir (Editor). *Scientific and Technical Knowledge in Preserving Local Culture*. 2017. ISBN: 978-967-461-195-8
50. Norizan Esa & Salasiah Che Lah (Editors). *Local Knowledge Transfer Mechanisms*. 2017 ISBN: 978-967-461-175-0
51. Norizan Esa & Salasiah Che Lah (Editor). *Kelestarian dan Dinamisme Kearifan Tempatan dalam Pendidikan*. 2017. ISBN: 978-967-461-192-7
52. Mohamad Rashidi Pakri & Nurul Farhana Low Abdullah (Editors). *Dynamism of Local Knowledge: Revisiting History and Culture*. 2017. ISBN: 978-967-461-197-2

Jurnal (37 isu)

1. Asia Pacific Journal of Educators and Education, Volume 32, 2017 (APJEE)
2. Asian Academy of Management Journal, Volume 22, No. 1, 2017 (AAMJ)
3. Asian Academy of Management Journal, Volume 22, No. 2, 2017 (AAMJ)
4. Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance, Volume 13, No. 1, 2017 (AAMJAF)
5. Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance, Volume 13, No. 2, 2017 (AAMJAF)
6. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 40, No. 1, 2017 (BMMSS) - managed by Springer
7. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 40, No. 2, 2017 (BMMSS) - managed by Springer
8. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 40, No. 3, 2017 (BMMSS) - managed by Springer
9. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 40, No. 4, 2017 (BMMSS) - managed by Springer
10. Education in Medicine Journal Volume 9, No. 1, 2017 (EIMJ)
11. Education in Medicine Journal Volume 9, No. 2, 2017 (EIMJ)
12. Education in Medicine Journal Volume 9, No. 3, 2017 (EIMJ)
13. Education in Medicine Journal Volume 9, No. 4, 2017 (EIMJ)
14. International Journal of Asia-Pacific Studies, Volume 13, No. 1, 2017 (IJAPS)
15. International Journal of Asia-Pacific Studies, Volume 13, No. 2, 2017 (IJAPS)
16. Journal of Construction in Developing Countries, Volume 22, No. 1, 2017 (JCDC)

17. Journal of Construction in Developing Countries, Volume 22, No. 2, 2017 (JCDC)
 18. Journal of Construction in Developing Countries, Volume 22, Suppl. 1, 2017 (JCDC)
 19. Journal of Engineering Science, Volume 13, 2017 (JES)
 20. Journal of Physical Science, Volume 28, No. 1, 2017 (JPS)
 21. Journal of Physical Science, Volume 28, No. 2, 2017 (JPS)
 22. Journal of Physical Science, Volume 28, Suppl. 1, 2017 (JPS)
 23. Journal of Physical Science, Volume 28, No. 3, 2017 (JPS)
 24. Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies, Volume 35, No. 1, 2017 (KM)
 25. Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies, Volume 35, No. 2, 2017 (KM)
 26. Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies, Volume 35, Suppl. 1, 2017 (KM)
 27. Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities, Volume 24, No. 1, 2017 (KAJH)
 28. Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities, Volume 24, No. 2, 2017 (KAJH)
 29. The Malaysian Journal of Medical Sciences, Volume 24, No. 1, 2017 (MJMS)
 30. The Malaysian Journal of Medical Sciences, Volume 24, No. 2, 2017 (MJMS)
 31. The Malaysian Journal of Medical Sciences, Volume 24, No. 3, 2017 (MJMS)
 32. The Malaysian Journal of Medical Sciences, Volume 24, No. 4, 2017 (MJMS)
 33. The Malaysian Journal of Medical Sciences, Volume 24, No. 5, 2017 (MJMS)
 34. The Malaysian Journal of Medical Sciences, Volume 24, No. 6, 2017 (MJMS)
 35. Tropical Life Sciences Research, Volume 28, No. 1, 2017 (TLRSR)
 36. Tropical Life Sciences Research, Volume 28, No. 2, 2017 (TLRSR)
 37. Wacana Seni: Journal of Arts Discourse, Volume 16, 2017 (WS)
- Siri Syarahan (11 judul)**
- Syarahan Umum Pelantikan Profesor (10 judul)
1. Zamzuri Idris. *Pemetaan Otak dan Roh serta Beberapa Rahsianya*. ISBN: 978-967-461-199-6
 2. Gan Siew Hua. *Gen dan Ubat-Ubatan serta Penyelidikan Madu*. ISBN: 978-967-461-159-0
 3. Lee Yeong Yeh. *Perubahan Landskap Kesihatan Gastrosus di Malaysia*. ISBN: 978-967-461-158-3
 4. Gam Lay Harn. *Penanda Bio Protein*. ISBN: 978-967-461-149-1
 5. Azmi Sarriff. *Penzahiran Amalan Profesional di Farmasi-Farmasi Komuniti*. ISBN: 978-967-461-153-8
 6. Syed Azhar Syed Sulaiman. *Pendekatan Transdisiplinari dalam Farmasi Klinikal: ke Arah Melestarikan Bidang Farmakoterapi*. ISBN: 978-967-461-151-4
 7. Mohamed Azmi Ahmad Hassali. *Peranan Ubat-Ubatan Generik dalam Kelestarian Penggunaan Farmaseutikal di Malaysia*. ISBN: 978-967-461-152-1
 8. Azizi Bahaiddin. *Naratif dan Protagonis dalam Reka Bentuk Warisan: Satu Penceritaan Budaya*. ISBN: 978-967-461-237-5
 9. Suriati Ghazali. *Transformasi Wanita Malaysia: Suatu Perspektif Geografi Budaya*. ISBN: 978-967-461-225-2
 10. Jelani Harun. *Karya Agung dan Politik Kenegaraan Melayu*. ISBN: 978-967-461-211-5
- Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan (1 judul)**
11. Abdullah Hassan. *Memperibumikan Ilmu dalam Pembangunan Ekonomi Negara Melalui Terjemahan*. ISBN: 978-967-461-1422

ANUGERAH

Hasil terbitan Penerbit USM telah terpilih memenangi beberapa anugerah seperti yang berikut:

1. Anugerah MAPIM-KPT 2016

Majlis Anugerah MAPIM-KPT 2016 telah diadakan pada hari Sabtu, 29 April 2017, jam 8:00 malam, di Duyong Convention Centre, Pulau Duyong, Terengganu.

(i) Anugerah Makalah Jurnal Terbaik

(Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan)

Hadiah Utama

Judul:

Ultrasound-Assisted Extraction of Oil From Calophyllum Inophyllum Seeds: Statistical Optimisation Using Box-Behnken Design

Penulis:

Faiznur Mohd. Fuad, Khairiah Abd. Karim and Mashitah Mat Don

Jurnal:

Journal of Physical Science

Penerbit:

Penerbit Universiti Sains Malaysia

Hadiah:

Sijil, Trofi dan wang RM7,000.00 (Pembahagian hadiah wang tunai ialah RM5,600.00 kepada penulis dan RM1,400.00 kepada Penerbit)

(ii) Anugerah Buku Ilmiah Terbaik

(Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial)

Hadiah Penghargaan

Judul:

Sastera Mahua dalam Kritikan dan Persejarahan

Penulis:

Chong Fah Hing

Penerbit:

Penerbit Universiti Sains Malaysia

Hadiah:

Sijil, Trofi dan wang RM7,000.00 (Pembahagian hadiah wang tunai adalah RM5,600.00 kepada penulis dan RM1,400.00 kepada Penerbit)

(iii) Anugerah Editor Naskhah Buku Terbaik

(Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial)

Hadiah Utama

Nama Editor Naskhah:

Cik Marina Azmi

Judul: 'Di Sebalik Tabir' Sejarah Politik Malaysia, 1945-1957

Penerbit:

Penerbit Universiti Sains Malaysia

Hadiah:

Sijil, Trofi dan wang RM7,000.00 (Pembahagian hadiah wang tunai ialah RM5,600.00 kepada editor naskhah dan RM1,400.00 kepada Penerbit)



Pemenang Anugerah MAPIM-KPT 2016

2. Anugerah Buku Negara

Kategori: Buku Geografi Terbaik

Judul: Permodelan Hakisan Tanah Menggunakan Teknik ¹³⁷Cs

Penulis: Wan Ruslan Ismail & Zainudin Othman

Penerbit: Penerbit USM

ISBN: 978-967-461-022-7

3. Jurnal Tersenarai Dalam Emerging Sources Citation Index, ESCI (Clarivate Analytics)

Dua lagi jurnal terbitan Penerbit USM telah disenaraikan dalam pangkalan data baru Web of Science, iaitu **Emerging Sources Citation Index (ESCI)**.

Jurnal tersebut ialah:

(i) **Kajian Malaysia (KM)**
(bermula pada isu Jilid 35 (1), 2017)

(ii) **Journal of Construction in Developing Countries (JCDC)**
(bermula pada isu Vol. 22 (1), 2017)

Seperti yang sedia kita maklumi, sebelum ini sejumlah lima (5) jurnal telah pun disenaraikan dalam pangkalan data Web of Science - Emerging Sources Citation Index (ESCI), iaitu:

- i. International Journal of Asia Pacific Studies (IJAPS)
- ii. Malaysian Journal of Medical Sciences (MJMS)
- iii. Asian Academy of Management Journal (AAMJ)
- iv. Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance (AAMJAF)
- v. Wacana Seni Journal of Arts Discourse (WS)

4. Lima Jurnal USM Terima Pengiktirafan Taraf CREAM Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

Sejumlah lima jurnal terbitan Penerbit Universiti Sains Malaysia telah dipilih menerima pengiktirafan dalam Program Pemberian Taraf CREAM oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Pengiktirafan ini

adalah sebagai galakan dalam membantu usaha untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia. Jurnal-jurnal ini telah dipilih daripada pelbagai penerbit jurnal di Malaysia. Senarai jurnal yang dipilih menerima Taraf CREAM mengikut kategori adalah seperti yang berikut:

Senarai jurnal yang dipilih menerima Taraf CREAM mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Jurnal Berprestasi Tinggi - Diindeks dalam Web of Science (WoS)

- ***Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society***
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dato' Dr. Rosihan M. Ali

Kategori Jurnal Berprestasi Tinggi - Diindeks dalam Scopus

- ***Journal of Physical Sciences***
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad
- ***Tropical Life Sciences Research***
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Dr. Alexander Chong Shu Chien
- ***Journal of Construction in Developing Countries***
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Sr. Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz

Kategori Jurnal Berpotensi CREAM

- ***Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities***
Ketua Sidang Pengarang: Profesor Madya Dr. Hajar Abdul Rahim

Penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi pada hari Khamis, 5 Oktober 2017, jam 2:30 petang di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



Penerima Anugerah taraf CREAM

Pada Pesta Buku Frankfurt 2017, rekaan kulit buku *Modern Mosques in Malaysia: Between Regionalism and Eclecticism* terpilih antara 10 rekaan terbaik dalam majlis Anugerah **The Beauty and the Book Award** anjuran Frankfurt Book Fair dan German Book Art Foundation. Rekaan kulit buku ini dihasilkan oleh Puan Nor Afzan Yahaya.



Anugerah The Beauty and the Book Award

Pada keseluruhannya Penerbit USM telah mencapai jumlah penerbitan yang tertinggi kerana jumlah penerbitan melebihi sasaran yang ditetapkan, kualiti penerbitannya telah digambari oleh pelbagai pengiktirafan yang diterima sepanjang tahun.

Penerbit USM akan terus berusaha untuk meningkatkan prestasinya dengan mensasarkan perolehan manuskrip yang berkualiti dan ada nilai pasaran. Kualiti dan kuantiti penerbitan akan ditingkatkan dengan pelbagai usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sumber tenaga kerja yang ada. Usaha untuk meningkatkan keternampakan hasil terbitan juga akan digiatkan dengan menambah aktiviti mempromosi dan memasarkan produk melalui rakan strategik antarabangsa dan menggunakan sepenuhnya platform media sosial. Diharapkan bahawa segala usaha untuk pemasaran produk penerbitan dan penyebaran ilmu ini juga akan meningkatkan hasil jualan dan penjanaan wang Penerbit USM.

1. Foto Usaha Pelesenan Buku di Pesta Buku Frankfurt 2017:



2. Foto Rakan strategik global dalam pemasaran eBuku Penerbit USM:



PERPUSTAKAAN USM

Berpaksikan visi “Menjadi pemangkin ke arah perkembangan ilmu, kesarjanaan dan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan lestari”, Perpustakaan terus menjalankan fungsi utamanya sebagai pusat sumber maklumat dan ilmu kepada Universiti. Selain itu, Perpustakaan turut menyumbangkan sokongan kepada Universiti dari segi kecemerlangan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan menerusi pelbagai inisiatif perkhidmatan yang ditawarkan serta memberikan sumbangan masyarakat dalam dan luar kampus.

PERKHIDMATAN PENGGUNA

Ahli berdaftar Perpustakaan USM sehingga Disember 2017 ialah seramai **75,611** orang. Keahlian Perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran, dan publik yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perkhidmatan pinjaman Perpustakaan telah merekodkan sejumlah **247,621** buah pinjaman bahan. Sementara itu, Perpustakaan juga telah merekodkan **548,644** kunjungan pengguna secara fizikal dan **358,707** secara maya. Jadual 1 menunjukkan perincian mengikut rangkaian Perpustakaan USM:

Kampus	Keahlian	Pinjaman	Kunjungan (fizikal)	Kunjungan (maya)
Perpustakaan Hamzah Sendut	54,714	223,876	362,191	269,451
Perpustakaan Hamdan Tahir	14,535	16,206	153,621	63,235
Perpustakaan Kejuruteraan	6,342	6,716	31,676	21,379
Perpustakaan IPPT	20	823	1,156	4,642
Jumlah	75,611	247,621	548,644	358,707

Jadual 1: Jumlah Keahlian, Kunjungan dan Pinjaman

PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2017

- Persidangan “**International Conference on Libraries (ICOL) 2017**” telah berjaya dilaksanakan pada **2–3 Ogos 2017** bertempat di Vistana Hotel, Pulau Pinang, Malaysia. Bertemakan “**Towards Lean Libraries**” dengan empat (4) sub-tema iaitu *Managing Libraries, Creativity And Innovation, Right Tool at The Right Time* dan *Improve While Reduce*, persidangan kali ini telah berjaya mengumpulkan seramai **72 peserta, 15 wakil pembekal/penerbit serta 18 pembentang** dari **Malaysia, Thailand, Singapura, Pakistan, Nigeria, Korea, Taiwan, dan Amerika Syarikat**. Persidangan ini juga merupakan platform terbaik dalam perkongsian hasil penyelidikan, maklumat serta percambahan idea peringkat global dalam kalangan peserta yang merupakan ahli akademik serta ahli professional bidang kepustakawanan.
- Bengkel sokongan penyelidikan** telah dilaksanakan pada **3–4 Oktober 2017** bertempat di Makmal Komputer Rafflesia, PHS. Bengkel yang dibuka kepada penyertaan luar ini mempromosikan aplikasi sokongan penyelidikan Perpustakaan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan. Seramai **28 orang** peserta merangkumi pelajar ijazah lanjutan daripada luar serta pustakawan IPTA/IPTS telah menyertai bengkel yang julung kali diadakan ini.
- Perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengguna ditingkatkan dengan pemantapan berterusan sistem bersepadu dalam talian Perpustakaan bagi keseluruhan rangkaian Perpustakaan USM. Penaiktarafan sistem telah dilakukan sebanyak **1 kali (Jun)** dengan versi terkini ialah **versi 17.05**.
- Open Access Repository@USM (<http://eprints.usm.my>) yang merupakan portal internet arkib dan indeks bahan ilmiah USM mencatat sejumlah **713,405 pembaca halaman (berbanding 651,064**

5. **pada tahun 2016)** dengan peningkatan sebanyak **9.58%**. Selain itu, Open Access Repository@ USM menduduki tangga **370 daripada 2,284 ranking Repositori Institusi pada peringkat dunia** manakala tangga kedua pada peringkat tempatan. Secara tidak langsung, repositori institusi ini juga memberikan sumbangan pengukuhan kedudukan keseluruhan pelayan webometrics universiti (www.usm.my) pada kedudukan **ke 467 dunia dan ke tiga (3) di Malaysia** (sumber: <http://www.webometrics.info/en/Asia/Malaysia>).
6. Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan Perpustakaan diteruskan dengan jayanya dalam membantu pelajar dan staf akademik meningkatkan kemahiran menggunakan pelbagai aplikasi perisian yang memudahkan proses aktiviti penyelidikan mereka. Perkhidmatan ini juga telah dikembangkan ke rangkaian Perpustakaan yang lain memandangkan sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan pelajar. Sebanyak **70 sesi latihan** melibatkan enam (6) modul telah dilaksanakan dengan bilangan peserta seramai **841 orang**.
7. Perpustakaan berjaya **mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2008** sekali lagi setelah Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang dilaksanakan pada **7-8 Disember 2017** tanpa sebarang ketakakuran. Bermula pada tahun 2018 Perpustakaan akan mengguna pakai Pensijilan MS ISO 9001:2015.
8. Seramai **18 orang Pustakawan** telah membentangkan **empat (4)** kertas kerja dalam **dua (2)** persidangan antarabangsa.
9. Sebanyak **277 latihan/seminar/bengkel** Program Pendidikan Pengguna dan Sokongan Penyelidikan telah dianjurkan oleh Perpustakaan dengan penglibatan jumlah peserta seramai **11,848 orang**.
10. Perpustakaan telah menerima sejumlah **136 kunjungan** yang merangkumi pelbagai organisasi, sekolah, agensi dan juga universiti luar. Sebanyak **lapan belas (18) pameran** telah diadakan sepanjang tahun 2017 iaitu **lima (5)** pameran di Perpustakaan Hamzah Sendut, **dua belas (12)** pameran di Perpustakaan Hamdan Tahir dan **satu (1)** pameran di Perpustakaan Kejuruteraan.
11. Meneruskan komitmen dalam usaha untuk pengantarabangsaan, Perpustakaan selaku **Sekretariat ASEAN University Network Inter-Library Online (AUNILO)** telah bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN University Network (AUN) bagi menyelaraskan **"The 13th AUNILO Meeting"** di **Mahidol University Library and Knowledge Center, Mahidol University, Bangkok, Thailand**. Mesyuarat **ke-13 AUNILO** dengan tema 'ASEAN Digital Economy: Challenges and Opportunities for Academic Libraries' telah diadakan pada **7-9 Ogos 2017**. Satu **Bengkel Latihan "Creating a MOOC for Library Instruction using edX Platform"** telah diadakan pada **10-11 Ogos 2017** yang memberikan pendedahan tentang amalan terbaik penggunaan platform MOOC dalam penyampaian literasi maklumat perpustakaan.
12. Sebanyak **111 seminar/bengkel** telah dianjurkan oleh Perpustakaan dan juga anjuran bersama Unit Latihan Jabatan Pendaftar pada tahun 2017.
13. Perpustakaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang relevan kepada pelanggan serta masyarakat. Sepanjang tahun 2017, **empat belas (14) program bersama pelanggan dan satu (1) program bersama masyarakat** telah berjaya dijalankan.
14. Sepanjang tahun 2017, Perpustakaan berjaya menjana wang berjumlah **RM92,694.75**. Penjanaan wang ini ialah hasil kutipan denda, pendaftaran keahlian, sewaan, muat turun artikel, salinan mikrobentuk, penganjuran persidangan dan perkhidmatan faks. Jadual di bawah menunjukkan perincian pendapatan mengikut rangkaian Perpustakaan USM.

PHS	PHT	PK	PITM, IPPT	JUMLAH
RM	RM	RM	RM	RM
74,119.85	12,042.50	6,012.40	520.00	92,694.75

Pendapatan Perpustakaan

KOLEKSI

Jadual di bawah menunjukkan perincian koleksi Perpustakaan USM bagi tahun 2017.

JENIS BAHAN	JUMLAH
	2017
Buku dan Jurnal Bercetak (Jumlah naskhah)	650,080 (1,196,775)
Buku Elektronik	243,218
Jurnal Elektronik	60,285
Sumber Elektronik	154,033
Bahan Media (termasuk mikrobentuk)	71,835
JUMLAH	1,726,146

Koleksi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

PERKARA	JUMLAH
Pangkalan Data	49
Langganan Majalah	46

Statistik Pangkalan Data dan Langganan Majalah 2017

AKTIVITI-AKTIVITI 2017 PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT



International Conference On Libraries (ICOL) 2017, 2-3 Ogos 2017



Research Support Workshop, 3-4 Oktober 2017



Another Jom Cari Maklumat, 11-29 September 2017



Minggu Bersama Pelanggan Perpustakaan 2017 24 April-4 Mei 2017



**HOSPITAL
UNIVERSITI SAINS
MALAYSIA**

PENGENALAN

Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM) ialah Hospital Pengajar Universiti dan Pusat Rujukan yang cemerlang dengan perkhidmatan berkualiti dan berteknologi terkini yang menyokong aktiviti-aktiviti pendidikan, pengajaran dan penyelidikan Pusat-Pusat Pengajian di Universiti Sains Malaysia.

Hospital USM juga mempunyai hubungan rapat serta membuat penyelarasan dengan hospital dan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dalam isu-isu kepentingan bersama.

OBJEKTIF PENUBUHAN HOSPITAL USM

- Berfungsi sebagai sebuah hospital pendidikan, pengajaran dan penyelidikan bagi Universiti Sains Malaysia;
- Berfungsi sebagai sebuah hospital rujukan bagi faedah masyarakat selaras dengan keperluan Universiti Sains Malaysia dan Kerajaan Malaysia;
- Mengadakan kemudahan bagi pembelajaran dan penyelidikan yang akan dijalankan oleh Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Pusat Pengajian Sains Farmasi, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju dan mana-mana Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi Universiti;
- Bekerjasama menyediakan kemudahan bagi keperluan pendidikan, pengajaran dan penyelidikan perubatan dan kesihatan dengan mana-mana institusi di dalam dan/atau luar negara sebagaimana yang dibenarkan oleh Universiti;
- Bekerjasama dengan mana-mana agensi kerajaan dan swasta bagi pemajuan bidang kesihatan di dalam dan di luar negara sebagaimana yang dibenarkan oleh Universiti; dan
- Melaksanakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan lain yang berkaitan sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

MISI HOSPITAL USM

Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM) akan menerokai bidang-bidang baru dalam perkhidmatan perawatan pesakit dan menjadi sebuah pusat perubatan yang cemerlang dengan pemberian yang berkualiti dan penggunaan teknologi yang canggih.

Sebagai sebuah organisasi, Hospital Universiti Sains Malaysia memberikan perkhidmatan perawatan pesakit yang beroperasi berdasarkan:

- Kecekapan pentadbiran dan pengurusan
- Produk perkhidmatan yang berkualiti
- Berkepentingan dalam aktiviti pengajaran dan penyelidikan
- Penjanaan wang yang optima
- Pembinaan nilai murni sumber manusia
- Pemeliharaan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat

INFOSTRUKTUR HOSPITAL USM

Majlis Hospital USM

Majlis Hospital USM bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran Hospital USM berlandaskan Objektif Hospital USM dan anggotanya terdiri daripada:

AHLI MAJLIS HOSPITAL USM



YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma Binti Ismail FASc (Pengerusi) Naib Canselor Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
asma@usm.my
rodhiyah@usm.my
04-6533101



YBhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Bin Jantan (Timbalan Pengerusi) Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
mjantan@usm.my
dvc_rd@usm.my
04-6533108



YM Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Arif Wakil Lembaga Gabenor Universiti (LGU)



YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari Bin Halim Pengarah Kampus & Pengarah Hospital USM Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia 16150 Kubang Kerian Kelantan
ashalim@usm.my
ranimah@usm.my
09-7671001



YBhg. Profesor Dato' Dr. Abd. Aziz Bin Tajuddin Pendaftar Jabatan Pendaftar Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
draat@usm.my
nooriezhan@usm.my
04-6533111



Dr. Rohayati Mohd Isa Bendahari Jabatan Bendahari Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
rohayati@usm.my
syahir@usm.my
04-6533131



Dr. Khairul Anuar Bin Che Azmi Penasihat Undang-Undang Pejabat Perundangan Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
kaha@usm.my
radhiyah@usm.my
04-6536606



Profesor Dr. Shaiful Bahari Bin Ismail Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Universiti Sains Malaysia 16150 Kubang Kerian Kelantan
shaifulb@usm.my
imarina@usm.my
09-7676900



Profesor Dr. Norazmi Bin Mohd Noor Dekan Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) Universiti Sains Malaysia 16150 Kubang Kerian Kelantan
norazminn@usm.my
hasnida1@usm.my
09-7677500



Profesor Dr. Adam Husein Dekan Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG) Universiti Sains Malaysia 16150 Kubang Kerian Kelantan
adamkck@usm.my
norleha@usm.my
09-7675500



Profesor Dr. Habibah Binti A. Wahab Dekan Pusat Pengajian Sains Farmasi (PPSF) Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
habibahw@usm.my
nor_risah@usm.my
04-6532211



Dr. Norehan Binti Mokhtar Pengarah Pusat Perubatan & Pergigian Ter maju (PPT) Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
norehanmokhtar@usm.my
dillahosni@usm.my
04-5622903



Dr. Normala Binti Abdul Wahid Pengarah Pusat Sejahtera (Perubatan Dan Pergigian) Universiti Sains Malaysia 11800 USM Pulau Pinang
awnormala@usm.my
noor_jeenda@usm.my
04-6534341



En. Mohd Saberi Bin Mohd Yusoff (Setiausaha) Timbalan Pendaftar Hospital USM 16150 Kubang Kerian Kelantan
saberib@usm.my
hasnaini@usm.my
09-7673028



YBhg. Dato' Dr. Azman Bin Haji Abu Bakar Pengarah Perkembangan Perubatan Bahagian Persekitaran Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 7, Blok E1, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62590 PUTRAJAYA
drazman@moh.gov.my
drhaizi@moh.gov.my
03-88951047



En. Wan Ahmad Zukri Bin Wan Zakaria Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan (GPD) Kementerian Kewangan Malaysia No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62592 WP PUTRAJAYA
03-88823274
zukri.zakaria@treasury.gov.my



Dr. Nik Min Ahmad Timbalan Pengarah Kanan (Klinikal) Hospital USM 16150 Kubang Kerian, Kelantan
nikmin@usm.my
halimatunkok@usm.my
09-7673003



Dr. Ariffin Marzuki Mokhtar Timbalan Pengarah (Operasi) Hospital USM 16150 Kubang Kerian, Kelantan
ariffinm@usm.my
wandhiya@usm.my
09-7673002



Profesor Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab Rahman Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Aset) Hospital USM, 16150 Kubang Kerian Kelantan
hisamuddin@usm.my / maisarah@usm.my
09-7673032



Pn. Norshahieda Mohamed Nor Penolong Pengarah Unit Pentadbiran & Kemudahan Am Hospital USM 16150 Kubang Kerian Kelantan
shahieda@usm.my
09-7673045

Jawatankuasa Pengurusan Hospital USM

Susulan pengstruktur semula pentadbiran Hospital USM pada April 2015, beberapa penambahbaikan pada governan Hospital USM telah diadakan bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran Hospital USM lebih berstruktur, sistematik serta dapat menyokong hala tuju USM secara keseluruhannya. Cadangan Carta Organisasi (governan) Hospital USM ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke-96, 97 dan ke-99 seperti yang berikut:




LAPORAN AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sumber Manusia:

Statistik Terkini Perjawatan Hospital USM


Bil.	Kategori / Kumpulan	Jumlah
1.	Pengurusan Tertinggi	2
2.	Pengurusan & Profesional	388
3.	Pelaksana	2740
	Jumlah	3130

PERJAWATAN




Pengurusan Latihan Pegawai Perubatan Siswazah Di Hospital USM

BILANGAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH




*Catatan : Slot/ perjawatan tambahan sebanyak 50 jawatan telah diluluskan oleh KKM dan diisi pada 23 Julai 2017.

Pakar Perubatan (Klinikal) Yang Sedang Mengikuti Pengajian Di Hospital USM




Bilangan Permohonan kepada JEPeM bagi Para Pelajar M Med dan Master of Dentistry Di Hospital USM



Menjalankan Penyelidikan Dan Penggunaan Data Pesakit Di Hospital USM


Permohonan Menjalankan Penyelidikan dan Penggunaan Data Pesakit




Statistik Umum Kedatangan Pesakit Ke Hospital USM

Jumlah Katil	774
Jumlah Kemasukan (Total admissions)	42,864
Jumlah Discaj (Total discharges)	42,017
Jumlah hari pesakit (Patient Days)	198,103
Kadar Kegunaan Katil (Average Bed Occupancy Rate)	70.1
Purata Hari Pesakit (Average Length Of Stay)	4.6
Jumlah kedatangan pesakit luar (Total Outpatient Visits)	372,673
Jumlah Kelahiran (Total Births)	9,042

Jumlah & Peratus Kdatangan Pesakit ke Klinik Pakar Tahun 2017




Jumlah Kemasukan ke Wad mengikut Disiplin Tahun 2017



Bilangan Kedatangan Pesakit Dalam Tahun 2017




Bilangan Kedatangan Pesakit Luar Tahun 2017



Kategori Surat Jaminan Kerajaan (GL)

KATEGORI GL KERAJAAN BAGI PESAKIT DALAM




KATEGORI GL KERAJAAN BAGI PESAKIT LUAR



Kategori Pengecualian

KATEGORI PENGECCUALIAN BAGI PESAKIT DALAM



KATEGORI PENGECCUALIAN BAGI PESAKIT LUAR



Kategori Dhaif

Pesakit membuat rujukan di Unit Kebajikan Perubatan, Hospital USM bagi mendapatkan pengurangan dan pengecualian. Hospital USM telah mengeluarkan Kad Pengecualian Caj kepada pesakit yang berkelayakan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 204 Kad Pengecualian telah dikeluarkan dan pecahan adalah seperti yang di bawah:

DISIPLIN	PEMBERIAN KAD PENGECUALIAN CAJ
Medical	13
Pediatrik	47
Onkologi	57
Kardiologi	4
Surgery	12
Hematologi / Oftamologi	43
Kardiologi Pead.	7
Ortopedik	9
JUMLAH	204

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Hospital USM telah diberi pengiktirafan sebagai "WHO/UNICEF Baby Friendly Hospital Initiative Global Criteria" Pada 8 Mac 2017 Hingga 7 Mac 2020 yang akan meletakkan Hospital USM sebagai salah satu Hospital Rakan Bayi yang tersohor



Kumpulan Rehab Shine dari Unit Pemulihan Perubatan, Hospital USM telah dinobatkan JUARA - INOVASI INKLUSIF ZON PANTAI TIMUR 2017 Pada 16 Hingga 17 Mei 2017 melalui projek berprestasi tinggi iaitu P-Lock





Hospital USM melalui kumpulan inovasi, iaitu Kumpulan Beyond Rehad dengan tajuk projek **Mule - X** telah merangkul 10 TERBAIK dalam ANUGERAH INOVASI NEGARA 2017 - PERKHIDMATAN pada 16 Oktober 2017.



Pada tahun 2017, Hospital USM telah mengadakan beberapa Townhall kepada semua warga Hospital USM khususnya. Antara majlis taklimat soal jawab yang diadakan ialah:

- Majlis taklimat soal jawab: Pengarah Hospital USM dan Pengurusan bersama Ketua Jabatan/ Pakar Klinikal pada 15 Mac 2017 di Auditorium Pentadbiran Hospital USM.
- Majlis taklimat soal jawab: Melestarikan Budaya Korporat Dalam Perkhidmatan Hospital USM pada 11 April 2017 di Auditorium Pentadbiran Hospital USM.
- Majlis taklimat soal jawab: Itemize Billing Perkhidmatan Pemulihan, Day Care dan Lain-lain Perkhidmatan di Trauma pada 15 Oktober 2017 di Auditorium Pentadbiran Hospital USM.
- Majlis taklimat soal jawab: Bersama Pegawai Perubatan dan Pensyarah Pelatih pada 11 November di Dewan Persidangan Kampus.

UNIT IMPLAN & PERALATAN PERUBATAN atau **"MEDICAL IMPLANT & DEVICES UNIT" (MIDU)** merupakan aktiviti jual/beli alatan perubatan secara 'consignment' di Hospital USM agar selari dengan peraturan perolehan universiti dan amalan pengurusan kewangan yang berintegriti di samping meningkatkan penjaan kewangan kepada Hospital USM tanpa melibatkan bajet universiti. Selain daripada itu, ianya bertujuan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan, mengurangkan beban unit/jabatan daripada risiko pengurusan kewangan dan mengoptimumkan penggunaan tenaga pekerja ke arah yang lebih berintegriti.

Hospital USM melalui Unit Kebajikan Perubatan telah mengadakan Majlis Pemberian Sumbangan oleh Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik) kepada Pesakit Miskin Hospital USM pada 20 Jun 2017. Tujuan sumbangan ini adalah untuk meringankan beban dan tanggungjawab pesakit yang berada di Hospital USM.



Hospital USM sentiasa melaksanakan **Program Merakyatkan Perkhidmatan Hospital USM** kepada masyarakat setempat. Antara program ini adalah pemberian Sumbangan Mesin Rumpit kepada keluarga pesakit miskin Hospital USM di Bachok, Kelantan pada 29 Ogos 2017.



Pemberian Sumbangan hamper dan wang kepada keluarga pesakit miskin Hospital USM di Bachok, Kelantan pada 29 Ogos 2017.



Bagi memastikan hubungan kelestarian sentiasa terjalin antara pesakit dengan pengurusan serta staf Hospital USM, satu Program **Smile Medicine** bersama pesakit kanser pediatrik Hospital USM di wad 6 Utara Hospital USM pada 25 Ogos 2017.



Hospital USM sentiasa memastikan seluruh warganya dan pelanggan menghayati amalan mesra ibadah dalam kehidupan harian. Berlandaskan niat dan keikhlasan ini beberapa program Hospital Mesra Ibadah telah dilaksanakan bagi memastikan hasrat dan cita-cita ke arah kelestarian hidup ini tercapat. Antara program Hospital Mesra Ibadah yang dilaksanakan sepanjang tahun 2017 adalah yang berikut:-

1. **Bengkel Sokongan Kerohanian & Pengurusan Ibadah Pesakit yang telah diadakan pada 24 Julai 2017 - Pelajar;** Memberikan pendedahan kepada pelajar USM berkaitan sokongan kerohanian pesakit dan tanggungjawab terhadap pesakit dari sudut spiritual serta tatacara ibadah ketika sakit secara teori dan pratikal.



2. **Konvensyen Hospital Mesra Ibadah Peringkat Kebangsaan Kali ke-4** yang telah diadakan pada 30-31 Julai 2017: Memberikan kesedaran kepada pengurusan, ahli profesional kesihatan hospital awam dan swasta mengenai kepentingan sokongan.



3. Siri Bengkel Ibadah Pesakit kepada Pembantu Perawatan Kesihatan:

Meningkatkan pengetahuan staf berkaitan tatacara solat ketika sakit serta dapat diaplikasi di wad / klinik.

4. Siri Program Halaqah Fiqh Wanita:

Meningkatkan kefahaman pesakit antenatal berkaitan fiqh wanita.

5. Lawatan daripada Hospital Rompin:

Menjadi rujukan kepada hospital KKM dalam pelaksanaan Hospital Mesra Ibadah yang telah diadakan pada 15 Oktober 2017.

6. Siri Program Mari Mengaji:

Membantu pesakit kanak-kanak dalam mempelajari Al-Quran serta memenuhi masa yang terluang dengan perkara yang berfaedah.



MELESTARIKAN PERKHIDMATAN HOSPITAL USM

1. Perkhidmatan Sekolah Dalam Hospital (SDH)

Persekolahan tahun 2017 bermula pada 1 Januari 2017 dengan kekuatan 10 orang guru dan seorang pembantu pengurusan murid. Proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik. Sedikit penambahbaikan dari segi petadbiran dan susun atur perabot dilakukan bagi mengemas proses kerja dan keceriaan SDH.



Pada 13 Februari 2017 latihan fasa pertama Program Permindahan ilmu bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) telah bermula dan seorang *Graduate Intern* (GI) telah ditempatkan di SDH untuk memberi latihan kepada para guru. Tajuk projek yang disampaikan ialah Program Pendidikan Interactive Fun Learning Menggunakan Multiple Interelligences Stimulator (MIS) Dalam Kalangan Kanak-Kanak Pesakit Pediatrik. Setakat ini, setiap guru telah berjaya menghasilkan produk BBM mengikut kepakaran mata pelajaran masing-masing untuk PdPc.



2. Perkhidmatan Laktasi

Sekretariat Laktasi merupakan sekretariat yang mengurus hal-hal yang berkaitan aktiviti Hospital Rakan Bayi. Unit kecil ini bertanggungjawab untuk memastikan Polisi Hospital Rakan Bayi USM dilaksanakan dengan jayanya serta memenuhi syarat keperluan untuk mengekalkan pengiktirafan unggul yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan garis panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (WHO) dan The United Nations Children's Fund (UNICEF).

Skop Tugas dan Tanggungjawab





Ahli KSSUSM membuat persiapan barang sumbangan

Misi Bantuan Banjir Kelantan 2017
Membantu Ibu & Bayi



Sebahagian ibu yang menerima sumbangan



Pek Ibu Menyusu, mengandungi:
Kain selendang/batik
Buah kurma dan kismis,
biskut oat,
air minuman berkotak
dan air mineral





**LAPORAN &
PENYATA
KEWANGAN**

PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN

USM telah menguruskan operasi tahun 2017 dengan jayanya walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi semasa. Kesan ekonomi serantau dan global ke atas kedudukan kewangan kerajaan menuntut USM memantapkan penjana pendapatan untuk menampung keperluan operasi dan aktiviti harian. Polisi pembiayaan dari Kerajaan Persekutuan adalah antara faktor ekonomi yang telah memberi impak kepada strategi belanjawan USM.

STRATEGI BELANJAWAN

Strategi belanjawan 2017 adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi 2015 - 2025 yang mensasarkan pengurangan tahap kebergantungan universiti awam terhadap kerajaan dan kelestarian kewangan USM. Belanjawan Mengurus telah dirangka untuk menampung keperluan operasi untuk memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti empat komponen utama USM, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan, Perkhidmatan dan Pentadbiran. Belanjawan ini memastikan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan dan menyokong pencapaian kecemerlangan USM.

STRATEGI KEMAMPANAN KEWANGAN USM

Strategi tahun 2017 adalah untuk melestarikan kewangan dengan meningkatkan pendapatan USM. Usaha yang telah dilaksanakan adalah untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dan mengurus kos (optimum sumber) secara berhemah, berstruktur dan sistematik melalui kaedah:

1. Penjana Pendapatan
 - Membangun dan mengunapakai Manual Perniagaan bagi semua aktiviti perniagaan di semua Pusat Tanggungjawab akademik dan bukan akademik; dan
 - Penetapan, pemantauan dan pencapaian KPI Penjana Pendapatan untuk setiap Pusat Tanggungjawab akademik dan bukan akademik.
2. Optimum sumber

Optimum sumber diberi penekanan dalam strategi kelestarian kewangan Universiti.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

- Pengoptimuman ruang dan sumber sedia ada;
- Peningkatan kecekapan dan keberkesanan operasi;
- Penambahbaikan kaedah perolehan untuk mencapai nilai terbaik dengan harga; dan
- Pelaksanaan kawalan dalaman yang lebih berkesan.

PEMANTAPAN STRATEGI PEMASARAN PELAJAR ANTARABANGSA

Strategi meningkatkan bilangan pelajar ijazah tinggi antarabangsa telah dirangka dengan menggabungkan elemen-elemen pemasaran strategik seperti berikut:

1. Melantik Ejen bagi meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa. Melalui usaha ini, USM telah berjaya meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa dalam tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya;
2. Mewujudkan *Buddy System (students-get-students)* untuk meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa bagi pelajar yang mempunyai kenalan di seluruh dunia;
3. Memeterai *Memorandum of Understanding (MoU)* bersama agensi-agensi di luar negara yang membawa pelajar antarabangsa ke USM dengan tawaran yuran pengajian yang lebih menarik;
4. Menetapkan yuran pelajar antarabangsa dalam matawang USD bagi menstabilkan pendapatan walaupun berdepan dengan penyusutan nilai Ringgit pada tahun 2017; dan
5. Menawarkan program akademik pesisir atau USM *Private Wing* bagi meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa.

WAKAF DAN DANA ENDOWMEN USM

Selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara yang menekankan dana endowmen dan wakaf sebagai salah satu sumber kewangan universiti, maka USM telah memperkasakan struktur organisasi penjana dana daripada sumber wakaf dengan mewujudkan Pejabat Wakaf USM.

Manakala Yayasan USM bertanggungjawab menjana dan menguruskan sumbangan dan dana endowmen berbentuk hadiah, biasiswa, derma

dan lain-lain. Inisiatif peningkatan sumbangan yang strategik dan komited telah berjaya menarik sumbangan daripada penyumbang-penyumbang. Sumbangan ini telah digunakan untuk membantu membiayai yuran pengajian, kos sara hidup pelajar, penyelidikan dan lain-lain lagi.

PERKHIDMATAN HOSPITAL

Wad Eksekutif *Private Wing* Hospital USM telah dinaiktaraf kepada 42 katil dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya awal tahun 2018 dan akan berupaya meningkatkan pendapatan Hospital USM.

USAHASAMA STRATEGIK

Usahasama strategik antara USM dengan institusi luar negara turut menyumbang kepada penjana pendapatan USM. Kerjasama USM-KLE di Belgaum, India menawarkan program perubahan kepada pelajar tempatan dan antarabangsa telah menyumbang pendapatan kasar sebanyak RM46 juta.

PENCAPAIAN PENYATA KEWANGAN 2017

Sijil Ketua Audit Negara

USM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima **Sijil Tanpa Teguran** daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia berakhir pada 31 Disember 2017.

PRESTASI KEWANGAN 2017

AKAUN KUMPULAN

Pendapatan


Pendapatan Kumpulan pada tahun 2017 berjumlah RM1,298.09 juta berbanding RM1,343.47 juta dalam tahun 2016, iaitu menurun sebanyak RM 45.38 juta (3.4%). Daripada jumlah pendapatan tersebut, sebanyak RM969.85 juta (74.7%) ialah geran kerajaan, RM151.79 juta (11.7%) ialah yuran pelajar, RM15.33 juta (1.2%) ialah perkhidmatan hospital dan RM161.12 juta (12.4%) ialah pendapatan lain.

Perbelanjaan

Perbelanjaan Kumpulan pada tahun 2017 berjumlah RM1,434.47 juta berbanding RM1,420.18 juta pada tahun 2016, iaitu meningkat sebanyak RM14.29 juta (1.0%). Daripada jumlah ini, sebanyak RM793.48 juta (55.3%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM435.94 juta (30.4%) untuk perkhidmatan dan bekalan, RM7.46 juta (0.5%) untuk pembelian harta modal dan RM197.59 juta (13.8%) untuk peruntukan susutnilai aset dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, terdapat kurangan pendapatan Kumpulan sebanyak RM137.36 juta dalam tahun 2017 berbanding RM76.97 juta pada tahun 2016. Kurangan ini disumbangkan oleh kurangan pendapatan yang diterima atau dijana oleh Kumpulan.


Rajah 1: Perbandingan Geran Kerajaan, Pendapatan Lain dan Perbelanjaan Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2016 dan 2017




Aset dan Liabiliti

Jumlah aset pada tahun 2017 ialah sebanyak RM1,703.38 juta berbanding RM1,877.59 juta pada tahun 2016, menurun sebanyak RM174.21 juta (9.3%) manakala, jumlah liabiliti semasa berjumlah RM140.05 juta berbanding RM115.77 juta pada tahun 2016, meningkat sebanyak RM24.28 juta (21.0%). Keseluruhan program dan aktiviti USM dibiayai oleh 5 Kumpulan Wang Disatukan (Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Amanah Universiti Penyelidikan, pelbagai Akaun Amanah dan Amanah Enterprise Universiti) serta sebuah anak syarikat milik penuh USM iaitu Usains Holdings Sdn. Bhd.

Rajah 2(a): Aset dan Liabiliti Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2016



Rajah 2(b): Aset dan Liabiliti Akaun Kumpulan Bagi Tahun 2017



PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG


Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah Universiti Penyelidikan adalah kumpulan wang yang menerima geran bantuan Kerajaan. Kumpulan Wang pelbagai Akaun Amanah pula adalah Akaun Amanah yang ditubuhkan berasaskan Surat Ikatan Amanah dan menerima sumber daripada pemberi amanah. Manakala Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti adalah akaun amanah yang menerima sumber daripada aktiviti-aktiviti penajaan pendapatan Universiti sendiri.

KUMPULAN WANG MENGURUS


Pendapatan mengurus USM pada tahun 2017 adalah sebanyak RM964.15 juta berbanding RM981.69 juta dalam tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak RM17.54 juta (1.8%). Daripada jumlah pendapatan ini, sebanyak RM834.97 juta (86.6%) adalah daripada pemberian kerajaan manakala RM81.09 juta (8.4%) adalah daripada yuran pelajar dan RM48.09 juta (5.0%) adalah daripada pelbagai pendapatan USM.

Rajah 3(a) dan 3(b) menunjukkan pecahan peratusan pemberian kerajaan antara USM dan HUSM bagi tahun 2016 dan 2017. Lebih 60 peratus daripada jumlah peruntukan pemberian kerajaan adalah untuk menampung operasi USM.

Rajah 3(a): Pemberian Kerajaan-Belanja Mengurus Bagi Tahun 2016



Rajah 3(b): Pemberian Kerajaan-Belanja Mengurus Bagi Tahun 2017



Manakala perbelanjaan mengurus pada tahun 2017 berjumlah RM1,093.85 juta berbanding RM1,037.22 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak RM56.63 juta (5.5%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM764.12 juta (69.9%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM260.66 juta (23.8%) adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM13.89 juta (1.3%) untuk perbelanjaan harta modal dan RM55.18 juta (5.0%) untuk pelbagai perbelanjaan.

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Mengurus dalam tahun 2017 menunjukkan kurangan pendapatan terkumpul sebanyak RM65.51 juta berbanding RM3.81 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak RM61.70 juta (1,619.4%). Kurangan pendapatan ini disumbangkan oleh pengurangan penerimaan geran kerajaan dan kurangan pendapatan yang dijana oleh USM berbanding yang disasarkan dalam tahun 2017 untuk menampung kurangan geran kerajaan.

Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Mengurus Tahun 2016 dan 2017

	Tahun 2017	Tahun 2016
	RM juta	RM juta
Pendapatan	964.15	981.69
Tolak: Perbelanjaan	(1,093.85)	(1,037.22)
Kurangan untuk tahun (Kurangan)/lebih terkumpul awal tahun	(3.81)	49.24
Pelarasan/Pindahan	68.00	2.48
Kurangan terkumpul akhir tahun	(65.51)	(3.81)

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Pendapatan pembangunan pada tahun 2017 ialah sebanyak RM7.50 juta berbanding RM42.52 juta dalam tahun 2016, menurun sebanyak RM35.02 juta (82.4%). Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 ialah berjumlah RM37.43 juta berbanding RM47.40 juta dalam tahun 2016, menurun sebanyak RM9.97 juta (21.0%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk pembelian harta modal bagi tujuan pembangunan berjumlah RM30.67 juta (81.9%), RM6.48 juta (17.3%) untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan manakala RM0.28 juta (0.8%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM29.93 juta dalam tahun 2017 berbanding RM4.88 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak RM25.05 juta (513.3%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan

Wang Pembangunan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2016 dan 2017

	Tahun 2017	Tahun 2016
	RM juta	RM juta
Pendapatan	7.50	42.52
Tolak: Perbelanjaan	(37.43)	(47.40)
Kurangan untuk tahun	(29.93)	(4.88)
Lebih terkumpul awal tahun	79.60	82.30
Pelarasan/Pindahan	1.86	2.18
Lebih terkumpul akhir tahun	51.53	79.60

KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Kumpulan Wang Penyelidikan terdiri daripada kumpulan wang yang menerima dana bagi tujuan program atau aktiviti penyelidikan dan perundingan. USM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan menerima peruntukan daripada kerajaan bagi membiayai projek-projek penyelidikan dan diakaunkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Universiti Penyelidikan.


Selaras dengan pemakaian MPERS, geran penyelidikan diakaunkan berasaskan prinsip pendapatan tertunda (*deferred income*). Prinsip ini mengkehendaki geran yang diterima untuk membiayai projek penyelidikan dikreditkan kepada akaun geran penyelidikan tertunda (liabiliti bukan semasa). Seterusnya, amaun dalam akaun geran penyelidikan tertunda akan dilunaskan (*amortised*) berdasarkan peratusan penyiapan projek penyelidikan.

Jumlah baki awal tahun 2017 bagi akaun geran penyelidikan tertunda ialah sebanyak RM150.80 juta. Sepanjang tahun 2017, USM telah menerima sebanyak RM72.49 juta geran penyelidikan dari pelbagai sumber. Jumlah penerimaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM11.89 juta (19.6%) berbanding RM60.60 juta dalam tahun 2016. Jumlah pelunasan dalam tahun 2017 ialah sebanyak RM64.85 juta berbanding RM87.37 juta dalam tahun 2016, menurun sebanyak RM22.52 juta (25.8%).

Pada akhir tahun 2017, baki akaun geran penyelidikan tertunda menunjukkan jumlah sebanyak RM157.45 juta, berbanding RM150.80 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak RM6.65 juta (4.4%). Peningkatan ini disumbangkan oleh pertambahan penerimaan geran penyelidikan berikutan peningkatan dalam bilangan projek penyelidikan.

Rajah 4 menunjukkan perbandingan kedudukan kewangan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2016 dan 2017.

Rajah 4: Perbandingan Baki Akhir, Penerimaan Dan Pelunasan Kumpulan Wang Penyelidikan Bagi Tahun 2016 dan 2017



KUMPULAN WANG AKAUN AMANAH

Pendapatan dari pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2017 ialah sebanyak RM84.08 juta berbanding RM85.30 juta dalam tahun 2016, menurun sebanyak RM1.22 juta (1.4%). Manakala perbelanjaan bagi pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2017 ialah berjumlah RM110.46 juta berbanding RM112.59 juta dalam tahun 2016, menurun sebanyak RM2.13 juta (1.9%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM49.96 juta (45.2%), RM18.09 juta (16.4%) untuk perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap, RM5.48 juta (5.0%) perbelanjaan untuk pembelian harta modal, manakala RM36.93 juta (33.4%) adalah untuk perbelanjaan lain termasuk susutnilai.

Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Pelbagai Akaun Amanah sebanyak RM26.38 juta dalam tahun 2017 berbanding RM27.29 juta dalam tahun 2016, menurun sebanyak RM0.91 juta (3.3%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Akaun Amanah Tahun 2016 dan 2017

	Tahun 2017 RM juta	Tahun 2016 RM juta
Pendapatan	84.08	85.30
Tolak: Perbelanjaan	(110.46)	(112.59)
Kurangan untuk tahun	(26.38)	(27.29)
Lebih terkumpul awal tahun	480.59	505.70
Pelarasan/Pindahan	(31.88)	2.18
Lebih terkumpul akhir tahun	422.33	480.59

KUMPULAN WANG AMANAH ENTERPRISE UNIVERSITI

Pendapatan Amanah Enterprise Universiti pada tahun 2017 ialah sebanyak RM105.53 juta berbanding RM94.58 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak RM10.95 juta (11.6%). Manakala perbelanjaan Amanah Enterprise Universiti pada tahun 2017 ialah berjumlah RM94.36 juta berbanding RM84.06 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak RM10.30 juta (12.3%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM78.02 juta (82.7%), RM7.47 juta (7.9%) untuk perbelanjaan emolumen manakala RM8.87 juta (9.4%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat lebih pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti sebanyak RM11.18 juta dalam tahun 2017 berbanding RM10.52 juta dalam tahun 2016, meningkat sebanyak RM0.66 juta (6.3%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti Tahun 2016 dan 2017

	Tahun 2017 RM juta	Tahun 2016 RM juta
Pendapatan	105.53	94.58
Tolak: Perbelanjaan	(94.36)	(84.06)
Lebihan untuk tahun	11.17	10.52
Lebihan terkumpul awal tahun	245.70	237.35
Pelarasan/Pindahan	(37.44)	(2.17)
Lebihan terkumpul akhir tahun	219.43	245.70


RUMUSAN

Tahun 2017 menyaksikan pencapaian USM adalah memuaskan seperti yang dirancangan walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi semasa.


Walaupun prestasi kewangan Kumpulan menunjukkan defisit sebanyak RM137.36 juta dalam tahun 2017, USM masih berupaya meneruskan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatannya. USM juga berjaya mengekalkan Sijil Tanpa Teguran daripada Ketua Audit Negara untuk Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

STATISTIK KEWANGAN


**Pendapatan Kumpulan
Tahun 2013-2017**




**Pendapatan USM
Tahun 2013-2017**




**Perbelanjaan Kumpulan
Tahun 2013-2017**



**Perbelanjaan USM
Tahun 2013-2017**



Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus Tahun 2013-2017





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Gabenor Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Gabenor bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Gabenor juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Gabenor bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Gabenor.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Gabenor dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Sains Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Gabenor, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Sains Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Gabenor dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
OGOS 2018


14



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI
(AKAUN KUMPULAN)**

Kami, **NOORUL AINUR MOHD. NUR** dan **ASMA ISMAIL** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Gabenor **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Gabenor, Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,



.....
TAN SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
Pengerusi Lembaga Gabenor

Tarikh : 22 JUN 2018

Tempat : Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga,



.....
PROFESOR DATUK DR. ASMA ISMAIL
Ahli Lembaga Gabenor

Tarikh : 22 JUN 2018

Tempat : Pulau Pinang

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, **ROHAYATI MOHD ISA** (No K/P : **650131-08-6356**) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas

di **GEORGETOWN, PULAU PINANG** DR. ROHAYATI MOHD ISA

pada **22 JUN 2018**



Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAN



NO. 97. LEBUH BISHOP
10200 PULAU PINANG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	873,061,555	942,119,317	865,045,201	940,946,267
Pelaburan dalam Hartanah Pajakan	6	3,518,233	3,605,861	-	-
Kerja dalam Kemajuan	7	38,566,448	18,155,209	38,566,448	18,102,837
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	8	-	-	5,000,000	5,000,000
Pelaburan dalam Syarikat Usahasama	9	600,182	438,718	-	-
Pelaburan Jangka Panjang	10	9,900,000	10,850,000	9,900,000	10,850,000
Penghutang Pinjaman Jangka Panjang	13	3,817,144	4,757,939	3,817,144	4,757,939
		929,463,562	979,927,044	922,328,793	979,657,043
ASET SEMASA					
Inventori	11	231,670	262,514	231,670	262,514
Penghutang Perniagaan	12	46,441,912	41,954,959	40,462,495	35,685,919
Penghutang Pelbagai, Deposit dan Prabayar	13	38,787,749	38,645,955	36,213,452	35,457,263
Hutang dari Syarikat Subsidiari	14	-	-	6,158,384	7,696,962
Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari	15	-	-	1,987,288	1,844,662
Pelaburan Jangka Pendek	16	17,344,371	22,382,877	8,624,370	15,796,571
Simpanan Tetap	17	647,694,550	757,176,837	628,498,198	736,264,478
Wang di Bank dan di Tangan	18	23,419,879	37,237,280	6,741,873	23,449,994
		773,920,131	897,660,422	728,917,730	856,458,363
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang Perniagaan	19	27,133,368	17,343,176	21,493,236	13,148,195
Pemiutang Pelbagai dan Cagaran	20	112,560,705	98,423,961	89,563,906	78,021,853
Geran Jangka Pendek	21	-	1,730	-	-
Pinjaman Berjangka	22	354,500	-	-	-
		140,048,573	115,768,867	111,057,142	91,170,048
ASET SEMASA BERSIH		633,871,558	781,891,555	617,860,588	765,288,315
		1,563,335,120	1,761,818,599	1,540,189,381	1,744,945,358

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
DIBIAYAI OLEH:					
Kumpulan Wang Mengurus	23	547,251	57,331,195	547,251	57,331,195
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti		84,614,582	93,662,709	84,614,582	93,662,709
Kumpulan Wang Am		313,673,626	356,135,355	313,673,626	356,135,355
Kumpulan Wang Enterprise		218,290,714	245,557,115	219,431,059	245,697,460
Kumpulan Wang Apex		24,041,057	30,786,646	24,041,057	30,786,646
Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari		20,611,368	16,988,322	-	-
		661,778,598	800,461,342	642,307,575	783,613,365
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Geran Pembangunan Kerajaan	24	650,017,007	720,718,161	650,017,007	720,718,161
Geran Penyelidikan Tertunda	25	173,145,551	166,398,570	173,145,551	166,398,570
Pinjaman Berjangka	22	3,469,314	-	-	-
Cukai Tertunda	26	205,402	25,264	-	-
Manfaat Pekerja	27	74,719,248	74,215,262	74,719,248	74,215,262
		1,563,335,120	1,761,818,599	1,540,189,381	1,744,945,358

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus		834,973,555	851,682,708	834,973,555	851,682,708
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	24	80,061,743	88,974,778	80,061,743	88,974,778
Pelunasan Geran Penyelidikan	25	64,854,249	87,365,810	64,854,249	87,365,810
Yuran Pelajar		151,793,528	145,837,770	151,793,528	145,837,770
Perkhidmatan Hospital		15,326,691	15,324,899	15,326,691	13,170,233
Sewa		11,050,362	11,040,466	11,183,517	10,191,259
Dividen		1,854,605	1,019,031	2,412,805	781,833
Faedah		26,268,589	30,735,746	25,268,596	29,773,380
Sumbangan	28	36,951,078	51,442,200	38,951,078	51,442,200
Pelunasan Geran Jangka Pendek		1,730	9,806	-	-
Keuntungan Atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		757	-	-	-
Keuntungan Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan		197,268	-	197,268	-
Keuntungan Atas Pelupusan Pelaburan		1,241,723	122,941	178,827	122,941
Keuntungan Syarikat Usahasama		361,464	277,356	-	-
Elaun Hutang Ragu Tidak Lagi Diperlukan		6,744,234	10,871,677	6,744,234	10,871,677
Pendapatan Lain	29	66,408,405	48,761,278	35,463,129	32,787,319
Jumlah Pendapatan		1,298,089,981	1,343,466,466	1,267,409,220	1,323,001,908
PERBELANJAAN					
Emolumen		793,475,224	762,909,790	788,174,126	756,224,738
Perkhidmatan dan Bekalan	30	435,940,019	442,730,194	417,333,170	433,777,296
Pembelian Harta Modal		7,457,606	10,171,839	7,457,606	10,171,839
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		23,626,607	25,545,854	23,626,607	25,545,854
Elaun Untuk Hutang Ragu		18,509,691	6,156,932	17,285,305	6,156,932
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		59,416	34,027	59,396	29,572
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		130,941,985	147,827,116	130,419,929	147,425,396
Susutnilai Kerja dalam Kemajuan		-	1,343	-	-
Susutnilai Pelaburan dalam Hartanah Pajak		87,628	87,628	-	-
Kerugian Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan		2,250,000	408,797	950,000	408,797
Kerugian Atas Pelupusan Pelaburan Jangka Pendek		122,324	-	122,324	-
Kerugian Pertukaran Matawang Asing Belum Direalisasi		586,027	638,363	586,027	638,363
Perbelanjaan Lain		21,417,133	23,671,522	21,379,345	21,102,493
Jumlah Perbelanjaan		1,434,473,660	1,420,183,405	1,407,393,835	1,401,481,280
Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai		(136,383,679)	(76,716,939)	(139,984,615)	(78,479,372)
Cukai	31	(977,890)	(257,018)	-	(2,224)
Kurangan Selepas Cukai Yang Mewakili Jumlah Pendapatan Komprehensif		(137,361,569)	(76,973,957)	(139,984,615)	(78,481,596)
Pendapatan Komprehensif Lain		-	-	-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF		(137,361,569)	(76,973,957)	(139,984,615)	(78,481,596)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 31 Disember 2015							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	114,657,605	102,710,836	354,294,299	237,213,634	48,695,997	15,480,683	873,053,054
Pelarasan tahun lalu (Nota 32)	1,905,614	-	-	-	-	-	1,905,614
Seperti dinyatakan semula	116,563,219	102,710,836	354,294,299	237,213,634	48,695,997	15,480,683	874,958,668
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	(62,836,037)	(9,048,127)	(337,508)	10,522,045	(17,904,596)	1,507,639	(78,096,584)
Pelarasan tahun lalu (Nota 32)	1,122,627	-	-	-	-	-	1,122,627
Seperti dinyatakan semula	(61,713,410)	(9,048,127)	(337,508)	10,522,045	(17,904,596)	1,507,639	(76,973,957)
Pindahan	2,481,386	-	2,178,564	(2,178,564)	(4,755)	-	2,476,631
Baki pada 31 Disember 2016	57,331,195	93,662,709	356,135,355	245,557,115	30,786,646	16,988,322	800,461,342
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai	(124,783,944)	(9,048,127)	(10,584,037)	10,177,082	(6,745,589)	3,623,046	(137,361,569)
Pindahan	68,000,000	-	(31,877,692)	(37,443,483)	-	-	(1,321,175)
Baki Pada 31 Disember 2017	547,251	84,614,582	313,673,626	218,290,714	24,041,057	20,611,368	661,778,598

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tertahan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 31 Disember 2015							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	114,657,605	102,710,836	354,294,299	237,353,979	48,695,997	-	857,712,716
Pelarasan tahun lalu (Nota 32)	1,905,614	-	-	-	-	-	1,905,614
Baki dinyatakan semula	116,563,219	102,710,836	354,294,299	237,353,979	48,695,997	-	859,618,330
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai							
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	(62,836,037)	(9,048,127)	(337,508)	10,522,045	(17,904,596)	-	(79,604,223)
Pelarasan tahun lalu (Nota 32)	1,122,627	-	-	-	-	-	1,122,627
Seperti dinyatakan semula	(61,713,410)	(9,048,127)	(337,508)	10,522,045	(17,904,596)	-	(78,481,596)
Pindahan	2,481,386	-	2,178,564	(2,178,564)	(4,755)	-	2,476,631
Baki pada 31 Disember 2016	57,331,195	93,662,709	356,135,355	245,697,460	30,786,646	-	783,613,365
(Kurangan) / Lebihan Bersih Selepas Cukai	(124,783,944)	(9,048,127)	(10,584,037)	11,177,082	(6,745,589)	-	(139,984,615)
Pindahan	68,000,000	-	(31,877,692)	(37,443,483)	-	-	(1,321,175)
Baki Pada 31 Disember 2017	547,251	84,614,582	313,673,626	219,431,059	24,041,057	-	642,307,575

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	(136,383,679)	(76,716,939)	(139,984,615)	(78,479,372)
Pelarasan untuk:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	130,941,985	147,827,116	130,419,929	147,425,396
Susutnilai kerja dalam kemajuan	-	1,343	-	-
Susutnilai pelaburan dalam hartanah pajakan	87,628	87,628	-	-
Pendapatan dividen	(1,854,605)	(1,019,031)	(2,412,805)	(781,833)
Pendapatan faedah	(26,268,589)	(30,735,746)	(25,268,596)	(29,773,380)
Perbelanjaan faedah	37,788	-	-	-
Pelunasan geran pembangunan kerajaan	(80,061,743)	(88,974,778)	(80,061,743)	(88,974,778)
Pelunasan geran penyelidikan tertunda	(64,854,249)	(87,365,810)	(64,854,249)	(87,365,810)
Perbelanjaan lain	68	388	68	388
Pelunasan geran jangka pendek	(1,730)	(9,806)	-	-
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	59,416	34,027	59,396	29,572
Keuntungan Atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(757)	-	-	-
Elaun hutang ragu	18,509,691	6,156,932	17,285,305	6,156,932
Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan	(6,744,234)	(10,871,677)	(6,744,234)	(10,871,677)
Kerugian bersih atas nilai saksama pelaburan	2,052,732	408,797	752,732	408,797
Pendapatan lain	-	(413,212)	-	(413,212)
Keuntungan Syarikat Usahasama	(161,464)	72,644	-	-
Perkhidmatan dan Bekalan	357,109	-	357,109	-
Keuntungan pelupusan pelaburan	(1,119,399)	(123,813)	(56,503)	(123,813)
Kerugian Pertukaran Matawang Asing Belum Direalisasikan	586,027	638,363	586,027	638,363
Manfaat pekerja	1,065,336	4,296,106	1,065,336	4,296,106
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(163,752,669)	(136,707,468)	(168,856,843)	(137,828,321)
Pengurangan dalam inventori	30,844	145,630	30,844	37,316
(Pertambahan) / Pengurangan dalam penghutang	(15,445,455)	1,694,916	(13,737,089)	2,184,240
Pertambahan / (Pengurangan) dalam pemiutang	22,853,559	(27,056,360)	18,739,717	(29,071,371)
Tunai digunakan dalam daripada operasi	(156,313,721)	(161,923,282)	(163,823,371)	(164,678,136)
Faedah dibayar	(37,788)	-	-	-
Cukai dipulangkan	174,126	-	-	-
Cukai dibayar	(728,786)	(901,500)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	(156,906,169)	(162,824,782)	(163,823,371)	(164,678,136)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan Nota A	(55,625,842)	(74,509,158)	(48,309,474)	(74,294,720)
Pembayaran kerja dalam kemajuan (Nota 7)	(27,089,505)	(20,805,723)	(27,089,505)	(20,787,718)
Pembelian pelaburan jangka pendek	(10,020,000)	(235,991)	-	-
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	4,117	-	-	-
Penerimaan daripada pelupusan pelaburan jangka pendek	16,077,896	35,872	8,428,695	35,872
Dividen diterima	851,814	420,948	1,410,014	183,750
Faedah diterima	26,017,543	30,735,746	25,268,596	29,773,380
	(49,783,977)	(64,358,306)	(40,291,674)	(65,089,436)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran pembangunan diterima	7,500,000	42,520,000	7,500,000	42,520,000
Geran penyelidikan diterima	72,592,564	60,713,972	72,592,564	60,713,972
Penerimaan daripada pinjaman berjangka	3,823,814	-	-	-
Bayaran balik baki geran penyelidikan	(451,920)	-	(451,920)	-
	83,464,458	103,233,972	79,640,644	103,233,972
Kurangan bersih dalam tunai dan setara tunai	(123,225,688)	(123,949,116)	(124,474,401)	(126,533,600)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	791,787,024	915,736,140	759,714,472	886,248,072
	668,561,336	791,787,024	635,240,071	759,714,472
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Simpanan tetap dengan institusi kewangan	647,694,550	757,176,837	628,498,198	736,264,478
Wang di bank dan di tangan	23,419,879	37,237,280	6,741,873	23,449,994
<i>Tolak</i> : Simpanan Tabung Amanah di bank " Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj" (TARPAAH) (Nota 18)	(992,472)	(1,066,472)	-	-
<i>Tolak</i> : Simpanan tetap dicagar (Nota 17)	(1,560,621)	(1,560,621)	-	-
	668,561,336	791,787,024	635,240,071	759,714,472

Nota A : Pembelian hartanah, loji dan peralatan

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Jumlah pembelian hartanah, loji dan peralatan	61,946,999	92,795,311	54,578,259	92,564,443
<i>Tolak</i> : Penambahan hartanah, loji dan peralatan yang tidak melibatkan transaksi tunai:				
Pindahan daripada kerja dalam kemajuan	(6,321,157)	(18,286,153)	(6,268,785)	(18,269,723)
	55,625,842	74,509,158	48,309,474	74,294,720

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

1 MAKLUMAT AM

a. KEGIATAN UTAMA

Universiti Sains Malaysia (Universiti) ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan guna tenaga negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama Syarikat Subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah menyediakan perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengurusan, sewa kecil ruang pejabat dan peralatan serta perdagangan.

b. LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi - lokasi berikut:

- (i) Kampus Induk di Minden, Pulau Pinang
- (ii) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju di Kepala Batas, Pulau Pinang
- (iii) Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan
- (iv) Hospital Universiti di Kubang Kerian, Kelantan
- (v) Kampus Kejuruteraan di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

c. MATAWANG BERFUNGSI DAN PERBENTANGAN

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang berfungsi bagi Kumpulan dan Universiti. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM.

d. TARIKH PENYATA KEWANGAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti secara edaran berdasarkan ketetapan peruntukan di dalam Perintah Tetap Lembaga Gabenor Universiti pada 22 Jun 2018.

2 PENYATA PEMATUHAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kesemua dasar-dasar perakaunan penting sepertimana yang dinyatakan di bawah adalah konsisten sepertimana yang diamalkan di dalam tahun-tahun yang lalu.

a. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam pernyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah. Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti juga disediakan selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**b. ASAS PENYATUAN**

Penyata Kewangan Kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan Syarikat Subsidiari diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula secara efektif sehingga ke tarikh kawalan tamat. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun Syarikat Subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah pengambilalihan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset Syarikat Subsidiari pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan.

Penyata Kewangan Universiti dan syarikat subsidiari disediakan mengikut polisi Kumpulan dan pada tarikh tahun berakhir yang sama.

Semua baki, urusaniaga di antara Kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

c. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas.

Tanah yang diberi oleh kerajaan diambil kira pada nilai RM1 setiap lot.

Bangunan yang diberi oleh kerajaan dipermodalkan pada nilai nominal sebanyak RM100 setiap bangunan.

Aset tetap yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit dipermodalkan.

Pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM300,000 akan dipermodalkan.

Susut nilai atas hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan samarata di sepanjang baki tempoh pajakan.

Kadar susut nilai tahunan yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan lain adalah seperti berikut:

Infrastruktur dan kemudahan	5%
Bangunan atas tanah milik bebas	5%
Bangunan atas tanah pajakan	5%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan kelengkapan	12% - 33 1/3%
Kenderaan	20%
Alatan	20%

Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikenakan kepada Kumpulan Wang masing - masing.

Apabila petunjuk penurunan nilai wujud, maka nilai dibawa aset ditaksir dan diturunkan dengan serta merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

d. PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambil kira sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS selepas itu. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan, ianya akan diukur pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Hartanah pelaburan disusutnilai dengan memperuntukkan jumlah amaun yang boleh disusutnilai tolak nilai sisa di sepanjang anggaran hayat kegunaannya menggunakan kaedah garis lurus.

Hartanah pelaburan pajakan disusutnilai di sepanjang tempoh pajakan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, anggaran nilai sisa, anggaran hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dinilai semula untuk sebarang perubahan signifikan. Jika terdapat sebarang perubahan, susutnilai aset akan diselaraskan secara prospektif.

e. KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang didirikan dan aset lain yang belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan. Kos pembinaan akan dipermodalkan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Susut nilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

f. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti mempunyai kepentingan kawalan ke atas kewangan dan polisi operasi untuk mendapat keuntungan daripada semua aktiviti mereka.

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

g. PELABURAN DALAM SYARIKAT KERJASAMA

Usahasama diiktiraf berdasarkan kriteria kawalan bersama. Usahasama wujud apabila Syarikat Subsidiari dan pihak lain terikat kepada kontrak usahasama yang memberikan kawalan bersama kepada Syarikat Subsidiari dan pihak lain tersebut terhadap usahasama. Kawalan bersama wujud apabila terdapat persetujuan berkontrak perkongsian kawalan terhadap aktiviti berkaitan, yang memerlukan persetujuan sebulat suara pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Pengkelasan usahasama kepada operasi bersama atau kerjasama bergantung kepada hak dan obligasi setiap pihak kepada usahasama tersebut. Syarikat Subsidiari mengklasifikasikan suatu usahasama sebagai operasi bersama jika Syarikat Subsidiari dan pihak lain berkongsi kawalan bersama, mempunyai hak ke atas aset dan obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan usahasama tersebut. Hal ini termasuk operasi bersama distrukturkan dalam entiti khas berasingan. Suatu usahasama diklasifikasikan sebagai kerjasama jika Syarikat Subsidiari dan pihak lain yang berkongsi kawalan bersama mempunyai hak ke atas aset bersih usahasama tersebut.

Untuk kepentingan dalam kerjasama, Syarikat Subsidiari mengiktiraf kepentingannya sebagai pelaburan yang diukur menggunakan kaedah kos.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

h. **PENJEJASAN NILAI ASET BUKAN KEWANGAN**

Kemerosotan nilai wujud apabila amaun dibawa aset melebihi nilai amaun boleh pulih.

Pada akhir tempoh kewangan, Kumpulan dan Universiti akan menilai samada terdapat indikasi sesuatu aset mungkin mengalami kemerosotan nilai dengan menggunakan maklumat dalaman dan luaran. Jika ianya terjadi maka Kumpulan dan Universiti akan membuat anggaran amaun boleh pulih aset tersebut.

Bagi aset-aset yang diukur menggunakan model kos, semua kemerosotan nilai akan direkodkan di dalam penyata pendapatan. Sekiranya terdapat pembalikan di dalam kemerosotan nilai ianya akan direkod di dalam penyata pendapatan, tertakluk kepada had dimana nilai dibawa yang baru tidak melebihi amaun yang mana tiada peruntukan kemerosotan nilai telah direkodkan sebelumnya.

i. **INVENTORI**

Inventori bekalan bahan kimia dinyatakan pada kos. Kos ditentukan secara kaedah purata wajaran.

Inventori kad elektronik dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan secara kaedah masuk - dahulu - keluar - dahulu (FIFO). Kos inventori termasuk kos pembelian asal dan kos lain yang boleh dikenal pasti untuk membawa inventori ke lokasi dan dalam keadaan semasanya.

Inventori ubat-ubatan dan bahan pakai habis dicaj ke penyata pendapatan kerana tiada nilai bersih yang boleh direalisasikan.

j. **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan tetap dengan institusi kewangan, baki wang di bank dan tunai dalam tangan.

k. **MANFAAT PEKERJA**

(i) **Manfaat Jangka Pendek**

Manfaat pekerja jangka pendek seperti upah, gaji dan manfaat-manfaat lain diiktiraf pada nilai tanpa didiskaunkan sebagai liabiliti dan belanja apabila perkhidmatan diberikan. Kos untuk ganjaran cuti rehat diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka bagi ganjaran cuti rehat. Kos dijangka untuk ganjaran cuti rehat terkumpul diukur pada nilai tambahan yang dijangka akan dibayar akibat hak yang tidak digunakan yang terkumpul pada akhir tempoh laporan, tanpa didiskaunkan.

(ii) **Pelan Caruman Tetap**

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi staf yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan. Apabila caruman-caruman tersebut dibayar, Universiti tidak mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran selanjutnya.

(iii) **Manfaat Pekerja Jangka Panjang**

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Universiti telah menerima pakai Standard Perakaunan Malaysia 29 (MASB 29 - Employee Benefits) yang memerlukan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 hingga 60 tahun pada tahun kewangan. Pengiraan amaun manfaat pekerja ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elaun yang layak pada tahun kewangan.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

I. PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

- (i) Pemberian kerajaan diakaunkan atas asas akruan selaras dengan kandungan perjanjian pemberian geran kerajaan untuk Belanja Mengurus dan diambil kira dalam Penyata Pendapatan.
- (ii) Pemberian untuk projek - projek penyelidikan E-Science diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science.
- (iii) Pemberian untuk Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan dikreditkan kepada akaun Geran Pembangunan Kerajaan. Amaun dalam akaun ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan secara purata lurus ke atas jangka masa projek berkenaan.
- (iv) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akruan.
- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- (vi) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- (vii) Pendapatan daripada kontrak penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan. Sebarang kerugian yang dijangka akan diiktiraf sejauh mana yang boleh ditentukan.
- (viii) Keuntungan atas simpanan secara Islam diiktiraf berdasarkan asas tunai.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.

Pendapatan dividen:

- (a) Pendapatan dikreditkan ke Kumpulan Wang yang berkenaan sekiranya pelaburan dan simpanan tetap diperuntukkan khas untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (b) Pendapatan diambil kira sebagai pendapatan Universiti bagi pelaburan dan simpanan tetap yang tidak dikhaskan untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (x) Sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak Universiti dan penyewa.
- (xi) Sumbangan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.
- (xii) Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

m. CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuat kuasa pada 1 April 2015. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan Universiti Sains Malaysia (USM) adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 P.U.(A) 271. Implikasi di USM adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewa ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Perintah Relief

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan bekalan pendidikan kerana pembekal tidak mengenakan GST terhadap perolehan barang terpilih yang mendapat perintah relief di bawah pendidikan.

(iii) Cukai Input

GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan. USM boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan perkhidmatan bukan pendidikan yang berkadar standard 6% (cukai output).

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**n. CUKAI PENDAPATAN**

Universiti Sains Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Judul 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

Bagi Syarikat Subsidiari, cukai ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah amaun cukai yang dijangka setakat yang belum dibayar terhadap keuntungan boleh dicukai bagi tahun kewangan semasa dan dikira pada kadar cukai yang telah digubal pada akhir tempoh pelaporan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata kedudukan kewangan di antara asas cukai dan amaun bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan, sehingga ke tahap di mana kemungkinan bahawa terdapatnya keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai yang boleh digunakan untuk merealisasikan perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan tersebut.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai pendapatan yang dijangka berkuatkuasa dalam tahun kewangan di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan. Berdasarkan kepada kadar cukai pendapatan semasa yang telah digubal, cukai tertunda dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan, kecuali jika ia berkaitan dengan item-item yang dikreditkan atau dicaj terus ke ekuiti, di mana cukai tertunda tersebut turut diuruskan melalui ekuiti.

o. POLISI TUKARAN MATAWANG

Urusniaga dalam matawang asing pada awalnya, ditukar pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, aset dan liabiliti disebut dalam matawang asing ditukar semula kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh berkenaan. Perbezaan matawang asing yang timbul disebabkan penukaran semula itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Aset dan liabiliti bukan kewangan disebut dalam matawang asing yang diukur pada kos sejarah ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bukan kewangan disebut dalam matawang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan.

Pertukaran dan Terjemahan Matawang

Urusniaga dalam mata wang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari yang ditunjukkan dalam mata wang asing pada tarikh penyata kedudukan kewangan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran asing yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Perbezaan pertukaran asing yang timbul semasa terjemahan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Aset dan liabiliti bukan monetari yang ditunjukkan dalam mata wang asing, yang dinyatakan pada kos sejarah, ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran asing yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga.

Kadar pertukaran utama yang digunakan bagi setiap unit mata wang asing yang berkuatkuasa pada tarikh lembaranimbangan adalah seperti berikut:-

	2017	2016
	RM	RM
Dolar Amerika Syarikat	4.014	4.486

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

p. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan yang dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan termasuk simpanan tetap di bank - bank berlesen, baki dalam tunai dan di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunakan telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan dengan setiap item yang terlibat.

(i) Pengiktirafan Awal dan Penilaian

Pada pengiktirafan awal, semua instrumen kewangan aset dan liabiliti direkodkan pada nilai saksama di mana pada amnya adalah harga transaksi tambah kos transaksi jika instrumen kewangan tidak dinilai pada nilai saksama di dalam penyata pendapatan. Bagi instrumen kewangan yang dinilai pada nilai saksama di dalam penyata pendapatan, kos transaksi akan direkodkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ianya dibelanjakan.

(ii) Pengukuran Seterusnya Aset-Aset Kewangan

Bagi tujuan pengukuran selepas pengiktirafan awal, Kumpulan dan Universiti mengklasifikasikan aset kewangannya kepada dua kategori, iaitu: (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, dan (ii) Aset kewangan pada kos dilunaskan.

Setelah pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dalam saham utama dan saham biasa diukur pada nilai saksama berdasarkan harga pasaran aktif, sekiranya dapat diperhatikan atau menggunakan teknik penilaian, tanpa sebarang penolakan untuk kos transaksi atas jualan atau lain-lain pelupusan.

Pelaburan dalam instrumen-instrumen hutang, sama ada diniagakan atau tidak diniagakan, diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak diniagakan dan yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada kajian semula untuk kemerosotan nilai.

(iii) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Sesuatu aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontrak untuk menerima tunai daripada aset kewangan tersebut tamat, atau apabila Kumpulan dan Universiti memindahkan hak kontrak untuk menerima tunai daripada aset kewangan tersebut, termasuk keadaan di mana Kumpulan dan Universiti hanya berperanan sebagai agen kutipan kepada penerima hak kontrak, serta tidak mengekalkan risiko dan ganjaran yang signifikan terhadap hakmilik aset kewangan tersebut atau penglibatan berterusan dalam kawalan terhadap aset kewangan yang telah dipindahkan.

Sesuatu liabiliti kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila ia telah dihapuskan secara sah, iaitu sama ada kewajipan ditentukan dalam kontrak dilaksanakan atau dibatalkan atau tamat tempohnya, perubahan besar terhadap terma liabiliti-liabiliti kewangan sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baharu. Untuk tujuan itu, Kumpulan dan Universiti beranggapan bahawa sesuatu perubahan dikira sebagai perubahan besar jika nilai semasa aliran tunai untuk terma yang telah diubah yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal berbeza sebanyak 10% atau lebih apabila dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti asal.

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan dikelaskan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf ke dalam untung atau rugi apabila ia timbul.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan, keuntungan dan kerugian diiktiraf ke dalam untung atau rugi hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen berkenaan.

(iv) Pengukuran Selepas Pengiktirafan Awal bagi Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan akan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

3 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

p. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(v) Penjelasan Nilai dan Ketidakupayaan Kutipan Aset Kewangan

Kumpulan dan Universiti menggunakan model kerugian ditanggung untuk mengiktiraf kerugian kemerosotan aset kewangan. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mungkin terjejas. Bukti-bukti petunjuk kejadian kerugian termasuklah: (i) kesukaran signifikan daripada penerbit atau penanggung obligasi; (ii) pelanggaran kontrak, seperti kemungkiran atau kegagalan pembayaran faedah atau prinsipal ; (iii) Pemberian pengecualian konsesi kepada pelanggan; (iv) kemungkinan bahawa pelanggan akan mufliis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang boleh dipantau yang menunjukkan bahawa mungkin ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada sekumpulan aset kewangan.

Bagi pinjaman bukan semasa dan penghutang dibawa pada kos terlunas, anggaran aliran tunai disemak didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal. Sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf ke dalam untung atau rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun elaun kerugian. Sebarang penurunan dalam kerugian kemerosotan nilai aset kewangan dalam tempoh berikutnya akan diterbalikkan ke dalam untung atau rugi dengan pelarasan sepadan kepada akaun elaun kerugian, tertakluk kepada had di mana pembalikan tersebut tidak boleh menyebabkan nilai bawaan yang disemak semula bagi sesuatu aset kewangan melebihi nilai yang telah ditentukan jika sekiranya tiada kerugian kemerosotan yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya.

Bagi penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang jangka pendek, di mana kesan diskaun adalah tidak material, kerugian kemerosotan diuji bagi setiap penghutang secara individu di mana terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Penghutang-penghutang individu yang signifikan di mana tiada kerugian rosot nilai diiktiraf, dikumpulkan bersama dengan penghutang-penghutang lain mengikut kelas-kelas berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan tempoh pengumuran yang lalu. Elaun kolektif dianggarkan untuk kelas kumpulan berdasarkan pengalaman Kumpulan dan Universiti ke atas nisbah kerugian untuk setiap kelas, dengan mengambil kira situasi pasaran semasa.

Bagi pelaburan ekuiti tidak diniagakan yang diukur pada kos ditolak jumlah kemerosotan nilai, rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran terbaik jumlah (mungkin menjadi sifar) jangkaan yang akan diterima oleh Kumpulan dan Universiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Kumpulan dan Universiti boleh menganggarkan jumlah boleh dikutip semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

Pelaburan dalam instrumen-instrumen hutang, sama ada dinyatakan atau tidak dinyatakan dalam pasaran aktif, diukur seterusnya pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan dalam ekuiti yang tidak dinyatakan dalam pasaran aktif, yang nilai saksamanya tidak dapat ditukar secara munasabah, diukur pada kos.

Selain daripada aset-aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung rugi, aset-aset kewangan lain disemak untuk penurunan nilai.

(vi) Pengukuran Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran diniagakan dalam pasaran aktif, dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, maka ia akan diukur dengan teknik penilaian menggunakan andaian yang munasabah dan boleh disokong.

4 PENILAIAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Andaian-andaian utama tentang masa depan, dan sumber-sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan, yang memberi risiko signifikan berlakunya pelarasan ketara terhadap nilai dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya, selain daripada yang didedahkan dalam nota.

a. Pengukuran Peruntukan

Kumpulan dan Universiti menggunakan 'anggaran terbaik' sebagai asas pengukuran peruntukan. Pengurusan Kumpulan dan Universiti membuat penilaian terhadap anggaran-anggaran berdasarkan pengalaman lampau Kumpulan dan Universiti dan andaian-andaian daripada input-input lain, perkembangan terkini serta peristiwa-peristiwa akan datang yang mempunyai kemungkinan yang munasabah untuk berlaku dalam keadaan-keadaan tertentu. Dalam kes dimana sesuatu peruntukan mempunyai kaitan dengan populasi pelanggan yang besar (contohnya peruntukan jaminan), anggaran kebarangkalian berlawanan aliran keluar tunai yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajiban berkaitan adalah digunakan.

Dalam kes anggaran tunggal (contohnya peruntukan kos pemulihan alam sekitar), harga kontraktor yang dirujuk atau harga pasaran digunakan sebagai anggaran terbaik. Sekiranya sesuatu kewajiban perlu diselesaikan dalam tempoh tertentu, aliran keluar tunai yang dianggarkan perlulah didiskaunkan pada kadar yang mengambilkira nilai masa wang dan risiko-risiko yang mengakibatkan keputusan sebenar berbeza daripada anggaran-anggaran yang telah dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran yang dibuat dan hal ini berkemungkinan memberikan kesan signifikan terhadap kedudukan dan prestasi kewangan Kumpulan dan Universiti.

b. Kemosotan Nilai Aset Kewangan

Pinjaman-pinjaman dan akaun-akaun belum terima yang signifikan akan diuji untuk penurunan nilai secara berasingan dengan membuat anggaran aliran tunai yang dijangka dapat diperoleh semula. Pinjaman-pinjaman dan akaun-akaun belum terima lain akan dikategorikan kepada kelas-kelas risiko kredit dan diuji untuk penurunan nilai secara bersekali, berdasarkan pengalaman lampau Kumpulan dan Universiti berkaitan statistik kerugian, pengumuman amaun-amaun melebihi tempoh dan tren ekonomi terkini.

c. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus atau kaedah sistematik lain yang mencerminkan penggunaan manfaat-manfaat ekonomi aset-aset tersebut sepanjang jangkahayat penggunaannya. Anggaran-anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai serta penentuan jangkahayat-jangkahayat penggunaan dan nilai-nilai baki. Penggunaan manfaat-manfaat ekonomi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran yang digunakan dan hal ini berkemungkinan mengakibatkan untung atau rugi atas pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN / UNIVERSITI	Tanah / Bangunan * RM	Infrastruktur Kemudahan RM	Ubahsuaian RM	Kenderaan RM	Alatan RM	Jumlah RM
KOS						
Pada 1 Januari 2017						
Universiti	1,623,475,085	110,381,741	159,511,806	40,907,271	1,328,455,519	3,262,731,422
Syarikat Subsidiari	-	-	822,707	366,462	10,874,790	12,063,959
	1,623,475,085	110,381,741	160,334,513	41,273,733	1,339,330,309	3,274,795,381
Tambahan						
Universiti	18,501,962	1,186,475	2,872,762	1,051,805	30,965,255	54,578,259
Syarikat Subsidiari	-	-	4,370,475	-	2,998,265	7,368,740
	18,501,962	1,186,475	7,243,237	1,051,805	33,963,520	61,946,999
Pelupusan						
Universiti	-	-	-	(1,754,504)	(24,288,384)	(26,042,888)
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	(86,762)	(86,762)
	-	-	-	(1,754,504)	(24,375,146)	(26,129,650)
Pada 31 Disember 2017						
Universiti	1,641,977,047	111,568,216	162,384,568	40,204,572	1,335,132,390	3,291,266,793
Syarikat Subsidiari	-	-	5,193,182	366,462	13,786,293	19,345,937
	1,641,977,047	111,568,216	167,577,750	40,571,034	1,348,918,683	3,310,612,730
SUSUTNILAI TERKUMPUL						
Pada 1 Januari 2017						
Universiti	927,025,050	58,023,614	103,075,115	37,722,733	1,195,938,643	2,321,785,155
Syarikat Subsidiari	-	-	351,866	284,241	10,254,802	10,890,909
	927,025,050	58,023,614	103,426,981	38,006,974	1,206,193,445	2,332,676,064
Susutnilai						
Universiti	57,557,370	5,224,108	11,505,561	1,201,859	54,931,031	130,419,929
Syarikat Subsidiari	-	-	127,732	24,562	369,762	522,056
	57,557,370	5,224,108	11,633,293	1,226,421	55,300,793	130,941,985
Pelupusan						
Universiti	-	-	-	(1,754,489)	(24,229,003)	(25,983,492)
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	(83,382)	(83,382)
	-	-	-	(1,754,489)	(24,312,385)	(26,066,874)
Pada 31 Disember 2017						
Universiti	984,582,420	63,247,722	114,580,676	37,170,103	1,226,640,671	2,426,221,592
Syarikat Subsidiari	-	-	479,598	308,803	10,541,182	11,329,583
	984,582,420	63,247,722	115,060,274	37,478,906	1,237,181,853	2,437,551,175
NILAI BUKU BERSIH						
Universiti	657,394,627	48,320,494	47,803,892	3,034,469	108,491,719	865,045,201
Syarikat Subsidiari	-	-	4,713,584	57,659	3,245,111	8,016,354
Pada 31 Disember 2017	657,394,627	48,320,494	52,517,476	3,092,128	111,736,830	873,061,555
Universiti	696,450,035	52,358,127	56,436,691	3,184,538	132,516,876	940,946,267
Syarikat Subsidiari	-	-	470,841	82,221	619,988	1,173,050
Pada 31 Disember 2016	696,450,035	52,358,127	56,907,532	3,266,759	133,136,864	942,119,317
Susutnilai bagi tahun berakhir 2016						
Universiti	56,897,269	5,131,095	12,658,933	1,316,355	71,421,744	147,425,396
Syarikat Subsidiari	-	-	76,183	59,763	265,774	401,720
	56,897,269	5,131,095	12,735,116	1,376,118	71,687,518	147,827,116

5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

* PECAHAN DI ANTARA TANAH / BANGUNAN MILIK BEBAS DAN PAJAKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

KUMPULAN / UNIVERSITI	Tanah Milik Bebas RM	Tanah Milik Pajakan RM	Bangunan Milik Bebas RM	Bangunan Milik Pajakan RM	Jumlah RM
KOS					
Pada 1 Januari 2017					
Universiti	73,550,473	2,866,000	1,524,767,943	22,290,669	1,623,475,085
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
	73,550,473	2,866,000	1,524,767,943	22,290,669	1,623,475,085
Tambahan					
Universiti	-	8,467,742	6,001,962	4,032,258	18,501,962
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
	-	8,467,742	6,001,962	4,032,258	18,501,962
Pada 31 Disember 2017					
Universiti	73,550,473	11,333,742	1,530,769,905	26,322,927	1,641,977,047
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
	73,550,473	11,333,742	1,530,769,905	26,322,927	1,641,977,047
SUSUTNILAI TERKUMPUL					
Pada 1 Januari 2017					
Universiti	-	627,166	914,265,398	12,132,486	927,025,050
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
	-	627,166	914,265,398	12,132,486	927,025,050
Susutnilai					
Universiti	-	140,425	56,490,534	926,411	57,557,370
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
	-	140,425	56,490,534	926,411	57,557,370
Pada 31 Disember 2017					
Universiti	-	767,591	970,755,932	13,058,897	984,582,420
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
	-	767,591	970,755,932	13,058,897	984,582,420
NILAI BUKU BERSIH					
Universiti	73,550,473	10,566,151	560,013,973	13,264,030	657,394,627
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2017	73,550,473	10,566,151	560,013,973	13,264,030	657,394,627
Universiti	73,550,473	2,238,834	610,502,545	10,158,183	696,450,035
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2016	73,550,473	2,238,834	610,502,545	10,158,183	696,450,035
Susutnilai bagi tahun 2016					
Universiti	-	33,325	56,139,145	724,799	56,897,269
Syarikat Subsidiari	-	-	-	-	-
	-	33,325	56,139,145	724,799	56,897,269

6 PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Kos Pajakan Tanah dan Bangunan	4,745,021	4,745,021	-	-
(<i>Tolak</i>) : Susutnilai Terkumpul				
Baki awal	1,139,160	1,051,532	-	-
Susutnilai tahun semasa	87,628	87,628	-	-
Baki akhir	1,226,788	1,139,160	-	-
NILAI BUKU BERSIH	3,518,233	3,605,861	-	-

Pelaburan dalam hartanah pajakan dinyatakan pada kos tolak susutnilai. Kumpulan menggunakan kaedah kos disebabkan hartanah pajakan dalam perancangan untuk dibangunkan semula mengikut plan induk.

7 KERJA DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	18,155,209	15,636,982	18,102,837	15,584,842
Pertambahan dalam tahun semasa	27,089,505	20,805,723	27,089,505	20,787,718
	45,244,714	36,442,705	45,192,342	36,372,560
Dipindahkan ke hartanah, loji dan peralatan	(6,321,157)	(18,286,153)	(6,268,785)	(18,269,723)
Perbelanjaan	(357,109)	-	(357,109)	-
Susutnilai	-	(1,343)	-	-
Baki pada 31 Disember	38,566,448	18,155,209	38,566,448	18,102,837

Perincian Kerja Dalam Kemajuan mengikut Kumpulan Wang:

Kumpulan Wang Mengurus	730,261	-	730,261	-
Kumpulan Wang Am	2,434,922	502,035	2,434,922	502,035
Kumpulan Wang Enterprise	797,209	-	797,209	-
Kumpulan Wang Apex	1,501,640	-	1,501,640	-
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	33,102,416	17,600,802	33,102,416	17,600,802
	38,566,448	18,102,837	38,566,448	18,102,837

8 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Saham tidak disiarharga pada kos	-	-	5,000,000	5,000,000
	-	-	5,000,000	5,000,000

8 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Syarikat Subsidiari ditubuhkan di Malaysia dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Jumlah Pegangan Saham	Kegiatan Utama	Kepentingan 2017	Kepentingan 2016
Usains Holding Sdn Bhd*	5,000,000	Perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengurusan, penyewaan ruangan pejabat dan peralatan dan perdagangan.	100%	100%

Maklumat Syarikat Subsidiari di bawah Usains Holding Sdn Bhd yang tidak disiar harga dan ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Jumlah Pegangan Saham	Kegiatan Utama	Kepentingan 2017	Kepentingan 2016
Usains Tech Services Sdn Bhd*	500,000	Perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan dan perkhidmatan pengurusan.	100%	100%
Usains Infotech Sdn Bhd*	1,000,000	Perkhidmatan rekabentuk IC, makmal dan perundingan kejuruteraan kontrak penyelidikan dan pembangunan dan perkhidmatan pengurusan.	100%	100%
Usains Biomics Laboratory Testing Services Sdn Bhd*	700,000	Perkhidmatan makmal dan perundingan ujian dadah semasa dan sebelum perlumbaan.	100%	100%
Usains Tech Capital Sdn Bhd*	500,000	Tidak Aktif	100%	100%
USM Enterprise Sdn Bhd*	2	Tidak Aktif	100%	100%
Usains Bio-Engineering Sdn Bhd*	2	Tidak Aktif	100%	100%
Diagnostics Innovations Sdn Bhd*	2	Tidak Aktif	100%	100%

*Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.

9 PELABURAN DALAM SYARIKAT USAHASAMA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Saham tidak disiarharga pada kos	25,050	25,050	-	-
Nilai semasa pengambilan:-				
Baki pada 1 Januari	413,668	486,312	-	-
Dividen tahunan	(200,000)	(350,000)	-	-
Peruntukan tahun semasa	361,464	277,356	-	-
Baki pada 31 Disember	575,132	413,668	-	-
	600,182	438,718	-	-

Maklumat Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Negara Ditubuhkan	Kegiatan Utama	Kepentingan 2017	Kepentingan 2016
Uvest Sdn Bhd	Malaysia	Pengurusan dan operasi sistem tempat letak kereta.	50%	50%

10 PELABURAN JANGKA PANJANG

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Saham disiar harga pada nilai saksama	9,400,000	10,350,000	9,400,000	10,350,000
Saham tidak disiarharga pada kos	500,000	500,000	500,000	500,000
	9,900,000	10,850,000	9,900,000	10,850,000

Nilai saksama untuk pelaburan saham disiarharga dinilai berdasarkan harga pasaran pada akhir tahun kewangan.

11 INVENTORI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Inventori direkod pada nilai kos:				
Kad Elektronik	28,123	39,924	28,123	39,924
Bekalan Bahan Kimia	203,547	222,590	203,547	222,590
	231,670	262,514	231,670	262,514

12 PENGHUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Penghutang Perniagaan	14,956,212	12,913,136	7,621,799	6,430,716
Yuran Pelajar Belum Terima	48,910,346	36,006,942	48,910,346	36,006,942
Penghutang Pesakit Dalam	3,885,656	4,201,788	3,885,656	4,201,787
	67,752,214	53,121,866	60,417,801	46,639,445
(<i>Tolak</i>): Elaun Untuk Hutang Ragu	(21,310,302)	(11,166,907)	(19,955,306)	(10,953,526)
	46,441,912	41,954,959	40,462,495	35,685,919

13 PENGHUTANG PELBAGAI, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Penghutang Pelbagai	48,215,341	47,786,809	46,860,640	45,776,990
Penghutang Pinjaman Jangka Pendek (<i>Nota A</i>)	1,487,603	1,909,324	1,487,603	1,909,324
Deposit dan Prabayar	5,432,840	5,963,311	4,111,746	4,784,438
Pendapatan Terakru	10,135	731	10,135	731
	55,145,919	55,660,175	52,470,124	52,471,483
(<i>Tolak</i>): Elaun Untuk Hutang Ragu	(16,358,170)	(17,014,220)	(16,256,672)	(17,014,220)
	38,787,749	38,645,955	36,213,452	35,457,263

Termasuk dalam Penghutang Pelbagai, amaun Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) sebanyak RM1,528,278 yang kini dalam proses mendapat persetujuan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk bayaran balik.

13 PENGHUTANG PELBAGAI, DEPOSIT DAN PRABAYAR (SAMBUNGAN)

Nota A: Penghutang Pinjaman

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Nilai penghutang pinjaman dianalisis seperti berikut:				
Penghutang Pinjaman Jangka Pendek	1,487,603	1,909,324	1,487,603	1,909,324
Penghutang Pinjaman Jangka Panjang	3,817,144	4,757,939	3,817,144	4,757,939
	<u>5,304,747</u>	<u>6,667,263</u>	<u>5,304,747</u>	<u>6,667,263</u>

Kadar faedah pinjaman adalah 4.00% (2016: 4.00%) ke atas baki berkurangan.

14 HUTANG DARI SYARIKAT SUBSIDIARI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Imbangan Perdagangan	-	-	6,158,384	7,696,962
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>6,158,384</u>	<u>7,696,962</u>
Pecahan Kumpulan Wang seperti berikut:-				
Kumpulan Wang Enterprise	-	-	6,158,384	7,696,962
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>6,158,384</u>	<u>7,696,962</u>

15 HUTANG DARI SYARIKAT SUB - SUBSIDIARI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Imbangan Perdagangan	-	-	1,987,288	1,844,662
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>1,987,288</u>	<u>1,844,662</u>
Pecahan Kumpulan Wang seperti berikut:				
Kumpulan Wang Enterprise	-	-	1,987,288	1,844,662
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>1,987,288</u>	<u>1,844,662</u>

16 PELABURAN JANGKA PENDEK

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan				
Dana yang diurus oleh pengurus dana:				
Saham disiarharga	901,500	897,000	901,500	897,000
Pasaran wang	3,151,563	3,016,632	3,151,563	3,016,632
Tunai	461,584	417,971	461,584	417,971
	4,514,647	4,331,603	4,514,647	4,331,603
Saham amanah	4,109,723	17,812,996	4,109,723	11,464,968
Saham disiarharga	8,720,000	219,836	-	-
	17,344,370	22,364,435	8,624,370	15,796,571
Pada kos:				
Saham tidak disiarharga	120,000	295,000	-	-
(Tolak): Penjejasan nilai	(119,999)	(276,558)	-	-
	1	18,442	-	-
Nilai Bersih	17,344,371	22,382,877	8,624,370	15,796,571

17 SIMPANAN TETAP

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Simpanan tetap dengan:				
Bank - bank berlesen	543,937,219	672,176,837	524,740,867	651,264,478
Institusi kewangan lain	103,757,331	85,000,000	103,757,331	85,000,000
	647,694,550	757,176,837	628,498,198	736,264,478
	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Kumpulan Wang Mengurus	491,416,629	441,116,629	491,416,629	441,116,629
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	(20,000,000)	133,000,000	(20,000,000)	133,000,000
Kumpulan Wang Am	78,605,285	81,745,885	78,605,285	81,745,885
Kumpulan Wang Enterprise	78,476,284	80,401,964	78,476,284	80,401,964
Usains Holding Sdn Bhd	19,196,352	20,912,359	-	-
	647,694,550	757,176,837	628,498,198	736,264,478

Simpanan tetap dilaburkan di institusi-institusi kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Simpanan tetap Syarikat Subsidiari berjumlah RM1,560,621 (2016: RM1,560,621) telah dicagar kepada bank sebagai cagaran untuk kemudahan bank yang diberikan.

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 3.00% hingga 3.95% (2016: 2.90% hingga 4.10%)

18 WANG DI BANK DAN DI TANGAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Wang Di Bank	22,200,319	35,913,642	6,518,709	23,197,481
Wang Di Tangan	227,088	257,166	223,164	252,513
Tabung Amanah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (TARPAAH)	992,472	1,066,472	-	-
	23,419,879	37,237,280	6,741,873	23,449,994

19 PEMIUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Kumpulan Wang Mengurus	12,389,903	6,398,354	12,389,903	6,398,354
Kumpulan Wang Am	4,679,015	2,318,777	4,679,015	2,318,777
Kumpulan Wang Enterprise	1,115,063	726,800	1,115,063	726,800
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	2,769,086	2,678,286	2,769,086	2,678,286
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	388,822	634,964	388,822	634,964
Kumpulan Wang Apex	151,347	391,014	151,347	391,014
Usains Holding Sdn Bhd	5,640,132	4,194,981	-	-
	27,133,368	17,343,176	21,493,236	13,148,195

20 PEMIUTANG PELBAGAI DAN CAGARAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Pemiutang Gaji	4,822,902	5,712,876	4,822,902	5,712,876
Pemiutang Pelajar	30,859,858	29,331,064	30,859,858	29,331,064
Pemiutang Pelbagai	30,967,292	31,539,752	8,954,746	12,602,937
Perbelanjaan Terakru	31,510,967	17,177,296	30,706,984	16,027,913
Cagaran	12,442,491	12,783,148	12,262,221	12,467,238
Biasiswa / Dermasiswa	1,957,195	1,879,825	1,957,195	1,879,825
	112,560,705	98,423,961	89,563,906	78,021,853

Termasuk di dalam pemiutang gaji adalah jumlah manfaat pekerja jangka pendek sebanyak RM4,089,639 (2016: RM3,528,289).

21 GERAN JANGKA PENDEK

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Geran Berkaitan Aset				
Baki pada 1 Januari	1,730	11,536		
Pelunasan bagi tahun semasa	(1,730)	(9,806)	-	-
	<u>-</u>	<u>1,730</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Pelunasan seperti berikut:-				
Untuk tempoh 12 bulan	-	1,730	-	-
	<u>-</u>	<u>1,730</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

Usains Infotech Sdn Bhd telah dilantik oleh Pihak Berkuasa Perlaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk menyelaras Pusat Kecemerlangan berkaitan dengan sektor elektrik dan elektronik.

22 PINJAMAN BERJANGKA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Nilai semasa pinjaman berjangka dianalisis seperti berikut:				
Dibayar dalam tempoh setahun	354,500	-	-	-
Dibayar selepas tempoh setahun	3,469,314	-	-	-
	<u>3,823,814</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

Tempoh bayaran balik pinjaman berjangka adalah 84 bulan ansuran bermula Ogos 2017 dan kadar faedah pinjaman adalah 5.00% (2016: Nil) setahun.

23 KUMPULAN WANG MENGURUS

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Penyata Pendapatan				
Geran Mengurus	834,973,555	851,682,708	834,973,555	851,682,708
Perbelanjaan				
Emolumen	764,120,475	725,960,279	764,120,475	725,960,279
Perkhidmatan dan Bekalan	260,655,769	275,845,338	260,655,769	275,845,338
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	18,413,301	10,288,236	18,413,301	10,288,236
Perbelanjaan Lain	36,767,021	22,040,519	36,767,021	22,040,519
Pembelian Harta Modal	13,891,707	3,082,452	13,891,707	3,082,452
	1,093,848,273	1,037,216,824	1,093,848,273	1,037,216,824
Kurangan Pendapatan	(258,874,718)	(185,534,116)	(258,874,718)	(185,534,116)
Pendapatan Universiti	129,174,359	130,007,032	129,174,359	130,007,032
Kurangan Pendapatan Tahun Semasa	(129,700,359)	(55,527,084)	(129,700,359)	(55,527,084)
Lebihan Terkumpul pada 1 Januari	(3,812,184)	48,686,659	(3,812,184)	48,686,659
Pelarasan tahun lalu	-	3,028,241	-	3,028,241
Pindahan	68,000,000	-	68,000,000	-
Lebihan Terkumpul Akhir Tahun	(65,512,543)	(3,812,184)	(65,512,543)	(3,812,184)
Tambah: Pelarasan				
Nilai Buku Bersih Aset	66,059,794	61,143,379	66,059,794	61,143,379
Baki Kumpulan Wang	547,251	57,331,195	547,251	57,331,195

24 GERAN PEMBANGUNAN KERAJAAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	720,718,161	764,997,536	720,718,161	764,997,536
Penerimaan Tahun Semasa	7,500,000	42,520,000	7,500,000	42,520,000
Pelunasan Tahun Semasa	(80,061,743)	(88,974,778)	(80,061,743)	(88,974,778)
	648,156,418	718,542,758	648,156,418	718,542,758
Pindahan	1,860,589	2,175,403	1,860,589	2,175,403
Baki pada 31 Disember	650,017,007	720,718,161	650,017,007	720,718,161

25 GERAN PENYELIDIKAN TERTUNDA

KUMPULAN / UNIVERSITI	Kumpulan Wang Kekal Hidup	Kumpulan Wang Penyelidikan USM	Kumpulan Wang E-Science	Kumpulan Wang Pembangunan Penyelidikan	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	
Baki pada 1 Januari 2016	15,479,378	20,818,927	7,374,964	75,309,866	78,719,307	197,702,442
Penerimaan Tahun Semasa	116,600	9,274,677	1,650,059	16,371,578	33,301,058	60,713,972
Pelunasan Tahun Semasa	-	(11,437,871)	(2,785,635)	(25,531,644)	(47,610,660)	(87,365,810)
Pindahan	-	-	-	-	(4,652,034)	(4,652,034)
Baki Pada 31 Disember 2016	15,595,978	18,655,733	6,239,388	66,149,800	59,757,671	166,398,570
Penerimaan Tahun Semasa	100,000	9,317,625	1,984,152	7,760,553	53,430,234	72,592,564
Pelunasan Tahun Semasa	-	(10,038,464)	(2,689,622)	(19,122,275)	(33,003,888)	(64,854,249)
Pindahan	-	(739,922)	478,238	(865,196)	587,466	(539,414)
Bayaran Balik Baki Geran	-	(451,920)	-	-	-	(451,920)
Baki Pada 31 Disember 2017	15,695,978	16,743,052	6,012,156	53,922,882	80,771,483	173,145,551

26 CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Baki pada 1 Januari	25,264	92,471	-	-
Perbelanjaan cukai tertunda berkaitan dengan pengwujudan dan pembalikan sementara	180,138	(67,207)	-	-
Baki pada 31 Disember	205,402	25,264	-	-
Baki cukai tertunda adalah diambilkira kesan cukai ke atas perbezaan sementara yang berpunca daripada perkara berikut:				
Hartanah, loji dan peralatan	205,402	25,264	-	-
	205,402	25,264	-	-

27 MANFAAT PEKERJA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Jumlah Manfaat Pekerja	78,808,887	77,743,551	78,808,887	77,743,551
(<i>Tolak</i>): Dibayar dalam tempoh 12 bulan (dimasukkan dalam Pemiutang Pelbagai dan Cagaran- <i>Nota 20</i>)	(4,089,639)	(3,528,289)	(4,089,639)	(3,528,289)
Dibayar selepas tempoh 12 bulan	74,719,248	74,215,262	74,719,248	74,215,262
Manfaat Pekerja dianalisis seperti berikut:				
Dibayar dalam tempoh 2 hingga 5 tahun	21,680,837	21,178,287	21,680,837	21,178,287
Dibayar selepas tempoh 5 tahun	53,038,411	53,036,975	53,038,411	53,036,975
	74,719,248	74,215,262	74,719,248	74,215,262

28 SUMBANGAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Sumbangan untuk Penyelidikan dan Lain - Lain:				
Individu	1,245,518	1,377,861	1,245,518	1,377,861
Pertubuhan Sukarela	39,461	13,331	39,461	13,331
Badan Luar	34,385,804	48,133,183	34,385,804	48,133,183
Syarikat	1,280,295	1,917,825	3,280,295	1,917,825
	36,951,078	51,442,200	38,951,078	51,442,200

29 PENDAPATAN LAIN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Jualan barangan dan perkhidmatan	25,300,556	19,255,632	17,967,956	17,593,625
Denda dan penalti	9,434,593	6,000,661	9,434,593	6,000,661
Yuran perundingan	1,449,638	749,923	1,449,638	749,923
Pulangan balik perbelanjaan	2,522,132	5,075,330	2,522,132	5,075,330
Lain - lain	27,701,486	17,679,732	4,088,810	3,367,780
	66,408,405	48,761,278	35,463,129	32,787,319

30 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Termasuk di dalam perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan adalah inventori ubat-ubatan dan bahan pakai habis pada 31 Disember seperti berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Nilai inventori dinyatakan pada kos:				
Ubat-ubatan	11,445,008	19,163,597	11,445,008	19,163,597

31 CUKAI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Cukai tahun semasa	838,082	307,012	-	2,224
Cukai pendapatan (terlebih) / terkurang peruntuk pada tahun lepas	(40,330)	17,213	-	-
Perbelanjaan cukai tertunda berkaitan dengan perubahan dan pembalikan sementara (<i>Nota 26</i>)	180,138	(67,207)	-	-
	977,890	257,018	-	2,224

31 CUKAI (SAMBUNGAN)

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai tahun semasa dengan keuntungan perakaunan:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Kerugian perakaunan	(136,383,679)	(76,716,939)	(139,984,615)	(78,479,372)
Cukai pada kadar cukai semasa 24% (2016: 24%)	(32,732,083)	(18,412,065)	(33,596,308)	(18,835,049)
Pendapatan yang dikecualikan dari cukai	(304,400,204)	(317,730,989)	(304,178,212)	(317,518,234)
Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak boleh ditolak dalam penentuan keuntungan yang dicukaikan	338,184,587	336,544,332	337,774,520	336,355,507
Cukai pendapatan (terlebih) / terkurang peruntuk pada tahun lepas	(40,330)	17,213	-	-
Elaun modal tahun semasa yang tidak diiktiraf	28,754	-	-	-
Kerugian cukai tahun semasa tidak diiktiraf	61,705	-	-	-
Elaun modal tahun terdahulu yang tidak diiktiraf	(59,059)	-	-	-
Kerugian cukai tahun terdahulu tidak diiktiraf	(61,235)	-	-	-
Pembalikan sementara tidak diiktiraf	(4,245)	(161,473)	-	-
	977,890	257,018	-	2,224

Amaun perbelanjaan cukai untuk Syarikat Subsidiari tidak selari dengan keuntungan tahunan kerana sebahagian perbelanjaan tertentu tidak boleh ditolak untuk tujuan percukaian. Manakala untuk Universiti, cukai hanya dikenakan ke atas pendapatan dividen sahaja.

32 PELARASAN TAHUN TERDAHULU

i. Tanah dan bangunan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) berjumlah RM84,477,466 (nilai buku bersih: RM72,090,127) yang diambilkira dalam Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti pada tahun sebelumnya telah dinyahiktiraf.

ii. Pendapatan yuran pelajar terkurang nyata disebabkan oleh invois yang tidak diambilkira pada tahun sebelumnya.

	RM
Yuran Pelajar terkurang nyata- Tahun kewangan 2014	944,007
- Tahun kewangan 2015	961,607
- Tahun kewangan 2016	1,818,494
	3,724,108

iii. Perbelanjaan utiliti pada tahun sebelumnya telah dipindahkan sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sebanyak RM695,867.

iv. Pelunasan geran pembangunan kerajaan bagi tanah dan bangunan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah terlebih nyata pada tahun sebelumnya sebanyak RM1,377,714.

v. Perbelanjaan susutnilai hartanah, loji dan peralatan bagi tanah dan bangunan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah terlebih nyata pada tahun sebelumnya sebanyak RM1,377,714.

32 PELARASAN TAHUN TERDAHULU (SAMBUNGAN)

Berdasarkan keperluan seperti dinyatakan dalam Seksyen 10 "Accounting Policies, Estimates and Errors" MPERS, pembedahan ke atas kesilapan diakaunkan secara retrospektif dan memberi kesan kepada tahun sebelum akan diakaunkan sebagai pelarasan tahun lalu. Akaun-akaun terlibat dengan pelarasan tahun lalu telah dinyatakan semula dan kesan pembedahan adalah seperti berikut:

Pada 31 Disember 2016

Penyata Kedudukan Kewangan

	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	Pelarasan tahun lalu RM	Reklasifikasi RM	Seperti dinyatakan semula RM
Kumpulan				
Hartanah, Loji dan Peralatan	1,014,261,816	(72,090,127)	(52,372)	942,119,317
Kerja dalam Kemajuan	18,102,837	-	52,372	18,155,209
Penghutang Perniagaan	38,230,851	3,724,108	-	41,954,959
Penghutang Pelbagai, Deposit dan Prabayar	39,341,822	(695,867)	-	38,645,955
Kumpulan Wang Mengurus	(54,302,954)	(3,028,241)	-	(57,331,195)
Geran Pembangunan Kerajaan	<u>(792,808,288)</u>	<u>72,090,127</u>	<u>-</u>	<u>(720,718,161)</u>
Universiti				
Hartanah, Loji dan Peralatan	1,013,036,394	(72,090,127)	-	940,946,267
Penghutang Perniagaan	31,961,811	3,724,108	-	35,685,919
Penghutang Pelbagai, Deposit dan Prabayar	36,153,130	(695,867)	-	35,457,263
Kumpulan Wang Mengurus	(54,302,954)	(3,028,241)	-	(57,331,195)
Geran Pembangunan Kerajaan	<u>(792,808,288)</u>	<u>72,090,127</u>	<u>-</u>	<u>(720,718,161)</u>

Pada 31 Disember 2016

Penyata Pendapatan Komprehensif

	Seperti dilaporkan sebelum ini RM	Pelarasan tahun lalu RM	Reklasifikasi RM	Seperti dinyatakan semula RM
Kumpulan				
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	(90,352,492)	1,377,714	-	(88,974,778)
Yuran Pelajar	(144,019,276)	(1,818,494)	-	(145,837,770)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	149,206,173	(1,377,714)	(1,343)	147,827,116
Susutnilai Kerja Dalam Kemajuan	-	-	1,343	1,343
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	50,457	-	(16,430)	34,027
Perbelanjaan Lain	<u>22,959,225</u>	<u>695,867</u>	<u>16,430</u>	<u>23,671,522</u>
Universiti				
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	(90,352,492)	1,377,714	-	(88,974,778)
Yuran Pelajar	(144,019,276)	(1,818,494)	-	(145,837,770)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	148,803,110	(1,377,714)	-	147,425,396
Perbelanjaan Lain	<u>20,406,626</u>	<u>695,867</u>	<u>-</u>	<u>21,102,493</u>

33 URUSNIAGA PENTING PIHAK BERKAITAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Syarikat Subsidiari				
Yuran pengurusan dibayar kepada Syarikat Subsidiari	-	-	(1,257,498)	(2,768,243)
Sewa peralatan diterima daripada Syarikat Subsidiari	-	-	-	37,362
Sewa pejabat diterima daripada Syarikat Subsidiari	-	-	-	-
Endowmen diterima daripada Syarikat Subsidiari	-	-	2,000,000	-
Sewa makmal dan peralatan dibayar kepada Syarikat Subsidiari	-	-	-	49,449
Sewa diterima daripada Syarikat Subsidiari	-	-	133,155	134,100
Yuran pengurusan diterima daripada Syarikat Subsidiari	-	-	5,208,908	6,186,616
Ganjaran pengarah dan pengurusan utama	5,273,018	2,442,352	4,372,885	1,680,583

34 PENGLIBATAN MODAL

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Jumlah penglibatan modal yang belum diselesaikan:				
Diluluskan dan dikontrak	18,956,459	24,395,471	18,956,459	24,395,471
	18,956,459	24,395,471	18,956,459	24,395,471

35 KOMITMEN PAJAKAN

Sewa Operasi- Kumpulan dan Universiti sebagai penyewa

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Sewa minimum dibayar:				
Dalam tempoh 1 tahun	-	2,151,000	-	2,151,000
Dalam tempoh 2 hingga 5 tahun	-	-	-	-
	-	2,151,000	-	2,151,000

Sewa Operasi- Kumpulan dan Universiti sebagai pemberi sewa

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Sewa minimum dibayar:				
Dalam tempoh 1 tahun	-	2,151,000	-	2,151,000
Dalam tempoh 2 hingga 5 tahun	-	-	-	-
Selepas 5 tahun	-	-	-	-
	-	2,151,000	-	2,151,000

36 NILAI SAKSAMA

Pada 31 Disember 2017, nilai dibawa untuk aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Universiti adalah hampir bersamaan dengan nilai saksama.

37 TANGGUNGAN LUAR JANGKA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2017 RM	2016 RM	2017 RM	2016 RM
Kes-kes litigasi Universiti yang masih belum selesai sehingga 31 Disember:	-	279,500	-	279,500
	-	279,500	-	279,500

Sidang Editor

Penasihat

Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc

Pengerusi

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein

Timbalan Pengerusi

Engku Razifah Engku Chik

Maklumat Am Dan Garis Masa

Izam Fairus Kamaruddin
Marziana Mohamed Alias
Nor Rafizah Haji Md Zain
Ebrahim Abdul Manan

USM Dalam Angka

Norlela Hashim
Mohd Zuaril Akimi Mohd Shaari
Mohd Azwan Abdullah

Sinopsis Pencapaian USM Tahun 2017

Dr. Haji Musa Ali
Mohd Rashid Abdul Rejab
Mu'azzah Ismail
Sharifah Darweena Syed Ahmad Amir Feisal
Mahfuzah Othman

Laporan Pendaftar

Dr. Musa Ali
Haji Mohd Saad Haji Din
Dr. Khairul Anuar Che Azmi
Zulham Hamdan
Arman Abdul Razak
Noriah Mohamad
Abd Hadi Ahmad
Mohd Zulkarnain Mohamad Tajulariffin
Sharifah Darweena Syed Ahmad Amir Feisal
Zulkipli Mat

Akademik & Antarabangsa

Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Profesor Dr. Rozman Haji Din
Dr. Muhizam Mustafa
Haji Ramli Osman
Mohd Azizudin Mohd Shariff

Penyelidikan & Inovasi

Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan
Profesor Dr. Lee Keat Tiong
Rosni Hasan
Hani Soraya Ahmad

Pembangunan Pelajar & Alumni

Dr. Nazarudin Zainun
Muhammad Syukri Sa'adon

Jaringan Industri & Masyarakat

Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc
Syed Yusof Syed Kechik
Shukeri A. Rahman
Nur Mariyam Musa

Pembangunan Institusi

Profesor Dr. Phua Kia Kien
Fa'izah Md Zain
A'watif Ahmad
Shahriza Fadly Misaridin

Kampus Kesihatan/Hospital USM

Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari Halim
Haji Yusoff Abdullah
Mohd Saberi Mohd Yusoff
Amyrulhan Azhari

Kampus Kejuruteraan

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria
Rohilatifah Baharum @ Harun
Nor Asmah Redzuan

Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Dr. Norehan Mohktar

Ketua Sekretariat/Penyelaras

Hazlan Abdul Hamid

Laporan Kewangan

Dr. Rohayati Mohd Isa
Nur Farahana Mohd Amin
Ummar Muqhthear Sabri
Mohd Badaruddin Yusof
Muhammad Budiman Mohamed Nazri
Nor Asiah Mohd Kassim
Nur Hanisa Mustapa

Sekretariat

Mohamad Yusri Jaafar
Noraiza Abdul Latiff
Wan Muhamad Nizamuddin Wan Ahmad
Nor Shazwani Nadhirah Shamsuddin

Penulis / Penyunting

Mohamad Abdullah
A'watif Ahmad

Penyuntingan Bahasa

Profesor Dr. Tengku Sepora Tengku Mahadi
Siti Noraini Jupri
Tan Hock Thye

Grafik, Reka Letak & Fotografi

Adli Hanafi Azmi
Azrie Azeem Ab Wahab
Mohamad Zaidi Jaini
Mohammad Nazer Abdul Hadi
Muhammad Hafiz Muhammad Syukri Lim
Zainudin Salman
Muhammad Indera Azhar
Suhaila Bakar
Nurul Anwar Ibrahim
Mohd Fairus Md Isa
Ebrahim Abdul Manan



KAMI MEMIMPIN

Mentransformasikan Pendidikan Tinggi
untuk Kelestarian Hari Esok

TOP 1% Universities
in the WORLD

8th BEST in
ASEAN

TOP 50 UNDER
50

46th ASIA
RANKING

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

Tel.: +604-653 3888
Fax: +604-653 6484
Emel: hello@usm.my
www.usm.my

ISSN 1675-1221



9 771675 122007